

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TEMPOH PAJAKAN OPERASI KUARI DI RAWANG

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Senaraikan jenis dan jumlah sumbangan industri kuari kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008-2015.
 - b) Senaraikan lokasi dan lot tanah serta tempoh pajakan untuk kuari-kuari di Rawang.
 - c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kawasan kuari yang terletak dalam zon penampian dan menyebabkan pencemaran udara kepada kawasan perumahan berdekatan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sumbangan industri kuari kepada hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2008-2015 adalah berjumlah **RM128,188,665.74** dan butirannya seperti di **Lampiran A**.
- b) Senarai lokasi dan tempoh pajakan untuk kuari-kuari yang berada di Rawang adalah seperti di **Lampiran B**.
- c) Memandangkan Negeri Selangor mempunyai kadar pertumbuhan pembangunan yang tinggi, keperluan dari segi bahan binaan yang terhasil daripada operasi kuari masih relevan dengan keadaan semasa, maka Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menghentikan operasi kuari-kuari yang berada dalam zon penampian. Walau bagaimanapun, bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan kuari tersebut dan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terjamin, Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan memastikan syarat-syarat serta peraturan yang telah ditetapkan oleh agensi-agensinya dipatuhi oleh pihak operator kuari.

Sekiranya pihak pengusaha kuari tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan untuk menghentikan operasi kuari-kuari berkenaan.

LAMPIRAN A**JUMLAH KUTIPAN ROYALTI BAHAN BATUAN (GRANIT)
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2015**

Tahun	Jumlah Kutipan Royalti (RM)
2008	8,333,241.00
2009	2,592,293.62
2010	9,682,129.73
2011	16,784,555.22
2012	18,733,114.44
2013	20,484,081.00
2014	24,661,171.91
2015	26,918,048.82 <i>(Sehingga September)</i>
Jumlah	128,188,665.74

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal, PTGS

LAMPIRAN B**NAMA SYARIKAT, SENARAI LOKASI DAN TEMPOH PAJAKAN
KUARI-KUARI YANG BERADA DI RAWANG, SELANGOR**

BIL.	SYARIKAT	LOKASI	TEMPOH PAJAKAN
1.	Sunway Quarry Industries Sdn. Bhd.	Rawang	<i>TBC</i>
2.	Kuari Permata Sdn. Bhd.	Rawang	<i>Free Hold</i>
3.	Hanson Quarry Products Sdn. Bhd.	Rawang	<i>TBC</i>
4.	Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. (APMC)	Rawang	21 Tahun (26/4/2004 hingga 25/4/2025)
6.	Hanson Quarry (Sg. Buloh)	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (10.06.1993)
7.	Kuang Rocks Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (13.11.1996)
8.	Yu Bee Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (20.10.1993)
9.	Layar Generasi Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (01.01.1997)
10.	Pati Tehcnologies Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (11.02.1993)
11.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong, Rawang	30 Tahun (17.07.2002)

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan pelabur asing di Selangor mengikut jumlah pelaburan (RM).
- b) Sila senaraikan jenis-jenis pelaburan dan sektor apakah yang tertinggi.

JAWAPAN:

- a) Senarai pelabur asing di Selangor mengikut jumlah pelaburan seperti berikut;

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Penglibatan Pelabur Asing Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2015

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)
Japan	18	1,782	1,099,501,406
Sweden	1	30	613,519,399
Singapore	6	728	180,373,327
Norway	1	445	69,893,010
United Arab Emirates (UAE)	1	35	69,256,700
United Kingdom	3	184	68,125,059
British Virgin Island	2	131	44,985,850
Iran	1	61	27,284,000
Korea Rep.	4	102	27,232,730
Taiwan	2	461	21,660,013
China	3	229	19,568,340
Germany	4	43	15,458,800
Mauritius	1	98	15,300,000
Bermuda	1	69	11,489,604
Pakistan	2	124	6,959,497
United States	1	8	5,000,000
Nepal	1	20	2,824,001
India	1	54	1,813,000
Hungary	1	13	690,000
Netherlands	1	0	0
Jumlah	***	***	2,300,934,736

Sumber : MIDA

- b) Merujuk kepada projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MIDA di Selangor bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, industri pembuatan produk **Non-Metallic Mineral Products** mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 732,604,000**. Ini diikuti industri pembuatan produk **Paper, Printing & Publishing** bernilai **RM 617,152,681**. Manakala industri pembuatan produk **Food Manufacturing** mencatatkan nilai pelaburan ketiga tertinggi dengan nilai **RM 468,020,010**

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Non-Metallic Mineral Products	3	316	10,069,499	722,534,501	732,604,000
Paper, Printing & Publishing	2	62	1,038,029	616,114,652	617,152,681
Food Manufacturing	13	698	255,029,462	212,990,548	468,020,010
Basic Metal Products	10	794	400,664,649	0	400,664,649
Transport Equipment	11	790	241,752,744	129,070,688	370,823,432
Fabricated Metal Products	16	754	185,167,719	109,998,830	295,166,549
Machinery & Equipment	24	1,272	212,916,906	72,742,290	285,659,196
Electronics & Electrical Products	10	965	122,432,230	161,570,796	284,003,026
Plastic Products	10	1,028	191,379,949	54,342,175	245,722,124
Chemical & Chemical Products	10	669	51,144,549	93,912,376	145,056,925
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	69	49,690,396	72,669,604	122,360,000
Wood & Wood Products	4	227	47,944,027	17,944,276	65,888,303
Miscellaneous	2	379	26,043,060	28,182,000	54,225,060
Scientific & Measuring Equipment	5	302	35,768,815	0	35,768,815
Beverages & Tobacco	1	71	29,675,162	0	29,675,162
Furniture & Fixtures	3	271	28,309,701	0	28,309,701
Rubber Products	3	185	21,435,061	1,462,000	22,897,061
Textiles & Textiles Product	2	143	8,230,002	7,400,000	15,630,002
Leather & Leather Products					0
Jumlah	130	8,995	1,918,691,960	2,300,934,736	4,219,626,696

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : JAMBATAN KETIGA KLANG

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status pembinaan Jambatan Ketiga Klang?
 - b) Berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar untuk pengambilan tanah?

JAWAPAN:

- a) Status pembinaan kemajuan fizikal:
 - Jadual = 47.97%
 - Sebenar = 47.50%
- b) Jumlah pampasan yang telah dibayar adalah sebanyak RM 41,512,553.91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa banyakkah penerima insentif mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri?
- b) Selain dari Insentif tersebut, adakah terdapat program lain untuk membantu pasangan muda yang baru berkahwin?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan. Seterusnya, penerima insentif mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri adalah seperti berikut :

Jumlah Penerima Insentif Perkahwinan Tahun 2013 – 2015

DUN	Jumlah Penerima Islam	Jumlah Penerima Bukan Islam	Jumlah Keseluruhan
BALAKONG	96	138	234
BANGI	479	62	541
BATANG KALI	73	26	99
BATU CAVES	134	56	190
BATU TIGA	190	51	241
BUKIT ANTARABANGSA	23	5	28
BUKIT GASING	8	22	30
BUKIT LANJAN	19	30	49
BUKIT MELAWATI	105	57	162
CHEMPAKA	79	31	110
DAMANSARA UTAMA	24	93	117
DENGKIL	244	68	312
DUSUN TUA	200	24	224

GOMBAK SETIA	147	24	171
HULU BERNAM	84	28	112
HULU KELANG	89	9	98
IJOK	100	65	165
JERAM	155	21	176
KAJANG	138	158	296
KAMPUNG TUNKU	6	20	26
KINRARA	23	150	173
KOTA ALAM SHAH	15	92	107
KOTA ANGGERIK	42	18	60
KOTA DAMANSARA	68	28	96
KUALA KUBU BAHARU	113	142	255
KUANG	69	15	84
LAIN-LAIN	4702	2007	6709
LEMBAH JAYA	247	51	298
MERU	553	90	643
MORIB	427	222	649
PANDAMARAN	63	482	545
PAYA JARAS	133	41	174
PELABUHAN KLANG	73	58	131
PERMATANG	220	56	276
RAWANG	111	130	241
SABAK	231	19	250
SEKINCHAN	87	125	212
SELAT KLANG	307	94	401
SEMENTA	188	205	393
SEMENYIH	133	68	201
SERI ANDALAS	118	328	446
SERI KEMBANGAN	10	85	95
SERI MUDA	99	92	191
SERI SERDANG	78	56	134
SERI SETIA	67	30	97
SIJANGKANG	229	50	279
SUBANG JAYA	204	121	325
SUNGAI AIR TAWAR	138	11	149
SUNGAI BURONG	301	29	330
SUNGAI PANJANG	508	55	563
SUNGAI PELEK	63	86	149
SUNGAI PINANG	16	238	254
TAMAN MEDAN	191	26	217
TAMAN TEMPLER	120	42	162

TANJONG SEPAT	83	69	152
TELUK DATUK	32	310	342
TERATAI	18	38	56
Jumlah Keseluruhan Penerima :			19220

- b) Selain daripada menyediakan insentif tersebut, Kerajaan Negeri turut mengadakan program-program lain untuk membantu pasangan muda yang baru berkahwin melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu Program Pasca Perkahwinan dan Program Keluarga Sakinah yang merupakan satu program bagi melahirkan keluarga yang bertanggungjawab di dalam institusi keluarga terutamanya kemahiran keibubapaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH IBADAT

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan semua rumah ibadat bukan Islam di kawasan MBPJ mengikut banciaan dan data terkini.
 - b) Butirkan sama ada tanah adalah hak milik sendiri atau tanah kerajaan.
 - c) Butirkan sama ada premis-premis ini mempunyai kelulusan tanah yang sah untuk rumah ibadat.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jadual Data Banciaan Bangunan Keagamaan selain Islam bagi Kawasan Petaling Jaya yang telah dijalankan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 14 April 2010 – 23 April 2010. Data banciaan ini telah dikemukakan kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit perancangan Ekonomi Negeri pada 12 Julai 2010. Senarai nama rumah ibadat bukan Islam berserta lokasi adalah seperti di bawah:

Bil.	Jenis Rumah Ibadat	Bilangan
1.	Kuil	52
2.	Tokong	45
3.	Gereja	36
4.	Gudwara	2
Jumlah		135

- b) Laporan Rumusan Status Tanah (Tidak Sah) Mengikut Jenis Kategori Tanah Bagi Bangunan Keagamaan Selain Islam di Kawasan Petaling Jaya

Bil.	Kategori Jenis Tanah	Jenis Rumah Ibadat			
		Kuil	Tokong	Gereja	Gudwara
1.	Tanah Rizab (TNB)	13	2	1	-
2.	Tanah Rizab (JPS)	8	2	-	1
3.	Tanah Rizab (Jalan)	1	1	-	-
4.	Tanah Rizab (KTM)	3	-	-	-
5.	Tanah Rizab (Jab. Hutan)	5	-	-	-

6.	Tanah Rizab (Kaw. Lapang)	2	-	-	-
7.	Infrastruktur dan Utiliti	2	-	-	-
8.	Perumahan	4	28	7	-
9.	Perniagaan	-	4	10	-
10.	Perindustrian	2	-	6	-
11.	Tanah Pemaju	4	1	-	-
12.	Tanah Individu	2	-	-	-
Jumlah		46	38	24	1

- c) Laporan Rumusan Status Hak Milik Bagi Bangunan Keagamaan Selain Islam di Kawasan Petaling Jaya

Bil.	Jenis Rumah Ibadat	Status Hakmilik	
		SAH	TIDAK SAH
1.	Kuil	6	46
2.	Tokong	6	38
3.	Gereja	13	24
4.	Gudwara	1	1
Jumlah		26	109

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : BAZAR TANI SEMENTARA MUSIM RAYA DI HADAPAN RHB BANK
PEKAN MERU**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bagaimanakah MPK meluluskan syarat lesen sementara atas bahu jalan utama?
 - b) Siapakah pemohon atau MPK mengeluarkan kelulusan beberapa bilangan tapak niaga?
 - c) Bagaimanakah sewaan tapak ditawarkan kepada peniaga?

JAWAPAN:

- a) Setiap permohonan lesen sementara dibahu jalan utama akan dikaji dari segi kesesuaian lokasi keselamatan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa.
- b) Permohonan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan dan jumlah bilangan tapak adalah mengikut kesesuaian lokasi walau bagaimanapun peniaga bazar tani di musim perayaan yang berhadapan RHB Bank, Pekan Meru pihak Majlis tidak mengeluarkan permit kerana lokasi tersebut tidak sesuai.
- c) Setiap pemohon yang berkelayakan akan diluluskan permohonan seperti keputusan yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah dari peruntukan RM30,000 untuk PWB yang telah dibayar kepada DUN untuk tahun ini? Sila nyatakan pecahan mengikut DUN.
 - b) Apakah program-program yang telah dilaksanakan dari peruntukan tersebut?
 - c) Bagaimanakah program-program tersebut dapat memberdaya dan mengubah nasib wanita?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat memandang serius dengan pembangunan akar umbi khususnya kepada golongan wanita dalam Negeri Selangor. Justeru itu, melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB), Kerajaan Negeri telah menyalurkan memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 kepada setiap PWB bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita sepanjang tahun 2015. Peruntukan ini diletakkan di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah bagi tujuan pemantauan dan memudahkan permohonan peruntukan pelaksanaan program-program oleh PWB. Berikut adalah laporan perbelanjaan yang telah dilakukan oleh setiap PWB mengikut Daerah seperti di **Lampiran 1**.

b) dan c)

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sentiasa mengambil berat dan peka dengan program-program yang telah diwujudkan. Kerajaan Negeri juga sering memantau keberhasilan program-program yang dilaksanakan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) semenjak ianya diwujudkan pada bulan April 2015 sehinggalah kini.

Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah berjaya membentuk sebuah organisasi di setiap DUN (56 Penyelia di 56 DUN) dengan diselaraskan oleh satu pasukan Pegawai Penyelaras bersama tiga (3) orang pembantu yang ditugaskan di bawah Pejabat YB EXCO Hal Ehwal Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program pemerkasaan wanita di seluruh Negeri Selangor.

Sejak diwujudkan, Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah merangka dan menjalankan modul pemberdayaan wanita. Modul tersebut dibahagikan kepada dua aspek iaitu:

1. Modul Pemberdayaan induk (berstruktur)

- Kepimpinan wanita
- Kefahaman Gender
- Keselamatan dan Kesihatan Keluarga
- Ekonomi Hawa dan pengurusan kewangan berhema

Sehingga bulan Oktober 2015, Modul Pemberdayaan induk (berstruktur) yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual di bawah:-

TAJUK MODUL	SASARAN	PENCAPAIAN	%
Kepimpinan wanita	56 DUN	55 DUN	98
Kefahaman Gender	56 DUN	8 DUN	14
Keselamatan dan Kesihatan Keluarga	56 DUN	10 DUN	17
Ekonomi Hawa dan pengurusan kewangan berhema	56 DUN	10 DUN	17

2. Modul Pemberdayaan Tidak Berstruktur

Sebagai pemangkin kerancangan ekonomi wanita setempat, program-program tidak berstruktur lebih banyak membantu bagi meningkatkan ekonomi sama ada sebagai punca pendapat utama atau pun sebagai punca pendapatan sampingan. Justeru itu, PWB sentiasa mengadakan program-program berbentuk kemahiran yang boleh menarik minat kaum wanita berpersatuan di samping menambah ilmu dan meningkatkan pendapatan. Antara program-program tidak berstruktur dari pihak Penyelia adalah seperti berikut :-

- Bengkel Kraftangan (kristal, dompet, bakul, kerongsang, gubahan);
- Bengkel Jahitan;
- Bengkel Masakan;
- Kursus Ilmiah (Kelas Bahasa, Kelas Komputer, Fotografi);
- Senam Sihat (Aerobik dan taklimat pemakanan sihat);
- Bengkel penampilan diri;

- Bengkel penghasilan produk (sabun organik, eko enzim dan lain-lain);
- Program Alam Sekitar (*Green Plantation*); dan
- Bengkel kemahiran (lukis inai, refleksologi, spa terapi, cetak t-shirt)

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEPIMPINAN WANITA

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 5hb Sept 2015	Bukit Gasing	Shah Village Hotel, Petaling Jaya	63 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
	Seri Setia			RM 2,500.00
	Damansara Utama	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	42 Org	RM 2,500.00
	Bukit Lanjan			RM 2,500.00
	Seri Serdang	Masjid As-Salam, Puchong Perdana	42 org	RM 2,500.00
AHAD, 6hb Sept 2015	Kota Damansara	Akademi Alif, Seksyen 3, Kota Damansara	26 Org	RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Hulu Kelang	Dewan Orang Ramai, Kelang Gate	30 Org	RM 2,500.00
	Gombak Setia			RM 2,500.00
	Batu Caves	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	35 Org	RM 2,500.00
	Taman Templer			RM 2,500.00
	Hulu Bernam	Dewan Pejabat Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Baru	28 org	RM 2,500.00
	Kuala Kubu Baru			RM 2,500.00
	Batang Kali			RM 2,500.00
	Sabak	Hotel Sri Bernam, Sabak Bernam	50 Org	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sekinchan	Dewan Wisma Masri, Sabak Bernam	52 Org	RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 12hb Sept 2015	Kampung Tunku	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Petaling Jaya	8 Org	RM 2,500.00
	Kinrara			RM 2,500.00
	Sri Kembangan			RM 2,500.00
	Kuang	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	23 org	RM 2,500.00
	Rawang			RM 2,500.00
	Sungai Burong	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Bukit Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Jeram			RM 2,500.00
	Bukit Antarabangsa	Dewan MPAJ, Ampang	40 Org	RM 2,500.00
Lembah Jaya	RM 2,500.00			
AHAD, 13hb Sept 2015	Permatang	Hotel S, Permatang	45 Org	RM 2,500.00
	Ijok			RM 2,500.00
	Sijangkang	Dewan Harmoni, Sijangkang	40 Org	RM 2,500.00
	Tanjong Sepat			RM 2,500.00
	Morib	Bazaar Darul Ehsan, Morib	40 Org	RM 2,500.00
	Telok Datok			RM 2,500.00
	Dengkil	Mawar Training Center, Taman Mawar, Sepang	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Pelek			RM 2,500.00
	Kajang	Hotel Oriental Crystal, Kajang	52 org	RM 2,500.00
	Balakong			RM 2,500.00
Semenyih	RM 2,500.00			

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Batu Tiga	Hotel Carlton, Shah Alam	65 Org	RM 2,500.00
	Seri Muda			RM 2,500.00
	Kota Anggerik			RM 2,500.00
	Cempaka	Dewan Orang Ramai, Taman Maju Jaya, Teratai	35 Org	RM 2,500.00
	Teratai			RM 2,500.00
	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Bangi, Seksyen 8, Bangi	30 org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
	Meru	Gold Course Hotel, Kelang	65 Org	RM 2,500.00
	Sementa			RM 2,500.00
	Sungai Pinang			RM 2,500.00
	Seri Andalas	Hotel Carlton, Shah Alam	24 Org	RM 2,500.00
Kota Alam Shah	RM 2,500.00			
AHAD, 20hb Sept 2015	Selat Kelang	Dewan Perpustakaan Awam Selangor, Sungai Udang	40 Org	RM 2,500.00
	Pandamaran			RM 2,500.00
	Pelabuhan Klang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEFAHAMAN GENDER

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Bukit Gasing	Dewan MBPJ Jln PJS 4/19 Tmn Indah Jaya PJ	50 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
SABTU, 4hb Okt 2015	Sabak	Dewan Pusat Khidmat Masyarakat, Sabak	60 orang	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Sekinchan			RM 2,500.00
AHAD, 11hb Sept 2015	Rawang	Training Center, De Manggis, Kuang	40 Org	RM 2,500.00
	Kuang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KESIHATAN WANITA DAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 17hb Okt 2015	Bukit Lanjan	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	72 orang	RM 2,500.00
	Kota Damansara			RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Damansara Utama			RM 2,500.00
AHAD, 18hb Okt 2015	Permatang	Sun Inn Hotel, Kuala Selangor	27 Org	RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00
SABTU, 24hb Okt 2015	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat Dusun Tua	40 Org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
AHAD, 25hb Okt 2015	Jeram	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Burong			RM 2,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : HAL EHWAL TANAH

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan jumlah permohonan pertukaran hakmilik sementara kepada hakmilik kekal di Kg. Tengah, Kg. Kenangan dan Kg. Kuala Sungai Baru, Batu13 Puchong.
 - b) Nyatakan jumlah permohonan yang telah diluluskan dan belum diluluskan.
 - c) Nyatakan sebab-sebab permohonan tersebut masih belum diluluskan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan pertukaran hakmilik sementara kepada hakmilik kekal di Kg. Tengah, Kg. Kenangan dan Kg Kuala Sungai Baru adalah seperti berikut:

BIL	NAMA KAMPUNG	JUMLAH BILANGAN PERMOHONAN
1	Kampung Tengah A	140
2	Kampung Tengah B	198
3	Kampung Kenangan	99
4	Kampung Kuala Sungai Baru	166

- b) Jumlah permohonan yang telah diluluskan mengikut kampung adalah seperti yang berikut:

BIL	NAMA KAMPUNG	JUMLAH BILANGAN PERMOHONAN	
		LULUS	BELUM LULUS
1	Kampung Tengah A	115	25
2	Kampung Tengah B	44	154
3	Kampung Kenangan	48	51
4	Kampung Kuala Sungai Baru	142	24

- c) Keseluruhan permohonan yang tidak mempunyai masalah telah diproses dan dikeluarkan hakmilik kekal. Walau bagaimanapun, Pejabat Daerah/Tanah Petaling tidak dapat memproses segelintir permohonan bagi tujuan pengeluaran hakmilik kekal kerana terdapat pertindihan lot-lot yang berlaku berdasarkan kelulusan pelan akui (P.A) yang didaftarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (JUPEM) kerana keluasan tanah yang diusahakan oleh pemilik tanah tidak sama dengan keluasan asal pemberimilikan.dan juga keluasan di dalam P.A. Terdapat segelintir pemilik tanah yang telah mengusahakan tanah lebih luas dari kelulusan dan

menganjak ke lot bersebelahan. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah Petaling menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan hakmilik kekal kerana khuatir terdapat pemilik tanah yang memperoleh keluasan lebih kecil dari yang sepatutnya di samping terdapat perbezaan keluasan yang ketara daripada yang asal.

Justeru itu, bagi menangani masalah yang berlaku, pindaan keluasan ke atas Pelan Akui (PA) yang dikeluarkan JUPEM perlu dilakukan agar tidak berlakunya pertindihan lot sebelum hakmilik kekal didaftarkan. Pentadbiran ini akan melakukan siasatan terperinci ke atas tapak-tapak yang terlibat sebelum pembetulan keluasan dan persempadanan dilakukan. Penyelesaian yang dicadangkan juga perlu mendapat persetujuan dan kerjasama dari pemilik-pemilik tanah yang terlibat bagi melancarkan urusan yang dijalankan dan mengelakkan masalah di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : DEMOKRASI DAN URUSTADBIR BAIK

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sila nyatakan tempoh masa Kerajaan Negeri dalam merealisasikan pendemokrasian PBT.
 - b) Nyatakan keberkesanan setiap PBT dari segi jumlah purata masa yang diambil untuk menyelesaikan aduan orang awam mengikut jenis aduan.

JAWAPAN:

- a) Pendemokrasian PBT melalui Pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor masih tertakluk di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang secara jelasnya dinyatakan bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan adalah tidak dibenarkan. Kekangan undang-undang ini tercatat di bawah seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Berdasarkan hal ini, Kerajaan Negeri perlu mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa enakmen pilihanraya kerajaan tempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Oleh yang demikian, bagi menjayakan pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan, pindaan kepada seksyen 15 Akta 171 ini perlu dibuat di peringkat Parlimen. Sekiranya pindaan kepada Seksyen 15 Akta 171 berjaya dilaksanakan, Kerajaan Negeri komited Pilihanraya Kerajaan Tempatan dapat dilaksanakan seperti yang telah dijanjikan sungguhpun ia kelihatan sukar akibat kekangan sedia ada. Namun begitu, cara pemilihan Ahli Majlis boleh dikaji semula supaya rakyat tempatan dapat mengambil bahagian dalam proses pelantikan.

- b) Setiap PBT mempunyai piagam pelanggan masing-masing termasuklah tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan aduan awam yang mempunyai pelbagai jenis aduan. Seperti contoh aduan sampah perlu diambil tindakan dalam tempoh 24 jam.

Selain itu, ada juga aduan yang memerlukan keputusan daripada Mesyuarat Penuh PBT atau Jawatankuasa tertentu sebagai contoh aduan kerosakan jalan di mana ianya memerlukan peruntukan yang besar dan proses pelantikan kontraktor.

Walau bagaimanapun, terdapat juga aduan yang diambil tindakan serta merta tetapi mempunyai tempoh notis yang tertentu sebelum tindakan selanjutnya diambil, contohnya ubahsuai bangunan tanpa izin. Pemantauan terhadap kadar pematuhan tempoh penyelesaian aduan oleh jabatan akan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR SERIUS OLEH SEBUAH KILANG DI
LOT 15217, JALAN UDANG GANTUNG, TELOK GONG, PELABUHAN
KLANG**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kilang Green Rubber & Petroleum Sdn. Bhd. di Lot 15217, Jalan Udang Gantung, Telok Gong, Pelabuhan Klang masih degil dan terus membakar tayar dan mengeluarkan minyak dan cecair kimia yang sangat berbau. Penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut sangat kecewa. Apakah tindakan seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kilang tersebut?

JAWAPAN:

- a) Dimaklumkan bahawa, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ini telah menjalankan siasatan terhadap Green Rubber & Petroluem Sdn. Bhd, di Kg Telok Gong, Klang, Selangor. Premis ini menjalankan aktiviti memproses tayar terpakai secara *Pyrolysis*. Hasil siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh JAS Negeri Selangor ke atas kilang tersebut mendapati terdapat kelemahan pada Alat Kawalan Pencemaran Udara yang tidak beroperasi dengan efisien. Sehubungan dengan itu, JAS telah mengeluarkan surat arahan kepada pihak kilang supaya membuat pembaikan ke atas kelengkapan kawalan pencemaran udara dan mengawal pelepasan habuk *carbon black* yang dihasilkan.

Berdasarkan rekod, JAS telah mengeluarkan 4 kompaun kepada pengilang atas kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978. Pengilang telah mematuhi peraturan-peraturan berkenaan dan tiada kompaun lanjut dikeluarkan.

Lawatan siasatan terkini oleh JAS pada 13 Oktober 2015 mendapati pengilang sedang dalam proses membaiki infrastruktur setelah terlibat dalam kebakaran dan kilang masih belum beroperasi. Kilang ini tidak memerlukan lesen daripada JAS dan mempunyai lesen daripada Majlis Perbandaran Klang.

JAS Negeri Selangor akan terus menjalankan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya bagi memastikan kilang tersebut mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah rizab terkumpul Negeri Selangor sehingga 30 September 2015?
 - b) Berapakah rizab Negeri Selangor terkumpul berakhir 30 Disember tiap-tiap tahun dari tahun 2008 hingga 2014?
 - c) Apakah faktor penyumbang kenaikan rizab ini?

JAWAPAN:

- a) Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 September 2015 adalah berjumlah RM3,575.93 juta berbanding RM3,200.91 juta pada 31 Disember 2014.
- b) Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jumlah Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

TAHUN	KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER (RM JUTA)
2008	1,424.67
2009	1,319.97
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91

c) Peningkatan jumlah rizab/Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut:-

i) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

ii) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

- a) menjejaki pemilik tanah yang berkeñaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
- b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
- c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
- d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

iii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-

- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
- b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman;
- c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
- d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk menambah saluran pembayaran cukai tanah contohnya kaunter bergerak.

iv) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah/Tanah;

- v) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;

- vi) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-
 - 1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
 - 2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
 - 3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
 - 4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah;

- vii) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;

- viii) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;
- ix) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, Pejabat Tanah dan Galian Selangor kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan; dan
- x) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri sedang mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : UNIT INTEGRITI

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan semua agensi Negeri Selangor yang telah menubuhkan unit integriti.
 - b) Nyatakan nombor kakitangan dalam unit integriti di setiap agensi di (a).
 - c) Nyatakan untuk setiap agensi di (a) berapa kes aduan telah dikendalikan sejak penubuhan.

JAWAPAN:

- a) Sejumlah empat puluh (40) Jabatan/Agensi di Negeri Selangor telah menubuhkan Unit Integriti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 : Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam. Namun, daripada jumlah keseluruhan Jabatan/Agensi yang telah menubuhkan Unit Integriti tersebut, terdapat sejumlah dua puluh sembilan (29) Jabatan/Agensi menubuhkan Unit Integriti secara pentadbiran sahaja iaitu dengan mengguna pakai perjawatan sedia ada sehingga pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberikan kelulusan perjawatan mengikut kepada penarafan risiko agensi. Senarai Jabatan/Agensi yang telah menubuhkan Unit Integriti adalah seperti Jadual di bawah:

Bil	Jabatan	Status Penubuhan
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Telah ditubuhkan
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
4.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
5.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
7.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
9.	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran

Bil	Jabatan	Status Penubuhan
10.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
11.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
12.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	Telah ditubuhkan
13.	Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
14.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	Telah ditubuhkan
15.	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	Penubuhan secara pentadbiran
16.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	Penubuhan secara pentadbiran
17.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	Penubuhan secara pentadbiran
18.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
19.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	Penubuhan secara pentadbiran
20.	Pejabat Daerah/Tanah Sepang	Penubuhan secara pentadbiran
21.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
22.	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	Telah ditubuhkan
23.	Majlis Bandar raya Shah Alam	Penubuhan secara pentadbiran
24.	Majlis Bandar raya Petaling Jaya	Penubuhan secara pentadbiran
25.	Majlis Perbandaran Klang	Telah ditubuhkan
26.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Telah ditubuhkan
27.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Telah ditubuhkan
28.	Majlis Perbandaran Selayang	Penubuhan secara pentadbiran
29.	Majlis Perbandaran Kajang	Telah ditubuhkan
30.	Majlis Perbandaran Sepang	Telah ditubuhkan
31.	Majlis Daerah Kuala Langat	Penubuhan secara pentadbiran
32.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
33.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
34.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Telah ditubuhkan
35.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
36.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
37.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
38.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
39.	Lembaga Urus Air Selangor	Penubuhan secara pentadbiran
40.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Telah ditubuhkan

- b) Bilangan pegawai/kakitangan Unit Integriti bagi setiap Jabatan/Agensi di Negeri Selangor adalah seperti Jadual di bawah:

Bil	Jabatan	Bil. Pegawai/Kakitangan
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	11 Orang
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	40 Orang termasuk di setiap Daerah
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	2 Orang
4.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	3 Orang
5.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	3 Orang
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	3 Orang
7.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	3 Orang
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	2 Orang
9.	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	2 Orang
10.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	2 Orang
11.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	5 Orang
12.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	3 Orang
13.	Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor	2 Orang
14.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	1 Orang
15.	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	3 Orang
16.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	2 Orang
17.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	2 Orang
18.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	2 Orang
19.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	2 Orang
20.	Pejabat Daerah/Tanah Sepang	5 Orang
21.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	2 Orang
22.	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	2 Orang
23.	Majlis Bandar raya Shah Alam	7 Orang
24.	Majlis Bandar raya Petaling Jaya	3 Orang
25.	Majlis Perbandaran Klang	7 Orang
26.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2 Orang
27.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	6 Orang
28.	Majlis Perbandaran Selayang	3 Orang
29.	Majlis Perbandaran Kajang	2 Orang
30.	Majlis Perbandaran Sepang	2 Orang
31.	Majlis Daerah Kuala Langat	2 Orang
32.	Majlis Daerah Kuala Selangor	3 Orang
33.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1 Orang

Bil	Jabatan	Bil. Pegawai/Kakitangan
34.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2 Orang
35.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	8 Orang
36.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	6 Orang
37.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	2 Orang
38.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	1 Orang
39.	Lembaga Urus Air Selangor	2 Orang
40.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	5 Orang

- c) Sejumlah dua puluh satu (21) Jabatan/Agensi sahaja yang telah menerima dan mengendalikan kes aduan sejak penubuhan Unit Integriti masing-masing. Aduan yang diterima kebiasaannya terdiri daripada aduan berkenaan salah guna kuasa / rasuah, tuntutan palsu, pecah amanah dan kesalahan pentadbiran. Jabatan/Agensi yang mempunyai kes aduan adalah seperti Jadual di bawah:

Bil	Jabatan	Bil. Kes Aduan
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	71
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	7
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	12
4.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	7
5.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Tiada
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	3
7.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	Tiada
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Tiada
9.	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	3
10.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Tiada
11.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Tiada
12.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	1
13.	Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor	Tiada
14.	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	Tiada
15.	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	Tiada
16.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	Tiada

Bil	Jabatan	Bil. Kes Aduan
17.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	Tiada
18.	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	Tiada
19.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	Tiada
20.	Pejabat Daerah/Tanah Sepang	Tiada
21.	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	Tiada
22.	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	Tiada
23.	Majlis Bandar raya Shah Alam	35
24.	Majlis Bandar raya Petaling Jaya	8
25.	Majlis Perbandaran Klang	4
26.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	8
27.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	20
28.	Majlis Perbandaran Selayang	10
29.	Majlis Perbandaran Kajang	16
30.	Majlis Perbandaran Sepang	5
31.	Majlis Daerah Kuala Langat	7
32.	Majlis Daerah Kuala Selangor	17
33.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Tiada
34.	Majlis Daerah Sabak Bernam	5
35.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	60
36.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Tiada
37.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Tiada
38.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	1
39.	Lembaga Urus Air Selangor	7
40.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KOD ETIKA URUS TADBIR KORPORAT SEMUA GLC UTAMA DI
SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kod ini adalah penting untuk menetapkan keseragaman dalam mengukur kecekapan pengurusan tertinggi serta menjamin ketelusan pentadbiran dalam setiap GLC. Mengapakah ianya masih tidak diwujudkan sehingga sekarang?

JAWAPAN:

MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi merangka satu sistem amalan tadbir urus korporat yang seragam.

Draf struktur asas tadbir urus korporat berkenaan sudah dihantar kepada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan akan dibentangkan kepada mana-mana jawatankuasa dewan sekiranya diminta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila huraikan perkembangan IKS di Negeri Selangor terutamanya selepas pelaksanaan cukai GST?
 - b) Sila nyatakan peranan dan sumbangan utama IKS kepada pembangunan ekonomi Negeri Selangor ?
 - c) Sila nyatakan apakah insentif dan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu pengusaha IKS?

JAWAPAN:

- a) GST adalah Cukai Kepenggunaan yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Cukai tersebut dibayar oleh pengguna apabila berbelanja. GST mula dilaksanakan pada 1 April 2015. Ini bermaksud pelaksanaan GST adalah masih baru dan tempoh 8 bulan tersebut adalah terlalu awal untuk dinilai dari segi perkembangan dan kesannya.
- b) Peranan dan sumbangan utama IKS kepada pembangunan ekonomi Negeri Selangor adalah perusahaan ataupun Industri Kecil dan Sederhana ini menjadi tulang belakang ekonomi negara dan juga negeri. Sehingga kini, PKS ini telah menyumbang sebanyak 31% kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) yang dijangka akan meningkat sehingga 41% menjelang tahun 2020. PKS juga turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi, peluang pekerjaan dan keluaran domestik negeri.
- c) Banyak bantuan dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu pengusaha IKS di antaranya adalah Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor yang telah diperkasakan dan diperluaskan daripada Dana Industri Kampung dengan had bantuan dinaikkan daripada RM10,000.00 per permohonan kepada RM30,000.00 per permohonan, Bantuan Pinjaman Hijrah sehingga RM50,000.00, Bantuan Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk yang dijalankan secara kerjasama bersama SIRIM Berhad dan siri-siri latihan yang melengkapkan pengusaha-pengusaha IKS di Negeri Selangor dari ilmu asas perniagaan sehinggalah kepada pasaran terbuka antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEBAJIKAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bentuk bantuan dan nilai (jumlah) kebajikan yang telah disalurkan kepada rakyat Selangor untuk tempoh 2013-2015 mengikut daerah.

JAWAPAN:

- a) Senarai bantuan dan perbelanjaan yang telah disalurkan kepada rakyat Selangor dalam tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di berikut :
- 1) Lampiran 1 Senarai bantuan dan perbelanjaan bantuan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2013 mengikut daerah
 - 2) Lampiran 2 Senarai bantuan dan perbelanjaan bantuan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014 mengikut daerah
 - 3) Lampiran 3 Senarai bantuan dan perbelanjaan bantuan Kerajaan Negeri Selangor sehingga September 2015 mengikut daerah.

Senarai bantuan dan perbelanjaan bantuan Kerajaan Negeri Selangor bagi
tahun 2013

Perbelanjaan Tahun 2013				
DAERAH	Bantuan Am (RM)	Bantuan Latihan Belia (RM)	Bantuan Bencana (RM)	Jumlah (RM)
Klang	2,388,005.00	23,500.00	86,840.00	2,498,345.00
Gombak	1,355,985.00	14,000.00	0.00	1,369,985.00
Petaling	2,231,595.00	16,100.00	47,680.00	2,295,375.00
Hulu Langat	2,104,350.00	18,000.00	103,050.00	2,225,400.00
Kuala Langat	1,934,680.00	8,500.00	35,990.00	1,979,170.00
Hulu Selangor	2,114,095.00	7,500.00	52,020.00	2,173,615.00
Sepang	1,025,167.00	0.00	14,400.30	1,039,567.30
Kuala Selangor	1,628,515.00	21,100.00	54,410.00	1,704,025.00
Sabak Bernam	1,174,755.00	3,000.00	97,500.00	1,275,255.00
JKM Negeri	0.00	0.00	481,444.35	481,444.35
JUMLAH	15,957,147.00	111,700.00	973,334.65	17,042,181.65

Senarai bantuan dan perbelanjaan bantuan Kerajaan Negeri Selangor bagi
tahun 2014

DAERAH	Perbelanjaan Tahun 2014			
	Bantuan Am (RM)	Bantuan Latihan Belia (RM)	Bantuan Bencana (RM)	Jumlah (RM)
Klang	2,109,220.00	33,800.00	136,200.00	2,279,220.00
Gombak	1,344,000.00	7,250.00	0	1,351,250.00
Petaling	1,860,900.00	26,950.00	108,205.00	1,996,055.00
Hulu Langat	808,000.00	9,400.00	0	817,400.00
Kuala Langat	1,731,000.00	0	27,448.00	1,758,448.00
Hulu Selangor	1,850,000.00	13,400.00	21,670.00	1,885,070.00
Sepang	1,361,175.00	0	80,722.08	1,441,897.08
Kuala Selangor	1,550,025.00	18,000.00	67,670.00	1,635,695.00
Sabak Bernam	1,051,400.00	9,000.00	42,050.00	1,102,450.00
JKM Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	13,665,720.00	117,800.00	483,965.08	14,267,485.08

Lampiran 3

Senarai bantuan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor sehingga
September 2015 mengikut daerah:

Daerah	Bantuan Am (RM)	Bantuan Latihan Belia (RM)	Bantuan Bencana (RM)	Jumlah (RM)
Klang	1,669,400.00	16,250.00	127,888.55	1,813,538.55
Gombak	700,075.00	5,000.00	0	705,075.00
Petaling	1,356,900.00	16,000.00	59,900.00	1,432,800.00
Hulu Langat	470,050.00	0.00	1,000.00	471,050.00
Kuala Langat	1,200,250.00	0.00	35,260.00	1,235,510.00
Hulu Selangor	1,220,240.00	22,500.00	21,760.00	1,264,500.00
Sepang	982,450.00	0.00	4,600.00	987,050.00
Kuala Selangor	770,450.00	25,500.00	7,730.00	803,680.00
Sabak Bernam	594,100.00	10,000.00	29,000.00	633,100.00
JUMLAH	8,963,915.00	95,250.00	287,138.55	9,346,303.55

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Sila kemukakan senarai aktiviti dan perbelanjaan untuk Pusat Wanita Berdaya mengikut DUN dalam tahun 2015.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memantapkan jentera di akar umbi terutama sekali kepada jentera Pusat Wanita Berdaya (PWB) di mana, PWB ini memainkan peranan sebagai penghubung kerajaan dengan masyarakat setempat khususnya golongan wanita dan bertindak sebagai pemangkin terhadap pembangunan wanita setempat.

Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor kali ke 13/2014 yang diadakan pada 2 April 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 14/2014 pada 23 April 2014 telah menimbangakan dan meluluskan syor permohonan peruntukan tambahan yang berjumlah RM2,815,465.74 bagi tahun 2015 dan pecahan peruntukan tersebut adalah meliputi peruntukan sebanyak RM30,000.00 kepada setiap DUN bagi memudahkan pelaksanaan program-program pemerksaan wanita mengikut 12 bidang/fokus yang telah ditetapkan dan aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti yang ditetapkan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

Program-program kelolaan PWB di setiap DUN adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu Program Berstruktur dan Program Tidak Berstruktur. Berikut adalah jumlah program/aktiviti dan perbelanjaan untuk Pusat Wanita Berdaya mengikut DUN dalam tahun 2015 seperti di **Lampiran 1**.

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEPIMPINAN WANITA

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 5hb Sept 2015	Bukit Gasing	Shah Village Hotel, Petaling Jaya	63 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
	Seri Setia			RM 2,500.00
	Damansara Utama	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	42 Org	RM 2,500.00
	Bukit Lanjan			RM 2,500.00
	Seri Serdang	Masjid As-Salam, Puchong Perdana	42 org	RM 2,500.00
AHAD, 6hb Sept 2015	Kota Damansara	Akademi Alif, Seksyen 3, Kota Damansara	26 Org	RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Hulu Kelang	Dewan Orang Ramai, Kelang Gate	30 Org	RM 2,500.00
	Gombak Setia			RM 2,500.00
	Batu Caves	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	35 Org	RM 2,500.00
	Taman Templer			RM 2,500.00
	Hulu Bernam	Dewan Pejabat Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Baru	28 org	RM 2,500.00
	Kuala Kubu Baru			RM 2,500.00
	Batang Kali			RM 2,500.00
	Sabak	Hotel Sri Bernam, Sabak Bernam	50 Org	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sekinchan	Dewan Wisma Masri, Sabak Bernam	52 Org	RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 12hb Sept 2015	Kampung Tunku	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Petaling Jaya	8 Org	RM 2,500.00
	Kinrara			RM 2,500.00
	Sri Kembangan			RM 2,500.00
	Kuang	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	23 org	RM 2,500.00
	Rawang			RM 2,500.00
	Sungai Burong	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Bukit Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Jeram			RM 2,500.00
	Bukit Antarabangsa	Dewan MPAJ, Ampang	40 Org	RM 2,500.00
Lembah Jaya	RM 2,500.00			
AHAD, 13hb Sept 2015	Permatang	Hotel S, Permatang	45 Org	RM 2,500.00
	Ijok			RM 2,500.00
	Sijangkang	Dewan Harmoni, Sijangkang	40 Org	RM 2,500.00
	Tanjong Sepat			RM 2,500.00
	Morib	Bazaar Darul Ehsan, Morib	40 Org	RM 2,500.00
	Telok Datok			RM 2,500.00
	Dengkil	Mawar Training Center, Taman Mawar, Sepang	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Pelek			RM 2,500.00
	Kajang	Hotel Oriental Crystal, Kajang	52 org	RM 2,500.00
	Balakong			RM 2,500.00
Semenyih	RM 2,500.00			

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Batu Tiga	Hotel Carlton, Shah Alam	65 Org	RM 2,500.00
	Seri Muda			RM 2,500.00
	Kota Anggerik			RM 2,500.00
	Cempaka	Dewan Orang Ramai, Taman Maju Jaya, Teratai	35 Org	RM 2,500.00
	Teratai			RM 2,500.00
	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Bangi, Seksyen 8, Bangi	30 org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
	Meru	Gold Course Hotel, Kelang	65 Org	RM 2,500.00
	Sementa			RM 2,500.00
	Sungai Pinang			RM 2,500.00
	Seri Andalas	Hotel Carlton, Shah Alam	24 Org	RM 2,500.00
Kota Alam Shah	RM 2,500.00			
AHAD, 20hb Sept 2015	Selat Kelang	Dewan Perpustakaan Awam Selangor, Sungai Udang	40 Org	RM 2,500.00
	Pandamaran			RM 2,500.00
	Pelabuhan Klang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEFAHAMAN GENDER

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Bukit Gasing	Dewan MBPJ Jln PJS 4/19 Tmn Indah Jaya PJ	50 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
SABTU, 4hb Okt 2015	Sabak	Dewan Pusat Khidmat Masyarakat, Sabak	60 orang	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Sekinchan			RM 2,500.00
AHAD, 11hb Sept 2015	Rawang	Training Center, De Manggis, Kuang	40 Org	RM 2,500.00
	Kuang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KESIHATAN WANITA DAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 17hb Okt 2015	Bukit Lanjan	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	72 orang	RM 2,500.00
	Kota Damansara			RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Damansara Utama			RM 2,500.00
AHAD, 18hb Okt 2015	Permatang	Sun Inn Hotel, Kuala Selangor	27 Org	RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00
SABTU, 24hb Okt 2015	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat Dusun Tua	40 Org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
AHAD, 25hb Okt 2015	Jeram	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Burong			RM 2,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR TAMAN SRI MUDA

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda, bilakah ia boleh dimasuki oleh peniaga?
- b) Nyatakan apakah punca kelewatan pembinaannya?
- c) Berapakah jumlah yang dibayar setiap bulan oleh MBSA kepada tuan tanah bagi sewaan tapak sementara?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah menyempurnakan serahan tapak pembinaan pasar ini kepada kontraktor pada **1 Oktober 2014**. Status terkini di tapak pembinaan adalah pada tahap **0.96%** siap. Tapak pembinaan telah dibersihkan serta pagar keselamatan dan papan tanda nama projek juga telah dinaikkan. Namun masih tiada tanda-tanda kontraktor yang dilantik akan memulakan kerja penanaman cerucuk dalam masa terdekat ini.
- b) Kelewatan berpunca dari keengganan pihak kontraktor memulakan kerja-kerja pembinaan kerana di dalam kawasan tapak pembinaan tersebut dilaporkan terdapat 24 gerai yang masih beroperasi. Menurut pihak kontraktor mereka akan hanya memulakan kerja pembinaan sebaik sahaja peniaga-peniaga dipindahkan ke tapak perpindahan sementara. Sehubungan dengan itu pada **5 Mei 2015**, pihak Majlis telah mengarahkan kontraktor yang sama untuk membina gerai sementara di atas tapak pemindahan untuk menempatkan peniaga-peniaga berkenaan. Pada **9 Julai 2015**, kontraktor berjaya menyiapkan gerai sementara di tapak pemindahan tersebut. Namun sehingga kini pihak **kontraktor gagal** menyambungkan bekalan elektrik dan air ke gerai sementara dengan alasan pihak TNB tidak dapat membekalkan penggunaan tenaga elektrik yang tinggi ke tapak pemindahan ekoran dari kes kebakaran gerai yang berlaku sebelum ini yang berpunca dari litar pintas akibat penyambungan yang dibuat secara haram.

Di atas sebab-sebab kelewatan ini, pihak Majlis tiada pilihan lain selain menamatkan perkhidmatan kontraktor yang dilantik. Pihak Majlis dalam proses menyediakan dokumentasi penamatan kontraktor dan menjangkakan proses penamatan dan pelantikan semula akan mengambil masa selama 3 bulan dan

penyiapan bangunan dalam tempoh 27 bulan. Pihak Majlis menjangkakan peniaga-peniaga boleh berpindah ke bangunan baru pasar ini selewat-lewatnya pada penghujung **April 2018**.

- c) Kadar sewaan yang dikenakan oleh Tetuan AEH Capital Sdn. Bhd. kepada pihak Majlis adalah sebanyak **RM 40,000.00 sebulan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KAJIAN TERHADAP SOP PENGELUARAN GERAN TANAH

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula SOP sedia ada bertujuan mengenalpasti kelemahan proses permohonan tanah pelbagai kategori / pengeluaran geran tanah di semua Pejabat Tanah/Daerah?
- b) Jika ya, bilakah akan dilaksanakan?
- c) Atau, Kerajaan berpuashati dengan SOP sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri telah mengkaji semula *Standard Operating Prosedur* (SOP) sedia ada bagi melancarkan dan menyeragamkan semua urusan tanah di semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).
- b) SOP tersebut telah diedarkan ke semua Pentadbir Tanah Daerah untuk dilaksanakan pada penghujung tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATOK)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM, BUKAN ISLAM

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan butir-butir lengkap seperti alamat, No. Plot dan sebagainya lokasi Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam di kawasan pembangunan perumahan dan komersial baru di Bandar Rimbayu, Tropicana Aman dan Eco Sanctuary, DUN Telok Datok dan DUN Sijangkang.
- b) Siapakah Agensi atau Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus tadbir tapak tanah tersebut di atas?

JAWAPAN:

a)

BANDAR	PERKUBURAN ISLAM	PERKUBURAN BUKAN ISLAM
Bandar Rimbayu	PT 36325 & PT 36328, Mukim Tanjung Dua Belas	PT 36329, Mukim Tanjung Dua Belas
Tropicana Aman	PT 41314, Mukim Tanjung Dua Belas	-
Eco Sanctuary	Pelan Konsep bagi projek pembangunan Eco Sanctuary yang terletak di Mukim Tanjung Dua Belas telah diluluskan Kebenaran Merancang pada 27 Januari 2015. Terdapat tapak perkuburan Islam dan Bukan Islam dalam pelan konsep tersebut untuk pembangunan akan datang.	
DUN Telok Datok	Lot 7503, Kota Seri Langat, Tanjung Dua Belas (Perkuburan Islam Sungai Sedu)	
DUN Sijangkang		

Mengikut semakan pihak kami, tiada lokasi tanah perkuburan Islam dan bukan Islam di kawasan pembangunan perumahan dan komersial baru di kawasan DUN Sijangkang setakat ini.

b) Agensi atau jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus tadbir tapak tanah :

1) Kubur Islam:

Agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus tadbir tapak Tanah Perkuburan Islam adalah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

2) Kubur Bukan Islam:

Bagi tapak perkuburan Bukan Islam, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor Bil. 5/2015 bertarikh 15 Mei 2015 memutuskan semua permohonan pewartaan bagi tanah perkuburan selain Islam ditangguhkan sehingga satu garis panduan dikeluarkan berkaitan penyelenggaraan tanah perkuburan selain Islam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PWB

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah sistem pengurusan terhadap peruntukan PWB?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri mengambil berat perihal pemerksaan wanita yang dilaksanakan di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mempersetujui untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000.00 kepada setiap Pusat Wanita Berdaya (PWB) bagi melaksanakan program-program pembangunan dan latihan kepada wanita-wanita setempat. Peruntukan ini disalurkan melalui Pejabat-Pejabat Daerah mengikut bilangan DUN di daerah masing-masing bagi tujuan memudahkan pemantauan dan penyaluran duit kepada PWB-PWB yang memohon peruntukan.

Para penyelia PWB yang memerlukan peruntukan untuk melaksanakan pembangunan wanita perlu melalui proses permohonan peruntukan seperti berikut :

- (i) Setiap PWB boleh menggunakan diperuntukkan RM30,000.00 setahun bagi melaksanakan aktiviti/program meliputi 10 bidang fokus yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri di peringkat DUN masing-masing.
- (ii) Setiap PWB hendaklah bermesyuarat untuk membincang dan seterusnya menyediakan takwim cadangan aktiviti/program untuk dilaksanakan sepanjang tahun.
- (iii) Bagi setiap program yang hendak dilaksanakan, satu kertas kerja program yang lengkap hendaklah disediakan dan dikemukakan oleh penyelia PWB dan diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum tarikh cadangan pelaksanaan bagi setiap aktiviti/program yang dirancang.
- (iv) Setelah kelulusan diperolehi, sesalinan kertas kerja yang telah diminit luluskan oleh Y.B. Exco tersebut haruslah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Daerah/Tanah yang berkaitan bagi tujuan pemakluman pelaksanaan program di

daerah tersebut dan bagi tujuan pembayaran yang bersesuaian mengikut tatacara kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa.

- (v) Penyelia hendaklah menyediakan dan mengemukakan Laporan Pelaksanaan Aktiviti/Program PWB selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja selepas program diadakan kepada Unit Wanita dan Keluarga, Seksyen Sektor, UPEN Selangor bagi tujuan pemakluman pelaksanaan aktiviti/program kepada pihak Kerajaan Negeri.
- (vi) Laporan tersebut hendaklah disediakan oleh Penyelia PWB DUN dan disahkan oleh Bahagian PLB, Pejabat Daerah/Tanah di daerah masing-masing sebelum dikemukakan ke Seksyen Sektor, UPEN Selangor.
- (vii) Pejabat Daerah/Tanah dikehendaki untuk membuat pembayaran mengikut tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa hanya kepada kertas kerja pelaksanaan program yang diminit dan diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor sahaja.
- (viii) Sekiranya kertas kerja aktiviti/program dan lain-lain dokumen berkaitan diterima tidak lengkap, Pejabat Daerah/Tanah berhak untuk menolak permohonan pembayaran tersebut.
- (ix) Selain daripada itu, Pejabat Daerah/Tanah turut berperanan seperti berikut :-
 - 1/ Memantau operasi dan prestasi penyelia dan PWB bagi pihak Kerajaan Negeri;
 - 2/ Memantau pelaksanaan aktiviti/program oleh PWB DUN di daerah masing-masing;
 - 3/ Memberi ulasan pada Laporan Pelaksanaan Aktiviti/Program bagi tujuan pelaporan pelaksanaan aktiviti/program oleh PWB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : MAKAM SAIYID MASHOR DI KERLING

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Makam Saiyid Mashor di Kerling telah diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jika ya, nyatakan butir-butir.
- b) Status terkini kerja-kerja konservasi dan naik taraf Makam Saiyid Mashor tersebut.
- c) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan Makam Saiyid Mashor sebagai tempat warisan sejarah yang mudah dikunjungi oleh pelancong memandangkan jalan keluar-masuk ke makam tersebut kurang lengkap dan tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan?

JAWAPAN:

- a) Makam Saiyid Mashor di Kerling telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976 pada 11 September 1980 dengan Warta P.U (A) 261.
- b) Makam berada dalam keadaan baik dan dijaga oleh waris-waris Saiyid Mashor.
- c) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor pada setiap tahun memohon peruntukan ke Jabatan Warisan Negara bagi peruntukan konservasi dan membangunkan kawasan berkenaan. Namun permohonan berkenaan masih belum diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
PENGURUSAN SUMBER ALAM**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan utama (*core business*) *Standco* ini?
- b) Gariskan KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014?
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Peranan utama Jawatankuasa Tetap Pengurusan Sumber Alam adalah seperti berikut:-
 - i. Merangka dasar dan polisi berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah dan sumber alam.
 - ii. Menimbang dan memperakukan permohonan-permohonan berkaitan tanah dan sumber alam yang rumit dan memerlukan perbincangan dan pandangan Jabatan serta Agensi Kerajaan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- b) Tiada.
- c) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : MENGATASI SISTEM PENGURUSAN PANGSAPURI YANG MASIH BERMASALAH

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kajian terperinci telah dibuat tentang masalah pengurusan pangsapuri terutama kos rendah?
- b) Bagaimanakah dan bilakah kerajaan akan menggunakan kaedah berkesan melibatkan pimpinan tempatan terutama ADN untuk penyelesaian tuntas?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengenalpasti punca-punca masalah pengurusan pangsapuri terutama kos rendah adalah seperti berikut:
 - i) Pemilik belum bersedia dan tidak banyak medium pendedahan/pendidikan mengenai pengurusan pangsapuri adalah “tanggungjawab bersama semua pemilik” bukan tanggungjawab kerajaan.
 - ii) Kadar kutipan caj penyenggaraan sangat rendah sekitar 20% sehingga 40% di samping kadar vandalisme dan kadar unit rumah disewakan yang tinggi menyebabkan sumber kewangan sentiasa tidak mencukupi untuk menguruskan pangsapuri kos rendah khususnya lif yang berulang kali rosak.
 - iii) Konsep pembangunan pangsapuri yang memberi impak kepada kos perbelanjaan pengurusan yang tinggi seperti berikut:
 - Jumlah densiti sehingga melebihi 800 unit bagi konsep pembangunan pangsapuri kos rendah yang ada lif dan tempat letak kereta bertutup (melibatkan penggunaan elektrik) di Pangsapuri Sri Nilam Ampang.
 - Jumlah densiti yang kurang daripada 200 unit bagi konsep pembangunan pangsapuri kos rendah yang ada lif seperti di Pangsapuri Cengal, Sepang.
- b) Kerajaan Negeri masih dalam kajian untuk menentukan kaedah-kaedah berkesan untuk membantu pangsapuri kos rendah yang mempunyai masalah pengurusan kos rendah. Walau bagaimanapun, kertas cadangan akan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek perintis Skim Memberdayakan Komuniti (K-Squad) bermula tahun 2016. Antara pelan tindakan K-Squad adalah seperti berikut:

- Melantik ejen pengurusan untuk menguruskan pangsapuri kos rendah selama setahun disamping melaksanakan tugas-tugas berikut:
 - ✓ Menyediakan laporan komprehensif mengenai cadangan pelan baikpulih bangunan pangsapuri mengikut keutamaan jenis kerosakan bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang beserta kos yang terlibat dan penetapan kadar caj penyenggaraan yang ideal.
 - ✓ Membuat bancian mengenai tahap kemampuan penduduk untuk membayar kadar caj penyenggaraan yang ideal yang ditetapkan.

Pangsapuri yang dikenalpasti sebagai projek perintis K-Squad bagi tahun 2016 adalah Pangsapuri Desa Mentari, Petaling Jaya dan Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PREMIS MAKANAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kompaun yang dikenakan terhadap premis makanan kotor di Selangor?
- b) Berapakah jumlah premis yang sudah dan belum di gred dari 2013-2015 Mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kompaun yang dikenakan terhadap premis makanan yang didapati kotor adalah maksimum sebanyak RM1000.00.
- b) Jumlah premis yang sudah di gred mengikut tahun 2013, 2014 dan 2015 (sehingga September 2015) adalah masing-masing sebanyak 8461, 8932 dan 7987. Manakala belum di gred masing-masing sebanyak 1516, 1283 dan 2450. Pecahan bilangan premis mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran 1**.

**JUMLAH PREMIS YANG SUDAH DAN BELUM DIGRED
DARI 2013 – 2015 MENGIKUT PBT**

BIL.	PBT	SUDAH GRED			BELUM GRED		
		2013	2014	2015 (SEPT)	2013	2014	2015 (SEPT)
1.	MBSA	1288	1107	738	Tiada		
2.	MBPJ	1061	1121	841	475	415	695
3.	MPSJ	2018	2313	1527	202	106	326
4.	MPKj	553	587	710	Tiada		
5.	MPS	0	0	1116	Tiada		
6.	MPK	658	701	536			
7.	MPAJ	953	1131	751	101	65	472
8.	MPSp	768	800	750	232	200	250
9.	MDKS	119	109	80	406	407	577
10.	MDKL	343	353	268	Tiada		
11.	MDSB	150	160	120	100	90	130
12.	MDHS	550	550	550	Tiada		
JUMLAH		8461	8932	7987	1516	1283	2450

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar baharu Pembangunan Tanah di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar?
- b) Bagaimana dasar Pembangunan Tanah baharu ini dapat membantu rakyat?

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Kerajaan Negeri meneruskan dasar-dasar sedia ada yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah yang menjamin proses terbuka, telus dan peduli rakyat. Ini termasuklah melaksanakan proses tender terbuka ke atas permohonan tanah-tanah kerajaan dan pengenaan bayaran premium nominal kepada pemohon yang telah mengusahakan tanah sebelum tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TANAMAN FERTIGASI

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini berkenaan teknologi tanaman fertigasi?
- b) Senaraikan petani yang dibantu oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tanaman fertigasi di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membangun dan mengesyorkan teknologi tanaman secara fertigasi dengan memberi tumpuan kepada beberapa jenis tanaman iaitu cili, timun dan rock melon. Sehingga kini, terdapat seramai 490 usahawan di Negeri Selangor yang melaksanakan penanaman menggunakan teknologi fertigasi secara komersial dengan keluasan 1,088 hektar.
- b) Bagi tempoh RMKe-10, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membantu seramai 289 orang usahawan tani melaksanakan tanaman fertigasi di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENYALURAN AIR MENTAH DARI PAHANG

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kandungan perjanjian yang telah dipersetujui antara Kerajaan Pahang dan Kerajaan Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri yakin penyaluran air mentah dari Pahang dapat menyelesaikan masalah bekalan air terawat?

JAWAPAN:

- a)
 - 1) Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang Selangor telah dimaterikan pada 22 November 2007 di antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Selangor.
 - 2) Perjanjian tersebut memperuntukkan mengenai terma-terma penjualan dan pembelian air mentah seperti jumlah bekalan air mentah yang disalurkan, harga air mentah, kualiti air mentah dan tempoh pembekalan
- b) Penyaluran air mentah Pahang ke Selangor memanglah merupakan sumber air yang penting tetapi ia bukanlah merupakan penyelesaian sepenuhnya ke atas masalah bekalan air terawat. Bagi memastikan bekalan air yang mencukupi bagi menampung permintaan pengguna, selain dari faktor kecukupan air mentah, adalah penting untuk memastikan urus tadbir industri air dikendalikan dengan mencapai tahap perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan. Dengan pengendalian industri yang efisien dan efektif, penurunan NRW disasarkan mencapai 25% pada tahun 2025. Penurunan kadar NRW itu dapat menyumbang kepada penyimpanan air terawat yang dianggarkan sebanyak 1,000 JLH.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pencerobohan tanah kerajaan yang telah dikenalpasti di Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada penceroboh terbabit?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, jumlah pencerobohan tanah kerajaan yang telah dikenalpasti adalah sebanyak **480 kes**.
- b) Selaras dengan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, mana-mana penceroboh tanah kerajaan jika disabitkan kesalahan akan dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya sekali. Penceroboh juga akan diarahkan untuk mengosongkan tanah kerajaan yang diceroboh mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam notis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH WAKAF

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah wakaf yang didaftarkan di Selangor mengikut daerah?
- b) Senaraikan kegunaan tanah wakaf dan perancangan agar lebih bermanfaat kepada masyarakat Islam di Selangor

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada data tanah wakaf terkini sehingga 31 Januari 2015, sebanyak 813 tanah wakaf berkeluasan 965.1071 ekar yang telah didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Daerah Sabak Bernam merupakan daerah yang paling tinggi jumlah lot tanah wakaf sebanyak 196 lot dengan keluasan sejumlah 280.634 ekar. Diikuti Daerah Klang sebanyak 150 lot dengan keluasan 160.97698 ekar. Manakala Daerah Kuala Selangor pula mencatatkan 123 lot tanah wakaf dengan keluasan 145.8636 ekar dan Daerah Kuala Langat pula sebanyak 119 lot yang berkeluasan 132.0884 ekar.

Daerah Hulu Langat pula adalah sebanyak 71 lot tanah wakaf dengan keluasan 129.0512 ekar dan Daerah Gombak pula sejumlah 62 lot dengan keluasan seluas 28.4091 ekar. Manakala Daerah Sepang, Petaling dan Hulu Selangor mencatatkan jumlah sebanyak 38, 26 dan 24 lot tanah wakaf dengan keluasan 38.8321 ekar, 8.19272 ekar dan 40.4354 ekar. Bagi lain-lain negeri pula sebanyak 4 lot tanah wakaf di mana 3 daripadanya adalah di Negeri Perak dan 1 yang lainnya adalah di Negeri Perlis mencatatkan jumlah keluasan seluas 0.6236 ekar.


Ini menunjukkan walaupun Daerah Hulu Selangor mencatatkan jumlah lot tanah wakaf yang paling rendah di antara daerah-daerah lain di dalam Negeri Selangor namun jumlah keluasan adalah tinggi iaitu seluas 40.4354 ekar. Rujuk Jadual 1.0 untuk perincian maklumat Statistik Tanah Wakaf.

Selain itu, sebanyak 315 lot tanah dicatatkan masih lagi di dalam proses pendaftaran dan pindah milik yang merangkumi tanah seluas 260.23297 ekar dan sebanyak 46 fail tanah wakaf ditutup yang meliputi tanah seluas 42.2976 ekar.

Jadual 1.0 : Statistik Keseluruhan Permohonan Tanah Wakaf Mengikut Daerah Sehingga 31 Januari 2015

DAERAH	TELAH DAFTAR		DALAM PROSES PENDAFTARAN		FAIL YANG DITUTUP & LAIN-LAIN		JUMLAH	
	JUM. LOT/FAIL	JUMLAH EKAR	JUM. LOT/FAIL	JUMLAH EKAR	JUM. LOT/FAIL	JUMLAH EKAR	JUM. LOT/FAIL	JUMLAH EKAR
KLANG	150	160.97698	61	33.1737	2	1.7813	213	192.9121
K. SELANGOR	123	145.8636	38	39.6796	7	5.9566	168	191.4998
S. BERNAM	196	280.634	86	87.8083	4	1.8439	286	367.7897
PETALING	26	8.19272	14	4.7748	9	2.1005	49	15.06802
GOMBAK	62	28.4091	15	3.0364	7	16.2408	84	47.924
K. LANGAT	119	132.0884	37	27.2416	5	2.238	161	161.568
H. SELANGOR	24	40.4354	12	14.6852	2	0.2389	38	55.3595
H. LANGAT	71	129.0512	34	13.97157	4	6.25	109	148.36487
SEPANG	38	38.8321	16	32.7848	6	5.6476	60	77.2645
LUAR NEGERI	4	0.6236	2	3.077	-	-	6	3.7006
JUMLAH	813 (69%)	965.1071 (76%)	315 (27%)	260.23297 (21%)	46 (4%)	42.2976 (3%)	1174 (100%)	1267.63767 (100%)

Rajah 1.0 : Analisa Jumlah Lot Tanah Wakaf Yang Telah Selesai Daftar Mengikut Daerah Sehingga 31 Januari 2015



PELAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF NEGERI SELANGOR

Bil.	Nama Pewakaf	No Lot	No. Hakmilik	Mukim/Tempat	Luas Tanah		Manfaat	Pelan Pembangunan							Potensi / Prospek Pembangunan	
					Keseluruhan	Bahagian Mais		2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018		2019
Daerah Klang																
1	Hajah Rokayah Bt Wamin	LOT 2815	GM 5073	Klang	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Bukit Naga				√					Cadangan Skim Perumahan Teres
2	Sahamin Binti Ma'amon	LOT 5735	GM 6592	Klang	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Sg Kembang & Masjid Sg Pinang						√			Cadangan Skim Perumahan Teres
3	Siti Aishah Binti Haji Abu Bakar	LOT 3023	GM 5583	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Kg Bukit Kapar				√					
4	Alijan @ Hajah Fatimah Binti	LOT 4049	GM 5176	Klang	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Jalan Kebun					√				
5	Wakinah Binti Saman	PT 29719 & PT 29720	HSM 22014 & HSM 22015	Kapar	1.5 ekar	1.5 ekar	Manfaat SRA Pekan Meru							√		
6	Abu Bakar Bin Sairi	LOT 5273	GM 4779	Klang	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Abd Aziz, Perigi Nenas, Pulau Indah						√			
7	Abdul Rahman Bin Ali	LOT 3705	GM 247	Klang	2.8125 ekar	2.8125 ekar	Manfaat Madrasah Al-Faizin, Telok Pulai				√					Cadangan Perumahan Bertingkat Berserta Lot Kedai Pejabat
8	Ahmad Bin Arshad	Lot 4944	GM 6303	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid As Syarif, Meru				√					Cadangan Tapak Futsal Berserta Ruang Perniagaan
9	Abdul Rahman Bin Ali	LOT 3681	GM 248	Klang	2.844 ekar	2.844 ekar	Manfaat Madrasah Al-Faizin, Telok Pulai	√								Projek Pembangunan Kediaman Yang Mengandungi 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74' (1 ½ Tingkat) Dan 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74, (2 Tingkat) Berserta Kemudahan Awam
10	Tanah Wakaf Surau Al- Falah, Telok Pulai	LOT 3734	GM 249	Klang	2.844 ekar	2.844 ekar	Manfaat Madrasah Al-Faizin, Telok Pulai	√								Projek Pembangunan Kediaman Yang Mengandungi 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74' (1 ½ Tingkat) Dan 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74, (2 Tingkat) Berserta Kemudahan Awam
11	Hjh Munjah Binti Anuar	LOT 3687	GM 552	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Meru				√					
12	Hj Ali B Abdullah	LOT 2338	GM 3659	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid As-Syariff Meru, Klang					√				
13	Hj Abdul Ghani Bin Abdul Salam	LOT 2788	GM 3662	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid As-Syariff Meru, Klang						√			
14	Hj Dasim B Hj Mustahar	LOT 2226	GM 3660	Kapar	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid As-Syariff Meru, Klang					√				
15	Madrasah Al-Faizin, Simpang 5	LOT 4496	GM 246	Klang	1.0ekar	1.0 ekar	Manfaat Madrasah Al-Faizin , Simpang 5, Klang						√			
16	Che Onn Bin Ismail	LOT 5535	GM 5443	Klang	3.0 ekar	3.0 ekar	Manfaat Masjid Sg Kembang Pulau Indah						√			
17	Abdul Rahman Bin Haji Arshad	PT 30000	HSM 23947	Klang	2.0 Ekar	2.0 Ekar	Manfaat umum Umat Islam						√			
18	Hj Mohamed Bin Mohamed Amin	Lot 3267	GM 4590	Kapar (Masjid Kiyai Hj Abdullah Omar)	2.22 E	2.22 E	Masjid Batu 4 & Masjid Rantau Panjang				√					Cadangan Perumahan Bertingkat Berserta Ruang Perniagaan
19	Tunku Raudzah Binti Sultan Hissamuddin	PT 17746	GRN 86053	Jalan Kota Raja, Kpg Jawa	2.99 E	2.99 E	Maahad Dini, Alor Setar, Kedah				√					Cadangan Perumahan Bertingkat Berserta Ruang Perniagaan
Daerah Kuala Langat																
1	Mohd Amin @ Yahya B. Hj Omar	LOT 1975	GM 2842	Telok Panglima Garang	4.0 Ekar	4.0 Ekar	Manfaat Masjid Kpg. Sijangkang								√	
Daerah Hulu Langat																
1	Haji Ismail Bin Paduka & Katun Bin Paduka Sinda	LOT 3086	GM 1576	Kajang	4.125 Ekar	4.125 Ekar	Manfaat Masjid Sg Ramal Luar Kajang	√								Projek Pembangunan Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Teres 23' X 75' (3 Tingkat), 15 Unit Rumah Teres 21' X 75' (2 Tingkat) Dan 12 Unit Kedai Pejabat
2	Tanah Wakaf Masjid Jamek Pekan Kajang	LOT 1450	GM 1384	Beranang	5.624 Ekar	5.624 Ekar	Manfaat Masjid Pekan Kajang								√	
3	Tanah Wakaf Masjid Jamek Pekan Kajang	LOT 1099	GM 1046	Kajang	2.5 Ekar	2.5 Ekar	Manfaat Masjid Pekan Kajang	√								Cadangan Pecah Sempadan - Sebuah Stesyen Minyak & Restoran Makanan Segera Berserta Kemudahan PanduLalu
4	Tanah Wakaf Masjid Haji Mat Saman Sg. Ramal Luar	LOT 1631	GM 1000	Kajang	4.0006 Ekar	4.0006 Ekar	Manfaat Masjid Haji Mat Saman Sg. Ramal Luar							√		
5	Tanah Wakaf Masjid Haji Mat Saman Sg. Ramal Luar	LOT 2950	GM 1630	Dengkil	3.843 Ekar	3.843 Ekar	Manfaat Masjid Pekan Kajang				√					Cadangan Skim Perumahan Teres / Perumahan Bertingkat Berserta Kemudahan Awam
6	Tanah Wakaf Masjid Haji Mat Saman Sg. Ramal Luar	LOT 3000	GM 1810	Dengkil	4.3127 Ekar	4.3127 Ekar	Manfaat Masjid Haji Mat Saman Sg. Ramal Luar				√					Cadangan Skim Perumahan Teres / Perumahan Bertingkat Berserta Kemudahan Awam
Daerah Gombak																
1	Sitam Bin Jubah	LOT678	GM 994	Ulu Kelang	3.062 Ekar	3.062 Ekar	Manfaat Masjid Ar-Ridhuan, Hulu Klang				√					Cadangan Skim Perumahan Eksklusif
Jumlah Keseluruhan Lot Tanah Wakaf								4	7	3	4	5	4			
								27								

- b) Di atas ialah maklumat Pelan Pembangunan Hartanah PWS 2012 sehingga 2019. PWS kini bertanggungjawab ke atas pembangunan 3lot tanah wakaf seperti di dalam LAMPIRAN 2. Berkuatkuasa 1 Januari 2015, PWS telah menubuhkan satu anak syarikat iaitu Urus Maju Ehsan (M) Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab penuh sebagai pemaju hartanah wakaf dan telah menguruskan hartanah wakaf bagi fasa 2 dan seterusnya. Sila rujuk LAMPIRAN 3 bagi maklumat penuh senarai projek fasa 2 di bawah pengurusan Urus Maju Ehsan (M) Sdn. Bhd.

**LAMPIRAN 3 - SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF YANG DIURUSKAN OLEH
ANAK SYARIKAT (URUS MAJU EHSAN (M) SDN. BHD.**

Bil	Lot Tanah	Luas Tanah	Perunding Arkitek	Perunding Perancang Bandar	Projek Pembangunan
1	Lot 3705, GM 247, Batu 8, Jalan Kebun, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	2.8213 Ekar	Arkitek Kashaf	Ari Planning	Cadangan pembangunan 11 tingkat yang megandungi 162 unit rumah pangsa (850kp, 950kp & 1050kp) dan 5 unit rumah kedai (23' x 35') berserta kemudahan awam iaitu surau, tadika, dewan, pusat komuniti / perpustakaan, taman permainan, kolam renang dan lain-lain kemudahan
2	Lot 4944, EMR 6695, Jalan Teratai, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	3.00 Ekar	Arkitek Fuad	Ari Planning	Cadangan pembangunan kawasan komersil yang megandungi 16 unit kedai 2 tingkat (22' x 59' - Intermediate unit) (33' x 59' - corner lot) dan 16 unit kedai satu setengah tingkat (22' x 59' - Intermediate unit) (33' x 59' - corner lot)
3	Lot 17746, GRN 44324, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	2.99 Ekar	Arkitek Johari	RK Urban Planners	Cadangan pembangunan yang megandungi 2 blok pangsapuri (160 unit), kemudahan awam iaitu kedai, dewan komuniti, tadika, padang permainan dan lain-lain kemudahan berserta pusat perniagaan (10 lot unit kedai 2 & 3 tingkat Boulevard)

4	Lot 2338, GM 3659, Jalan Limau, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	3.0 Ekar	Arkitek Ilham Karya	-	Cadangan Pembangunan 37 unit rumah teres yang mengandungi 17 unit rumah teres 2 tingkat 20' x 84' dan 20 unit rumah teres 1 tingkat 20' x 80'
5	Lot 2788, Jalan Limau, Batu 7, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	3.0 Ekar	Hairul Anuar Arkitek	-	Cadangan Pembangunan 37 unit rumah teres yang mengandungi 11 unit rumah teres 2 tingkat 22' x 97' dan 26 unit rumah teres 2 tingkat 20' x 97'
6	Lot 2226, GM 78, Jalan Kasban, Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	3.0 Ekar	Am Plan Work Arkitek	-	Cadangan Pembangunan 42 unit rumah teres yang mengandungi 12 unit rumah teres 2 tingkat 20' x 77' dan 20 unit rumah teres 2 tingkat 20' x 58'

LAMPIRAN 2 - SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF YANG DIURUSKAN OLEH PERBADANAN WAKAF SELANGOR

Bil	Lot Tanah	Luas Tanah	Pemaju	Projek Pembangunan	Pulangan PWS	Nilai Tanah JPPH	Jangkaan Siap	Status Terkini
1	Lot 3681, GM 248, Batu 8, Jalan Kebun, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	2.844 ekar	Nada Sepakat Corporation (M) Sdn. Bhd.	Projek Pembangunan Kediaman Yang Mengandungi 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74' (1 ½ Tingkat) Dan 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74, (2 Tingkat) Berserta Kemudahan Awam	Pulangan Dalam Bentuk Tunai : RM3,064,000	RM690,480.00 (RM60.00 / mp)	Jul-17	Sedang menunggu kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan di MBSA
2	Lot 3734, GM 249, Batu 8, Jalan Kebun, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	2.844 ekar	Nada Sepakat Corporation (M) Sdn. Bhd.	Projek Pembangunan Kediaman Yang Mengandungi 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74' (1 ½ Tingkat) Dan 14 Unit Rumah Berkembar 35' X 74, (2 Tingkat) Berserta Kemudahan Awam	Pulangan Dalam Bentuk Tunai : RM3,064,000	RM690,480.00 (RM60.00 / mp)	Jul-17	Sedang menunggu kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan di MBSA
3	Lot 3086, GM 1576, Ayer Hitam, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	4.125 Ekar	UDA Holdings Berhad	Projek Pembangunan Yang Mengandungi 21 Unit Rumah Teres (21' x 75' & 23' x 80'), 12 unit Kedai Pejabat 3 & 4 tingkat Tingkat (22' x 70') Frontage" (20' x 70')	Pulangan Dalam Bentuk Aset : 6 unit kedai pejabat 3 tingkat (22' x 70') berjumlah RM8,008,000.00	RM3,340,000 (RM200.00 / mp)		Menunggu final MOU dimeterai

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENGASINGAN PRODUK HALAL DAN TIDAK HALAL

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri memastikan premis perniagaan mengasingkan produk halal dan tidak halal?
- b) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri kepada peniaga yang ingkar?

JAWAPAN:

- a) Banyak usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT dalam isu pengasingan produk-produk halal dan tidak halal berikutan perkara ini amat sensitif khususnya masyarakat beragama Islam dalam menjaga kandungan makanan dan kebersihan makanan tersebut. Bukan sahaja bahan kandungan makanan tersebut bahkan cara penyimpanan produk-produk tersebut juga dititik beratkan dan perlu diberi perhatian supaya ia tidak mengelirukan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha menjaga pengguna khususnya yang beragama Islam dengan mengasingkan produk-produk halal dan tidak halal. Antara usaha yang telah diambil oleh PBT adalah seperti di bawah:-
 - i. Mengenakan syarat dalam lesen premis perniagaan contohnya UUK 27(3)(c), UUK Establisymen Makanan 2007 memperuntukkan pengasingan penyimpanan produk halal dan tidak halal;
 - ii. Mengenakan syarat sebagai syarat lulus permohonan lesen;
 - iii. Mengarahkan peniaga menyediakan ruang berasingan untuk produk halal dan tidak halal contohnya *chiller*, rak atau bilik contohnya pada ketika ini pengasingan perniagaan *non-halal* di pasar basah dilakukan dalam ruang niaga berasingan (tertutup) manakala perniagaan makanan (tidak melibatkan daging khinzir) di Medan Selera tidak diasingkan;
 - iv. Mengarahkan peniaga meletakkan papan notis peringatan untuk produk tidak halal; dan
 - v. Menyediakan kaunter khas serta pekerja sesuai bagi produk tidak halal.
- b) Tindakan kepada peniaga yang ingkar:
 - i. Pengeluaran notis pematuhan syarat kepada peniaga;
 - ii. Pemantauan premis oleh penguatkuasa secara berkala;

- iii. Pembatalan lesen akan dikenakan sekiranya ingkar semula;
- iv. Kompaun dan Sitaan akan dilaksanakan; dan
- v. Permohonan lesen tidak akan disokong dan akan dibatalkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BAIKPULIH LONGKANG DAN PARIT

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri membelanjakan sepenuhnya peruntukan untuk baikpulih longkang dan parit di Selangor pada tahun 2015?
- b) Senaraikan kerja baikpulih yang telah dilaksanakan mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Daripada keseluruhan peruntukan mengurus bagi tujuan baikpulih longkang dan parit adalah sebanyak RM 23,789,069.84, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mencatatkan perbelanjaan peruntukan sebanyak RM 9,740,716.50 di bawah peruntukan mengurus Kerajaan Negeri untuk baikpulih longkang dan parit di Selangor pada tahun 2015.

Manakala, baki dari keseluruhan peruntukan tersebut adalah merupakan tanggungan bagi bayaran kerja yang dilaksanakan pada tahun 2015 dan dijangka keseluruhan peruntukan untuk tujuan baikpulih longkang dan parit di Selangor ini dapat dibelanjakan sepenuhnya.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (UPEN)

- b) Senarai kerja baikpulih yang telah dilaksanakan mengikut PBT

PBT	Senarai kerja baikpulih longkang dan parit
MBSA	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Mengganti Pembetung Baru Di Tepi Lebuh Keluli (Persimpangan Lorong Keluli 1B), Seksyen 7, Shah Alam
	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 17/3 Hingga Jalan 17/10 Serta Jalan 18/3 Hingga Jalan 18/18, Kawasan Preumahan Seksyen 17 Dan Seksyen 18, Shah Alam
	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Sebahagian Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 25/2, 25/3, 25/5, 25/6, 25/25, 25/24, 25/22, 25/22A, 25/22B Di Kawasan Perumahan Seksyen 25, Shah Alam
	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Tepi Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Persiaran Klang (Bulatan Metube hingga Persiaran Sepang), Seksyen 27, Shah Alam
	Cadangan Membaiki Longkang Di Kawasan Perindustrian Mah Sing Di Jalan U5/8 Hingga Jalan U5/29, Seksyen U5, Shah Alam
	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja-Kerja berkaitan di Jalan Subang Perdana, SEksyen U3, Shah Alam
	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Longkang Serta Kerja_kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan 3/1 Hingga 3/10, Bandar Baru Sg. Buloh (Fasa III), Seksyen U19, Shah Alam.
	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih 'Retaining Wall' yang rosak di tebing longkang 'monsun' di Jalan Tebing 8/8, Seksyen 8, Shah Alam.
	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Taman Mutiara Subang, Seksyen U5, Shah Alam.
	MBPJ
SEK 11,12,13,14,16,17,51,51A	
SEK 1A,2,3,4,6,7,8,9,18,52	
PJU 4,5,6,6A,7,8,9,10	
SS4,8,9,10,21,22,22A,25, dan PJU 1	
SS 1,2,3,9A,7,11	
PJS 1,2,3,4,5,6,7,8,10	
SS 5,6,23,24,26, PJU 1A,2,3	
MPK	Lampiran 1
MPAJ	Lampiran 2
MPSJ	<ul style="list-style-type: none"> i. Longkang (konkrit dan tanah liat) ii. Tembok longkang (bata dan batu tunam) iii. Sump (Lurang) iv. Penutup Longkang Konkrit dan besi v. Pagar penghadang longkang vi. Culvert (Pembentung)

MPS	Cadangan kerja-kerja menaiktaraf longkang sedia ada di Lorong Siantan, kg. Gombak Indah, Bt. Caves, Selangor
MPKj	Lampiran 3
MPSp	Kerja Menaiktaraf Longkang Sedia Ada Kepada Longkang U-Shape Di Jalan Masuk Utama, Taman Putra Height, Sungai Merab, Mukim Dengkil, Daerah Sepang Untuk Majlis Perbandaran Sepang
	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Sedia Ada Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Jalan Pc 3/3, Taman Pinggiran Cyber, Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang
	Membina Longkang U-Shape Di Taman Sri Sungai Pelek, Sungai Pelek Untuk Majlis Perbandaran Sepang
	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Sedia Ada Kepada Longkang U-Shape Saiz 1500mm X 1500mm Di Jalan Meranti Permai, Kawasan Perindustrian Meranti Jaya, Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang
	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Sedia Ada Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Jalan PP 13/11 Dan 13/1, La Cottage, Taman Putra Perdana, Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang
	Kerja Membina Longkang U-Shape Di Lorong 3, Kampong Bharu Sungai Pelek Untuk Majlis Perbandaran Sepang
MDKL	Kerja-Kerja Segera Membaikpulih Dinding Longkang Runtuh Bersebelahan Rumah No.24, Jalan Tilapia 5, Taman Seri Putra, Banting, Kuala Langat.
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI2 - Bil 1/15)
	Kerja-Kerja Memasang Box Culvert di Jalan Pahlawan 9, Tmn Pahlawan, Telok Panglima Garang, Kuala Langat.
	Kerja-Kerja Memasang Perangkap Sampah Di Longkang Outlet Taman-Taman Perumahan Sekitar Kawasan MDKL
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI3 - Bil 1/15)
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI1 - Bil 1/15).
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI2 - Bil 2/15)
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI1 - Bil 2/15).
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI1 - Bil 3/15).
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langat.
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di

	Sekitar Kawasan MDKL (PJI3 - Bil 2/15)
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI2 - Bil 3/15)
	Kerja-Kerja Segera Penyelenggaraan Longkang & Kerja Berkaitan Di Sekitar Kawasan MDKL (PJI1 - Bil 4/15).
MDHS	Lampiran 4
MDKS	Kerja-kerja membaiki sistem saliran di sekitar Pekan Sungai Buloh, Jeram, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki sistem saliran dan menurap semula jalan di Jalan Sasaran, Pekan Sg. Buloh, Jeram, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Merdeka, Kg. Baru, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja menurap semula jalan di Jalan Melati 3/1, Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran di Jalan Elminia, Saujana Utama Fasa 1 dan Jalan Kenanga, Saujana Utama Fasa 2, Saujana Utama, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan 1,3,5 dan 7, Taman Suria Indah, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Taman Bayu, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara longkang monsoon serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Sg. Kajang berhadapan Taman Seri Tanjung, Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran belakang rumah serta kerja-kerja berkaitan di keseluruhan Taman Seri Setia, Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan PB 1/1 dan Jalan K/P 1, Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta membaiki dan menurap semula jalan di Jalan Cakera Purnama 12/1 dan 12/2 Fasa 3, Bandar Puncak Alam, Jeram, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan serta menyelenggara saliran di Jalan Taman Alam, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.
	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan serta menyelenggara saliran di Jalan Bendahara 1, Daerah Kuala Selangor.
Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Desa Mawar 1, Jalan Desa Mawar 2, Jalan Desa Mawar 2/3,	

	Jalan Desa Mawar 3, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
	Kerja-kerja membaiki dan selenggara saliran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Klinik Taman Malawati, Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor
	Kerja-kerja membaiki sistem saliran dan selenggara jambatan motosikal serta kerja-kerja berkaitan di Pekan Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor.
MDSB	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan jalan Dataran Tanah Lesen, Parit Baru Sg. Air Tawar
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan lorong belakand, lorong B, C, JLn Serindit, JLn Rajawali, Jln Merbok dan Jln Cenderawasuh Tmn Berjaya Sabak Bernam
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan Jln Feri 1, Jln Feri 3,4,5 (Jln Belakang), Jln 1,2 dan 6 Tmn Bernam Jaya Sabak Bernam.
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang Jln Bunga Tulip dan Lrg Belakang Jln Serendah 1,2,3,4,5 dan 6 Tmn Serendah Sabak Bernam
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan Lrg belakang Jln Mawar, Lrg Mawar 1, 2, dan Jln Melor Tmn Pertama Sabak Bernam
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang di lrg Aman 1,Lrg belakang 2,5 dan 6 Tmn Aman dan Jln Damai 1,2,3,4 dan 5 Tmn Damai Sabak Bernam
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Tmn Kenangan dan Tmn Feri Sabak Bernam
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Tmn Perpaduan dan Tmn Raya Sabak Bernam
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Tmn Sabak Sabak Bernam
	Cadangan menurap jalan dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Jln Permai, Jln Permai Utama, Jln Permai 1,2,3,4,5,6,7,8,9 Tmn Padu Permai Fasa 1 Sungai Besar.
	Cadangan menurap jalan dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Lrg Patin, Jelawat, Tengas, Seluang, Toman, Kaloi, Kelah, Belida, Kelisa, Siakap Tmn Setia Jaya Sungai Besar
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Jln 2, 2A,4,5 Tmn Seri Sungai Besar
	Cadangan menurap jalan dan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Jln Keriang, Jln Sena, Jln Meranti, Tmn Raya, Jln Raya 3 dan 5 Tmn Raya 3, Jln Raya2/1 Tmn Raya 2 dan Jln Desa Indah 1,2,3 dan 4 Tmn Desa Indah Sungai Besar
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Taman

	Padu Permai Fasa 2 Jlan pp 1/1, ½, 1/3, ¼, 1/5, 1/6, 1/7, longkang pp2/1, 2/2, 2/3, 2/4, 2/5 Sungai Besar
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Jln Aman 11 serta kerja berkaitan di Taman Aman Sekinchan
	Cadangan membaikpulih longkang serta kerja berkaitan di Jln Aman 1 dan Jln Aman 7 serta kerja berkaitan di Taman Aman Sekinchan
	Cadangan menurap semula Jln Ria Jaya 3, membaikpulih longkang Jln Ria Jaya 1 dan Ria Jaya 2 serta kerja-kerja berkaitan di Tmn Ria Jaya Sekinchan
	Cadangan membaikpulih longkang di Jln Ria 2, Jln Ria 3 (4B) serta kerja-kerja berkaitan di Tmn Ria Sekinchan
	Cadangan membaikpulih longkang di Jln Anggerik serta kerja-kerja berkaitan di Tmn Sekinchan Jaya, Sekinchan
	Cadangan membaikpulih longkang dan menurap semula jalan Orkid 1 serta kerja-kerja berkaitan di Tmn Sekinchan Jaya Sekinchan.
	Cadangan menurap semula jalan membaikpulih longkang di Jln Aman Utama, Tmn Aman Utama Sekinchan
	Cadangan menurap semula dan membaikpulih longkang di Jln belakang Jln Melati, Jln Cempaka, Jln Okid, Jln Mawar 1 dan 2 serta kerja-kerja berkaitan di Tmn Sekinchan Jaya Sekinchan

RINGKASAN BAJET PENYELENGGARAAN PARIT TANAH BAGI TAHUN 2015

BIL	KAWASAN	AMAUN (RM)
1	UTARA	240,440.00
2	SELATAN	255,800.00
JUMLAH		496,240.00

Lampiran 2

SENARAI KERJA-KERJA LONGKANG BAGI BULAN JANUARI 2014

BIL	MAKLUMAT KERJA	NO. FAIL	NO. INDEN	MAKLUMAT SYARIKAT	TEMPOH KERJA	AMAUN		DUN	CATATAN
						BAYAR	BELUM		
1	Kerja-Kerja Segera Membina Dan Membaiki Longkang Di Lorong Ikan Emas 9, Kampung Ampang Campuran, Ampang, Selangor	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/204/13	AJ/KEJ/PI/L 000001/14	MOHAFIZ ENTERPRISE	02/01/2014 hingga 15/01/2014	17,263.00		LJ	selesai.hantar kewangan pada 21/1/14
2	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Tembok Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Enggang, Jalan Enggang Timur 9, Keramat, Jalan Memanda 1, Ampang Point Dan Pekan Ampang	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/206/13	AJ/KEJ/PI/L 000002/14	AFDAL SINAR	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,400.00		BA	selesai.hantar kewangan pada 21/1/14
3	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Tembok Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Teberau 1 Ukay Height, Jalan 5 Ampang Jaya, Jalan Pinang Kg Melayu Ampang, Jalan Bukit Antarabangsa Taman Bukit Mewah Dan Taman Hillview	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/196/13	AJ/KEJ/PI/L 000003/14	FARFIQ ENTERPRISE	02/01/2014 hingga 15/01/2014	10,439.00		BA	selesai.hantar kewangan pada 21/1/14
4	Kerja-Kerja Segera Membaiki Tembok Dan Longkang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Bunga Tanjung 9C, Taman Putra, Ampang	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/185/13	AJ/KEJ/PI/L 000004/14	SYARIKAT BADAR KARIMEN	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,650.00		T	selesai.hantar kewangan pada 7/2/14
5	Kerja-Kerja Segera Membaiki Tembok Dan Longkang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Bunga Tanjung 12A, Taman Seraya, Ampang	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/205/13	AJ/KEJ/PI/L 000005/14	NAN TRADING	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,850.00		T	selesai.hantar kewangan pada 6/2/14
6	Kerja-Kerja Segera Membaiki Tembok Dan Longkang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Bunga Cempaka 11, Jalan Bunga Melur 4, Jalan Bunga Tanjung 14, Jalan Melur 11 Dan Jalan 7, Taman Putra Ampang	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/209/13	AJ/KEJ/PI/L 000006/14	DORRATI ENTERPRISE	02/01/2014 hingga 15/01/2014	18,100.00		T	selesai.hantar kewangan pada 6/2/14

7	Kerja-Kerja Segera Membaiki Longkang Dan Tembok Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Pandan Ilmu, Jalan Pandan Mewah 6/5 Dan Jalan Bunga Matahari 1, Pandan Indah, Jalan Maju 1/1, Lembah Maju, Jalan Mewah 3/2, Pandan Mewah, Jalan Cempaka 8, Taman Cempaka Dan Jalan E, Kg. Pandan Serta Kawasan Berhampirannya, Ampang Selangor	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/212/13	AJ/KEJ/PI/L 000007/14	DCORE ENTERPRISE	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,900.00		C	selesai.hantar kewangan pada 29/1/14
8	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Tembok Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan I1, H1, P4 Taman Melawati Dan Jalan Permata 20 Dan 10 Taman Permata	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/213/13	AJ/KEJ/PI/L 000008/14	PROZAS INDUSTRI (M) SDN BHD	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,850.00		HK	selesai.hantar kewangan pada 11/2/14
9	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Tembok Serta Kerja Berkaitan Di Blok M Flat AU2, Blok 10 Dan 11 Flat AU3/1 Dan Jalan AU4/17B Taman Keramat	MPAJ.KEJ.PI.720-2/1/214/13	AJ/KEJ/PI/L 000009/14	TENAGA RAMADHAN	02/01/2014 hingga 15/01/2014	19,850.00		HK	selesai.hantar kewangan pada 11/2/14
JUMLAH KESELURUHAN						164,302.00			

**JUMLAH
KESELURUHAN = 164,302.00**

SENARAI KERJA-KERJA LONGKANG BAHAGIAN PROJEK BAGI BULAN JANUARI 2014

BIL	MAKLUMAT KERJA	NO. FAIL	NO. INDEN	MAKLUMAT SYARIKAT	TEMPOH KERJA	AMAUN		DUN	CATATAN
						BAYAR	BELUM		
1	Kerja-Kerja Membina Longkang Di Jalan Melati 8, Taman Seraya Ampang Selangor	MPAJ.KEJ.PP.720-5/1/2/13	AJ/KEJ/PP/J/00119/13	BBY BUDI ENTERPRISE	27/01/2014 hingga 10/02/2014	19,800.00		T	selesai.hantar kewangan pada 12/3/14. bahagian PROJEK
JUMLAH KESELURUHAN						19,800.00	0.00		

JUMLAH KESELURUHAN = 19,800.00

SENARAI KERJA-KERJA LONGKANG BAGI BULAN FEBRUARI 2014

BIL	MAKLUMAT KERJA	NO. FAIL	NO. INDEN	MAKLUMAT SYARIKAT	TEMPOH KERJA	AMAUN		DUN	CATATAN
						BAYAR	BELUM		
SENARAI KERJA MENGGUNAKAN PERUNTUKAN LONGKANG (28209) BAGI TAHUN 2014

BIL	PERKARA	BIL. KERJA	RM	SELESAI	RM	BELUM SELESAI	RM
JANUARI							
1	LONGKANG	9	164,302.00	9	164,302.00	0	0.00
2	PROJEK	1	19,800.00	1	19,800.00	0	0.00
JUMLAH		10	184,102.00	10	184,102.00	0	0.00
FEBRUARI							
1	LONGKANG	20	380,600.00	20	380,600.00	0	0.00
2	PROJEK	1	93,910.00	1	93,910.00	0	0.00
JUMLAH		21	474,510.00	21	474,510.00	0	0.00
MAC							
1	LONGKANG	8	156,550.00	8	156,550.00	0	0.00
JUMLAH		8	156,550.00	8	156,550.00	0	0.00
APRIL							
1	LONGKANG	22	427,350.00	22	427,350.00	0	0.00
JUMLAH		22	427,350.00	22	427,350.00	0	0.00
MEI							
1	LONGKANG	11	212,378.60	11	212,378.60	0	0.00
2	PROJEK	1	49,785.00	1	49,785.00	0	0.00
JUMLAH		12	262,163.60	12	262,163.60	0	0.00

JUN							
1	LONGKANG	13	248,150.00	13	248,150.00	0	0.00
JUMLAH		13	248,150.00	13	248,150.00	0	0.00
JULAI							
1	LONGKANG	11	214,628.60	11	214,628.60	0	0.00
2	R&D	2	19,410.30	2	19,410.30	0	0.00
3	PROJEK	2	299,135.00	2	299,135.00	0	0.00
JUMLAH		15	533,173.90	15	533,173.90	0	0.00
OGOS							
1	LONGKANG	7	134,900.00	7	134,900.00	0	0.00
2	R&D	2	23,435.15	2	23,435.15	0	0.00
JUMLAH		9	158,335.15	9	158,335.15	0	0.00
SEPTEMBER							
1	LONGKANG	5	96,700.00	5	96,700.00	0	0.00
2	PROJEK	1	10,080.00	1	10,080.00	0	0.00
3	R&D	2	22,250.00	2	22,250.00	0	0.00
JUMLAH		8	129,030.00	8	129,030.00	0	0.00
OKTOBER							
1	LONGKANG	11	214,107.75	11	214,107.75	0	0.00
2	PROJEK	1	12,000.00	1	12,000.00	0	0.00
3	R&D	2	23,568.45	2	23,568.45	0	0.00
JUMLAH		14	249,676.20	14	249,676.20	0	0.00

NOVEMBER

1	LONGKANG	41	819,764.00	41	819,764.00	0	0.00
JUMLAH		41	819,764.00	41	819,764.00	0	0.00

DISEMBER

1	LONGKANG	2	37,490.00	2	37,490.00	0	0.00
JUMLAH		2	37,490.00	2	37,490.00	0	0.00

JUMLAH KESELURUHAN		175	3,680,294.85	175	3,680,294.85	0	0.00
---------------------------	--	------------	---------------------	------------	---------------------	----------	-------------

LAPORAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN VOTE 28209 (LONGKANG)

SEHINGGA 05.09.2014

BULAN	BILANGAN INDEN	JUMLAH
JANUARI	10	184,102.00
FEBRUARI	21	474,510.00
MAC	8	156,550.00
APRIL	22	427,350.00
MEI	12	262,163.60
JUN	13	248,150.00
JULAI	15	533,173.90
OGOS	9	158,335.15
SEPTEMBER	8	129,030.00
OKTOBER	14	249,676.20
NOVEMBER	41	819,764.00
DISEMBER	2	37,490.00
JUMLAH	175	3,680,294.85

JUMLAH		
PERUNTUKAN 2014	=	2,550,000.00
TAMBAHAN PERUNTUKAN		
28201 (JALAN)	=	250,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN		
SEMASA	=	<u>2,800,000.00</u>

LAMPIRAN 3

MUKIM	PERKARA
BANGI	<ol style="list-style-type: none">1. Kerja-kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Seksyen 2/14 Dan Seksyen 2/5, Taman Kajang Utama, Kajang Dan Kawasan Sekitar Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya2. Kerja-kerja Membina Dinding Tembok Batu Di Kompleks Sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.3. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 5/12A, Taman West Country, Bandar Baru Bangi, Dan Kawasan Sekitar Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya4. Kerja-Kerja Membaiki Longkang & Dinding Batu Tunam Yang Runtuh Di Jalan Aman 3, Kampung Aman, Pekan Bangi Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya5. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Batu Tunam Yang Runtuh Di Jalan 6C/2, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Yang Berkaitan6. Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Dan Batu Bata Di Jalan 5 Dan Jalan 6, Taman Desa Mahkota, Pekan Bangi, Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya7. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Dinding Batu Tunam Yang Telah Runtuh Di Jalan 1/7A Dan Jalan 1/3A, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya8. Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Dan Batu Tunam Di Jalan Bangi Indah, Pekan Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya9. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Utama Desa Mahkota, Pekan Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya10. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan ½ , Seksyen 1, Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya

	11.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 4/7K, , Seksyen 4, Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	12.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Bukit Permai 5, Taman Bukit Permai, Jalan Kajang Jaya 6, Taman Kajang Jaya Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	13.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Persiaran Sri Putra Bandar Sri Putra, Jalan BM 5/12 Bandar Sri Putra, Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	14.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Kajang Jaya 2, Taman Kajang Jaya, Taman Kajang Jaya, Jalan Baru 6, Jalan Baru 3, Taman Bukit Kajang Baru Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	15.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Kajang Jaya 2, Taman Kajang Jaya, Taman Kajang Jaya, Jalan Baru 6, Jalan Baru 3, Taman Bukit Kajang Baru Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	16.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 31A, Jalan Sri Indah 3, Jalan Bukit Mewah 22, Taman Bukit Mewah, Kajang Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	17.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 6A/2 Dan Jalan 6A/4, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	18.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Sri Putra 2/4A, Jalan Seri Putra ½, Bandar Sri Putra Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	19.	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Batu Tunam Di Jalan Hijau,Taman Hijau, Kajang Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
	20.	Kerja-Kerja Membaiki Tembok Longkang Yang Runtuh Di Hadapan Rumah No 48. Jalan 6/3, Seksyen 16,Bandar Baru Bangi Dan Kawasan Sekitar Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya

MUKIM	PERKARA
KAJANG	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 5 Dan 10, Taman Mesra Kajang , Kajang Dan Kawasan Sekitar Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 2. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Rosak Di Belakang Jalan 5, Taman Kajang Baru, Sungai Jelok, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 3. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Tembok Batu Bata Yang Runtuh Di Jalan Minang 3, Taman Sri Minang, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 4. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Tembok Longkang Utama Yang Runtuh Di Jalan 2, Taman Kajang Baru, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 5. Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Longkang Di Pasar Sungai Chua, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 6. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Longkang Rosak Dan Tembok Runtuh Di No 2, Jalan 19, Taman Sri Jelok, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 7. Kerja-Kerja Membina Longkang Dan Dinding Batu Tunam Yang Runtuh Di Taman Permai, Taman Kajang Perdana, dan Taman Restu , Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 8. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Rosak Di Rumah No 1, Jalan Besar, Taman Kajang Baru Dan No 3, Jalan Berlian, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
MUKIM	PERKARA
SEMENYIH	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Rosak Di Hadapan Rumah No 63, Jalan 3, Taman Bunga Raya, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Kerja-Kerja Membina Longkang Yang Runtuh Di Belakang Lorong Kenangan 1/1, Taman Desa Kenanga, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 3. Kerja-Kerja Membina Longkang Yang Rosak Di Tepi Rumah No A0-9, Jalan Kenanga, Taman Desa Kenanga, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 4. Kerja-Kerja Membina Longkang Yang Rosak Dan Runtuh Di Hadapan Rumah No 44, Dan Di Tepi Rumah No 26, Jalan Hiew Piow 8, Taman Hiew Piow, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 5. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Belakang Rumah No 7, Jalan 3, Taman Paling Jaya Semenyih, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
MUKIM	PERKARA
CHERAS TIMUR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Tembok Longkang Yang Runtuh Di Belakang Rumah No 52, Jalan Koop Cuepacs 5, Taman Cuepacs, Batu 9 Cheras Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 2. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Longkang Yang Runtuh Jalan Idaman 1, Taman Cheras Idaman, Cheras Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 3. Kerja-Kerja Membaiki Tembok Longkang Yang Runtuh Di Jalan BP 1, Taman Bukit Permai, Bandar Sungai Long, Cheras Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 4. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Seksyen 8, Jalan Persiaran Mahkota Cheras 1 , Cheras Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 5. Kerja-Kerja Membaiki Tembok Longkang Yang Runtuh Di Kolam Takungan Taman Sunway Cheras , Cheras Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya 6. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Pecah Di Hadapan Rumah No 64, Jalan Rakan 3 Dan Jalan Rakan 4, Taman Rakan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya

	<p>7. Kerja-Kerja Membaiki Tembok Longkang Yang Runtuh Di Jalan 7, Taman Titiwangsa, Hulu Langat Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>8. Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Di Belakang Kedai Jalan Alam Jaya, Cheras Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>9. Kerja-Kerja Memasang Longkang Jenis 'U-Shape' Di Tepi Jalan Masuk Taman Indah Jaya, Hulu Langat Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p>
MUKIM	PERKARA
CHERAS BARAT	<p>1. Kerja-Kerja Membina Longkang ' Cattle Trap' Di Jalan 7/3, Perusahaan Selesa Jaya, Balakong Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>2. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan 1/5, Kawasan Perindustrian Selesa Jaya, Balakong Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>3. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Runtuh Di Jalan Cheras Jaya 12/4, Taman Cheras Jaya, Balakong Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>4. Kerja-Kerja Segera Membaiki Dinding Batu Tunam Yang Runtuh Di Tepi Rumah No 2, Jalan Cheras Jaya 10/1B, Taman Cheras Jaya, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>5. Kerja-Kerja Membina Longkang ' Cattle Trap' Di Jalan Putri Jaya 5, Taman Putri Jaya, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>6. Kerja-Kerja Kecemasan Membina Semula Dinding Batu Tunam Longkang Monsun Yang Runtuh Di Jalan Damai Perdana 1/8, Bandar Damai Perdana, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>7. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Batu Tunam Yang Runtuh Di Jalan 6, Taman Shah Jaya, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>8. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Batu Tunam Yang Retak Di Sebelah Rumah No 39, Jalan 9, Taman Cheras Jaya, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>9. Kerja-Kerja Membina Longkang ' Cattle Trap' Di Jalan Seri Taming 3, Taman Seri Taming, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p>

	<p>10. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Batu Tunam Yang Runtuh Di Jalan Perusahaan 2, Balakong Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>11. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Dinding Batu Tunam Yang Runtuh Di Tepi Rumah No 2, Jalan Cheras Jaya 10/1B, Taman Cheras Jaya, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>12. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Dinding Batu Bata Yang Runtuh Di Jalan Damai Perdana 5/2, Bandar Damai Perdana, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>13. Kerja-Kerja Membaiki Lantai Konkrit Longkang Monsun Yang Pecah Di Jalan Damai Perdana, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>14. Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Dinding Batu Bata Yang Runtuh Di Jalan Murni 12, Taman Murni Dan Di Hadapan Pangsapuri Gagah, Taman Tun Perak, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p> <p>15. Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Longkang Monsun Yang Runtuh Di Tepi Jalan Suasana 4/2, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya</p>
--	---

Lampiran 4

SENARAI KERJA-KERJA PEMBAIKAN LONGKANG DI BAWAH PERUNTUKKAN MDHS TAHUN 2015 SAHAJA
(SENARAI INI TIDAK TERMASUK KERJA PEMBAIKAN YANG DIBUAT DI BAWAH PROGRAM MARRIS 2015)

5	PENYELENGGARAAN / PEMBAIKAN LONGKANG	
A	<u>Pembaikan Longkang RSD</u>	Harga Kontrak
1	Kerja tanggung 2014 - Baiki parit di T.Bkt Teratai SC	19,820.00
1	Baiki parit rosak di jln Melor 7&5D, Desa Melur.	19,812.00
2	Baiki parit di jln Ampang 17, 13 & T Damai & D.Rening	19,865.00
3	Baiki parit di T.Bt 30 HY, D.Anggerik & Antara Gapi	19,735.00
4	Baiki parit di J Mawar BB2, & jln utama ke Club BB	19,900.00
5	Baiki parit di Jln Anggerik BS7, P. Beruntung & BB8	19,885.00
6	Baiki parit di J Melati, Tmn Rasa Jaya & Desa Rening	19,875.00
7	Baiki parit di sblih SJKT Ldg Sg Choh & B. Sg Buaya.	19,882.00
8	Baiki parit di J.Gapi 2A/7, 10/3, Antara Gapi Serendah	19,848.00
9	Baiki parit di J Daisi 7, J.Teluki & J.Tulip BS2.	19,910.00
10	Baiki parit di Pekan KKB & kuarters MDHS KKB	19,866.00
11	Baiki parit di J 1A/2, 1A/5, D. Kiambang & D.Anggerik	19,893.00
12	Baiki parit di J.Melur 8F D.Melur & Tmn Bkt Teratai	19,787.00
13	Baiki parit di J. 2H/1, Kg Rasa Tamb. & T Rasa Indah	19,510.00
14	Baiki culvert rosak di Jln masuk ke R/Awam Rasa.	19,250.00
15	Baiki parit di Jln Tulip BS2 & baiki saliran di B.S Buaya	18,715.00
16	Baiki parit di Jln 1C/10 A/Gapi, D/Anggerik & D/Melur	19,948.00
17	Baiki parit di Tmn Rasa Indah, 4B TRU & Tmn Selesa	19,670.00
18	Baiki parit di Jln 5, 7 D/Kelisa, Jln Arowana 3 D/Arowa	19,730.00
19	Baiki parit di J.Dahlia 3, K.Sri Serendah, J 1F DAnggk	19,830.00
20	Baiki parit di sekitar Kg Damai Serendah	19,786.00
21	Baiki parit di J.Hang Lekir R/A Pdg Golf & T A.Pecah	19,860.00
22	Baiki parit di Kg Baru Sejangtung & Kg Chuang Rasa	19,783.00
C	<u>Penyelenggaraan / Pembaikan Longkang Monsun</u>	
1	Tanggung Kerja 2014 - Gabion wall & tebing J. Jasmin	133,250.00
2	Bina dinding gabion di Jln Jasmin (lokasi 2) BB10.	155,000.00
JUMLAH		742,410.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM KAMPUNGKU KESAYANGANKU (PKK)

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan PKK?
- b) Nyatakan program atau aktiviti yang telah dilaksanakan melalui program ini.
- c) Senaraikan kampung yang terlibat dalam menjayakan PKK.

JAWAPAN:

- a) Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) mula dilaksanakan di dua (2) buah daerah iaitu Klang dan Kuala Langat pada tahun 2014. Karnival ini diadakan bertujuan untuk melahirkan penduduk desa yang dapat memperkasakan institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, membangun kampung dari sudut fizikal, spiritual dan ekonomi serta dapat mengetengahkan adat Melayu dan warisan kampung. Melalui karnival ini juga diharapkan agar dapat melahirkan keluarga yang harmoni berlandaskan acuan nilai agama dan nilai murni selain memupuk rasa kasih dan sayang kepada kampung halaman.

Pada tahun 2015, program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) telah dilaksanakan dengan jayanya di enam (6) buah daerah iaitu Sabak Bernam (Mac), Kuala Selangor (Mac), Klang (April), Kuala Langat (Mei), Petaling (September) dan Sepang (Oktober). Manakala sebanyak tiga (3) buah daerah lagi iaitu Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor masing-masing akan diadakan pada bulan Oktober, November dan Disember. Atas maklum balas positif yang telah diterima daripada penduduk kampung, karnival ini telah direncanakan untuk dijadikan aktiviti tahunan di bawah Jawatankuasa Tetap Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi untuk tahun 2016 dan seterusnya.

- b) Antara program yang telah dilaksanakan di dalam karnival ini ialah Lawatan YB EXCO ke Pejabat Agama Islam Daerah, Sesi Dialog YB EXCO bersama Ketua Kampung Tradisi, Nazir Masjid dan Guru Besar/ Ketua Guru (SRA), Sembang Santai dan Forum Perdana bersama penceramah jemputan, Meneroka Angkasa, Kayuhan Kampungku, Pemberian Sumbangan Zakat/ SMUE, Aktiviti Penentuan Arah Kiblat, Pertandingan Gubahan Sireh dan Masakan Tradisional,

Aktiviti Tukar Minyak Hitam, Gunting Rambut dan Rawatan Muka Percuma daripada pelajar INPENS, dan Tahnik Perdana.

- c) Pada tahun 2015, kampung yang telah terlibat dengan Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) ialah Kg. Tali Air Sg. Nipah, (Sabak Bernam), Kg. Sg. Sireh (Kuala Selangor), Kg. Delek (Klang), Kg. Sijangkang (Kuala Langat), Kg. Bukit Bangkong (Sepang), Kg. Kubu Gajah (Petaling), dan Kg. Kerdas (Gombak).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELAJAR INPENS


33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kemasukan pelajar ke INPENS dari tahun 2013-2015.
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar lepasan INPENS?

JAWAPAN:

a) Enrolmen pelajar INPENS 2013-2015 mengikut sektor

Bil	KURSUS	2013	2014	2015	JUMLAH
1	Sektor Kosmetologi	93	81	45	174
2	Sektor Kejuruteraan Elektrik	235	273	200	508
3	Sektor Kejuruteraan Elektronik Industri	52	42	26	94
4	Sektor Sistem Komputer	96	107	70	203
5	Sektor Kejuruteraan Automotif	261	283	138	544
6	Sektor Kejuruteraan Motorsikal	61	61	66	122
7	Sektor Kejuruteraan Penyamanan Udara	52	41	70	93
8	Sektor Fesyen & Pembuat Pakaian	120	92	119	212
9	Sektor Rekaan Fesyen Rambut	25	30	16	55
	JUMLAH	995	1010	750	2755
			2755		



Untuk makluman dewan, pengambilan pelajar pada tahun 2015 dilihat sedikit menurun kerana 2 faktor berikut:

1. Pelanjutan tempoh kursus iaitu hanya 6 bulan sebelum ini (2008-2014), tetapi mulai 2015 majoriti kursus telah dilanjutkan untuk tempoh 12 bulan. Pelanjutan tempoh kursus ini telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) iaitu badan yang mentauliahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).
 2. Statistik di atas hanya menunjukkan pengambilan hanya sehingga Sepetember 2015 sahaja dan statistik di atas tidak termasuk sesi kemasukan Oktober-November 2015.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan laluan untuk pelajar-pelajar dari INPENS International College berkhidmat di dalam pelbagai sektor. Melalui penganjuran "Program Jom Kerja" di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Teknologi, Sains dan Inovasi, pelajar-pelajar yang menuntut di INPENS berpeluang mengikuti sesi temuduga terbuka bersama dengan syarikat-syarikat seperti berikut:
1. Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd.
 2. Shin-Etsu Polymer (M) Sdn. Bhd.
 3. Fiw Steel Sdn. Bhd.
 4. Maysky (M) Sdn. Bhd.
 5. KL Airport Services Sdn. Bhd.
 6. Malaysian SH Electronics Sdn. Bhd.
 7. Secom (M) Sdn. Bhd.
 8. Suria Component Manufacturing (M) Sdn. Bhd.
 9. JTEKT Automotive (M) Sdn. Bhd.
 10. Marelli Manufacturing Asia Sdn. Bhd.
 11. NSK Micro Precision Sdn. Bhd.
 12. Texas Instruments (M) Sdn. Bhd.
 13. Renesas Semiconductor KL Sdn. Bhd.
 14. Triplus Industry Sdn. Bhd.
 15. Seri's Spa
 16. Pusat Latihan Kraftangan Epal

Kesemua syarikat di atas menawarkan pelbagai jawatan mengikut kelayakan pelajar-pelajar dan juga kursus yang diikuti mereka di INPENS. Permulaan gaji asas yang ditawarkan ialah sebanyak RM900.00 sehingga RM2,200.00 sebulan mengikut perjawatan dan pengalaman bekerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : MASTER PLAN 50 TAHUN BEKALAN AIR SELANGOR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos yang dibayar oleh kerajaan Selangor kepada Perunding dalam kajian *Water resources, Supply, Demand and Distribution Study For Selangor* yang dikatakan akan dijadikan Master Plant bekalan air Selangor untuk 50 tahun akan datang.
- b) Mohon dinyatakan, siapakah syarikat atau individu yang dilantik sebagai perunding berkenaan serta latarbelakang pengalaman dan kepakaran mereka.
- c) Setakat ini bagaimana prestasi perunding berkenaan dan apakah maklumat-maklumat awal yang telah dibekalkan kepada kerajaan dalam menangani Krisis Air Selangor.

JAWAPAN:

- a) 1) Kajian *Water Resources, Supply, Demand and Distribution Study For Selangor* dibuat khusus untuk Negeri Selangor mengenai bekalan air yang merangkumi aspek sumber air mentah hinggalah ke pengagihan air kepada pengguna. Kajian yang menyeluruh ini akan dijadikan sebagai *Master plan* atau *Blueprint* bekalan air. Kajian ini dibuat berdasarkan kepada justifikasi bahawa:
 - i. Kerajaan Negeri adalah bertanggung jawab untuk menyediakan sumber air yang mencukupi sama ada untuk dirawat oleh operator rawatan air atau untuk diagihkan kepada pengguna;
 - ii. Sumber-sumber air mentah sedia ada telah semakin terhad, maka adalah baik untuk Kerajaan Negeri bersedia mencari sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan. Walaupun Langat 2 beroperasi, sekiranya Negeri Selangor mempunyai sumber air sendiri, maka kos yang akan dibayar adalah lebih rendah berbanding Langat 2;
 - iii. Dalam mengenal pasti sumber-sumber baru, melalui kajian yang menyeluruh, Kerajaan Negeri boleh menguntukkan (*earmark*) mana-mana tapak yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi

Projek Bekalan Air masa hadapan, maka dengan itu kos pengambilan balik tanah dapat dijimatkan;

- iv. Melalui kajian ini juga, Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti semua sistem agihan yang sedia ada dan boleh merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan *inter connection* di mana melalui *inter connection* ini, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain; dan
- v. Melalui kajian ini, Kerajaan Negeri dapat menyediakan *masterplan* bekalan air untuk tempoh 50 tahun akan datang.

2) Kos untuk membuat kajian ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Empat Ratus Dua Puluh Lima Dan Sen Enam Puluh Dua (RM2,499,425.62) Termasuk Cukai Perkhidmatan Mengikut Pecahan Berikut:-

- i. Fee Perunding : RM2,073,008.70
- ii. Imbuhan Balik : RM284,940.00
- iii. GST: RM141,476.92

Kos kajian termasuk bayaran imbuhan balik serta bayaran bagi *Purchase of Software and Map, Water Quality Sampling, Other Necessary Sampling & Laboratory Test*

- b) 1) Firma perunding yang dilantik untuk melaksanakan kajian ini adalah Tetuan SMHB Sdn Bhd bersama dengan Tetuan Juru Perunding Zaaba Sdn Bhd.
- 2) Tetuan SMHB Sdn Bhd merupakan perunding yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang sangat luas mengenai sistem agihan air terawat di Negeri Selangor memandangkan firma ini terlibat di dalam kerja-kerja reka bentuk dan pengawasan semasa pembinaan loji-loji rawatan air semenjak tahun 1960an lagi. Perunding ini juga pernah terlibat dalam membuat beberapa kajian berkaitan bekalan air di Negeri Selangor seperti:-
 - a) Development of Sungai Selangor for Water Supplies to Klang Valley and Southern Kuala Selangor, 1983

- b) Distribution Study and Strategic Planning For water Supply in The State of Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1998
 - c) National Water Resource Study 2000-2050
 - d) Kajian Semula Sistem Pengagihan Sediaada dan Perancangan Strategik bagi bekalan Air Untuk Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2003.
 - e) “Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur And Putrajaya Water Supply System Augmentation Study”, 2012
 - f) Demand and Distribution Study, 2015
- 3) Tetuan SMHB Sdn Bhd dan Tetuan Juru Perunding Zaaba Sdn Bhd mempunyai keupayaan profesional dari segi kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan mekanikal serta mempunyai tenaga kerja yang besar serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- 4) Tetuan Juru Perunding Zaaba Sdn Bhd merupakan perunding yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas mengenai sumber air di kawasan Lembangan Sungai Langat kerana pernah menyediakan kajian-kajian berikut:-
- a) Sungai Langat Water Abstraction Studies for Lion Tin Blast Furnace Sdn Bhd;
 - b) River and Coastal Hydraulic Study for the Sungai Langat Navigation Development, Selangor;
 - c) Hydraulic and Groundwater Modeling Study for Kuala Langat Tin Mining Project by Lion Tin Sdn. Bhd.
 - d) Program Pengurangan Air Tidak Berhasil – Projek Penggantian Paip Air Lama di Wilayah Hulu Langat, Selangor, Malaysia;
 - e) National Water Resource Study 2000-2050
- c) Perkhidmatan Perunding bermula pada 01 September 2015 dan tempoh kajian adalah selama 12 bulan. Mengikut jadual perkhidmatan yang telah dipersetujui, *Interim Report* akan dikemukakan selepas empat (4) bulan dari tarikh mula perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PERDAGANGAN DI SELANGOR

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perdagangan Selangor di luar negara pada tahun 2012-2014?
- b) Senaraikan 10 negara utama yang menjadi rakan dagang Selangor pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya jumlah perdagangan Selangor di luar Negara tidak dapat diukur kerana tidak ada mekanisme khusus untuk mengesan jumlah perdagangan antara Negeri Selangor dengan negeri-negeri lain seperti sistem percukaian yang terlibat. Pihak Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Jabatan Statistik tidak merekodkan jumlah perdagangan mengikut pecahan negeri.
- b) Tiada maklumat kerana tidak ada mekanisme khusus untuk mengesan aktiviti perdagangan mengikut negeri, khususnya untuk Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan mengenai WIFI percuma terutama bila dan di mana 2,500 *hotspots* boleh digunapakai serta perincian perjanjian komersil dengan Telekom Malaysia seperti kos keseluruhan, tempoh kontrak, jenis caj, jenis perkhidmatan, jenis dan hakmilik infrastruktur.

JAWAPAN:

- a) Setakat 15hb Oktober 2015, sebanyak 884 jumlah *hotspot* yang telah siap dan boleh digunakan dan sasaran sebanyak 1,378 jumlah *hotspot* akan dapat disiapkan sehingga 30hb Oktober 2015 dan sasaran jumlah 2,500 *hotspot* dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2015 seperti yang telah dibentangkan dalam bajet 2015.

Kos keseluruhan adalah sebanyak RM65 juta untuk kontrak selama 5 tahun termasuklah kos-kos perkhidmatan sokongan, jaminan perkhidmatan internet, jaminan kelajuan minima internet, dan lain-lain perkhidmatan dan jaminan yang di perlukan untuk tempoh 5 tahun.

Infrastruktur adalah menjadi hakmilik Telekom Malaysia dan Kerajaan Negeri hanya membayar kos sewaan yang meliputi jaminan perkhidmatan seperti di atas selagi masih di dalam kontrak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah hasil Kerajaan Negeri Selangor dalam wang ringgit dan peratusan yang diperolehi daripada kutipan premium tanah bagi tahun 2005-2015.
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan bank tanah Selangor adalah mencukupi dan mampan?
- c) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor untuk menjana sumber hasil yang baru selain bergantung kepada hasil tanah seperti premium tanah dan cukai tanah?

JAWAPAN:

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

- a) Jumlah hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2005-2015 (September) adalah sebanyak **RM18,250,092,447.60**. Daripada jumlah tersebut, **37.31% (RM6,809,220,772.84)** merupakan kutipan premium tanah. Butiran terperinci mengenainya dikemukakan seperti di **Lampiran A**.
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum ada strategi yang khusus bagi memastikan bank tanah Negeri Selangor mencukupi dan mampan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai maklumat tanah dan aset-aset tak alih Kerajaan Negeri yang diperolehi melalui Sistem *Selangor Land Information System (SELIS)* dan Jawatankuasa Aset Tanah Kerajaan.

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

- c) Sumber utama Hasil Negeri adalah daripada kutipan premium tanah dan cukai tanah. Senarai sumber hasil yang boleh dikutip oleh Negeri adalah termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri sentiasa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Jadual Kesepuluh tersebut.

Antara strategi tersebut adalah:

- i. membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan ke atas hasil sedia ada. Contohnya Pejabat Tanah dan Galian Selangor kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan.
- ii. Menyemak semula pengecualian duti hiburan ke atas taman-taman tema di Selangor selepas pengecualian berkenaan dimansuhkan oleh Kementerian Kewangan bermula pada Februari 2014.
- iii. Mengkaji kadar bayaran pajakan atau cukai tanah kepada pemegang konsesi lebuhraya yang mengandungi elemen komersial sahaja seperti stesen minyak, restoran dan kedai.
- iv. Menyemak semula kadar bayaran caj air oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor kepada pihak-pihak yang menggunakan sumber air bawah tanah bagi tujuan komersial berbanding negeri-negeri lain.
- v. Menyelesaikan tunggakan cukai tanah bagi kes tunggakan yang kompleks seperti syarikat telah gulung atau bubar dengan bekerja sama dengan pihak Jabatan Insolvensi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- vi. Melaksanakan projek *Urban Regeneration Development* yang akan memangkin pembangunan semula bandar dari segi lanskap, rekabentuk, infrastruktur dan ekonomi komuniti setempat. Projek *Urban Regeneration Development* juga akan menjana hasil tanah yang baru.

LAMPIRAN A

**JUMLAH HASIL KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN
JUMLAH KUTIPAN PREMIUM TANAH
BAGI TAHUN 2005-2015 (SEPTEMBER)**

Tahun	Jumlah Keseluruhan Hasil Negeri (RM)	Jumlah Premium Tanah (RM)	Peratusan Hasil Premium Tanah (%)
2005	967,756,762.16	306,478,142.50	31.67
2006	1,160,209,933.53	309,283,677.56	26.66
2007	1,285,100,104.92	330,026,633.22	25.68
2008	1,516,341,657.57	458,926,008.09	30.27
2009	1,763,869,665.09	268,454,462.73	15.22
2010	1,571,503,706.82	465,480,832.18	29.62
2011	1,634,009,145.11	533,039,088.16	32.62
2012	1,954,813,072.75	869,939,568.97	44.50
2013	2,149,974,432.46	1,118,928,500.50	52.04
2014	2,225,082,781.34	1,139,959,009.98	51.23
2015*	2,021,431,186.12	1,008,704,849.05	49.90
JUMLAH	18,250,092,447.60	6,809,220,772.94	37.31

Sumber : Penyata Hasil SPEKS

* Sehingga 30 September 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2015

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelancong yang melawat Selangor hasil daripada kempen melawat Selangor yang dijalankan dan berapakah pendapatan yang diperolehi daripadanya?
- b) Sila senaraikan bilangan pelancong teramai yang datang ke Selangor mengikut negara.

JAWAPAN:

- a) 1) Jumlah kedatangan pelancong mengikut statistik jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor sehingga **bulan Julai 2015** ialah seramai **5,280,646 orang**. Jadual statistik adalah seperti yang berikut:-

PELANCONG	2011	2012	2013	2014	2015 (Julai)
Domestik	3,314,714	3,515,254	3,576,050	3,600,098	2,991,564
Antarabangsa	2,725,704	2,850,856	3,125,387	2,472,739	2,289,082
Jumlah	6,040,418	6,366,110	6,701,437	6,072,837	5,280,646

- 2) Resit Pelancongan.

Jumlah pendapatan yang diperolehi mengikut jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor sehingga **bulan Julai 2015** adalah sebanyak **RM3,703,845,104.40**

- b) Senarai bilangan pelancong teramai mengikut negara adalah seperti yang berikut:-

BIL	NEGARA	JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG SEHINGGA JULAI 2015
1	Malaysia	2,991,564
2	Singapore	598,211
3	China	482,164
4	Indonesia	271,154
5	Thailand	168,261
6	India	104,731
7	Australia	69,932
8	Vietnam	48,327
9	Japan	40,994
10	Saudi Arabia	38,476

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SUMBER MANUSIA

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan jumlah dan peratusan kakitangan berbangsa India yang diambil berkhidmat di mana-mana jabatan dalam Kerajaan Negeri sejak tahun 2008?
- b) Butirkan jumlah dan peratusan kakitangan berbangsa India yang diambil berkhidmat dalam GLC (*Government Link Company*) sejak tahun 2008?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan terhadap data perjawatan yang dikemas kini sehingga 20 Oktober 2015, kakitangan berbangsa India yang sedang berkhidmat di 42 Jabatan / Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor berjumlah **1790 orang** secara keseluruhannya (8.26% daripada jumlah keseluruhan 21,678 orang). Jumlah berkenaan merangkumi pelantikan secara Tetap dan Kontrak. Peratusan jumlah kakitangan berbangsa India mengikut Jabatan / Agensi diperincikan di **Lampiran I**.

Manakala statistik pelantikan mulai tahun 2008, seramai **612 orang** kakitangan berbangsa India telah dilantik dan sedang berkhidmat di pelbagai Jabatan / Agensi.

- b) Berdasarkan semakan terhadap data perjawatan yang dikemas kini sehingga 20 Oktober 2015, kakitangan berbangsa India yang sedang berkhidmat di *Government Link Company* (GLC) Negeri Selangor berjumlah **15 orang** daripada jumlah keseluruhan 1,059 orang. Peratusan jumlah kakitangan berbangsa India mengikut GLC diperincikan di **Lampiran II**.

Lampiran I

BIL.	JABATAN / PDT / PBT / BBN	JUMLAH
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	6
2.	Perbendaharaan Negeri Selangor	1
3.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor	Tiada
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	43
5.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Tiada
6.	Jabatan Agama Islam Selangor	8
7.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	5
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Tiada
9.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	1
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	8
11.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	3
12.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	2
13.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	11
14.	Pejabat DYMM Sultan Selangor	Tiada
15.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Tiada
16.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	3
17.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	Tiada

BIL.	JABATAN / PDT / PBT / BBN	JUMLAH
18.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	7
19.	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	2
20.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	2
21.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	1
22.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	2
23.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	1
24.	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	1
25.	Majlis Bandaraya Shah Alam	36
26.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	67
27.	Majlis Perbandaran Selayang	44
28.	Majlis Perbandaran Sepang	28
29.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	38
30.	Majlis Perbandaran Kajang	66
31.	Majlis Perbandaran Klang	146
32.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	27
33.	Majlis Daerah Kuala Langat	14
34.	Majlis Daerah Kuala Selangor	5
35.	Majlis Daerah Sabak Bernam	10
36.	Majlis Daerah Hulu Selangor	17
37.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	4

BIL.	JABATAN / PDT / PBT / BBN	JUMLAH
38.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Tiada
39.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	2
40.	Lembaga Urus Air Selangor	Tiada
41.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	1
42.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN		612

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Lampiran II

BIL.	GLC (GOVERNMENT LINK COMPANY)	JUMLAH BANGSA INDIA
1.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Tiada
2.	Yayasan Selangor	5
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	2
4.	Selangor State Investment Centre Berhad	1
5.	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	Tiada
6.	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad	3
7.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	3
8.	Tourism Selangor Sdn Bhd	1
JUMLAH KESELURUHAN		15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah akan dilaksanakan pemberian bantuan terus kepada warga emas semasa hayat daripada Skim Mesra Usia Emas (SMUE)?
- b) Apakah penambahbaikan bagi Program Pemeriksaan Mammogram Percuma yang sedia ada?
- c) Apa kesan Insentif Perkahwinan terhadap trend berkahwin kalangan belia?

JAWAPAN:

RANTAIAN MESRA SDN. BHD.

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat akan kebajikan warga emas di Negeri Selangor. Melalui Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2008, program ini lebih tertumpu bagi meringankan bebanan waris bagi menguruskan perihal jenazah warga emas selepas kematian mereka. Namun demikian, atas dasar keprihatinan dan kasih sayang Kerajaan Negeri, maka penambahbaikan program sedang dirangka bagi membolehkan warga emas di Negeri Selangor menikmati dan menerima manfaat menerusi program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) semasa ada hayat mereka.

Seperti yang telah dinyatakan pada sesi Sidang Dewan Negeri Selangor sebelum ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan manfaat RM100.00 sekali untuk 5 kali *shopping* kepada setiap Ahli SMUE yang berdaftar. Kerajaan Negeri juga berharap ia dapat dilaksanakan pada tahun hadapan setelah perkara-perkara yang berkaitan dapat diselesaikan.

Kerajaan Negeri telah menerima cadangan untuk nilai RM100.00 itu diberikan dalam bentuk program *Jom Shopping*. Selain dapat mengurangkan tekanan akibat sindrom "*empty bird nest*", program ini juga mampu menimbulkan suasana keceriaan, memberikan ruang dan peluang untuk mereka saling berinteraksi, membuat keputusan dan pilihan sendiri untuk memiliki barangan yang dikehendaki, malahan ia juga dapat mengeratkan hubungan di antara pemimpin dengan rakyat di satu-satu kawasan.

Oleh kerana terdapatnya penambahbaikan dan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilakukan termasuk yang melibatkan perkara berkaitan prosedur kewangan, ia tidaklah dapat dilaksanakan pada ketika ini.

Jumlah manfaat yang dicadangkan ini akan diambil daripada jumlah asal wang manfaat SMUE yang berjumlah RM2500.00 yang ketika ini diserahkan dalam dua fasa yang berlainan. Wang tersebut adalah wang yang berada dalam satu tabung amanah yang dikhususkan bagi membayar manfaat berupa khairat kematian apabila ahli SMUE yang berdaftar telah meninggal dunia. Maka apabila ia mahu digunakan bagi tujuan yang lain, sudah tentu sedikit penyesuaian dalam prosedur kewangan perlulah dilakukan.

SEKSYEN SEKTORAL, UPEN

b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 26/2015 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2015 telah menimbang dan meluluskan cadangan penambahbaikan Skim Kesihatan Wanita : Pemeriksaan Mammogram Selangor (MAMMOSEL) dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 27/2015 pada 26 Ogos 2015. Syor penambahbaikan yang telah diluluskan adalah :

1) Kos Pemeriksaan Saringan Mammogram

- (i) Penambahbaikan dari segi kos pemeriksaan mammogram yang dahulunya RM90.00 seorang kepada had maksima RM150.00 seorang setelah mengambilkira kenaikan harga pasaran yang mana tiada lagi pembekal perkhidmatan yang dapat menawarkan harga pemeriksaan saringan mammogram serendah RM90.00 dan ianya tidak mengambilkira pelaksanaan GST pada ketika itu.
- (ii) Manakala bagi peserta yang perlu kepada pemeriksaan susulan melalui ultrasound atas nasihat doktor yang membuat saringan mammogram tersebut, kos pemeriksaan ultrasound tersebut dicadangkan agar ianya turut diperuntukkan dengan had maksima berjumlah RM100.00 kepada peserta mammogram atas keprihatinan Kerajaan Negeri kepada golongan ini.

2) Peluasan Pembekal Perkhidmatan / Service Provider Pemeriksaan Saringan Mammogram

- (i) Terdapat beberapa kekangan pembekal perkhidmatan mammogram sedia ada dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan saringan mammogram tersebut seperti berikut :
 - waktu perkhidmatan yang terhad;

- mengikut jadual *service provider* yang ditetapkan; dan
 - program pemeriksaan mammogram dibatalkan disaat akhir.
- (ii) Dengan penambahbaikan kadar kos bagi pemeriksaan saringan mammogram ini kepada had maksima RM150.00 seorang, Kerajaan Negeri dapat memperluaskan kemudahan penyediaan perkhidmatan ini kepada golongan wanita dengan menambahkan lagi penyertaan pihak hospital swasta di seluruh Selangor yang dapat menawarkan perkhidmatan mammogram dengan harga tersebut. Perkhidmatan ini tidak lagi tertakluk dan terhad kepada satu *service provider* sahaja. Antara hospital yang menawarkan perkhidmatan selaras dengan kadar bayaran yang telah ditentukan adalah :-
- MAKNA
 - NCSM
 - Columbia Asia
 - BP Health Care
 - KPJ
 - Salam Medical Centre
 - DEMC
- (iii) Ini secara tidak langsung mewujudkan persaingan yang sihat dikalangan *service provider* yang terpilih di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri dan golongan wanita Selangor.
- (iv) Selain itu, logistik dan pergerakan para peserta skim ini ke *service provider* berhampiran dapat dirancang dengan lebih baik dan teratur oleh agensi pelaksana program iaitu RMSB.

3) **Penggunaan Peruntukan Pembangunan P01-20003 Skim Kesihatan Wanita**

- (i) Peruntukan Pembangunan P01-20003 Skim Kesihatan Wanita berjumlah RM1,000,000.00 setiap tahun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan pemeriksaan mammogram (*screening*) sahaja sebelum penambahbaikan.
- (ii) Sehubungan itu, dengan penambahbaikan ini turut mengambilkira bebanan tanggungan bayaran lain selain daripada pemeriksaan mammogram (*screening*). Penggunaan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 itu nanti akan meliputi bayaran termasuk kos :-

- Pemeriksaan saringan Mammogram (*screening*);
- *Ultrasound* (atas nasihat doktor sekiranya perlu);
- Logistik mobilisasi ;dan
- Promosi SKW

Dengan penambahbaikan program Skim Kesihatan Wanita (SKW) – Mammogram Selangor (MammoSel) ini, Kerajaan Negeri berharap lebih ramai wanita di Negeri Selangor akan mampu diberikan dan menikmati khidmat mammogram ini secara percuma. Dengan cara ini diharapkan juga pengesanan awal terhadap gejala kanser payudara ini dapat dikesan di peringkat awal lagi dan lebih banyak nyawa akan mampu diselamatkan.

- c) Kesan Insentif Perkahwinan terhadap *trend* berkahwin di kalangan belia dapat dilihat berdasarkan kepada data penerima insentif yang semakin meningkat saban tahun. Ini menunjukkan bahawa program ini secara tidak langsung telah menggalakkan perkahwinan di Negeri Selangor. Data penerima insentif mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :-

BIL.	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PENERIMA
1.	Penerima insentif bagi yang beragama Islam	2013	4038
		2014	5710
		2015	1599 (Januari hingga Julai)
2.	Penerima insentif bagi yang bukan beragama Islam	2013	1911
		2014	3091
		2015	890 (Januari hingga Julai)
	JUMLAH		17,239 penerima

(Sumber dari Jawatankuasa Tetap Generasi Muda dan Sukan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : STATUS JALAN BATA, KG. SUNGAI PELONG, MUKIM SUNGAI
BULOH 1, DAERAH GOMBAK**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status jalan tersebut?
- b) Adakah kerajaan akan menyelenggara jalan tersebut kerana laluan orang ramai?

JAWAPAN:

- a) Status jalan tersebut adalah jalan luar bandar.
- b) Ya. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling akan menyelenggara jalan tersebut pada tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kapasiti tanah perkuburan yang masih ada di kawasan MBPJ?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menampung keperluan tanah perkuburan untuk masa akan datang di kawasan Petaling Jaya dan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kapasiti tanah perkuburan yang masih ada di kawasan MBPJ adalah seperti berikut :-

BIL	TANAH PERKUBURAN	LOT DEWASA	LOT KANAK-KANAK	KELUASAN	CATATAN
1.	Sek 9, Kota Damansara	7,478	1,779	50 ekar	
2.	Perkuburan Hindu SS22	3,000	530		
3.	Perkuburan Islam PJS 4 Tmn Medan	3,938	1,116	16.26 ekar	Dalam pembinaan
4.	Pembangunan RRI (Kawasan Land)	-	-	23.89 ekar	Dalam perancangan

- b) Tertakluk di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : RUMAH TERBIAR DI TINGKAT BAWAH PANGSAPURI REBANA
BANDAR BUKIT RAJA**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berulang kali dijadikan tempat buangan sampah haram dan gejala sosial tidak sihat. Apakah tindakan pihak MPK, Pejabat Tanah?
- b) Siapa pemilik dan berapa kali notis telah diserahkan?
- c) Berapa rekod kes jenayah dilaporkan di kawasan Pangsapuri Rebana?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menghubungi pihak pemaju (Sime Darby), Encik Hishamuddin. Menurut beliau pihak Sime Darby akan membuat kerja-kerja pembersihan dan menutup semua unit yang terlibat dengan kes pembuangan sampah secara haram. Malah pihak Sime Darby juga akan membantu melakukan kerja-kerja pembersihan di unit-unit persendirian.

Mengenai gejala sosial yang tidak sihat, pihak Majlis tidak dapat mengenalpasti gejala sosial yang berlaku di Pangsapuri tersebut.

- b) Berdasarkan maklumat daripada pihak Sime Darby dan hasil semakan serta lawatan tapak yang dilakukan oleh pihak Majlis mendapati, pemilik tidak mendiami premis/unit terlibat. Terdapat beberapa kes sebelum ini, di mana pembersihan telah dilakukan oleh pemaju atas dasar "*goodwill*" selepas masalah dan isu ini diajukan oleh pihak Majlis.
- c) Pihak Majlis tiada mempunyai kes-kes jenayah yang berlaku kerana perlu dirujuk kepada pihak Polis. Walau bagaimanapun, terdapat kes pergaduhan di antara kaum dan pergaduhan di antara Pengawal Keselamatan di Bandar Bukit Raja yang berlaku sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : STATUS TANAH KERAJAAN

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status tanah kerajaan di Pekan Sepang?
- b) Berapakah luasannya?

JAWAPAN:

- a) Luasan keseluruhan Pekan Sepang lebih kurang **158 ekar**. Berdasarkan kegunaan tanah semasa di seluruh Pekan Sepang terdapat kira-kira **65 ekar** adalah untuk kegunaan Kampung Baru Cina Sepang. Baki daripada jumlah luasannya tersebut terdapat sekitar **93 ekar** adalah tanah kerajaan yang dirizabkan untuk tujuan kegunaan kerajaan.
- b) Jumlah luasannya tanah kerajaan di Pekan Sepang adalah lebih kurang **93 ekar**.

Maklumat Tambahan

Bil	Perkara/Kegunaan	Keluasan
1.	SRJK(T) Pekan Sepang	L/K 4.3 ekar
2.	Masjid Pekan Sepang	L/K 4.0 ekar
3.	Padang Awam (Bola Sepak)	L/K 5.0 ekar
4.	Medan Selera (MPSp)	L/K 1.0 ekar
5.	Balai Penghulu Sepang	L/K 0.5 ekar
6.	Bekas Tapak Mahkamah Sepang	L/K 2.0 ekar
7.	Padang Latihan Menembak (PDRM)	L/K 0.8 ekar
8.	Pejabat dan Stor Lama JKR	L/K 3.3 ekar
9.	Rizab Kubur Pekan Sepang	L/K 26 ekar
10.	Tapak Pasar Basah	L/K 0.25 ekar

11.	Rizab Jalan, Parit dan Sungai	L/K 24.79 ekar
12.	Kawasan Lapang (MPSp)	L/K 3.8 ekar
13.	Rizab Kuari JKR	L/K 6.16 ekar
14.	Rizab Kuil Hindu Sepang	L/K 1.55 ekar
15.	Lot 3892 (Cadangan Perumahan Penjawat Awam)	L/K 9.55 ekar
Jumlah Keseluruhan		L/K 93 ekar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SELANGOR ORKED FESYEN FESTIVAL

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos keseluruhan perbelanjaan kewangan bagi menjayakan Selangor Orked Fesyen Festival? Sila nyatakan perincian perbelanjaan.
- b) Apakah objektif dan siapakah kumpulan sasaran program ini?
- c) Apakah kaitan dan manfaat kepada pemberdayaan wanita? Apakah ianya tercapai?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Program *Selangor Orked Fashion Festival* (SOFF) adalah merupakan program anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga yang pertama kali diadakan pada tahun 2015 di Shah Alam Selangor. Pelaksanaannya telah diluluskan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 16/2015 yang diadakan pada 13 Mei 2015 yang telah disahkan oleh MMKN Selangor ke 17/2015 pada 20 Mei 2015.

Penganjuran SOFF2015 ini bertujuan untuk memartabatkan Bandaraya Shah Alam sebagai Kota Seni dengan menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam industri seni fesyen dengan menonjolkan barisan pereka fesyen tempatan untuk mempromosikan rekaan-rekaan fesyen Selangor dan sebagai tanda sokongan Kerajaan Negeri dalam memberikan ruang berkarya kepada para pereka fesyen tempatan tersebut.

Program yang telah dijalankan selama 3 hari bermula dari 29 hingga 31 Mei 2015 yang lalu bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam ini telah memberi ruang dan peluang kepada para pelajar yang menceburi bidang industri rekaan fesyen untuk mengetengahkan bakat dan kreativiti mereka dalam pertandingan reka fesyen ini.

Penganjuran program ini juga turut membantu dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam industri fesyen di Selangor untuk membantu golongan usahawan wanita menjana pendapatan dan membentuk jaringan perniagaan di kalangan para usahawan dalam industri fesyen di samping meluaskan pasaran.

Sebanyak RM297,400.00 telah diperuntukkan bagi penganjuran program SOFF 2015 ini dengan perincian perbelanjaan seperti berikut :

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1	Pakej program SOFF di SACC	129,108.00
2	Persiapan pentas	48,800.00
3	Promosi dan pengiklanan	9,825.00
4	Sewaan <i>booth</i> pameran	9,950.00
5	Hadiah dan cenderamata	39,000.00
Jumlah Keseluruhan (RM)		236,683.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGURUSAN ASET MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aset-aset termasuk bangunan dan tanah yang dimiliki oleh MPSJ
- b) Nyatakan status kegunaan bagi setiap bangunan dan tanah tersebut
- c) Nyatakan hasil bulanan daripada aset-aset tersebut

JAWAPAN:

- a) Senarai aset-aset termasuk bangunan dan tanah yang dimiliki oleh MPSJ seperti di lampiran 1.
- b) Status kegunaan bagi setiap bangunan dan tanah seperti di lampiran 1.
- c) Hasil bulanan daripada aset-aset MPSJ seperti di lampiran 2.

SENARAI ASET-ASET BANGUNAN DAN TANAH MILIK MPSJ SERTA STATUS KEGUNAAN

Bil.	Alamat	Kegunaan
	Bangunan Pejabat dan Komersil	Kegunaan
1	Bangunan Pentadbiran MPSJ, Persiaran Perpaduan USJ 5, Subang Jaya	Bangunan Pejabat
2	Bengkel MPSJ, Taman Perindustrian UEP, Subang Jaya	Bangunan Pejabat
3	Depoh Tunda, Taman Perindustrian UEP, TP2, Subang Jaya	Bangunan Pejabat
4	Kompleks 3C, SS 13 Subang Jaya	Bangunan Pejabat
5	Tingkat 2 Corporate Tower SS 15/4G - 12 unit (Setor Jabatan)	Bangunan Pejabat
6	Tingkat 3 Corporate Tower SS 15/4G - 12 unit (Setor Jab. Penguatkuasa)	Bangunan Pejabat
7	Tingkat 4 Corporate Tower SS 15/4G - 4 unit (Setor Jabatan)	Bangunan Pejabat
8	NO. 22-1 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
9	NO. 22-2 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
10	NO. 22-3 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
11	NO. 22-3A Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
12	NO. 22-5 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
13	NO. 22-6 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
14	NO. 22-7 Jalan USJ 9/5T, Subang Business Center, USJ 9 Subang Jaya (Jabatan	Bangunan Pejabat
15	Pejabat Cawangan (Penguatkuasa) MPSJ Puchong, Seksyen 2.	Bangunan Pejabat
16	No. 2.04, Plaza Serdang Raya (Petak 206 - bekas Perpustakaan Serdang)	Bangunan Pejabat
17	No. 2.05, Plaza Serdang Raya (Petak 207 - bekas perpustakaan Serdang)	Bangunan Pejabat
18	Lot 2.73 2nd Floor South City Plaza, Serdang, Seri Kembangan	Bangunan Pejabat
19	Mini Grandstand Bangunan Pentadbiran MPSJ, USJ 5, Subang Jaya	Kompleks Sukan
20	Kompleks 3K, Jalan Kewajipan, SS 13 Subang Jaya.	Kompleks Sukan
21	Kompleks 3K, Jalan SR 3/4, Taman Serdang Raya.	Kompleks Sukan
22	Bangunan Perniagaan Jalan Bakawali, Kampung Bunga Melor, Batu 14, Puchong	Pejabat JKP
23	Bangunan Perpustakaan Hipermedia, Pusat Bandar Puchong	Perpustakaan
24	Bangunan Krematorium, Jln Bunga Kertas, Bt 14 Puchong	Krematorium
25	Bangunan Pejabat dan Tanah Perkuburan Islam USJ 22, Subang Jaya	Tanah Perkuburan Islam
26	E-09-00 Subang Square SS15, Subang Jaya (Mahkamah Munisipal, MPSJ)	Mahkamah Munisipal
27	E-09-01 Subang Square SS15, Subang Jaya (Mahkamah Munisipal, MPSJ)	Mahkamah Munisipal
28	E-09-02 Subang Square SS15, Subang Jaya (Mahkamah Munisipal, MPSJ)	Mahkamah Munisipal
29	E-09-03 Subang Square SS15, Subang Jaya (Mahkamah Munisipal, MPSJ)	Mahkamah Munisipal
30	E-09-04 Subang Square SS15, Subang Jaya (Mahkamah Munisipal, MPSJ)	Mahkamah Munisipal
31	Stadium Tertutup MPSJ, Jalan 7/1, Serdang Jaya	Stadium
32	Taska MPSJ USJ 3C Subang Jaya	Taska
33	Bazar USJ 7, Subang Jaya.	Bazar
34	No. 15 Jalan Putra Indah 9/30, Putra Heights	Kuarters
35	No. 8 Jalan Putra Indah 9/29, Putra Heights	Kuarters
36	No.2A Jalan Putra Indah 9/29, Putra Heights	Kuarters
37	No. 17 Jalan Putra Indah 9/27, Putra Heights	Kuarters
38	No. 15 Jalan Putra Indah 9/27, Putra Heights	Kuarters
39	No. 9 Jalan Putra Indah 9/30, Putra Heights	Kuarters
40	No. 8 Jalan Putra Indah 9/31, Putra Heights	Kuarters
41	No. 10 Jalan Putra Indah 9/31, Putra Heights	Kuarters
42	No. 11 Jalan Putra Indah 9/30, Putra Heights	Kuarters
43	No. 12 Jalan Putra Indah 9/31, Putra Heights	Kuarters
44	No. 12A Jalan Putra Indah 9/31, Putra Heights	Kuarters
45	Blok Berlian Pangsapuri Permata Sari (200 unit termasuk taska)	Kuarters
46	Pangsapuri Seri Kayan, Taman Pinggiran USJ, Subang Jaya (42 unit)	Perumahan Rakyat
47	Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara, Puchong (196 unit)	Perumahan Rakyat
48	TV211-2 Palm Springs Resort, Port Dickson, N. Sembilan	Rumah Peranginan
49	TV212-2 Palm Springs Resort, Port Dickson, N. Sembilan	Rumah Peranginan
50	DPH-5 Apt. Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang	Rumah Peranginan
51	DPH-2 Apt. Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang	Rumah Peranginan
52	DPH-3 Apt. Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang	Rumah Peranginan
53	SS19/6 (Medan Selera)	Tanah Kosong (Bangunan Perniagaan)
54	SS 19/7 (depoh)	Tanah Kosong (Bangunan Perniagaan)
55	PT 2427, Jalan Bandar 15, Pusat Bandar Puchong	Tanah Kosong (Bangunan Perniagaan)
56	Lot 249, The Mines Resort	Tanah Kosong (Kediaman)
57	Lot 251, The Mines Resort	Tanah Kosong (Kediaman)
58	Lot 252, The Mines Resort	Tanah Kosong (Kediaman)

Bil.	Alamat	
59	PT 300, Mukim Pekan Subang Jaya	Tanah Kosong (Bangunan Perniagaan)
60	Medan Selera Taman Serdang Jaya.	Medan Selera
61	Medan Selera USJ 7 Subang Jaya.	Medan Selera
62	Medan Selera Tasik Puchong Perdana.	Medan Selera
63	Medan Selera Pekan Sri Serdang.	Medan Selera
64	Medan Selera Tropicana, Batu Tiga (2015)	Medan Selera
65	Medan Selera Taman Bukit Serdang Sek. 14 Seri Kembangan.	Medan Selera
66	Medan Selera Bandar Kinrara BK 4.	Medan Selera
67	Medan Selera Taman Perindustrian Puchong Utama.	Medan Selera
68	Medan Selera Subang Hi-Tech.	Medan Selera
69	Medan Selera Puchong Jaya, Jalan Serindit.	Medan Selera
70	Medan Selera Tasik Seri Serdang	Medan Selera
71	Gerai UPEN - Jalan Indah 3 Taman Puchong Indah	Gerai UPEN
72	Gerai UPEN - Jalan TK 1/ 11F Taman Kinrara Seksyen 1	Gerai UPEN
73	Gerai UPEN - Jalan TPP 5/18 Taman Perindustrian Puchong	Gerai UPEN
74	Gerai UPEN - Jalan Merbok Bandar Puchong Jaya, Puchong	Gerai UPEN
75	Gerai UPEN - Jalan Perusahaan 4, Seri Kembangan	Gerai UPEN
76	Gerai UPEN - Jalan 21 Taman Bukit Kuchai	Gerai UPEN
77	Gerai Siang Malam Seri Kembangan	Gerai
78	Gerai Penjaja Kg Seri Aman Puchong	Gerai
79	Pusat Penjaja Puchong Perdana	Gerai
80	Kampung Bukit Lanchong	Gerai PLB
81	Kampung Batu 3	Gerai PLB
82	Kampung Sri Aman (Tasik)	Gerai PLB
83	Gerai Penjaja kg Sri Aman (Tasik)	Gerai PLB
84	Kampung Baru 3 A & B	Gerai PLB
85	Kg Kuala Sungai Baru	Gerai PLB
86	Kampung Batu 14, Puchong (Belakang Dewan)	Gerai PLB
87	Kampung Batu 14, Puchong (Belakang Pasaraya Hero)	Gerai PLB
88	Dewan Serbaguna Batu 14 Puchong	Dewan Serbaguna
89	Dewan Serbaguna Seri Kembangan	Dewan Serbaguna
90	Dewan Serbaguna Taman Kinrara	Dewan Serbaguna
91	Dewan Serbaguna Sri Serdang	Dewan Serbaguna
92	Dewan Puchong Jaya	Dewan Serbaguna
93	Dewan Serbaguna Puchong Indah	Dewan Serbaguna
94	Dewan Orang Ramai SS 15 Subang Jaya	Dewan Serbaguna
95	Dewan Orang Ramai Dr. George Lim Ah Soo Putra Permai Taman Equine	Dewan Serbaguna
96	Dewan Orang Ramai Jalan Cemara, Bukit Serdang (Premier Green)	Dewan Serbaguna
97	Kompleks Kemudahan 1 Tingkat , Bandar Putra Permai (Fine Leather)	Dewan Serbaguna
98	Dewan Serbaguna Putra Heights	Dewan Serbaguna
99	Pasar Awam Batu 14, Puchong.	Pasar Awam
100	Pasar Awam Seri Kembangan.	Pasar Awam
101	Pasar Basah Jalan Sri Serdang Utara	Pasar Awam
102	Pasar Moden dan Medan Selera SS 15, Subang Jaya	Pasar Awam
103	Taman Perindustrian Puchong Utama – Tapak Semaian MPSJ.	Tapak Semaian
104	Stor Jabatan Kesihatan MPSJ Batu 3, Shah Alam.	Stor
105	Tapak Kurungan Haiwan Taman Puchong Utama.	Tapak Kurungan Haiwan
106	Pusat Komuniti SS 15, Subang Jaya	Balai Masyarakat
107	Balairaya SS 19, Subang Jaya	Balai Masyarakat
108	Jalan PJS 7/15, Bandar Sunway.	Balai Masyarakat
109	Pusat Komuniti USJ13, Subang Jaya	Balai Masyarakat
110	Balairaya USJ 2/4S, Subang Jaya	Balai Masyarakat
111	Balairaya USJ 1, Flat Angsana, Subang Jaya	Balai Masyarakat
112	Lorong Intan 3, Taman Batu 3, Alam Intan, Shah Alam.	Balai Masyarakat
113	Balairaya Kg Kebun Bunga Batu 3, Shah Alam	Balai Masyarakat
114	Jalan Putra Indah 9/2, Putra Heights	Balai Masyarakat
115	Kg Batu 13, Jalan Tempinis, Puchong	Balai Masyarakat
116	Kg Kuala Sg Baru, Baru 13, Puchong	Balai Masyarakat
117	Jalan Sri Puchong 7, Taman Sri Puchong	Balai Masyarakat
118	Pusat Komuniti IT (Bangunan IOI Property), Jalan Merak, Puchong Jaya	Balai Masyarakat
119	Jalan TK 1/14, Taman Kinrara Seksyen 1, Kinrara Puchong.	Balai Masyarakat
120	Jalan TK 5/14, Taman Mawar Seksyen 5, Kinrara Puchong.	Balai Masyarakat
121	Jalan 26, Taman Bukit Kuchai, Puchong	Balai Masyarakat

Bil.	Alamat	
122	Jalan 19, Taman Bukit Kuchai, Puchong	Balai Masyarakat
123	Balairaya Kg. Seri Aman, Puchong	Balai Masyarakat
124	Jalan Puchong Intan 2	Balai Masyarakat
125	Jalan Indah 3/8, Taman Puchong Indah Puchong.	Balai Masyarakat
126	Jalan Perdana 4/2A, Taman Puchong Perdana	Balai Masyarakat
127	Balai Masyarakat Persiaran Puchong Perdana (Teratai)	Balai Masyarakat
128	Jalan Permai 1/11, Taman Puchong Permai, Puchong	Balai Masyarakat
129	Jalan BP 2/2, Bandar Bukit Puchong.	Balai Masyarakat
130	Rumah PKNS Batu 13 ½ Puchong.	Balai Masyarakat
131	Jalan BK 2/10, Bandar Kinrara BK 2.	Balai Masyarakat
132	Jalan BS 4/2 Taman Sri Andalas	Balai Masyarakat
133	Rumah PKNS Taman 2/1, Serdang Jaya.	Balai Masyarakat
134	Jalan 1/8, Kembang Sari II, Sri Serdang	Balai Masyarakat
135	Balairaya Jalan 5/6, Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan	Balai Masyarakat
136	Jalan 4/3, Taman Sri Andalas, Taman Serdang Jaya	Balai Masyarakat
137	Balairaya Jalan Indah 2/2, Taman Universiti Indah	Balai Masyarakat
138	Balairaya Jalan Indah 3, Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan	Balai Masyarakat
139	Jalan Universiti Indah 1, Taman Universiti Indah	Balai Masyarakat
140	Jalan BS 4/2, Taman Bukit Serdang	Balai Masyarakat
141	Jalan BS 5/5, Taman Bukit Serdang	Balai Masyarakat
142	Jalan SK 1/2, Kawasan 1	Balai Masyarakat
143	Jalan SK 5/3, Kawasan 5	Balai Masyarakat
144	Jalan SK 7/6, Kawasan 7	Balai Masyarakat
145	Jalan SK 4/2, Kawasan 4	Balai Masyarakat
146	Balairaya Jalan Muhibbah 7, Taman Muhibbah, Seri Kembangan	Balai Masyarakat
147	Jalan Muhibbah 18, Taman Muhibbah, Serdang.	Balai Masyarakat
148	Balairaya Jalan SR7/9, Serdang Raya	Balai Masyarakat
149	Pusat Warga Emas Jalan SR8/10, Serdang Raya	Balai Masyarakat
150	Balai, Jalan Indah 2, Taman Universiti Indah	Balai Masyarakat
151	Balai SK 2/5, Seri Kembangan	Balai Masyarakat
152	Pusat Kitar Semula Seksyen 5 Serdang Jaya	Pusat Kitar Semula
153	Pusat Kitar Semula Kawasan Dewan UMNO Kg. Bukit Lanchong Puchong	Pusat Kitar Semula
154	Pusat Kitar Semula Kawasan Tabika Kemas Kg. Kuala Sg Baru	Pusat Kitar Semula
155	Pusat Kitar Semula Kawasan Dewan Dan Tabika Kemas Kg. Sri Langkas Bt 13	Pusat Kitar Semula
156	Pusat Kitar Semula Kawasan Lapang Taman Tasik Wawasan, Pusat Bandar	Pusat Kitar Semula
157	Pusat Kitar Semula Kawasan Lapang, USJ 9/1L, Subang Jaya.	Pusat Kitar Semula
158	Pusat Kitar Semula Kawasan Lapang Jalan SS 17/2, Subang Jaya.	Pusat Kitar Semula
159	Pusat Kitar Semula Putra Heights	Pusat Kitar Semula
160	Pusat Kitar Semula Puchong Hartamas	Pusat Kitar Semula
161	Pusat Kitar Semula Taman Universiti	Pusat Kitar Semula
162	Pusat Kitar Semula Bandar Puteri	Pusat Kitar Semula
163	Pusat Kitar Semula Taman Kinrara Seksyen 3	Pusat Kitar Semula
164	Pusat Kitar Semula Kampung Tengah Puchong	Pusat Kitar Semula
165	Pusat Kitar Semula Taman Seri Serdang, Serdang	Pusat Kitar Semula
166	Pusat Kitar Semula MPSJ USJ 1	Pusat Kitar Semula
167	Pusat Kitar Semula MPSJ Kg. Baru Seri Puchong	Pusat Kitar Semula
168	Pusat Kitar Semula MPSJ Bukit Kuchai	Pusat Kitar Semula
169	Pusat Kitar Semula Puchong Permai	Pusat Kitar Semula
170	Pusat Kitar Semula MPSJ Serdang Raya Seksyen 7	Pusat Kitar Semula
171	Pusat Kitar Semula Serdang Utama	Pusat Kitar Semula
172	Pusat Kitar Semula MPSJ Taman Bukit Serdang Seksyen 9	Pusat Kitar Semula
173	Pusat Kompos Sisa Makanan MPSJ	Pusat Kitar Semula
174	Pusat Kitar Semula Ibu Pejabat MPSJ	Pusat Kitar Semula
175	Tandas Awam SS13 Subang Jaya	Tandas Awam
176	Tandas Awam Tasik Wawasan, Puchong	Tandas Awam
177	Tandas Awam Puchong Perdana **	Tandas Awam

Lampiran 2

Bil.	Jenis Aset	Hasil Bulanan (RM)
1.	Perumahan Rakyat – Pangsapuri Enggang	RM 15,000.00
2.	Perumahan Rakyat – Pangsapuri Sri Kayan	RM 2,000.00
3.	Rumah Peranginan – Cameron Highlands	RM 1,800.00
4.	Rumah Peranginan – Port Dickson	RM 550.00
5.	Tanah Kosong PT 2427 HS(M) 30246 (Lot 560)	RM 4,611.00
6.	Medan Selera Bandar Puchong Jaya	RM 2,650.00
7.	Medan Selera Taman Perindustrian Bukit Serdang	RM 6,334.56
8.	Medan Selera Taman Bukit Kuchai	RM 1,665.00
9.	Gerai Subang Jaya	RM 27,300.00
10.	Gerai Puchong	RM 36,000.00
11.	Gerai Seri Kembangan	RM 50,850.00
12.	Gerai Upen	RM 3,900.00
13.	Gerai PLB	RM 2,500.00
14.	Pasar Awam /Pasar Moden	RM 45,440.00

SENARAI KEMUDAHAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MENGIKUT ZON ZON SUBANG JAYA

BIL	KEMUDAHAN	HASIL BULANAN (RM)
1.	PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MPSJ, KOMPLEKS 3C	SEPERTI DI SENARAI HASIL YANG DISERTAKAN
2.	KOMPLEKS 3K, SS13 SUBANG JAYA	
3.	KOMPLEKS 3C, BANDAR SUNWAY	
4.	KOMPLEKS SUKAN MPSJ, USJ 5 , SUBANG JAYA	
5.	STADIUM MINI SS 13, SUBANG JAYA	
6.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, SS 15, SUBANG JAYA	
7.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ BATU 3	
8.	TASKA MPSJ, USJ 3	
9.	TASKA PPK (KOMPLEKS 3C) BANDAR SUNWAY	
10.	LAMAN SUKAN, USJ 1	
11.	LAMAN SUKAN, USJ 11	
12.	LAMAN SUKAN, USJ 14	
13.	LAMAN SUKAN, PUTRA HEIGHT SEKSYEN 9	
14.	PADANG AWAM, USJ 2	
15.	PADANG AWAM, USJ 12	
16.	PADANG AWAM, USJ 20	
17.	PADANG AWAM, SS 15	
18.	GIMNASIUM (IBUPEJABAT) MPSJ, SUBANG JAYA	
RINGKASAN : PERPUSTAKAAN : 1 KOMPLEKS : 3 STADIUM : 1 TASKA : 2 DEWAN : 2 LAMAN SUKAN : 4 PADANG : 4 GIMNASIUM : 1		ZON PUCHONG / KINRARA

BIL	KEMUDAHAN	HASIL BULANAN (RM)
1.	PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MPSJ, PUCHONG	SEPERTI DI SENARAI LAPORAN HASIL YANG DISERTAKAN
2.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, PUCHONG INDAH	
3.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, PUCHONG JAYA	
4.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, PUCHONG BATU 14	
5.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, PUCHONG UTAMA 7	
6.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, TAMAN KINRARA	
7.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, BANDAR BUKIT PUCHONG	
8.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, KAMPUNG SERI AMAN	
9.	TASKA PERMATASARI (KUARTERS) MPSJ, PUCHONG	
10.	PADANG AWAM, PUCHONG INDAH	
11.	PADANG AWAM, PUCHONG UTAMA 4	
12.	PADANG AWAM, PUCHONG UTAMA 1/4	
13.	PADANG AWAM, BANDAR BUKIT PUCHONG 1	
14.	PADANG AWAM, KAMPUNG SERI AMAN	
15.	PADANG AWAM, BK 2, KINRARA	
16.	PADANG AWAM, BK 3, KINRARA	
17.	GIMNASIUM MPSJ (DEWAN PUCHONG INDAH)	
RINGKASAN : PERPUSTAKAAN : 1 DEWAN : 7 TASKA : 1 PADANG : 7 GIMNASIUM : 1		

ZON SERDANG

BIL	KEMUDAHAN	HASIL BULANAN (RM)
1.	STADIUM, SERDANG JAYA	SEPERTI DI SENARAI LAPORAN HASIL YANG DISERTAKAN
2.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, SERI SERDANG	
3.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, JALAN PERINDUSTRIAN PP2 (FINE LEATHER)	
4.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, BUKIT SERDANG SEKSYEN 13 (THE SANDERSON)	
5.	PADANG AWAM, JALAN 18/5, SERI SERDANG	
6.	PADANG AWAM, JALAN 18/46, SERI SERDANG	
RINGKASAN : STADIUM : 1 DEWAN : 3 PADANG : 2		

ZON SRI KEMBANGAN

BIL	KEMUDAHAN	HASIL BULANAN (RM)
1.	PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MPSJ, KOMPLEKS 3K	SEPERTI DI SENARAI LAPORAN HASIL YANG DISERTAKAN
2.	KOMPLEKS 3K, SERDANG RAYA	
3.	DEWAN SERBAGUNA MPSJ, SERI KEMBANGAN	
4.	PADANG AWAM, JALAN PUJ 5/7	
5.	PADANG AWAM, SG. BESI INDAH	
6.	PADANG AWAM, TAMAN UNIVERSITI INDAH	
7.	PADANG AWAM, LEP 5	
8.	DATARAN ANAK MUDA, JALAN PUJ 2/29	
9.	GIMNASIUM (KOMPLEKS 3K), SERDANG RAYA	
10.	KOLAM RENANG (KOMPLEKS 3K), SERDANG RAYA	
RINGKASAN : PERPUSTAKAAN : 1 KOMPLEKS 3K : 1 DEWAN SERBAGUNA : 1 PADANG : 4 DATARAN ANAK MUDA : 1 GIMNASIUM : 1 KOLAM RENANG : 1		

RINGKASAN MAKLUMAT KESELURUHAN

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • 3 PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MPSJ • 4 KOMPLEKS • 2 STADIUM • 3 TASKA • 13 DEWAN SERBAGUNA | <ul style="list-style-type: none"> • 17 PADANG AWAM • 4 LAMAN SUKAN • 3 GIMNASIUM • 1 KOLAM RENANG |
|--|--|

JUMLAH KESELURUHAN KEMUDAHAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT : 50 KEMUDAHAN

LAPORAN HASIL BAGI DEWAN SERBAGUNA MPSJ :

KOD	BUTIRAN HASIL	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	
74203	Dewan Puchong Batu 14	2,762.00	2,424.00	4,024.00	4,787.01	4,880.26	3,197.01	4,019.62	3,652.84	3,315.81				33,062.55	
	Dewan Puchong Indah	28,348.00	9,824.00	11,148.00	15,753.75	3,917.76	10,911.64	4,623.84	9,911.29	12,547.11				106,985.39	
	Dewan Puchong Jaya	1,470.00	1,318.00	3,438.00	3,235.21	3,937.04	2,900.32	1,715.21	4,028.13	4,924.91				26,966.82	
	Dewan Seri Serdang	3,882.00	3,052.00	1,390.00	423.19	3,090.98	275.60	1,272.01	428.27	674.20				14,488.25	
	Dewan Seri Kembangan	422.00	2,040.00	1,042.00	2,943.35	59.36	523.65	553.32	59.39	678.40				8,321.47	
	Dewan SS15/4	6,668.00	4,018.00	3,558.00	2,511.68	2,938.36	9,198.70	1,522.17	3,103.77	3,209.86				36,728.54	
	Dewan Taman Kinrara	680.00	390.00	522.00	1,816.98	1,520.15	1,488.33	1,537.02	447.39	2,635.22				11,037.09	
	Dewan Bandar Bukit Puchong	-	1,200.00	742.00	360.41	631.78	167.49	551.20	281.96	534.27				4,469.11	
	Dewan batu 3	-	-	280.00	286.26	252.37	163.30	133.56	207.80	279.96				1,603.25	
	Dewan Bukit Serdang Seksyen 13	-	-	-	-	-	-	-	63.65	218.50	263.00				545.15
	Dewan Puchong Utama 7	-	-	-	-	-	-	-	-	-					
	Dewan kg. Seri Aman	-	-	-	-	-	-	-	-	-					
	Dewan JLN PP 2	-	-	-	-	-	-	-	-	-					
JUMLAH (RM)		44,232.00	23,066.00	25,122.00	32,117.84	21,228.06	28,826.04	15,991.60	22,339.34	29,062.74				241985.62	

LAPORAN HASIL BAGI BAHAGIAN KEMUDAHAN DAN KEMUDAHAN BELIA SUKAN MPSJ :

KOD	BUTIRAN HASIL	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
74000	Sewaan (Kod Hasil :74203) Sewa Dewan Dan Bangunan	44,232.00	23,066.00	25,122.00	32,117.84	21,228.06	33,726.04	15,991.60	22,339.34	29,062.74				246,885.62
	Sewaan (Kod Hasil :74208) Sewa Kompleks Sukan	-	6,100.00	24,800.00	4,664.00	2,544.00	17,883.20	2,809.00	-	10,653.00				69,453.20
	Sewaan (Kod Hasil :74209) Sewa Stadium Tertutup	1,417.50	2,207.50	2,365.00	3,928.15	3,569.55	2,112.05	4,931.65	2,326.70	1,865.00				24,723.10
	Sewaan (Kod Hasil :74210) Sewa Kompleks 3K	1,768.00	1,875.00	1,575.00	878.90	2,263.10	7,456.20	4,719.40	4,649.40	4,472.90				29,657.90
	Sewaan (Kod Hasil :74213) Sewa Stadium Mini SS 13	11,540.00	8,070.00	11,890.00	5,649.80	1,547.60	6,105.60	530.00	8,448.20	4,112.80				57,894.00
72000	Sewaan (Kod Hasil : 72425) Kemudahan 3K SS13	-	-	-	-	-	-	-	-	-				-
	Sewaan (Kod Hasil : 72426) FI Kawasan Lapang/Padang Bolasepak	300.00	1,800.00	1,600.00	3,475.00	1,200.00	1,950.00	2,700.00	600.00	1,968.86				15,593.86
	Sewaan (Kod Hasil : 72429) Permit Pengambaran	-	-	-	-	-	-	-	-	-				-
	Aktiviti Rakan Muda (Kod Hasil : 72410)	-	-		15,750.00	2,000.00	8,320.00	-	6,301.96	400.00				32,771.96

LAPORAN HASIL BAGI BAHAGIAN KOMPLEK 3K

KOD	BUTIRAN HASIL	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
74000	Pendaftaran (Kod Hasil :74210) Kolam Renang	0	0	0	0	620.00	4,450.00	600.00	2,040.00	1,160.00				8,870.00
82000	Tambah Nilai (Kod Hasil :82328) Kolam Renang	0	0	0	0	1,030.00	11,490.00	2,540.00	9,180.00	5,970.00				30,210.00
	JUMLAH (RM)	0.00	0.00	0.00	0.00	1,650.00	15,940.00	3,140.00	11,220.00	7,130.00	-	-	-	39,080.00

LAPORAN HASIL BAGI BAHAGIAN PERPUSTAKAAN

KOD	BUTIRAN HASIL	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
72411	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 01) Bengkel	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0.00
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 01) Makmal Komputer	0	200.00	200.00	200.00	0	0	0	0	0				600.00
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 01) Aktiviti Perpustakaan	0	0	0	0	622.70	0	0	0	0				622.70
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 02) Keahlian	717.00	567.00	773.00	922.00	790.00	1,252.00	908.00	969.00	992.40				7890.40
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 03) Denda	344.00	331.50	336.00	598.00	348.95	395.00	340.50	446.90	328.00				3468.85
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 04) Perkhidmatan Komputer	155.60	286.60	293.10	183.50	140.00	270.45	73.90	120.05	227.55				1750.75
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 04) Cetakan	18.00	4.00	0	19.50	36.75	58.00	61.95	23.90	48.90				271.00
	Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 04) Fotokopi & Binding	33.90	29.00	0	16.30	0.80	26.20	39.15	22.10	12.10				179.55

Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 04) Imbasan (Scanning)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0			0.00
Perkhidmatan Perpustakaan (Kod Hasil :72411) (Sub Kod Hasil : 05) Pelupusan Buku	142.00	241.00	70.00	172.00	137.00	327.00	0.00	204.20	986.02				2279.22
JUMLAH (RM)	1,410.50	1,659.10	1,672.10	2,111.30	2,076.20	2,328.65	1,423.50	1,786.15	2,594.97	-	-	-	17,062.47

LAPORAN HASIL BAHAGIAN KOMPLEKS 3C & PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

KOD	BUTIRAN HASIL	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
72419	Sub Kod Hasil : 01 Yuran PPK 3C (Potongan Gaji)	8,360.00	6,600.00	5,960.00	6,060.00	5,840.00	3,750.00	29,860.00	5,890.00	4,850.00				77,170.00
	Sub Kod Hasil : 02 Sewa Audi	1,130.00	940.00	3,050.00	790.00	1,710.00	1,180.00	490.00	1,750.00	945.00				11,985.00
	Sub Kod Hasil : 03 Yuran aktiviti	0	0	0.00	110.00	2,373.15	0	0	3,918.66	0				6,401.81
	Sub Kod Hasil : 04 Sewa Operator	5,024.00	5,874.00	14,874.00	14,578.00	0.00	12.00	0	0	0				40,362.00
	Sub Kod Hasil : 08 Yuran Taska Kuarters	17,910.00	8,650.00	8,550.00	8,320.00	8,960.00	8075.66	0	7,750.00	7,870.00				76,085.66
	Sub Kod Hasil : 12 Sewa Ruang	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0
	Sub Kod Hasil : 13 Yuran Taska USJ 3	29,270.00	15,060.00	15,350.00	15,770.00	15,800.00	15,690.00	360.00	16,900.00	18,340.00				142,540.00
	Sub Kod Hasil : 14 Pakaian Seragam Kanak-Kanak PPK	16,578.00	828.00	96.00	342.00	0	38.10	165.00	154.72	1,052.85				19,254.67
	Sub Kod Hasil : 15 Lain-Lain Hasil	12,430.00	440.00	193.00	120.00	400.00	0	0	0	471.68				14,054.68
	Sub Kod Hasil : 16 Bayaran Yuran PPK 3C (Public)	28,625.00	14,850.00	13,250.00	18,550.00	8,356.00	13,910.85	18,950.01	15,100.00	19,850.47				151,442.33
Jumlah Hasil 72419		119,327.00	53,242.00	61,323.00	64,640.00	43,439.15	42,656.61	49,825.01	51,463.38	53,380.00	0.00	0.00	0.00	539,296.15
74201	Bayaran Sewaan Kafeteria Di Kompleks 3C	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,060.00	1,060.00	1,060.00	1,060.00	1,060.00	1,060.00				9,360.00
	Bayaran Sewaan Ruang Di Kompleks 3C	0	0	0	0	12,010.44	10,261.44	9,459.44	9,936.44	9,936.44				51,604.20
74203	Bayaran Tempahan Kemudahan Kompleks 3C	0	0	0	0	0	0	0	0	2,196.40				2,196.40

74215	Bayaran Sewaan Agensi Kerajaan Di Kompleks 3C	0	0	0	0	0	0	0	24000.00	36,000.00				60,000.00
74802	Bayaran Sewa Iklan Luaran Di Kompleks 3C (UNIPOLE)	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	50,000.04
	Bayaran Sewa Iklan Luaran Di Kompleks 3C (KSI RHYTHM)	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0
81114	Sub Kod Hasil : 01 Pulangan Balik	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0
Jumlah Besar (72419 + 74201 + 74802 + 81114)		124,493.67	58,408.67	65,489.67	68,806.67	60,676.26	58,144.72	64,511.12	90,626.49	57,546.67	4,166.67	4,166.67	4,166.67	592,656.19

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN ASAS

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kaedah Kerajaan Negeri dalam memantau keberkesanan laluan “Bas Percuma Selangorku” sejak Julai 2015, dan hasil pemantauan.
- b) Sila nyatakan Dasar Pengangkutan Awam Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti menyediakan laluan pejalan kaki yang berkualiti dan tanaman pokok yang sesuai.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah berjaya melancarkan perkhidmatan bas secara percuma yang dikenali sebagai Bas Selangorku pada 1 Julai 2015. Kejayaan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan kemudahan pengangkutan percuma untuk semua rakyat di Negeri Selangor secara berperingkat.

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015, perkhidmatan Bas Selangorku telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ini berdasarkan laporan bulanan yang dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat sebagai salah satu kaedah pemantauan yang berterusan bagi memastikan kemudahan tersebut adalah relevan dan boleh dipercayai.

Berdasarkan rekod, terdapat peningkatan sehingga 77.42 peratus (77.42%) bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 September 2015 dengan jumlah keseluruhan penumpang adalah 234,110 orang. Perincian peningkatan bagi setiap PBT bermula Julai hingga September adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Jumlah Penumpang dari Julai hingga September Mengikut PBT

PBT	JUMLAH PENUMPANG			<u>Jumlah mengikut PBT / Keseluruhan</u>
	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	
MBSA	26,709	42,066	45,894	114,669
MPSJ	19,699	30,686	33,419	83,804
MPK	6,821	13,688	15,128	35,637
Jumlah Bulanan	53,229	86,440	94,441	<u>234,110</u>

- b) Rangka yang telah dirancang untuk digariskan dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor adalah menetapkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian ialah 60:40 berbanding nisbah yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) iaitu 40:60. Sehubungan itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan sistem jaringan pengangkutan awam yang menyeluruh serta merangkumi aspek-aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di negeri Selangor. Namun, Kerajaan Negeri tidak mengabaikan infrastruktur lain yang berkait rapat dengan pengangkutan awam seperti laluan pejalan kaki yang berkualiti dan tanaman pokok yang sesuai. Usaha untuk menambahbaik infrastruktur-infrastruktur ini sentiasa dilaksanakan dengan menaiktaraf kemudahan awam seperti yang dilaksanakan oleh pihak PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PENAIKTARAFAN PARIT-PARIT TANAH KE KONKRIT

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat beberapa parit besar di Pandamaran yang masih merupakan parit tanah, contohnya di Jalan Bungur, Jalan Wooten dan Jalan Kastam Pandamaran. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf semua parit tanah di Selangor terutamanya di Klang dan Pandamaran?

JAWAPAN:

- a) Memang terdapat cadangan bagi menaiktarafan parit tanah di Selangor. Namun jenis menaiktarafan adalah bergantung kepada kesesuaian di tapak sama ada reka bentuk asal parit tanah perlu dikekalkan atau perlu dinaiktaraf kepada parit konkrit. Walau bagaimanapun, reka bentuk parit tanah masih diutamakan bagi mengekalkan unsur-unsur semula jadi. Penggunaan parit konkrit adalah hanya sesuai di kawasan parit atau sungai yang tidak mempunyai rizab.

Cadangan bagi menaiktaraf parit tanah di beberapa kawasan kritikal terutamanya di Klang telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan perlaksanaan projek pembangunan pada tahun 2016.

Maklumat Tambahan:

Antara cadangan projek menaiktaraf saluran yang telah dimasukkan dalam perancangan tahun 2016 adalah:

1. Projek menaiktaraf sistem saluran di kawasan Kg Johan Setia, mukim Klang, daerah Klang Fasa 2.
2. Projek menaiktaraf sistem saluran di kawasan Kg Johan Setia, mukim Klang, daerah Klang (sambungan).
3. Projek menaiktaraf sistem saluran di Teluk Menegun, mukim Klang Fasa 2.
4. Projek menaiktaraf sistem saluran di Teluk Menegun, mukim Klang (sambungan).
5. Membina dan menyiapkan sebuah pintu air pasang surut di Kuala Sungai Kapar Kecil, Kg. Perepat, Sg. Batu 6, Sg. Keramat, mukim Kapar, daerah Klang.

6. Projek menaiktaraf sistem saliran Revolusi Hijau Johan Setia.
7. Projek menaiktaraf sistem saliran di pekan Meru daerah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pembayaran pembiayaan Skim Hijrah setakat 30 September 2015 ?
- b) Berapa ramai penerima sumbangan Hijrah setakat 30 September 2015?
- c) Senaraikan jumlah sumbangan dan jumlah penerima Hijrah mengikut daerah.

JAWAPAN:

- a) Sehingga September 2015, terdapat seramai 11,148 peserta dengan nilai sebanyak RM 58,371,000 juta telah menerima pinjaman HIJRAH SELANGOR.

HIJRAH SELANGOR telah berjaya mengutip semula bayaran balik pinjaman yang telah dijadualkan sebanyak RM 10,273,246.02 juta atau 98% daripada jumlah patut bayar.

- b) Sehingga September 2015, terdapat seramai 11,148 peserta yang telah membuat pinjaman dengan HIJRAH SELANGOR.
- c) Sehingga **Oktober 2015**, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN (56 DUN) dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan pinjaman kepada seramai 11,378 orang peserta.

CAWANGAN (PARLIMEN)	BIL PESERTA	RM
CAWANGAN KAPAR	586	2,626,000
CAWANGAN KLANG	302	1,276,000
CAWANGAN KOTA RAJA	517	1,976,000
CAWANGAN KUALA SELANGOR	724	3,381,000
CAWANGAN SABAK BERNAM	717	3,692,000
CAWANGAN SHAH ALAM	302	1,379,000
CAWANGAN SUNGAI BESAR	994	4,988,000
CAWANGAN TANJUNG KARANG	647	3,106,000
JUMLAH ZON	4,789	22,424,000
CAWANGAN AMPANG	233	1,374,000

CAWANGAN HULU LANGAT	636	3,843,000
CAWANGAN KUALA LANGAT	662	4,538,000
CAWANGAN PANDAN	279	1,558,000
CAWANGAN PUCHONG	249	935,000
CAWANGAN SEPANG	798	5,098,000
CAWANGAN SERDANG	403	2,349,000
JUMLAH ZON	3,260	19,695,000
CAWANGAN GOMBAK	235	915,000
CAWANGAN HULU SELANGOR	870	5,153,000
CAWANGAN KELANA JAYA	256	1,019,000
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	296	1,454,000
CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	206	835,000
CAWANGAN SELAYANG	537	2,478,000
CAWANGAN SUBANG	929	5,390,000
JUMLAH ZON	3,329	17,244,000
HIJRAH SELANGOR	11,378	59,363,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)


50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) apabila melakukan operasi di kawasan agama selain daripada Islam? Jika ya, sila bekalkan.
- b) Jika tidak, apakah sebab penangguhan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tiada *Standard Operating Procedure* (SOP) khas bagi melakukan operasi di kawasan agama selain agama Islam.
- b) JAIS menggunakan pakai Arahan Tetap Pengarah JAIN 2007 (seperti di LAMPIRAN D) dan seksyen 18 Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.3 Tahun 2003 (seperti yang di LAMPIRAN E) di dalam melakukan pemeriksaan di premis awam atau persendirian.

LAMPIRAN D



- (ii) mengemukakan maklumat tersebut kepada PPA (pegawai penyiasat) untuk mendapatkan kebenaran KPS bagi menjalankan siasatan.
- (h) bagi kesalahan boleh tangkap (KBT), PPA hendaklah—
 - (i) jika perlu melaporkan kepada KPS, membuat laporan mengenai maklumat itu dengan seberapa segera yang mungkin kepada KPS dan hendaklah mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di dalam subperenggan (h)(iii); atau
 - (ii) jika tidak perlu dilaporkan kepada KPS, terus mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di dalam subperenggan (h)(iii).
 - (iii) PPA hendaklah pergi sendiri atau mempertanggungjawabkan seorang pegawai bawahannya untuk pergi ke tempat kesalahan itu dilakukan untuk menjalankan siasatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan 5 Tatacara Menjalankan Siasatan.
 - (iv) walau apa pun peruntukan dalam subperenggan (h)(iii)—
 - (A) jika PPA berpendapat bahawa sesuatu kes itu tidak berat, PPA tidaklah boleh mengambil tindakan seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (h)(iii); dan
 - (B) jika PPA berpendapat bahawa tiada alasan yang munasabah untuk bertindak dalam kes itu, PPA tidaklah boleh mengambil tindakan seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (h)(iii).
- (i) sekiranya subperenggan (h)(iv) terpakai, PPA hendaklah menyatakan dalam laporannya, jika ada, sebab-sebab dia tidak

14

boleh mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di dalam subperenggan (h)(iii).

TATACARA MENJALANKAN SIASATAN

Tindakan awal

5. Bagi tujuan tindakan awal siasatan, langkah-langkah yang berikut hendaklah dipatuhi :

- (a) mendapatkan arahan daripada KPPA untuk bertindak;
- (b) mengenal pasti pegawai untuk bertindak dan melantik Ketua Operasi;
- (c) menyediakan kenderaan dan peralatan seperti gari, lampu suluh, kamera dan perkara lain yang diperlukan;
- (d) memastikan peralatan tersebut boleh digunakan dan berfungsi dengan baik;
- (e) memberi tanggungjawab khusus kepada pegawai tertentu untuk mengendalikan peralatan tersebut semasa tindakan sedang dijalankan; dan
- (f) jika PPA berpendapat bahawa sesuatu siasatan itu memerlukan bantuan dan kerjasama pihak PDRM atau agensi penguat kuasa undang-undang yang lain, maka PPA bolehlah mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada agensi yang berkenaan.

Taklimat operasi

6. Tatacara bagi taklimat operasi adalah seperti yang berikut:

- (a) sebelum memulakan siasatan, KPPA atau Ketua Operasi hendaklah memberikan taklimat pada masa dan tempat yang bersesuaian dan hendaklah dihadiri oleh semua pegawai operasi;

15

- (b) KPPA atau Ketua Operasi hendaklah menerangkan tujuan operasi serta pelan lokasi kepada pegawai operasi yang terlibat;
- (c) menentukan tugas pegawai operasi mengikut kesesuaian tindakan di lokasi;
- (d) tindakan pegawai operasi hendaklah berdasarkan kepada arahan yang diberikan oleh KPPA atau Ketua Operasi;
- (e) setiap pegawai operasi hendaklah mendengar dengan jelas dan memahami taklimat yang diberikan oleh Ketua Operasi;
- (f) jika melibatkan agensi penguat kuasa undang-undang yang lain, pastikan mereka diberi taklimat dan kefahaman yang jelas bagi maksud penglibatan mereka; dan
- (g) jika perlu, mengarahkan suatu kumpulan pegawai operasi untuk berada di dalam premis dalam masa yang munasabah bagi tujuan pemerhatian dan pengesanan OYDS sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil.

Tindakan semasa berada di lokasi

7. Bagi tujuan penguatkuasaan semasa berada di lokasi, langkah-langkah yang berikut hendaklah dipatuhi:

- (a) sebelum sampai di lokasi, Ketua Operasi hendaklah memaklumkan kehadiran mereka di kawasan itu serta tujuannya kepada Ketua Polis Daerah (KPD) atau Ketua Polis Balai (KPB) kawasan yang berkenaan. Jika KPD atau KPB tidak dapat dihubungi, PPA di ibu pejabat hendaklah dimaklumkan untuk memberitahu kehadiran pegawai operasi di kawasan itu kepada KPD atau KPB kawasan berkenaan;

16

- (b) kegagalan untuk menghubungi pihak polis tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak meneruskan operasi. Operasi hendaklah diteruskan setelah Ketua Operasi memaklumkan dan mendapat izin daripada KPPA;
- (c) sebelum memulakan operasi, Ketua Operasi hendaklah memastikan semua pegawai operasi yang terlibat mengambil peranan masing-masing;
- (d) Ketua Operasi hendaklah memberi salam, memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan kehadiran kepada OYDS atau mana-mana orang yang berada di lokasi atau premis, dengan menunjukkan kad kuasa, waran tangkap atau waran geledah;
- (e) jika pegawai operasi mempunyai syak yang munasabah suatu kesalahan telah dilakukan oleh OYDS, tangkapan hendaklah dilakukan dengan apa-apa cara yang munasabah, iaitu dengan cara menyentuh atau mengurung tubuh OYDS, melainkan jika OYDS menyerah diri sama ada dengan perkataan atau melalui perbuatan;
- (f) sekiranya mana-mana pegawai yang membuat tangkapan mendapati OYDS tersebut mempunyai senjata berbahaya maka dia boleh mengambil apa-apa senjata berbahaya yang ada pada OYDS dan hendaklah menyerahkan segala senjata yang diambil kepada polis;
- (g) OYDS tidaklah boleh dikenakan sekatan lebih daripada yang perlu bagi mencegahnya melarikan diri. Jika OYDS menggunakan kekerasan menentang usaha untuk menangkapnya atau cuba mengelakkan penangkapan itu, pegawai operasi bolehlah menggunakan segala langkah yang perlu untuk melaksanakan

17

penangkapan itu, kecuali apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan kematian OYDS;

- (h) pegawai operasi hendaklah dengan seberapa segera memberitahu OYDS mengenai kesalahan yang disyaki dilakukan serta tanggungjawab OYDS untuk memberikan kerjasama kepada pegawai operasi;
- (i) pegawai operasi hendaklah memberitahu OYDS tentang haknya untuk mendapatkan khidmat peguam pilihannya dan menyerahkan senarai peguam syarie yang boleh dihubungi tanpa membuat apa-apa pengesyoran tentang pemilihan peguam kepada OYDS
- (j) pegawai operasi hendaklah mengambil maklumat diri serta maklumat lain daripada OYDS dan mana-mana orang yang berada di dalam premis tersebut. Maklumat tersebut hendaklah dicatatkan dalam buku catatan harian PPA;
- (k) PPA hendaklah mengarahkan supaya setiap orang yang berada di dalam premis itu ditahan sehingga penggeledahan itu selesai dan jika benda yang dicari itu adalah daripada jenis yang boleh disembunyikan pada tubuh seseorang, pemeriksaan badan bolehlah dibuat;
- (l) apabila didapati perlu untuk menyebabkan seseorang itu diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang yang sama jantinya dengan orang yang diperiksa itu dengan memberikan perhatian tegas tentang kesopanan;
- (m) menyita dan merekodkan segala benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu dalam suatu senarai yang disediakan. Salinan senarai itu hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang membuat sitaan itu dan OYDS, dan hendaklah diserahkan kepada OYDS atas permintaannya;

18

- (n) jika PPA mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang yang hendak ditangkap itu telah masuk ke dalam atau berada di dalam mana-mana tempat maka PPA hendaklah meminta kerjasama daripada orang yang tinggal di tempat itu atau yang menjaga tempat itu untuk membenarkannya masuk ke tempat itu dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk penggeledahan dijalankan di dalamnya;
- (o) jika kemasukan ke dalam tempat itu tidak dapat dibuat di bawah perenggan (m) di atas dan bagi tujuan untuk mengelakkan OYDS daripada melarikan diri, setelah memberitahu OYDS atau pemilik tempat itu tentang kuasa dan tujuannya, PPA bolehlah (walaupun tanpa waran tangkap) memecah buka mana-mana pintu atau tingkap untuk memasuki dan menggeledah tempat itu, dan menangkap OYDS; dan
- (p) PPA atau mana-mana pegawai operasi yang terperangkap di dalam premis tersebut bolehlah memecah buka mana-mana bahagian di dalam premis itu bagi tujuan untuk membebaskan diri.

Tindakan selepas tangkapan

8. Selepas tangkapan dibuat, langkah-langkah yang berikut hendaklah diambil:

- (a) laporan polis mengenai operasi hendaklah dibuat di balai polis yang mempunyai bidang kuasa;
- (b) mengikut kesesuaian sesuatu kes, OYDS bolehlah dibawa bersama ke balai polis yang mempunyai bidang kuasa. Sekiranya OYDS bersedia dengan penjamin, urusan jaminan dan pengambilan butir-butir diri OYDS bolehlah disempurnakan di balai

19

memuaskan tentang dirinya, bolehlah diperiksa bagi maksud menentukan nama dan tempat kediamannya.

Menangkap tanpa waran

18. Tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama, pegawai polis atau Pegawai Masjid boleh, tanpa perintah daripada Hakim dan tanpa waran, menangkap—

- (a) mana-mana orang yang kena-mengena dengan apa-apa kesalahan boleh ditangkap di dalam Negeri Selangor atau yang terhadapnya suatu aduan yang munasabah telah dibuat atau maklumat yang boleh dipercayai telah diterima atau syak yang munasabah wujud bahawa dia telah kena-mengena sedemikian;
- (b) mana-mana orang yang telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya apa-apa kesalahan yang melibatkan pecah keamanan;
- (c) mana-mana orang yang terhadapnya waran yang telah dikeluarkan di bawah Enakmen ini masih berkuat kuasa, walaupun waran itu tidak ada dalam milikannya.

Enggan memberikan nama dan kediaman

19. (1) Apabila mana-mana orang melakukan atau dituduh melakukan suatu kesalahan tak boleh tangkap di hadapan seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis dan enggan, apabila dikehendaki oleh pegawai itu, untuk memberikan nama dan kediamannya atau memberikan nama atau kediaman yang pegawai itu ada sebab untuk mempercayai adalah palsu, dia boleh ditangkap oleh pegawai itu untuk membolehkan nama dan kediamannya ditentukan, dan dia hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam dari waktu dia ditangkap, tidak masuk masa yang diperlukan bagi perjalanan dari tempat penangkapan itu, dibawa ke hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang terdekat melainkan jika sebelum itu nama dan kediamannya yang sebenar telah ditentukan dan dalam hal sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Hakim jika dikehendaki sedemikian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : HASIL DAN PULANGAN DARIPADA PASIR

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon kerajaan memberi maklumat terkini tentang semua hasil dan pulangan berkenaan dengan perlombongan pasir dan pasir laut termasuk hasil dalam bentuk royalti dan premium yang dikutip oleh pejabat tanah dan keuntungan KSSB serta dividen yang dibayar kepada kerajaan oleh KSSB.

JAWAPAN:

- a) Jadual di bawah mengandungi maklumat berkaitan semua hasil dan pulangan yang telah dibuat oleh KSSB semenjak penubuhan sehingga 2015 (sehingga September). Jumlah keseluruhan pulangan yang dibuat oleh KSSB kecuali jumlah keuntungan bersih untuk tempoh tersebut adalah sebanyak RM195,735.649.00

TAHUN	KEUNTUNGAN BERSIH (RM)	BAYARAN ROYALTI PTD (RM)	BAYARAN CUKAI PERNIAGAAN (RM)	BAYARAN DIVIDEN (RM)	BAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN (RM)	SUMBANGAN PROGRAM KERAJAAN NEGERI (RM)
2008	901,894	525,000	285,500	-	-	-
2009	6,524,507	5,114,901	2,291,000	3,500,000	-	1,398,950
2010	13,483,734	10,796,497	5,513,559	14,000,000	90,452	630,800
2011	12,016,110	16,008,606	4,635,696	6,000,000	175,047	7,946,010
2012	8,057,604	10,326,277	3,511,018	6,000,000	535,210	6,353,783
2013	11,921,363	14,119,995	3,512,800	15,000,000	391,547	1,895,130
2014	19,203,993	15,736,317	9,440,100	-	298,045	1,977,264
2015	12,507,407	14,042,787	5,994,738	-	548,620	7,140,000
JUMLAH (RM)	84,616,612	86,670,380	35,184,411	44,500,000	2,038,921	27,341,937

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : KAKITANGAN AWAM KONTRAK

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jumlah pegawai kontrak yang sedang berkhidmat di Negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk menyerapkan mereka yang berkhidmat lebih 10 tahun ke jawatan tetap?
- c) Apakah bantuan yang diberikan kepada mereka kerana tidak layak mendapat pinjaman perumahan daripada Kerajaan Negeri ?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat perjawatan yang dikemas kini sehingga 21 Oktober 2015, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sejumlah **4,043 orang*** (16.9% berbanding 23,917 orang penjawat awam secara keseluruhannya) pegawai dan kakitangan lantikan kontrak yang menyandang pelbagai jawatan di Jabatan / Agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN).

* sumber : Maklumat yang dijana daripada Sistem Maklumat
Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

- b) Urusan pengisian jawatan Tetap dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) berdasarkan jumlah waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Pada dasarnya, Perkhidmatan Awam tidak mempunyai sebarang dasar berkaitan 'penyerapan' secara automatik anggota lantikan Kontrak ke jawatan Tetap kerana pengisian kekosongan jawatan ini dilaksanakan secara terbuka yang mana turut melibatkan permohonan orang awam di luar organisasi melalui proses semakan kelayakan dan sesi temu duga.

Namun yang demikian, anggota lantikan Kontrak yang berprestasi tinggi (markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 85% dan ke atas), diperakukan oleh Ketua Jabatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun akan **diberikan keutamaan** untuk disenaraikan sebagai calon yang dipanggil ke **sesi temu duga sesuatu jawatan Tetap yang relevan** dengan kelayakan akademik dan pengalaman. Namun yang demikian, urusan

pelantikan ini masih tertakluk kepada markah keseluruhan dan prestasi semasa temu duga dijalankan.

Berhubung perkara ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan penstrukturan semula beberapa Jabatan / Agensi dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi mengoptimumkan guna tenaga berdasarkan keperluan. Sekiranya permohonan ini diluluskan, maka pegawai-pegawai lantikan Kontrak ini berpeluang untuk mengisi jawatan-jawatan yang baru diwujudkan ini.

- c) Buat masa ini, anggota yang dilantik secara Kontrak sememangnya tidak disediakan kemudahan pinjaman perumahan sepertimana yang dinikmati oleh anggota yang dilantik secara Tetap. Pelantikan anggota Kontrak dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 yang menjelaskan tentang segala bentuk kemudahan dan saraan pegawai dalam tempoh perkhidmatan.

Walaupun anggota lantikan Kontrak tidak diberikan kemudahan pinjaman perumahan, mereka diberikan peluang untuk memohon perumahan kos rendah dan mampu milik yang dikelolakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) seperti yang dinikmati oleh Penjawat Awam lantikan tetap.

Selain itu, mereka juga layak memohon pembelian rumah di bawah skim Dana – Sel yang disediakan oleh LPHS di mana mereka hanya perlu membayar secara bulanan kepada LPHS tanpa perlu membuat pinjaman daripada institusi kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KESIHATAN

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peserta yang memperolehi manfaat melalui program SKW dan kos yang dibelanjakan mengikut daerah?
- b) Senaraikan Pusat Dialisis Rakyat Selangor yang telah dan bakal beroperasi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri komited dan mengambil berat perihal kesihatan rakyat di Negeri Selangor. Golongan wanita merupakan penyumbang besar ke atas kesejahteraan negeri. Justeru itu, Program Skim Kesihatan Wanita (SKW) yang telah dilancarkan semenjak tahun 2010 masih giat dilaksanakan sehingga kini. Sehingga September 2015 seramai **20,299 orang** peserta telah menikmati manfaat menerusi program SKW ini dengan perbelanjaan secara keseluruhannya sebanyak **RM1,950,880.00**. Berikut adalah merupakan pecahan penerima manfaat mengikut daerah :-

DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)
PETALING	3,276
KLANG	2,820
GOMBAK	1,979
HULU LANGAT	1,553
SEPANG	761
KUALA LANGAT	2,888
KUALA SELANGOR	1,925
SABAK BERNAM	2,691
HULU SELANGOR	954

(Sumber dari Rangkaian Mesra Sdn. Bhd (RMSB)
Data sehingga Jun 2015)

- b) Untuk makluman Ahli- Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 buah Pusat Dialisis Rakyat Selangor yang beroperasi di Negeri Selangor. Iaitu di Ampang, Taman

Medan, Sementa dan Lembah Keramat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 9/2015 yang bersidang pada 4 Mac 2015 telah bersetuju untuk mewujudkan **Panel Dialisis Sihat Selangor (PDSS)**.

Program ini merupakan kerjasama strategik di antara Kerajaan Negeri dan pusat dialisis swasta yang berdaftar di Negeri Selangor yang telah dilancarkan pada 1 Oktober 2015. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor akan memilih, melawat dan mengaudit pusat dialisis swasta. Pusat dialisis swasta yang mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan dilantik sebagai PDSS. Pada tahun ini sebanyak 20 buah panel dialisis swasta telah dilantik sebagai PDSS Berikut adalah senarai 20 panel tersebut :

- i. **Renal Care Dialysis Services Sdn. Bhd**
No. 8, Jalan PJS 10/2, Subang Indah,
46150 Petaling Jaya.
- ii. **Pusat Hemodialisis Mawar**
No.12 Jalan 14/2b, Taman Serdang Utama,
43300 Seri Kembangan.
- iii. **Pusat Dialysis Mesra Sdn. Bhd**
No. 23, Jalan Brp 1/3, Bukit Rahman Putra,
47000 Sg. Buloh.
- iv. **Persatuan Dialisis Touch Petaling Jaya**
26 & 28, Jalan Pju 5/16,
Dataran Sunway, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya.
- v. **Pusat Dialisis An-Nur Seksyen 13**
7-01-1 & 7-02-1 Precint Alami,
Persiaran Akuatik,
Seksyen 13, Worldwide,
40100 Shah Alam.
- vi. **Pusat Hemodialysis Harmoni (Kota Damansara)**
G-65-G, Jalan Teknologi 3/9,
Bistari De Kota, Pju 5, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya.

- vii. **Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd**
16 & 16a, Jalan Lp 1a/1,
Taman Lestari Perdana
43300 Seri Kembangan.

- viii. **Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd**
13-1 & 13-2, Jalan Bpp 5/1,
Pusat Putra Permai,
43300 Seri Kembangan.

- ix. **Subang Dialysis Centre Asia Renal Network Sdn. Bhd**
No. 23, Jalan SS15/5a,
47500 Subang Jaya.

- x. **Persatuan Dialisis Kurnia Petaling Jaya**
No. 23 & 25 Jalan Pju 6a/3a,
Kaya Ara Business Park,
47400 Petaling Jaya.

- xi. **Islah Dialisis Sdn. Bhd**
Blok A2-G-02, Hata Square, Jln Mewah 1/3,
Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.

- xii. **Pusat Hemodialysis Harmoni (Sg. Long)**
2 Lot K54, Ground Floor, Jalan SI 1/12,
Bandar Sg. Long,
43000 Kajang.

- xiii. **Pusat Perubatan Dialisis Cerqofy Sdn. Bhd.**
No.42, Jalan Tps 1/7,
Taman Pelangi Semenyih,
43500 Kajang.

- xiv. **Pusat Dialisis Nephrocare (Klang)**
No.21 & 23, Lorong Bayu Tinggi 4c/Ks 6,
Batu Unjur,
41200 Klang.

- xv. **Pusat Dialysis Mesra Sdn. Bhd**
No.6, Jalan Bendahara 1,
Taman Bendahara,
45000 Kuala Selangor.

- xvi. **Jerteh Dialysis Centre Sdn. Bhd**
No. 75, Jalan Temenggung 20,
Off Jalan Sg. Jati,
Tmn Sentosa Perdana,
41200 Klang.

- xvii. **Pusat Dialysis Mesra Sdn. Bhd**
Lot 1042, Jalan Kapar,
Taman Sri Kapar,
42200 Kapar.

- xviii. **Yayasan Islam Darul Ehsan (MAIS)**
No.31 & 33, Jalan Bendahara 1/2,
Tmn Bendahara,
45000 Kuala Selangor.

- xix. **Syukur Dialisis Sdn Bhd**
No. 70 & 72 (Ground Floor), Jalan Badminton,
Tadisma Business Park, Seksyen 13,
40100 Shah Alam.

- xx. **Renal Team Dialysis Centre**
M-G-4 & M-G-5, Blok M, Jalan Pju 1a/41b,
Pusat Dagangan Nzx, Ara Jaya,
47301 Petaling Jaya

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan membantu membiayai sebahagian kos rawatan hemodialisis yang terpaksa ditanggung oleh pesakit berpendapatan rendah yang menerima rawatan di PDSS sehingga jumlah RM5,000.00.

Strategi ini dilihat lebih berkesan, mudah dan berimpak tinggi serta dapat meningkatkan jumlah penerima manfaat Kerajaan Negeri dalam kalangan rakyat Negeri Selangor berbanding dengan Kerajaan Negeri mewujudkan dan menguruskan pusat dialisis tersebut sendiri. Bagi tahun akan datang, Kerajaan Negeri mensasarkan tambahan 20 buah panel dialisis swasta lagi untuk dilantik sebagai PDSS.

SKIM KESIHATAN WANITA (SKW - MAMMOGRAM) JUNE 2010 SEHINGGA JUNE 2015

No	DUN		June 2010 - Dec	Jan 2011 - Dec	Jan 2012 - July	Jan 2013 - April	April 2014 - Dec	Mac 2015 -	Parlimen	Jumlah
			2010	2011	2012	2013	2014	June 2015		
1	N1	Sungai Ayer Tawar	100	372	177	0	37	0	Sabak Bernam	1194
2	N2	Sabak	0	417	91	0	0	0		
10.	Kursus Memanah (JKP MPAJ ZON 19)	8/11/2015 Padang Jalan Pandan Indah ¾	2,650.00	13,216.00	Kursus	
11.	Lawatan Sambil Belajar (JKP MPAJ ZON 19)	12-13/12/2015 Cameron Highlands	7,500.00	5,716.00	Mesra Rakyat	

LAMPIRAN

AHLI MAJLIS : PUAN HO LEE HUEN (JKP ZON 20- V) – 26410600006747

BIL	PROGRAM JANUARI – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00			
1.	Gotong-Royong Perdana SK Cheras Indah 2015 (JKP MPAJ ZON 20)	07/03/2015 SK Cheras Indah	1,250.00	28,750.00	Mesra Rakyat	002722/03/15 2713
2.	Transit Van `Pengaliran Percuma` (JKP MPAJ ZON 20)	28/02/2015 Dewan Komuniti Cheras Indah	500.00	28,250.00	Sumbangan	003396/03/15 3384
3. *	Kesedaran & Pencegahan Nyamuk Aedes Fasa 1 (JKP MPAJ ZON 20)	28/03/2015 Pandan Lake Club	1,784.00	26,466.00	Mesra Rakyat	003934/04/15 6747
4. *	Gotong-Royong Pasar Maju Jaya (JKP MPAJ ZON 20)	31/03/2015 Pasar Maju Jaya Jalan Indah 26-28	628.00	25,838.00	Mesra Rakyat	003847/04/15 3834
5.	Pembekalan Baju Korporat & T-shirt JKP ZON 20 (JKP MPAJ ZON 20)	-	3,076.00	22,762.00	Pembelian	004190/04/15 4172
6. *	Program Kesedaran & Pencegahan Nyamuk Aedes Fasa 1 (JKP MPAJ ZON 20)	4,11 dan 25 /04/2015	975.11	21,786.89	Mesra Rakyat	005137/06/15 5057
PERBELANJAAN			8,213.11			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JANUARI – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
7.	Menyambut Hari "IBU " (Memberi Muffin) (JKP MPAJ ZON 20)	10/05/2015 Pasar Pandan Perdana	4,400.00	17,386.89	Mesra Rakyat	005138/06/15 5058
8.	Pembekalan Baju Korporat & T-Shirt (JKP MPAJ ZON 20)	-	452.00	16,934.89	Pembekalan	5050/05/15
9.	Melawat Balai Polis & Balai Bomba cuti Sekolah (JKP MPAJ ZON 20)	05/06/2015	2,670.00	14,264.89	Mesra Rakyat	5051/05/15
10.	Sambutan Hari Raya Sempena Hari Raya Aidilfitri 2015 (JKP MPAJ ZON 20)	31/07/2015	2,000.00	12,264.89	Mesra Rakyat	5052/05/15
11.	Kempen Pemantauan Kebersihan Zon 20 (JKP MPAJ ZON 20)	25 – 30/05/2015 Pasar Pandan Perdana & Pasar Maju Jaya	720.00	11,544.89	Kebersihan	5294/06/15
12.	Kempen Pemantauan Kebersihan Zon 20 (JKP MPAJ ZON 20)	01-30/06/2015	2,400.00	9,144.89	Kebersihan	5295/06/15
PERBELANJAAN			12,642.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JULAI – DIS 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00	9,144.89		
				39,144.89		
13.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	2,000.00	37,144.89	Sukan	
14.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	1,500.00	35,644.89	Sukan	
15.	Program Kesedaran Kesihatan Wanita (JKP MPAJ ZON 20)	04/07/2015 Hospital Pantai, Pandan Indah	1,360.00	34,284.89	Mesra Rakyat / Kesihatan	006273/07/15 6177
16.	Program Kesedaran Kesihatan Wanita (JKP MPAJ ZON 20)	11/07/2015 Hospital Pantai, Pandan Indah	1,360.00	32,924.89	Mesra Rakyat / Kesihatan	006274/07/15 6178
17.	Program Gotong-Royong & Menghapus Nyamuk Aedes (JKP MPAJ ZON 20)	11/07/2015 Pandan perdana	1,500.00	31,424.89	Mesra Rakyat	006275/07/15 6179
18.	Program Full Of Fun English Language Camp 1 (JKP MPAJ ZON 20)	15/8/2015 Sek Keb Cheras Indah	1,000.00	30,424.89	Sumbangan	007127/08/15 7023
19.	Program Pertandingan Melukis (JKP MPAJ ZON 20)	20/9/2015 Dewan Komuniti Cheras Indah	7,000.00	23,424.89	Mesra Rakyat	007355/08/15 7247
20.	Karnival Sukan JKP MPAJ 2015 (JKP MPAJ ZON 20)	4,11 & 18/10/2015	3,700.00	19,724.89	Sukan	008129/09/15 7951

LAMPIRAN

AHLI MAJLIS : TUAN SUPIRAMANY A/ SINNAPAYAL (JKP ZON 21 – W) - 26410600006852
 Mulai 20 Februari 2015

BIL	PROGRAM JANUARI – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00			
1.	Mesyuarat Perbincangan isu-isu Keselamatan Kawasan Bukit Permai di antara Ahli Majlis dan JKP Serta Pemaju (JKP MPAJ ZON 21)	13/2/2015 Pejabat JKP 21	236.00	29,764.00	Mesra Rakyat	3115/03/15
2.	Makan dan Minum bagi mesyuarat perbincangan masalah meletak kereta penduduk Glenview Apartment Antara Ahli Majlis dan JKP (JKP MPAJ ZON 21)	6/3/2015 Pejabat JKP 21	120.00	29,644.00	Mesra Rakyat	3308/03/15
3.	Pelancaran ARAM Pandan (JKP MPAJ ZON 21)	16/04/2015 Dewan Pangsapuri 610, Pandan Indah	500.00	29,144.00	Mesra Rakyat	4417/05/15
4.	Perayaan Ulangtahun Ke 40 Kuil Devi Sri Nepal Kalamman (JKP MPAJ ZON 21)	01/05/2015 Kuil Devi Sri Nepal Kalamman	1,000.00	28,144.00	Mesra Rakyat	4418/05/15
5. *	Gotong-Royong Musnah Aedes (JKP MPAJ ZON 21)	10/05/2015 Pangsapuri Mestika	846.20	27,297.80	Mesra Rakyat	5049/05/15
PERBELANJAAN			2,702.20			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JANUARI - JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
6.	Pelancaran Suara Tamilar Selangor (JKP MPAJ ZON 21)	28/06/2015 Auditorium MPAJ	1,000.00	26,297.80	Mesra Rakyat	005553/06/15 5468
PERBELANJAAN			1,000.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JULAI – DISEMBER 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00	26,297.80		
				56,297.80		
7.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	2,000.00	54,297.80	Sukan	
8.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	1,500.00	52,797.80	Sukan	
9. *	Sumbangan sempena Sambutan Bulan Ramadhan (JKP MPAJ ZON 21)	-	1,200.00	51,597.80	Sumbangan	6776/07/15
3.	Sumbangan Upacara Sembahyang Perayaan Kuil Sri Maha Samayapura Mariamman (JKP MPAJ ZON 21)	-	1,500.00	50,097.80	Sumbangan	
4. *	Mesyuarat Sukan JKP (JKP MPAJ ZON 21)	27/09/2015 Cheras Baru	1,440.00	48,657.80	Mesyuarat	
5. *	Jom Santai Bersama YB (JKP MPAJ ZON 21)	27/09/2015 Cheras Baru	270.00	48,387.80	Mesra Rakyat	
6. *	Majlis Makan Malam (JKP MPAJ ZON 21)	26/09/2015 Mutiara Court	2,300.00	46,087.80	Mesra Rakyat	
7.	Majlis Perayaan Tahunan Kuil Dewa Sri Maha Raja Ganabathy (JKP MPAJ ZON 21)	18/09/2015 Kuil Sri Maha Raja Ganabathy	500.00	45,587.80	Sumbangan	

LAMPIRAN

AHLI MAJLIS : TUAN LIM FONG LEN (JKP ZON 22 – X) - 26410600006682
 Mulai 20 Februari 2015

BIL	PROGRAM JANUARI – JUN 2014	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00			
1.	Perayaan Tahun Baru Cina Bersama Adun Teratai (JKP MPAJ ZON 22)	1/3/2015 Padang Dewan Taman Putra	13,350.00	16,650.00	Mesra Rakyat	002223/02/15 2219
2.	Gotong Royong Tahunan Flat Taman Muda (JKP MPAJ ZON 22)	3/5/2015 Kawasan Flat Taman Muda	5,000.00	11,650.00	Mesra Rakyat	3117/03/15
3.	Pertandingan Bola Keranjang Zon 22 (JKP MPAJ ZON 22)	April 2015 Dewan Taman Putra	3,000.00	8,650.00	Sukan	3306/03/15
4.	Pertandingan Ping Pong Zon 22 (JKP MPAJ ZON 22)	19/7/2015 Dewan Taman Putra	2,000.00	6,650.00	Sukan	3312/03/15
5.	Hari Ponggol (JKP MPAJ ZON 22)	17/01/2015 Dewan Komuniti taman Muda	1,000.00	5,650.00	Mesra Rakyat	3307/03/15
6.	Gotong Royong di Taman Putra (JKP MPAJ ZON 22)	12/04/2015 Kawasan Jalan 19, Taman Putra	5,000.00	650.00	Mesra Rakyat	3402/03/15
PERBELANJAAN			29,350.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JULAI – DISEMBER 2014	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00	650.00		
				30,650.00		
7.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	2,000.00	28,650.00	Sukan	
8.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	1,500.00	27,150.00	Sukan	
9.	Program Combi bersama NGO dan Penduduk- Penduduk Zon 22 (JKP MPAJ ZON 22)	25/07/2015 DEwan Orang Ramai Taman Putra	5,000.00	22,150.00	Mesra Rakyat	6587/07/15
10.	Pesta Tanglung Sempena Hari Perayaan Kuih Bulan (JKP MPAJ ZON 22)	26/09/2015 Padang Jalan Bunga Melur 6	6,000.00	16,150.00	Mesra Rakyat	
11.	Sponsor ship For K9 Day Event (JKP MPAJ ZON 22)	23/8/2015 Padang Dewan Komuniti Taman Putra	5,000.00	11,150.00	Sumbangan	007356/08/15 7248

LAMPIRAN

AHLI MAJLIS : TUAN MOHAMAD BIN SAMOT@SAMAT (JKP ZON 23 – Y) - 26410600006836
 Mulai Januari 2015

BIL	PROGRAM JANUARI – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00			
1.	Program Sukarelawan Pasca Banjir ke Mentakab, Pahang (JKP MPAJ ZON 23)	25/01/2015 Mentakab Pahang	2,780.00	27,220.00	Sumbangan	001268/01-15 1265
2.	Program Kesedaran Jalan Raya dan Keselamatan murid (JKP MPAJ ZON 23)	26/01/2015 SMK Taman Seraya	500.00	26,720.00	Sumbangan	001417/01/15 1414
3.	Program Rakyat Sepakat Gotong-Royong Taman Bukit Teratai (JKP MPAJ ZON 23)	15/02/2015 Jalan 1/9A, Tmn Bukit Teratai	2,000.00	24,720.00	Mesra Rakyat	002229/02/15 2225
4.	Program PRA Kepimpinan Pengawas (JKP MPAJ ZON 23)	17/01/2015 SMK Taman Seraya	2,000.00	22,720.00	Sumbangan	002230/02/15 2226
5.	Program Rakyat Sepakat : Sambutan Maulidur Rasul 1436H Taman Saga (JKP MPAJ ZON 23)	10/1/2015 Surau At Taqwa Taman Saga	2,000.00	20,720.00	Mesra Rakyat	002491/02/15 2484
6.	Program Rakyat Sepakat : Mesyuarat Agung Persatuan-Persatuan Penduduk Taman Saga (JKP MPAJ ZON 23)	21/03/2015 Dewan JKP, Zon 23, Taman Saga	3,000.00	17,720.00	Mesra Rakyat	3120/03/15
PERBELANJAAN			12,280.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JAN – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
7.	Program Kem Motivasi Dan Pembangunan Sahsiah (JKP MPAJ ZON 23)	27-29/03/2015 Hutan Simpan Bukit Nenas	1,500.00	16,220.00	Kursus	3213/03/15
8.	Program Rakyat Sepakat : Gotong Royong Pembersihan Pangsapuri Anggerik (JKP MPAJ ZON 23)	22/03/2015 Dewan JKP Zon 23, Taman Saga	1,700.00	14,520.00	Mesra Rakyat	3212/03/15
9.	Program Rakyat Sepakat : Sukaneka Pangsapuri Anggerik (JKP MPAJ ZON 23)	05/04/2015 Dewan JKP Zon 23, Taman Saga	3,800.00	10,720.00	Mesra Rakyat	3213/03/15
10. *	Pembaikan Pendawaian Elektrik Dewan (JKP MPAJ ZON 23)	Dewan Jalan Mega 7, Taman Mega Jaya	940.00	9,780.00	Pembaikan	4432/05/15
11.	Program Rakyat Sepakat : Taklimat MES dan Ramah Mesra NGO Zon 23 (JKP MPAJ ZON 23)	17/05/2015 Dewan Taman Saga	2,500.00	7,280.00	Mesra Rakyat	4433/05/15
12.	Program Pelancaran suara Tamilar Selangor (JKP MPAJ ZON 23)	28/06/2015 Auditorium Aras 5 Menara MPaj	2,000.00	5,280.00	Mesra Rakyat	5053/05/15
PERBELANJAAN			12,440.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JAN – JUN 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
13.	Program Kursus kepimpinan dan Pemantapan Sahsiah Pengawas SK bukit Teratai 2015 (JKP MPAJ ZON 23)	2-4/10/2015 Pulau Pangkor	2,000.00	3,280.00	Sumbangan	5054/05/15
14.	Program Rakyat Sepakat : Gotong-Royong Basmi Denggi Taman Melur (JKP MPAJ ZON 23)	31/05/2015	2,500.00	780.00	Mesra Rakyat	5296/06/15
PERBELANJAAN			4,500.00			

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JULAI - DIS 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00	780.00		
				30,780.00		
15.	Program Rakyat Sepakat : Sambutan Ramadhan 1436H (JKP MPAJ ZON 23)	14/06/2015 Pondok KRT, Padang Bola Sepak Taman Melur	2,000.00	28,780.00	Mesra Rakyat	005556/06/15
16.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	2,000.00	26,780.00	Sukan	
17.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	1,500.00	25,280.00	Sukan	
18. *	Program Pertandingan Bola Keranjang (JKP MPAJ ZON 23)	16/05/2015 Padang Bola Keranjang Kampung Baru Ampang	500.00	24,780.00	Sukan	005788/06/15 5699
19. *	Program Amal Climb For Cancer (JKP MPAJ ZON 23)	06/06/2015 Bukit Saga Taman Saga	1,300.00	23,480.00	Mesra Rakyat	005789/06/15 5700
20.	Program Sambutan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya 2015 (JKP MPAJ ZON 23)	15/08/2015 Pondok KRT Taman Bukit Teratai Fasa 1	2,000.00	21,480.00	Mesra Rakyat	005790/06/15 5701

LAMPIRAN

BIL	PROGRAM JULAI - DIS 2015	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
21.	Program Sambutan Hari Raya Puasa 2015 (JKP MPAJ ZON 23)	23/08/2015 Pondok KRT Taman Melur Fasa 2 & 3	4,000.00	17,480.00	Mesra Rakyat	005831/06/15 5742
22.	Program Riang Ria Aidilfitri Taman Saga Ampang (JKP MPAJ ZON 23)	08/08/2015 Persimpangan Jalan 29, Berhampiran Surau At-Taqwa Taman Saga	3,600.00	13,880.00	Mesra Rakyat	006095/07/15 6000
23.	Program Rakyat Sepakat – Program Masak Bubur Lambuk (JKP MPAJ ZON 23)	6/07/2015 Dewan JKP Taman Saga	2,000.00	11,880.00	Mesra Rakyat	006280/07/15 6184
24.	Program Rakyat Sepakat : Majlis Iftar dan Ramah Mesra 2015 (JKP MPAJ ZON 23)	06/07/2015 Dewan JKP Taman Mega Jaya	1,500.00	10,380.00	Mesra Rakyat	6586/07/15
25. *	Program Rakyat Sepakat : Sambutan Israk Mikraj Taman Saga (JKP MPAJ ZON 23)	18/05/2015 Dewan JKP Zon 23	2,000.00	8,380.00	Mesra Rakyat	006717/07/15 6621
26.	Program Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Dun Teratai 1436H (JKP MPAJ ZON 23)	09/08/2015 Dewan MPAJ Kg Cheras Baru	5,000.00	3,380.00	Mesra Rakyat	6922/08/15 6821

LAMPIRAN

AHLI MAJLIS : PN. SIAN KENG ENG (JKP ZON 24 – Z) - 26410600006666
 Mulai 20 Februari 2014

BIL	PROGRAM JANUARI – DIS 2014	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	KATEGORI	NO BAUCER / CEK
			30,000.00			
			30,000.00	60,000.00		
1.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	2,000.00	58,000.00	Sukan	
2.	Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ 2015 (MPAJ)	Oktober 2015	1,500.00	56,500.00	Sukan	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah pusat dialisis rakyat yang telah beroperasi sepenuhnya?
- b) Berapa ramaikah pesakit yang telah didaftarkan melalui program ini? Sila pecahkan mengikut DUN.
- c) Berapa banyak lagikah pusat dialisis yang masih belum beroperasi dan apakah masalah yang menyebabkan ianya masih tertangguh?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahlli Yang Berhormat, terdapat 4 buah Pusat Dialisis Rakyat yang terdapat di seluruh Negeri Selangor iaitu di Ampang, Taman Medan, Sementa dan Lembah Keramat. Walau bagaimanapun, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 9/2015 yang bersidang pada 4 Mac 2015 telah bersetuju untuk mewujudkan **Panel Dialisis Sihat Selangor**.
- b) Berikut merupakan jumlah pesakit yang telah menerima rawatan di Pusat Dialisis Rakyat mengikut DUN sejak tahun 2008 hingga tahun 2015.

BIL.	LOKASI PDR	JUMLAH MESIN	JUMLAH PENERIMA
1	Ampang	5	30
2	Taman Medan	6	21
3	Sementa	5	24
4	Lembah Keramat	6	31
		21	212

- c) Pusat Dialisis Rakyat (PDR) telah beroperasi di bawah sebuah entiti iaitu Gedung Penawar Sdn Bhd. Matlamat utama sewaktu penubuhan PDR ini adalah untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor seterusnya menyediakan pusat perkhidmatan dialisis yang terbaik Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak

bercadang untuk membuka Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang baru selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 9/2015 yang bersidang pada 4 Mac 2015 yang telah bersetuju untuk mewujudkan **Panel Dialisis Sihat Selangor**.

Program ini merupakan kerjasama strategik di antara Kerajaan Negeri dan Pusat Dialisis swasta yang berdaftar di Negeri Selangor. Strategi ini dilihat lebih berkesan, mudah dan berimpak tinggi berbanding dengan Kerajaan Negeri mewujudkan dan menguruskan Pusat Dialisis tersebut sendiri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara sebab pembukaan pusat dialisis boleh bertanggung adalah kerana setiap pusat rawatan dialisis swasta yang ingin beroperasi perlu mematuhi dan menepati semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyambut baik dan akan memberikan kerjasama bagi semua cadangan daripada pihak persendirian dan swasta yang ingin membuka pusat rawatan dialisis di Negeri Selangor demi manfaat dan kemudahan kesihatan Rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PROSES KUATKUASA KEPUTUSAN MESYUARAT EXCO

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar ada tempoh masa yang agak lama antara keputusan EXCO dengan pelaksanaan kuatkuasa di peringkat Kerajaan/Jabatan/PBT?
- b) Jika ya, adakah Kerajaan bercadang mengkaji kelemahan atau *redtape* bagi memperbaikinya?
- c) Atau, Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan sekarang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman setiap perkara yang dibawa untuk pertimbangan MMKN akan mengambil masa dua (2) minggu untuk diperolehi oleh agensi/jabatan yang berkenaan kerana perlu melalui proses pembentangan dan pengesahan oleh MMKN. Setelah kedua-dua proses ini selesai Unit MMKN akan mengeluarkan cabutan minit/keputusan hanya kepada agensi yang bertanggungjawab dan hanya boleh diambil oleh pegawai yang telah dipertanggungjawabkan. Proses ini hendaklah dipatuhi kerana setiap keputusan MMKN adalah bertaraf RAHSIA dan perlu dipelihara setiap masa. Setelah sesebuah jabatan menerima cabutan minit/keputusan MMKN barulah pelaksanaan di peringkat jabatan dapat dimulakan.

Walau bagaimanapun, bagi keputusan yang penting ia akan dimaklumkan semasa Mesyuarat Post-Exco yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri selepas Mesyuarat MMKN pada hari yang sama. Oleh yang demikian, agensi/jabatan yang berkenaan boleh membuat persediaan awal pelaksanaan keputusan MMKN tanpa perlu menunggu keputusan MMKN yang telah disahkan. Selain itu, agensi/juga boleh memohon kepada Unit MMKN untuk mendapatkan Keputusan Dasar MMKN yang belum disahkan selepas Mesyuarat Post-Exco.

Pelaksanaan penguatkuasaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di peringkat agensi/jabatan kadangkala mengambil masa bergantung kepada kompleksiti sesuatu keputusan tersebut. Ini kerana setiap jabatan perlu memastikan keputusan MMKN dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa bagi mengelakkan masalah-masalah lain timbul semasa pelaksanaan di peringkat akar umbi.

- b) Kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan sistem penyampaian dan amat mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan dari semua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : STATUS TANAH KUIL SITTHI VINAYAGAR BANDAR SAUJANA PUTRA
JENJAROM**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan permohonan sebidang tanah di Lot 26141 (PT24389) seluas 0.637 ekar di SP8, Bandar Saujana Putra Jenjarom oleh Persatuan Penganut-Penganut Hindu Sri Sitthi Vinayagar Bandar Saujana Putra Jenjarom yang telah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat? Fail nombor F8/1/441/2015.

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat telah mengemukakan kertas ringkasan permohonan di atas kepada Ahli Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam pada 13 September 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Selangor Bil. 9/2015 yang diadakan pada 29 September 2015 telah menyokong permohonan untuk mewartakan tanah di Lot 26141 (PT24389) bagi maksud Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (Kuil). Selaras dengan keputusan tersebut, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat akan mengemukakan Kertas Ringkasan berhubung permohonan ini untuk pertimbangan Y.A.B. Menteri Besar Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : KEPRIHATINAN MELULUSKAN MEDICAL INSURANCE KEPADA
PEGAWAI-PEGAWAI PEJABAT DUN DAN ADUN-ADUN**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor yang dikatakan prihatin untuk meluluskan *Medical Insurance* kepada pegawai-pegawai pejabat DUN dan ADUN-ADUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 30/2015 bertarikh 17 September 2015 telah meluluskan Skim Perlindungan Kesihatan kepada 45 orang Y.B. Ahli Dewan Negeri berkuat kuasa 1 Januari 2016. Kemudahan ini akan memberi perlindungan kesihatan kepada Y.B. Ahli Dewan Negeri untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital swasta terutamanya ketika berlaku kecemasan.

Kerajaan Negeri akan memantau pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan dengan pihak Syarikat AIA Public Takaful Berhad (syarikat insurans yang dilantik sebagai pelaksana) sebelum skim ini dipertimbang untuk ditawarkan kepada kakitangan di Pusat Khidmat Dewan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KESELAMATAN JALAN JKR DI HULU SELANGOR

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan dan cara penyelesaian yang dicadangkan bagi persimpangan Rasa di Jalan Persekutuan FR01 dari Tanjung Malim ke Rawang yang sering berlaku kemalangan.
- b) Adakah jenis peralatan JKR Hulu Selangor mencukupi untuk bertindak dengan cepat jika terdapat dahan pokok yang menghalang lalulintas memandangkan bas pelancongan dan kenderaan berat selalu terlanggar dahan pokok apabila naik turun Bukit Fraser?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh JKR Selangor untuk membaikpulih Jalan Richmond di Bukit Fraser yang sebahagiannya melibatkan Negeri Pahang juga?

JAWAPAN:

- a) Ini adalah Jalan Persekutuan FR01. Projek ini telah dipohon dalam RMKe-11 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf persimpangan tersebut dengan anggaran kos projek RM 20 juta. Skop yang dicadangkan adalah pelebaran jalan dan jambatan (daripada 2 lorong kepada 4 lorong) serta menaiktaraf persimpangan kepada persimpangan lampu isyarat. JKR Selangor juga telah mengambil tindakan dengan meningkatkan aspek keselamatan di persimpangan tersebut dengan memasang perabot jalan seperti papan tanda amaran, *blinkers* dan *rib bars* sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek.
- b) Ini adalah Jalan Persekutuan FR01. Peralatan adalah mencukupi.
- c) Ini adalah Jalan Persekutuan V422. Jalan di bawah selenggaraan JKR Selangor adalah berkeadaan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
PENERANGAN**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *core business* *STANDCO* ini?
- b) Gariskan KPI *STANDCO* ini bagi tahun 2013 dan 2014.
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) *STANDCO* ini berperanan dalam menitikberatkan sistem penyampaian dan penerangan dasar Kerajaan Negeri di samping membentuk imej positif kepada rakyat.
- b) Tiada maklumat
- c) Tiada maklumat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kemudahan infrastruktur untuk belia dan sukan sumbangan Kerajaan Negeri di kawasan DUN Selat Klang berserta perincian kos dan tarikh serahan.

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja menaiktaraf satu (1) unit gelanggang badminton di Jalan Udang Putih 3C, Taman Udang Putih, Kampung Sungai Udang Klang. Majlis telah menerima peruntukkan daripada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM14,070.00 di bawah "Projek Membaikpulih Infrastruktur dan Kemudahan Sukan 2015". Tarikh terima peruntukkan pada 21 September 2015 dan dalam proses pelantikan kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima insentif perkahwinan belia sejak diwujudkan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah jumlah insentif pada masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima insentif perkahwinan belia sejak diwujudkan bermula pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah :-

Bil.	Perkara	Tahun	Jumlah Penerima	Peningkatan Permohonan
1.	Penerima insentif bagi yang beragama Islam	2013	4038	29%
		2014	5710	
		2015	2725 (Januari hingga Ogos)	
2.	Penerima insentif bagi yang bukan beragama Islam	2013	1911	38%
		2014	3091	
		2015	1745 (Januari hingga Ogos)	
JUMLAH			19,220 penerima	

- b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumahtangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumahtangga.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar insentif yang diberikan kerana Kerajaan Negeri baru menaikkan kadar insentif perkahwinan ini telah dinaikkan daripada RM200.00 seorang kepada RM500.00 seorang pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN GERAJ TEPI JALAN

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan untuk gerai tepi jalan bagi setiap kategori pada tahun 2015 mengikut PBT?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri kepada pemohon lesen perniagaan yang gagal?

JAWAPAN:

- a) Jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan bagi pelbagai gerai tepi jalan pada tahun 2015 adalah **sebanyak 2,539**. Pecahan mengikut PBT adalah seperti di bawah:-

BIL.	PBT	JUMLAH LESEN PENIAGAAN TEPI JALAN TAHUN 2015
1.	MBSA	449
2.	MBPJ	192
3.	MPSJ	32
4.	MPKj	183
5.	MPS	6
6.	MPK	603
7.	MPAJ	971
8.	MPSp	53
9.	MDKS	0
10.	MDKL	50
11.	MDSB	0
12.	MDHS	Tiada maklumbalas
JUMLAH		2,539

- b) Tiada inisiatif yang diberikan kepada permohonan lesen yang gagal oleh Kerajaan Negeri. Peniaga yang gagal memohon lesen perlu memohon semula kepada PBT serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT seperti tidak meletakkan meja dan kerusi semasa aktiviti perniagaan, tidak menghalang jalan, tidak mengganggu aliran trafik, kawasan yang bersesuaian dan tidak menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan. Sekiranya peniaga melanggar syarat yang ditetapkan, tindakan sita akan dibuat terhadap barang perniagaan serta lesen akan ditarik dan seterusnya akan menyukarkan permohonan lesen pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : BANTUAN PERTANIAN KEPADA BELIA

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis bantuan pertanian yang telah diberikan kepada golongan belia di Selangor?
- b) Sejauhmanakah keberkesanan bantuan tersebut kepada belia?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah memberikan bantuan kepada belia-belia yang melibatkan diri dalam bidang pertanian melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:-

Bil.	Program
1	Insentif Agro Generasi Muda
2	Pembangunan Taman Agroteknologi
3	Pembangunan Tanaman Makanan
4	Pembangunan Tanaman Industri
5	Pembangunan Industri Bunga
6	Pembangunan Industri Asas Tani

- b) Melalui pelaksanaan program-program tersebut, sehingga tahun 2015, seramai 1,386 orang belia tani yang mendapat bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah berjaya mencapai *target* purata pendapatan melebihi RM3,000.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan bagi menguruskan sisa pepejal domestik dan perindustrian pada tahun 2014 dan 2015 mengikut PBT?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan bagi menguruskan sisa pepejal domestik pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM179,236,937.24** dan **RM161,575,571.96** pada tahun 2015. Manakala perbelanjaan dan pengurusan bagi sisa perindustrian adalah diuruskan oleh kilang sendiri. Pecahan perbelanjaan menguruskan sisa domestik mengikut PBT adalah seperti di bawah:-

BIL.	PBT	TAHUN 2014	TAHUN 2015
1.	MBSA	31,554,090.56	33,489,991.48
2.	MBPJ	9,508,398.98	7,340,822.18
3.	MPSJ	20,400,000.00	16,000,000.00
4.	MPS	19,061,475.41	20,400,000.00
5.	MPKj	25,730,017.01	28,312,124.23
6.	MPK	20,768,460.00	17,066,293.82
7.	MPAJ	21,281,793.04	13,540,964.54
8.	MPSp	12,076,797.60	12,908,600.00
9.	MDKS	4,350,000.00	2,700,000.00
10.	MDKL	3,869,046.60	2,326,768.07
11.	MDSB	2,019,127.00	1,593,365.64
12.	MDHS	8,617,731.04	5,896,642.00
	JUMLAH	179,236,937.24	161,575,571.96

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

b) Kerajaan Negeri mensasarkan pengurangan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan kajian melalui Projek Perintis Kitar Semula yang melibatkan empat (4) PBT iaitu MBPJ, MPKj, MPAJ dan MDHS melibatkan 1000 unit bangunan (perumahan/komersial) di mana objektif utama adalah untuk mengkaji kaedah terbaik pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan kesedaran kitar semula di kalangan penduduk Negeri Selangor supaya program ini dapat dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor dalam masa terdekat. Kerajaan Negeri juga menggalakkan PBT sendiri supaya memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti yang berasaskan kitar semula. Sebagai contoh MBSA telah melaksanakan program-program seperti di bawah:-

- i. Program pengasingan sampah di rumah;
- ii. Program kitar semula di peringkat sekolah-sekolah di Shah Alam;
- iii. Program kitar semula antara MPP Zon;
- iv. Program kitar semula antara Jabatan/Bangunan MBSA;
- v. Program kitar semula antara hotel-hotel di sekitar Shah Alam;
- vi. Program Kompos di pasar-pasar Majlis; dan
- vii. Program kompos di gerai-gerai Majlis (tahun depan).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH SELANGORKU JENIS A

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah unit Rumah Selangorku jenis A yang telah dibina sehingga kini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada pembinaan rumah jenis ini?

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan bermula 01 Januari 2014. Sehubungan dengan itu, masih belum ada pembinaan Rumah Selangorku jenis A yang telah siap dibina. Namun begitu, terdapat beberapa projek Rumah Selangorku jenis A yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Butirannya adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	PEMAJU / PEMAJU USAHASAMA	PROJEK	BIL. UNIT
1.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A)
2.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A)
3.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A)
4.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
5.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT	2,258 (Jenis A)

			32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	
6.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A)
7.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A)
8.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	330 (Jenis A)
9.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	1,193 (Jenis A)
JUMLAH				4,299

- b) Ya. Keperluan penyediaan Rumah Selangorku Jenis A masih lagi diutamakan oleh Kerajaan Negeri yang mana Dasar Rumah Selangorku telah menetapkan keperluan penyediaan Rumah Jenis A sekurang-kurangnya di antara 10% - 20% bergantung kepada keluasan dan zon pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI TANAH

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan dan tunggakan cukai tanah oleh Kerajaan Negeri dari 2012 - 2014 mengikut PBT?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan tunggakan kutipan dapat dikurangkan setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tempoh 2012-2014, jumlah kutipan hasil cukai tanah semasa dan tunggakan cukai tanah adalah sebanyak **RM13,355,814,403.14**. Butiran mengenai kutipan hasil cukai tanah dan tunggakan cukai tanah tersebut dikemukakan seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri melalui PTG Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Bahagian Pengurusan Hasil Perbendaharaan Negeri Selangor telah melakukan pelbagai usaha bagi memastikan tunggakan kutipan dapat dikurangkan setiap tahun seperti berikut:
 - i. Memantau tunggakan cukai tanah melalui Mesyuarat Tunggakan Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri yang diadakan 4 kali setahun dan dipengerusikan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri;
 - ii. Memantau tunggakan melalui Mesyuarat Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Hasil Negeri yang diadakan 4 kali setahun yang dipengerusikan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri;
 - iii. Memantau tunggakan cukai tanah melalui Mesyuarat Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Hasil di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah 4 kali setahun yang dipengerusikan oleh Pentadbir Tanah di semua daerah;
 - iv. Menganjurkan bengkel yang menumpukan kepada punca / masalah tunggakan bagi membincangkan kaedah dan garis panduan yang membantu menyelesaikan masalah hakmilik yang mempunyai tunggakan. Contohnya, Bengkel Tunggakan Cukai Tanah Surat AA (*Approved Application*), Bengkel Penguatkuasaan Kutipan Tunggakan Cukai Tanah Bagi Hakmilik Bangunan Berbilang Tingkat / Strata Bermasalah, Bengkel

Tunggakan Cukai Tanah Syarikat Digulung dan Dibubarkan dan lain-lain bengkel yang berkaitan;

- v. Mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Pejabat Daerah / Tanah untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah;
- vi. Kerjasama dengan Anak Syarikat iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan mewujudkan *Taskforce* Gerak Gempur Penyelesaian Tunggakan Cukai Tanah dan Pindahmilik PKNS yang mensasarkan penyelesaian hakmilik yang bermasalah mengikut Pejabat Daerah / Tanah;
- vii. Mewujudkan *Focus Group* untuk menyelesaikan hakmilik pendaftar yang bermasalah termasuk isu '*Master Title*' tidak dipindahmilik daripada pemaju ke pemilik individu, pembatalan hakmilik, hakmilik-hakmilik AA, tunggakan cukai tanah syarikat digulung & dibubarkan, penyelarasan prosedur bayaran cukai terlebih bayar dan kegagalan untuk mengesan penunggak tegar;
- viii. Memastikan data hakmilik-hakmilik PTGS sentiasa dikemaskini supaya;
 - (i) Tidak berlaku pertindihan hakmilik yang menyebabkan cukai dikeluarkan sebanyak dua kali;
 - (ii) Memastikan hakmilik dibatalkan terlebih dahulu dan disambung ke hakmilik baru;
 - (iii) Maklumat pemilik yang tidak dikemaskini menyebabkan bil tidak diterima oleh pemilik tanah; dan
 - (iv) Kesilapan pengiraan cukai yang menyebabkan kutipan cukai terlebih atau terkurang.
- ix. Kempen meningkatkan kesedaran membayar cukai tanah sebelum 31 Mei kepada orang awam melalui iklan surat khabar 4 bahasa utama di Malaysia oleh Perbendaharaan Selangor; dan
- x. Operasi turun padang ke lokasi penunggak tegar (Ops Kutip). Di antara langkah yang diambil oleh Unit Hasil PDT adalah:-
 - (i) Mengesan pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
 - (ii) Menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
 - (iii) Memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
 - (iv) Tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

JADUAL 1: JUMLAH KUTIPAN CUKAI SEMASA DAN TUNGGAKAN CUKAI BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014

PDT	TAHUN		
	2012	2013	2014
Petaling	157,945,862.27	157,994,907.77	162,205,940.96
Klang	106,589,754.06	110,332,843.41	107,275,702.22
Gombak	54,810,345.29	53,903,004.22	53,158,883.85
Hulu Langat	37,913,121.32	38,912,867.51	38,007,910.64
Kuala Langat	12,310,776.94	11,388,918.36	13,391,969.32
Kuala Selangor	8,504,622.02	10,925,595.36	10,371,434.28
Sabak Bernam	3,057,759.23	3,487,430.90	3,527,753.09
Hulu Selangor	52,236,613.10	36,155,602.53	35,619,852.69
Sepang	25,167,257.49	25,493,680.24	25,123,994.07
JUMLAH	458,536,111.72	448,594,850.30	448,683,441.12
JUMLAH BESAR	1,355,814,403.14		

(Sumber : Laporan Kutipan Cukai Tanah, SPHT – MIS)

Jumlah tunggakan hasil cukai tanah (Akaun Belum Terima) yang belum dikutip bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:-

**JADUAL 2: JUMLAH TUNGGAKAN HASIL CUKAI TANAH
BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014**

Bil	PDT	2012	2013	2014
1	Klang	47,335,409.64	41,035,699.84	40,341,173.27
2	Gombak	47,988,505.13	45,484,047.18	47,919,249.39
3	Kuala Selangor	5,257,082.13	5,631,260.99	6,315,534.97
4	Petaling	171,726,606.37	173,854,617.92	160,516,157.49
5	Hulu Langat	31,847,002.53	28,069,095.37	29,241,741.97
6	Hulu Selangor	38,904,482.18	41,870,597.92	29,482,732.10
7	Sepang	4,381,219.42	4,510,471.88	5,123,320.27
8	Kuala Langat	3,339,825.57	7,554,975.54	4,374,657.65
9	Sabak Bernam	1,347,169.52	1,174,921.69	809,280.91
	JUMLAH	352,127,302.49	349,185,688.33	324,123,848.02

(Sumber : Laporan ABT : Tunggakan Hasil Cukai Tanah, SPHT – MIS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ADUAN RAKYAT

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah landasan bagi rakyat Selangor menyalurkan aduan berkenaan permasalahan jabatan dan agensi kerajaan?
- b) Berapakah jumlah aduan yang telah diterima sepanjang tahun 2015 mengikut jenis masalah?

JAWAPAN:

- a) Terdapat beberapa kaedah yang digunakan sebagai landasan bagi rakyat Selangor menyalurkan aduan berkenaan permasalahan jabatan dan agensi kerajaan iaitu:
 - i. Melalui surat
 - ii. Kaunter Bahagian Korporat / *Walk-In*
 - iii. Laman Web (Portal STARS di <http://stars.selangor.gov.my>)
 - iv. E-mel (aduan@selangor.gov.my)
 - v. Telefon
 - vi. Faksimili
 - vii. *Hotline*

Aduan-aduan yang diterima melalui saluran-saluran di atas akan dimasukkan ke dalam Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS). Portal STARS adalah portal rasmi Pengaduan Awam Negeri Selangor yang dikawalselia oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Portal STARS menawarkan perkhidmatan pengurusan aduan atau maklumbalas secara dalam talian. Portal STARS disediakan bagi memudahkan orang ramai menyampaikan sebarang permasalahan mereka secara *online* menerusi internet. Semua masalah yang diterima akan disampaikan juga secara *online* kepada organisasi pelaksana yang berkaitan. Melalui penggunaan Portal STARS aduan orang ramai boleh disalurkan secara elektronik kepada organisasi yang terlibat menerusi satu portal sahaja.

- b) Jumlah aduan yang telah diterima sepanjang tahun 2015 (sehingga 22 Oktober 2015) mengikut jenis masalah adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Masalah	Jumlah Aduan
1.	Alam Sekitar	105
2.	Sampah	89
3.	Bangunan	38
4.	Infrastruktur	159
5.	Jalan Rosak	151
6.	Kacau Ganggu	153
7.	Kegagalan Penguatkuasaan	143
8.	Kegagalan Mengikut Prosedur	50
9.	Kekurangan Kemudahan Awam	30
10.	Perkhidmatan	175
11.	Kepimpinan	3
12.	Lampu Jalan	37
13.	Longkang	85
14.	Perniagaan Tanpa Lesen	15
15.	Rasuah/Penyelewengan	6
16.	Tanah	46
17.	Tindakan Tidak Adil	26
18.	Air	68
19.	Banjir	20
20.	Salahguna Kuasa/Penyelewengan	4
21.	Tanah Runtuh	2
22.	Salahlaku Anggota Awam	3
23.	Kelewatan/Tiada Tindakan	93
24.	Pelbagai	178
JUMLAH		1,679

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : KAJIAN BANJIR DI SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kajian sistem saliran bagi mengatasi banjir di Selangor?
- b) Nyatakan hasil kajian sekiranya berlaku banjir besar di Selangor.

JAWAPAN:

- a) JPS Selangor telah menyediakan beberapa Pelan Induk Saliran seperti Pelan Induk Saliran Bandar Banting, Pelan Induk Saliran Seri Kembangan, Pelan Induk Saliran Bandar Klang.

Pelan Induk Saliran ini akan digunakan sebagai panduan dan rujukan untuk reka bentuk terperinci semasa kerja-kerja tebatan banjir.

JPS Selangor dalam usaha menjalankan dua lagi Pelan Induk Saliran Selayang dan Pelan Induk Saliran Bandar Rawang dalam RMK11.

- b) Sekiranya berlaku banjir besar, JPS Selangor akan merujuk kepada Pelan Induk Saliran ini sebagai langkah-langkah mengatasi banjir seperti saiz perparitan yang diperlukan, saiz kolam takungan yang diperlukan, kelebaran dan kedalaman sungai yang perlu dikorek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : LAJNAH BELIA MASJID

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Lajnah Belia Masjid berperanan menarik golongan belia bagi mengimarahkan masjid?
- b) Senaraikan masjid-masjid yang mempunyai Lajnah Belia Masjid?

JAWAPAN:

- a) Antara program yang dilaksanakan Lajnah Belia Masjid bagi mengimarahkan masjid adalah seperti berikut:
 - 1. Daurah Remaja yang diadakan pada cuti panjang persekolahan
 - 2. Kem Bestari Smart Solat
 - 3. Program Kursus Bilal Muda
 - 4. Gotong Royong Belia Masjid
 - 5. Tadarus dan Tadabbur Belia
 - 6. Qiamulail Perdana
 - 7. Sukan Belia
 - 8. Pengurusan Jenazah Belia
- b) Setiap masjid di Selangor dikehendaki menubuhkan Lajnah Belia Masjid berdasarkan peruntukan dalam Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Negeri Selangor (Pindaan) 2001 Kaedah 23 (h). Sehingga kini, seluruh masjid Negeri Selangor yang berjumlah 411 buah masjid mempunyai Lajnah Hal Ehwal Belia Masjid

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN INOVASI NEGERI SELANGOR
(KINS)**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima program KINS dari 2013-2015?
- b) Nyatakan jumlah dana yang diluluskan, tahun terima dan tempoh pinjaman program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak kami tidak pernah melaksanakan Program KINS ini dan ia tidak berkaitan dengan sebarang program di bawah Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Industri Kecil & Sederhana (IKS) Negeri Selangor.
- b) Pihak kami tidak terlibat di dalam program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KUTIPAN WANG ZAKAT

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kutipan zakat yang diperoleh pada tahun 2014 dan 2015?
- b) Sebanyak mana wang zakat dibelanjakan kepada keperluan asnaf pada tahun 2014 dan 2015 dan berapa jumlah penerima?
- c) Berapa banyak wang zakat digunakan untuk menaja pelajar Islam di Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara serta berapa ramai jumlah pelajar yang ditaja?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah kutipan zakat di Negeri Selangor bagi tahun 2014 dan 2015:

Jumlah Kutipan Zakat di Negeri Selangor Bagi Tahun 2014 hingga 2015

Tahun	Kutipan (RM Juta)
2014	582,255,890
*2015	380,846,514

**Nota: Data adalah sehingga bulan Ogos 2015*

- b) Berikut merupakan jumlah pengagihan wang zakat mengikut asnaf dan jumlah penerima bantuan zakat bagi tahun 2014 hingga Ogos 2015:

**i) Jumlah Agihan Zakat di Negeri Selangor
Bagi Tahun 2014 hingga 2015**

Asnaf	Tahun (RM Juta)	
	2014	*2015
Fakir	73,858,225	59,918,202
Miskin	161,400,790	126,913,402
**Amil	72,781,986	47,605,814
Muallaf	52,632,083	32,019,750

Asnaf	Tahun (RM Juta)	
	2014	*2015
Riqab	22,911,649	14,835,912
Gharim	55,425,409	39,687,95
Fisabilillah	155,935,155	114,183,023
Ibnu Sabil	800,343	587,446
Jumlah	595,745,640	435,751,500

*Nota: Data adalah sehingga bulan Ogos 2015

**Jumlah agihan zakat di bawah amil meliputi pengurusan institusi amil melibatkan belanja pentadbiran, R&D, pemasaran dan promosi, sumber manusia, prasarana, komisen ejen kutipan dan upah penolong amil kariah serta penolong amil fitrah

ii. Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin (Keluarga) Yang Menerima Bantuan Zakat Bagi Tempoh Januari – Ogos 2015

Bil	Daerah	Bilangan Keluarga	
		Fakir	Miskin
1	Gombak	1,147	1,753
2	Petaling	1,925	5,192
3	Hulu Langat	2,595	3,789
4	Kuala Langat	1,350	2,226
5	Sabak Bernam	138	3,930
6	Hulu Selangor	1,779	2,276
7	Kuala Selangor	958	3,971
8	Klang	2,073	4,875
9	Sepang	514	1,173
Jumlah		12,479	29,185
Jumlah Keseluruhan		41,664	

c) Berikut merupakan jumlah pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara yang menerima bantuan dari LZS:

Bantuan	Asnaf	Jenis Bantuan	Jumlah Pelajar	Jumlah Bantuan (RM Juta)
Pelajar IPT Dalam Negara	Fakir & Miskin	Dermaisiswa Dalam Negara	7,928	37,950,000
	Fisabilillah	Bantuan Umum Pelajaran Dalam Negara	8,487	4,683,380
Pelajar IPT Luar Negara	Fisabilillah	Bantuan Umum Pelajaran Luar Negara	1,003	4,562,900
		Dermaisiswa Luar Negara	531	13,000,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA DIBERHENTIKAN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memberi batuan kepada pekerja yang telah diberhentikan akibat penutupan kilang di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kebajikan semua pekerja yang diberhentikan terbela?

JAWAPAN:

- a) Bagi membantu mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri mengadakan program-program Jom Kerja di beberapa daerah seperti di Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Selain itu, pekerja-pekerja yang terlibat ini disyorkan untuk mendaftar dalam portal JobsMalaysia untuk penjodohan pekerjaan di samping menjemput mereka hadir ke karnival-karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Mereka juga turut dipelawa ke Temuduga Terbuka yang diadakan di cawangan-cawangan jabatan ini.

- b) Selain usaha membantu pekerja yang terlibat mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan program-program bantuan melalui Jawatankuasa Tetap yang berkaitan untuk menggalakkan pekerja yang diberhentikan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan seperti berikut;-
 - i. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan : Program Bantuan *BluePrint* Pembasmian Kemiskinan-yang memfokus kepada pemohon yang telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan yang tidak mempunyai modal untuk membeli mesin. Bantuan maksimum diberikan adalah sebanyak RM5000.00 (bantuan dalam bentuk pemberian mesin bantuan perniagaan.)
 - ii. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan : Program Hijrah Kerajaan Negeri menyediakan modal perniagaan.
 - iii. Jawatankuasa Tetap Usahawan : Dana Mikro pemberian dana sehingga RM30,000 untuk modal perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : STRATEGI MENANGANI PENGANGGURAN

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Strategi terperinci untuk menangani peningkatan pengangguran graduan terutama berijazah agar Selangor mempunyai kadar pengangguran khususnya di kalangan anak muda paling rendah di Malaysia

JAWAPAN:

- a) Ketidaktentuan ekonomi pada masa kini secara keseluruhannya telah memberi kesan sosio-ekonomi kepada rakyat. Kebimbangan terhadap kadar pengangguran adalah berdasarkan sektor-sektor utama seperti pembuatan yang terjejas dengan senario ini. Menyedari impak ekonomi yang mungkin membawa kepada peningkatan kadar pengangguran di Negeri Selangor, Kerajaan atas dasar keprihatinan kepada rakyat mengambil langkah mempersiapkan rakyat dan mengupayakan rakyat kepada program keusahawanan yang secara tidak langsung mencipta peluang-peluang baru kepada rakyat menerusi langkah-langkah berikut :

- i) Memperkasa Pelbagai Program Bantuan Perniagaan Bagi Membantu Usahawan Baru dan Melonjakkan Usahawan Sedia Ada Ke Tahap Yang Lebih Tinggi;

Kerajaan telah memperkasakan pelaksanaan Skim Mikrokredit Negeri Selangor (SkimSel) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) di bawah satu program bersepadu iaitu **Program Hijrah**.

Kerajaan terus memperkasa insentif kepada **usahawan muda** dengan meningkatkan bantuan daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana **Usahawan Mikro Selangor**.

- ii) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui jalinan kerjasama dengan universiti dan kolej tempatan serta pemain industri; dan

Kerajaan turut menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan **Program Kemahiran Teknikal** melalui INPENS International College. Program Kemahiran Teknikal ini

merupakan salah satu program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui INPENS International College sejak tahun 2008. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan generasi muda yang tercidir di dalam pelajaran serta daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Selain itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, dan Pembangunan Modal Insan telah melaksanakan **Program Internship Pembangunan Bakat** dengan kerjasama **Selangor Human Resource Development (SHRDC)** seperti berikut :

- *YES (Youth Enhancement Strategy)*

Program ini mensasarkan belia dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berjaya ke Institut Pengajian Tinggi (IPT); dan

- UNISEL, INPENS dan KUIS *Internship high impact Talent (i-HIT)*

Program ini memfokuskan pelajar UNISEL dan KUIS sebagai latihan tambahan kepada subjek niche yang diperlukan industri. Pelajar akan dipilih oleh industri dan seterusnya akan mendapat tawaran pekerjaan secara langsung. Kumpulan sasar ialah pelajar ijazah bagi kursus kejuruteraan, teknologi komunikasi dan Infomasi dan Sains-Bio.

- iii) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan.

Kerajaan turut menggerakkan usaha membantu golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di luar bandar melalui **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor**. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dua (2) institusi pendidikan iaitu INPENS International College, Kuala Selangor dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kuala Kubu Baru. Program ini mensasarkan golongan belia dan beliawanis desa, ibu tunggal dan suri rumah serta peniaga kecil-kecilan di desa.

- iv) Meningkatkan program-program kerjaya sebagai medium golongan siswazah bertemu pemain industri.

Program Kerjaya / Jom Kerja berbentuk Karnival telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dengan mengadakan **temuduga**

terbuka (*walk in interview*) oleh syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja. Kejayaan program ini telah melibatkan **seramai 9,939 pemohon** yang telah hadir untuk sesi temu duga terbuka bermula tahun 2009.

Kerajaan telah mengadakan kerjasama dengan **Invest Selangor** bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan mengadakan program promosi (pengiklanan melalui *local and international magazine seperti Foreign Direct Investment, in flight magazine*, mengadakan lawatan ke luar negara bersama *Malaysian Investment Development Authority - MIDA* dan menyertai pameran perdagangan bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negara.

- v) Kerjasama dengan **Kumpulan Peransang Selangor Berhad dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad** dengan melaksanakan Program Ransangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) dan kini dikenali sebagai **Ransangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)** bertujuan untuk membantu para siswazah dan rakyat Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan sama ada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran-kemahiran teknikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISTEM PENGUMPULAN AIR HUJAN (SPAHE)

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan premis-premis Kerajaan Negeri Selangor yang menggunakan sistem SPAH?
- b) Sejauh manakah sistem SPAH dapat mengurangkan kos dan menjimatkan jumlah air mengikut senarai projek yang telah dijalankan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara premis kerajaan yang menggunakan sistem pengumpulan air hujan (SPAHE) adalah seperti berikut: -

BIL	PREMIS
1.	Dewan Jubli Perak Abdul Aziz, SUK Selangor
2.	Pusat Biomass MPSJ, Bandar Bukit Puchong
3.	Tempat mencuci kenderaan, Bengkel Mekanikal MPSJ
4.	Bangunan Ibu Pejabat MBPJ
5.	Masjid Bukit Indah, Ampang
6.	Kompleks Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya
7.	Dewan Orang Ramai Taman Dahlia, Sepang
8.	Dewan Orang Ramai Taman Putra Prima, Sepang

- b) Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Seberang Perai & Majlis Perbandaran Sandakan, Perbandaran Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pemasangan SPAH dapat mengurangkan penggunaan air terawat sebanyak **30% hingga 75%**. Ianya adalah bergantung kepada kapasiti tangki SPAH dan jumpa air yang dapat di kumpulkan pada satu-satu masa. *(Sumber dari Kertas Kerja Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHE) yang disediakan oleh KPKT bertarikh 26hb Jun 2012).*

Walau bagaimanapun, pengurangan kos dan penjimatan jumlah air mengikut senarai projek yang telah dijalankan adalah sama seperti kajian yang telah dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincikan apakah bidang kerja yang boleh digunakan?
- b) Status terkini permohonan penggunaan peruntukan MARRIS?
- c) Berapakah jumlah yang telah disalurkan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, senaraikan jumlah tersebut dari 2005 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman, pemberian MARRIS boleh digunakan bagi tujuan penyenggaraan Jalan Negeri secara rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan seperti maksud **Perenggan 11, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri** yang diperincikan seperti berikut:-

1. Penyenggaraan rutin (berjadual)

Kerja-kerja penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, contohnya;

- i. Penyenggaraan pavemen (tampal jalan)
- ii. Penyenggaraan bahu jalan
- iii. Kerja-kerja pemotongan rumput/lanskap
- iv. Penyenggaraan perabot jalan
- v. Penyenggaraan pembentung dan jambatan
- vi. Pembersihan longkang tepi jalan
- vii. Penyenggaraan cerun (semula jadi dan buatan manusia)
- viii. Penyenggaraan jejambat/jejantas
- ix. Penyenggaraan terowong

2. Penyenggaraan Berkala

Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan, contohnya;

- i. Menyenggara pavemen (menurap semula jalan)
- ii. Mengganti perabot jalan

- iii. Mengecat jalan
- iv. Mengganti saluran
- v. Membaiki cerun (atas dan bawah)
- vi. Membaiki jambatan dan pembentung yang menghubungkan jalan
- vii. Menyenggara pokok-pokok di bahu jalan
- viii. Menyenggara persimpangan jalan
- ix. Ujian ketahanan jalan
- x. Menyenggara lampu jalan dan lampu isyarat

3. Penyenggaraan kecemasan

Kerja-kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera, contohnya;

- i. Pokok tumbang
- ii. Tanah/cerun/tembok penahan runtuh
- iii. Jalan mendap
- iv. Kegagalan benteng
- v. Pembentung dan perparitan runtuh
- vi. Banjir
- vii. Tumpahan bahan-bahan kimia, toksik, bahan konkrit atau lain-lain kerja yang melibatkan keselamatan pengguna jalan raya yang terancam secara serius

Bagi pembaikan yang melibatkan keruntuhan struktur selain keruntuhan cerun, pembaikan hanya melibatkan laluan sementara.

4. Penyenggaraan Pencegahan (*preventive*)

Kerja-kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan mengambil tindakan tersebut boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya iaitu:-

- i. Kajian cerun
- ii. Kajian Ketahanan Jalan
- iii. Kajian Lalu Lintas.

- b) Sebagai rekod, Kerajaan Negeri telah bersetuju dan meluluskan Siling Peruntukan MARRIS Tahun 2015 pada jumlah **RM 600,000,000.00**. Setakat 30 September 2015, sejumlah **RM 67,874,553.42** telah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri sebagai Siling Tambahan kepada agensi pelaksana yang mengemukakan permohonan seperti berikut:-

BIL.	AGENSI PELAKSANA	SILING ASAL (RM)	SILING TAMBAHAN (RM)	SILING KEMASKINI (RM)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	437,500,000.00	56,121,695.36	493,621,695.36
2.	Pejabat Daerah / Tanah	4,500,000.00	5,499,000.00	9,999,000.00
3.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor	156,000,000.00	6,253,858.06	162,253,858.06
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	600,000,000.00	67,874,553.42	667,874,553.42

- c) Jumlah peruntukan MARRIS yang telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri dari Tahun 2005 sehingga September 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah (RM)
2005	134,795,868.00
2006	174,095,714.00
2007	276,723,369.00
2008	300,966,292.00
2009	351,659,938.00
2010	351,659,938.00
2011	368,356,025.00
2012	416,971,395.00
2013	498,033,993.22
2014	523,486,773.00
*2015	361,350,937.56
JUMLAH	3,758,100,242.78

* Nota: Sehingga September 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SEMESTA SDN BHD

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan Lembaga Pengarah Semesta Sdn Bhd yang terkini?

JAWAPAN:

BIL.	NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH & PENGURUSAN TERTINGGI	TEMPOH/TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
1	Tn. Haji Sabtu Md Ali	08/09/2011	Pengerusi Lembaga Pengarah
2	YB Mohd. Khairuddin Bin Othman	06/01/2010	Ahli Lembaga Pengarah
3	En. Cheong Seng Gee	08/09/2011	Ahli Lembaga Pengarah
4	YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	23/11/2012	Ahli Lembaga Pengarah
5	YM Raja Shahreen Bin Raja Othman	23/12/2014	Ahli Lembaga Pengarah
6	En. Soffan Affendi Bin Aminudin	23/12/2014	Ahli Lembaga Pengarah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PELANTIKAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana PeBT mampu meningkatkan penglibatan belia dalam masyarakat?
- b) Berapa ramai belia yang telah berdaftar/terlibat dalam program anjuran PeBT? Senaraikan bilangan mengikut tahun

JAWAPAN:

- a) Penggerak Belia Tempatan (PeBT) mampu meningkatkan penglibatan belia dalam masyarakat kerana PeBT merupakan ejen perubahan kepada golongan belia serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Melalui PeBT, program-program pembangunan belia dapat dilaksanakan berpandukan kepada 10 teras utama sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Belia Selangor iaitu Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Spiritualiti dan Pengantarabangsaan. Dengan penglibatan aktif PeBT, maka hasrat Kerajaan Negeri dalam usaha untuk melahirkan golongan generasi muda yang progresif, berdaya saing dan cemerlang akan tercapai.

- b) Kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai program dengan kerjasama daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang meliputi semua 56 DUN di Negeri Selangor. Antara program yang dijalankan bermula pada tahun 2009 iaitu sejak penubuhan PeBT sehingga kini adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Tahun	Program			
		PBT	Peserta	Kerajaan Negeri	Peserta
1.	2009	Pertandingan Futsal Perdana peringkat PBT	200	Hari Sukan Antarabangsa	1500

		Santai anak motor	300	Bengkel Kepimpinan PeBT	700
		Program Kursus Pra Perkahwinan	200	Pertandingan Futsal Perdana peringkat Negeri Selangor	500
		Iftar Ramadhan Belia bersama Anak Yatim	500	Sambutan Hari Kemerdekaan	1000
2.	2010	Pertandingan Futsal Belia	300	Sambutan Ambang Tahun Baru	1500
		Program Ekspedisi Belia Sihat	350	Himpunan Belia atau "International Youth Gathering (IYG)"	500
		Konvoi Motosikal PeBT	500	Kayuhan BES	1500
		Program Penghayatan Kemerdekaan di dalam Bulan Ramadhan	600	Majlis Perkahwinan Perdana Belia Negeri Selangor	2000
3.	2011	Dialog Mursyi (Jelajah)	500	Majlis Perkahwinan Perdana Belia Negeri Selangor	2000
		Program Hari Mesra Belia	500	Sambutan Ambang Tahun Baru	1000
		Kursus Program Sukaneka PeBT	400	Hari Sukan dan Hari Belia peringkat Antarabangsa	1500
		Program Kepimpinan dan Kerjaya	300	Kayuhan BES	500
4.	2012	Kejohanan Futsal tertutup	150	Sambutan Maulidur Rasul	1000
		Program Ekspedisi Belia Sihat	500	Himpunan Belia atau "International Youth Gathering (IYG)"	500
		Iftar Ramadhan Belia bersama Anak Yatim	600	Pertandingan Bubur Lambuk Peringkat Negeri	1000
		Program Jom Festival Layang-layang	500	Sambutan Hari Sukan peringkat Negeri Selangor	1500
		Program Kepimpinan dan Kerjaya	300	Kayuhan BES	500
5.	2013	Kembara Aidiladha	500	Pertandingan Bubur Lambuk Peringkat Negeri	1000

		Program Mesra Rakyat Bersama Penduduk, Polis,,Persatuan Penduduk dan Pegawai Keselamatan	500	Himpunan Belia atau "International Youth Gathering (IYG)"	500
		Program Khatan Perdana	100	Majlis Perkahwinan Perdana Belia Negeri Selangor	1500
		Kejohanan Bowling terbuka	150	Sambutan Hari Sukan peringkat Negeri Selangor	1500
		Program Ekspedisi Belia Sihat	350	Program Walkathon BES	1500
6.	2014	Tayangan Skrin Gergasi World Cup	500	Himpunan Belia atau "International Youth Gathering (IYG)"	500
		Karnival Belia Penggerak Belia (PeBT)	500	Hari Belia Antarabangsa	1500
		Program Perkahwinan Perdana Belia	1200	Program International Cybergame	2000
		Malam Santai Seni Bersama YB EXCO	300	Program Walkathon BES	1500
7.	2015 (Sept)	Program Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir	500	Majlis Berbuka Puasa bersama Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS)	600
		Festival Kuih Bulan	500	Jelajah YB EXCO 4 PBT x 300 orang	1200
		Program Liga Sukan Peringkat DUN 33 Dun x 200 orang	6,600	Program International Cybergame	2000
		Program Anak Muda PeBT	300	Himpunan Belia atau "International Youth Gathering (IYG)"	500
		Jumlah	18,700	Jumlah	34,500

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : STATUS TANAH SURAU AL-TAQWANIAH, PAYA JARAS HULU,
MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

b) Bilakah pengambilan ini dijangka selesai sepenuhnya?

JAWAPAN:

b) Mengikut SOP Pejabat Tanah/Daerah Petaling ia dijangka mengambil masa selama satu tahun

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TADIKA

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua tadika kerajaan dan lokasinya di kawasan Petaling Jaya.
- b) Senaraikan semua tadika swasta dan lokasinya di kawasan Petaling Jaya.

JAWAPAN:

- a) Terdapat 49 unit tadika kerajaan yang terdapat di Petaling Jaya. Senarai tadika terlibat adalah seperti di berikut:

SENARAI TADIKA KERAJAAN DI KAWASAN PETALING JAYA.

- 1. Lot 21767, Jalan Dagang, SD 2/1A, PJU 9, Petaling Jaya.
- 2. Lot 3, Persiaran Margosa Sri Damansara, PJU 9, Petaling Jaya.
- 3. Lot 599, Jalan Kenanga SD 9/9A, PJU 9, Petaling Jaya.
- 4. Lot 37448, Jalan SD 13/4, PJU 9, Petaling Jaya.
- 5. Lot 1552, Jalan Ara SD 7/4, PJU 9, Petaling Jaya.
- 6. Lot 39316, Jalan Saga SD 8/3, PJU 9, Petaling Jaya.
- 7. Lot 69814, Jalan PJU 10/8, PJU 10, Petaling Jaya.
- 8. Lot 42574, Jalan PJU 7/1A, PJU 7, Petaling Jaya.
- 9. Lot 51043, Jalan Rimba Riang 9/1, Petaling Jaya.
- 10. Lot 49151, Jalan Cecawi 6/1, PJU 5, Petaling Jaya.
- 11. Lot 43854, Jalan Sepah Puteri 5/5, PJU 5, Petaling Jaya.
- 12. Lot 47876, Jalan Sepah Puteri 5/26, PJU 5, Petaling Jaya.
- 13. Lot 50798, Jalan Kenyalang 11/1, PJU 5, Petaling Jaya.
- 14. Lot 52220, Jalan Kenyalang 11/4A, PJU 5, Petaling Jaya.
- 15. Lot 49149, Jalan Cecawi 6/30, PJU 5, Petaling Jaya.
- 16. Lot 52195, Jalan Camar 4/1, PJU 5, Petaling Jaya.
- 17. Lot 592, Jalan PJU 3/18A, PJU 3, Petaling Jaya.
- 18. Lot 45201, Jalan PJU 3/22, PJU 3, Petaling Jaya.
- 19. Lot 910, Jalan Tropicana Utara, PJU 3, Petaling Jaya.

20. Lot 948, Jalan Tropicana Selatan, PJU 3, Petaling Jaya.
21. Lot 30544, Jalan Bukit Mayang 1/3, PJU 1, Petaling Jaya.
22. Lot 55973, Jalan PJU 1A/42, PJU 1A, Petaling Jaya.
23. Lot 80979, Jalan PJU 1A/46, PJU 1A, Petaling Jaya.
24. Lot 72582, Jalan PJU 1A/4A, PJU 1A, Petaling Jaya.
25. PT 558, Jalan PJU 1A/19, PJU 1A, Petaling Jaya.
26. PT 956, Jalan PJU 1A/22, PJU 1A, Petaling Jaya.
27. Lot 62022, Jalan SS 17/17J, SS 17, Petaling Jaya.
28. Lot 2660, Jalan SS 9/9, SS 9, Petaling Jaya.
29. Lot 2031, Jalan SS 3/74, SS 3, Petaling Jaya.
30. PT 1979, Lorong SS 4A/4A, SS 4, Petaling Jaya.
31. Lot 55, Jalan SS 4C/1, SS 4, Petaling Jaya.
32. Lot 16446, Lorong SS 23/6D, SS 23, Petaling Jaya.
33. Lot 16363, Lorong SS 23/12A, SS 23, Petaling Jaya.
34. Lot 27738, Jalan Bandar Utama 12/1, PJU 6, Petaling Jaya.
35. Lot 28810, Jalan Bandar Utama 11/17A, PJU 6, Petaling Jaya.
36. Lot 25122, Jalan Mawar, Kg. Kayu Ara, PJU 6, Petaling Jaya.
37. Lot 27667, Jalan Cangkat Bukit Utama, PJU 6, Petaling Jaya.
38. Lot 25545, Jalan BU 3/2, PJU 6, Petaling Jaya.
39. Lot 27655, Jalan BU 4/3, PJU 6, Petaling Jaya.
40. PT 40046, Jalan PJU 7/12, PJU 7, Petaling Jaya.
41. Lot 626, Jalan Sri Manja 2B, PJS 1, Petaling Jaya.
42. Lot 811, Jalan PJS 3/35, PJS 3, Petaling Jaya.
43. Lot 62545, Jalan PJS 3/25, PJS 3, Petaling Jaya.
44. PT 9195, Jalan PJS 2, Petaling Jaya.
45. Lot 47857, Jalan PJS 5/3, PJS 5, Petaling Jaya
46. Lot 30799, Lorong PJS 6/4D, PJS 6, Petaling Jaya.
47. Lot 13570, Jalan PJS 10/34, PJS 10, Petaling Jaya.
48. Lot 44024, Jalan PJS 10/11, PJS 10, Petaling Jaya.
49. Jalan PJS 10/18, PJS 10, Petaling Jaya.
50. No.6, Jalan Othman, Seksyen 1, Petaling Jaya.
51. Jalan 5/46, Seksyen 5, Petaling Jaya.
52. No.3, Jalan 6/1D, Seksyen 6, Petaling Jaya

- b) Terdapat 115 unit tadika swasta yang diluluskan di Petaling Jaya. Senarai tadika terlibat adalah seperti di bawah.

SENARAI TADIKA SWASTA DI KAWASAN PETALING JAYA.

BIL	PEMOHON	LOKASI
1.	Tadika New Life	No. 28, Jalan 14/29, Petaling Jaya
2.	Tadika Penjana Ilmu	No. 10, Jalan Kenyalang 11/14, Seksyen 11, Kota Damansara, Petaling Jaya
3.	Tadika The Star Children House	No. 98, Jalan BU 7/11, Petaling Jaya
4.	Tadika Peter & Jane	No. 1, Jalan PJU 7/12, Mutiara Damansara, Petaling Jaya
5.	Tadika Peter & Jane	No. 1, Jalan SS 23/9, Taman Sea, Petaling Jaya
6.	Tadika Peter & Jane	No. 114 Jalan SS 22/32, Damansara Jaya, Petaling Jaya
7.	Tadika Little Inventor	No. 9, Jalan SS 21/37, Petaling Jaya
8.	Tadika Sinar Merah	No. 1, Jalan PJS 1/34, Jalan Jasa 13A, Petaling Jaya
9.	Tadika Jack & Jill	Lot 8, Jalan Pantai 9/7, Petaling Jaya
10.	Tadika Elit Serimas	No. 1, Jalan BM 1/10, Taman Mayang Emas, PJU 1A, Petaling Jaya.
11.	Tadika Little Bell	No. 129, Jalan SS20/2, Damansara Utama, Petaling Jaya
12.	Tadika Montessori Daffodils	No. 2, Jalan Kiara SD 11/3F, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya

13.	Tadika Jing Ying	No. 5, Jalan 2/34, Petaling Jaya
14.	Tadika Emmanuel	No. 14, Jalan Padang 4/48D, 47301 Petaling Jaya
15.	Tadika Cahaya Taqwa	No. 37, Jalan Cecawi 6/25, Kota Damansara, Petaling Jaya
16.	Tadika Mutiara Ara	No. 59, Jalan PJU 1A/1J, Ara Damansara , Petaling Jaya
17.	Tadika Sejuta Kasih	No. 2, Jalan 19/32, Petaling Jaya.
18.	Tadika Sinaran Bintang Cemerlang	No. 2, Jalan Kenanga SD 9/7, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.
19.	Tadika Bintang Cempaka	No. 1, Jalan Cempaka SD 12/4A, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.
20.	Tadika Universiti Islam Antarabangsa	Pusat Asasi UIAM, Jalan Universiti, Petaling Jaya
21.	Tadika Setia Gembira	No. 71, Jalan PJU 1A/1F, Ara Damansara, Petaling Jaya
22.	Tadika Sri Anakanda	No. 32, Jalan Masjid 3/69, Petaling Jaya
23.	Tadika Seri Palma	32A, Jalan Sepah Puteri 5/13, Seri Utama Damansara, Kota Damansara, Petaling Jaya.
24.	Tadika Bestari Seri Utama	No.62A, Jalan Sepah Puteri, Seri Utama, Kota Damansara, 47301 Petaling Jaya.
25.	Tadika Sri Mulia Gemilang	No.C-G-12A Dan C-G-16, Blok C, Jalan PJU 1A/3K, Taipan Damansara, Ara Damansara, Petaling Jaya
26.	Tadika Dar Der	No.45, Jalan 1/10, Petaling Jaya

27.	Tadika Puei Chee	478, Jalan 17/17, Petaling Jaya
28.	Tadika Anjung Didik	No.1, Jalan PJU 10/14H, Saujana Damansara, Petaling Jaya
29.	Tadika Ummy Bestari Kota Damansara	No.2, Jalan Cecawi 6/16, Kota Damansara, Petaling Jaya
30.	Tadika Sekolah Jerman Kuala Lumpur	No. 11A, Jalan 14/54, Seksyen 14, Petaling Jaya.
31.	Tadika Montessori Rimbun Ilmu	No. 89, Jalan PJU1A/1C, Ara Damansara, Petaling Jaya.
32.	Tadika Cerdik Cemerlang	No.93, Jalan BU11/5, Bandar Utama, Petaling Jaya.
33.	Tadika Didik Pandai	No. 21, Jalan 12/11, Petaling Jaya.
34.	Tadika Montessori Sinar Gemilang	No. 1, Jalan Kiara SD 11/7A, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.
35.	Tadika Arah Pintar	No.1, Jalan PJU1A/23A, Ara Damansara, Petaling Jaya
36.	Tadika Seri Cemerlang Jaya	No. 1, Jalan Margosa SD10/1A, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.
37.	Tadika Taman Pendidikan Raihan	No. 11, Jalan BU 12/8, Bandar Utama, 47300 Petaling Jaya.
38.	Tadika Chim	No. 55, Jalan 14/29, Petaling Jaya.
39.	Tadika Intergrasi Sri Sempurna	No. 140, Jalan Sepah Putri 5/19, Taman Sri Utama, Kota Damansara, Petaling Jaya.
40.	Tadika Nebula	No. 11-1, Jalan Damar 15/1, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.

41.	Tadika Ringrose	No. 2, Jalan SS2/15A, Petaling Jaya.
42.	Tadika Chim	No. 77, Jalan 21/3, Damansara Utama, Petaling Jaya.
43.	Tadika Hidayah Sri Bestari	No. B-G16, Apartment Saujana, Jalan PJU 10/1C, Damansara Damai, Petaling Jaya.
44.	Tadika Pasti Cemerlang	No. 1431, Jalan 17/26, Petaling Jaya.
45.	Tadika Naluri Bestari (Satu)	No. 49, Jalan Cecawi 6/24, Seksyen 6, Petaling Jaya.
46.	Tadika Sri Cahaya Kristal	No. 3, Jalan SS 4D/18, 47301 Petaling Jaya
47.	Tadika Sri Cekal Bestari	No. 1, Jalan Kenyalang 11/11, PJU 5, Kota Damansara, Petaling Jaya.
48.	Tadika Sri Kirana	No. 23, Jalan Cecawi 6/31A, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya.
49.	Tadika Sri Minda	No. 49, Jalan BM 1/10, Taman Bukit Emas, 47810 Petaling Jaya.
50.	Tadika Cempaka Suria	No. 39, Jalan SS 3/86, 47300 Petaling Jaya
51.	Tadika Sri Damai	No. 44, Jalan Cemara SD 3/6, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.
52.	Tadika Aktif	No. 2, Jalan BU10/8, Bandar Utama, Petaling Jaya
53.	Tadika Sri Mulia Gemilang	No. C-G-12A & C-G-16, Blok C, PJU 1A/3K, Taipan Damansara 1, Ara Damansara, Petaling Jaya
54.	Tadika Pelangi Ria	No. 2, Lorong PJU 3/23C, Sunway Damansara, 47810 Petaling Jaya.

55.	Tadika Sri Permataku	Lot A012/ B2-1-T1, Blok B2, Pangsapuri Sri Meranti, Petaling Jaya
56.	Tadika Elit Serimas	No. 1, Jalan BM 1/10, Taman Bukit Mayang Emas, 47301 Petaling Jaya
57.	Tadika Bukit Bintang	No. 1 & 2, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya
58.	Tadika Titian Pelangi	No. 132A, Jalan PJU 10/14H, Saujana Damansara 47830 Petaling Jaya
59.	Tadika Sri Tropika	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, 47410 Petaling Jaya
60.	Tadika Daya Bestari (M) Sdn Bhd	No. 58, Jalan Sepah Puteri 5/2, Kota Damansara 47800 Petaling Jaya
61.	Tadika Ilham Mutiara	No. 87 Jalan PJU 7/12, Mutiara Damansara Petaling Jaya
62.	Tadika Lin Lin	No. Jalan SS3/52, 47300 Petaling Jaya
63.	Tadika Alfa Intelek	No. 17, Jalan PJU 7/22, Mutiara Damansara Petaling Jaya
64.	Tadika Pintar Ria Gemilang	No. 26 & 28, Jalan Teknologi 3/6D, Seksyen 3, Kota Damansara, Petaling Jaya
65.	Tadika Semurni	No. 1, Jalan Meranti SD 13/6, Bandar Sri Damansara 47810 Petaling Jaya
66.	Tadika Didik Johan	No. 1, Jalan SS 2/74, 47300 Petaling Jaya
67.	Tadika Seri Sarjana	No. 84, Jalan BU 6/12, Bandar Utama, Petaling Jaya

68.	Tadika Cerdas Ceria	No. 1, Jalan Rimba Riang 9/3C, Seksyen 9, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya
69.	Tetuan Jin Kho Kian Hock	No.12A, Jalan PJU 1A/1H, Ara Damansara, 47301 Petaling Jaya
70.	Tadika Genius Umami	No. 10-1, Jalan PJS 3/59, Taman Sri Manja, 46000 Petaling Jaya
70.	Tadika Matahari Cemerlang	No. 135, Jalan SS21/135, Petaling Jaya.
72.	Tadika Cerdik Manja	No. 2, Jalan BU 12/3, Bandar Utama, Petaling Jaya.
73.	Tadika Seri Wani	No. 27, Jalan 19/27, Petaling Jaya
74.	Tadika Manarul Islam	No. 3 Jalan SS1/35 Kampung Tunku, Petaling Jaya
75.	Tadika Senyum Comel Bestari	No. 2, Jalan PJU 1A/32A, Ara Damansara, Petaling Jaya
76.	Tadika Anggerik Cemerlang	No. 19, Jalan 15, Taman Dato' Harun Petaling Jaya
77.	Tadika Seri Intelek	No. 23, Jalan 5/12, Taman Desaria, Batu 7, Klang Lama, Petaling Jaya
78.	Tadika Bestari Seri Utama	No. 65-A, Jalan Sepah Puteri 5/5, Seri Utama, Kota Damansara, Petaling Jaya
79.	Tadika Cerdik Manja	No.31, Jalan SS 3/72, SS 3 Petaling Jaya
80.	Tadika Insan Ceria	No. 24, Jalan SS 1/41, 47300 Petaling Jaya
81.	Tadika Pesona Bistari	No. 2, Jalan PJU 7/10A, Desa Riang, Damansara Damai, 47800 Petaling Jaya.

82.	Tadika Si Kecil Al- Azhar	No. 28, Jalan 16/6, 46350 Petaling Jaya.
83.	Tadika Sri Sejati	No. 60, Jalan BU 1/9, Petaling Jaya
84.	Tadika Didik Kanak-Kanak Cerdik	No.22 JalanJasa 23, Taman Medan Pejasa, Petaling Jaya
85.	Tadika Fatima	B10-1-25, B10-1-26, BLOK 10, Jalan PJS 2B/1, Desa Mentari 2, 46150 Petaling Jaya
86.	Tadika Joy	No. 7 Jalan SS1/10, 47300 Petaling Jaya
87.	Tadika Inovasi Minda	No. 2 Jalan PJU 7/8E, Mutiara Damansara 47800 Petaling Jaya
88.	Tadika Smart Reader Kids	No. 2 Lorong PJU 7/8B, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya
89.	Tadika Bintang Zuhrah	No.1, Jalan BU11/17, Bandar Utama PJU 6, Petaling Jaya
90.	Tadika Alam Ceria	No. 2 Lorong PJS2/24A, Taman Sri Subang PJS 10, 46000 Petaling Jaya
91.	Tadika Seaport	No. 12 Jalan SS3/80, 47300 Petaling Jaya
92.	Tadika Ilham Mutiara	No.2A, Lorong PJU 7/11B, Mutiara Damansara, Petaling Jaya
93.	Tadika Sunny	No. 20, Jalan SS 4D/6, P. Jaya
94.	Tadika Sri Bintang Pelangi	No.AG23, Blok A, Apartment Bayu Damansara, Petaling Jaya
95.	Tadika Kristal Berkembangan	No. 15, Jalan Camar 4/12, Kota Damansara, P. Jaya

96.	Tadika Seri Murni	No. 1, Jln Meranti SD 13/6, Bandar Sri Damansara P. Jaya
97.	Tadika Lestari	No. 12, Tanjung SD 13/3, Bandar Sri Damansara, P. Jaya
98.	Tadika Maju Cerdik	No. 1, Jln PJU 10/14F, Saujana Damansara, P. Jaya
99.	Tadika Sri Pesona	No. 18, Jalan Cecawi 6/26A, Kota Damansara, P. Jaya
100.	Tadika Harmoni	No. 1, Jalan SS 9/5, Sungai Way Petaling Jaya
101.	Tadika Hidayah Bestari	No.15, Jalan Kiara SD 11/2E, Bandar Sri Damansara, PJU 9, 47810 Petaling Jaya
102.	Tadika Sri Comel Manja	No. 1, Jalan Ara SD 7/4, Bandar Sri Damansara, PJU 9, Petaling Jaya.
103.	Tadika Al-Husna	No. 2, Jalan SS 5B/5, Petaling Jaya
104.	Tadika Progresif Premier (Dr. Z)	No. 8, Jalan PJU 8/7, Bandar Damansara Perdana, Bukit Lanjan, 47820 Petaling Jaya
105.	Pusat Perkembangan Minda Era Bestari,	No. 49-1, Jalan PJU 5/21, Pusat Perdagangan Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
106.	Pusat Perkembangan Individu Lestari,	No. 56B, Jalan SS 2/72, 46300 Petaling Jaya,
107.	Tadika Didik Johan,	No. 77, Jalan BU 12/8, Bandar Utama, 47300 Petaling Jaya,
108.	Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Caw. 4,	No. 20, Jalan SS 1/16A, Kampung Tunku, Petaling Jaya,

109.	Tadika Cita Unggul,	GF Blok A, Pangsapuri Tainia, 11/3, Jalan Kenyalang, Kota Damansara, Petaling Jaya
110.	Pusat Perkembangan Individu Dinamis,	No. 2B, Jalan SS 21/62, Damansara Utama, Petaling Jaya
111.	Pusat Perkembangan Akal Didik,	No. 2A-3, Jalan PJU 5/5, Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya
112.	Tadika Anak Terbilang,	Blok K-0-5, Ground Floor, Pelangi Damansara, PJU 6, Persiaran Surian, Petaling Jaya
113.	Tadika Makmal Ilmu Si Kecil,	Ken Damansara II, Kondominium B-01-2, Blk B, No. 12A, Jalan SS 2/72, 47810 Petaling Jaya
114.	Tadika Kanak-Kanak Comel,	1-02-05 Perdana Emerald Condo, Lot 6, Jalan PJU 8/3, Bandar Damansara Perdana, 47810 Petaling Jaya
115.	Puan Zaharah Binti Ismail,	Blok B-G-02, Rumah Pangsa Kayu Ara, Jalan Teratai, PJU 6, 47810 Petaling Jaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN LANDSKAP POKOK BUNGA DI JALAN MERU-
PERSIMPANGAN JALAN SHAPADU**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Agensi manakah dipertanggungjawabkan?
- b) Bagaimanakah jadual penyelenggaraan?
- c) Apakah konsep dan tujuan landskap pokok di rizab jalan?

JAWAPAN:

- a) Ini adalah Jalan Persekutuan FT3217. Selenggaraan jalan persekutuan tidak termasuk selenggaraan landskap pokok bunga.
- b) Tidak berkenaan.
- c) Tidak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SJKC TCHE MIN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah status proses pengambilan tanah untuk SJKC Tche Min?

JAWAPAN:

a) Proses pengambilan balik tanah untuk kegunaan SJKC Tche Min berlangsung agak lama disebabkan terdapat beberapa perbincangan yang berjalan dari semasa ke semasa.

Permohonan cadangan pengambilan balik tanah untuk SJKC Tche Min sebelum ini adalah melibatkan dua (2) lot dan ia telah pun diluluskan oleh MMKN. Namun kemudiannya, pihak Pentadbir Sekolah telah meminta supaya pengambilan balik ini diubah untuk mengambil hanya satu (1) lot sahaja pada masa ini. Susulan perubahan tersebut, kertas ringkasan telah pun dikemukakan untuk kelulusan MMKN melalui pihak PTGS pada 21 Mei 2015.

Walau bagaimanapun, satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan bersama Jemaah Pengurusan Sekolah, UPEN dan PTGS pada 19 Ogos 2015. Hasil perbincangan tersebut, satu kertas ringkasan yang baru akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengambilan Tanah pada 5 November 2015 sebelum ia dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tujuan caruman kubur diwujudkan? Berapakah jumlah caruman yang ada mengikut PBT atau daerah?
- b) Bagaimanakah ianya di belanjakan atau disalurkan?
- c) Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan dan menyelenggara tanah-tanah perkuburan Cina dan India?

JAWAPAN:

- a) Akaun Amanah Perkuburan ini ditubuhkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri Selangor menguruskan caruman perkuburan yang dikutip daripada pemaju dan pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 250 hektar (500 ekar) untuk perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur setelah pemberimilikan tanah atau tukar syarat tanah diluluskan.

Semua perbelanjaan dari Akaun ini adalah untuk pembiayaan penyediaan tapak perkuburan atau kos pengambilan tanah bagi perkuburan Orang Islam dan Bukan Islam atau urusan pembayaran berkaitan dengannya serta pengurusan pembangunan perkuburan.

Jumlah kutipan caruman sehingga 30 September 2015 adalah sebanyak **RM41,471,684.90 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Satu Juta Empat Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Empat dan Sen Sembilan Puluh Sahaja)**. Jumlah kutipan caruman adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- b) Permohonan bagi tujuan penggunaan peruntukan daripada Akaun Amanah Perkuburan diterima daripada pihak Pentadbir Tanah Daerah (PTD) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut keperluan. Permohonan tersebut akan dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) selaku Urus setia Akaun Amanah Perkuburan yang kemudiannya akan diangkat bagi **pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan**. Dalam hal ini, penyaluran peruntukan ke atas sesuatu projek yang telah diluluskan kepada pihak PTD atau PBT akan dibuat melalui Akaun Amanah Perkuburan Pentadbir Tanah Daerah yang berkaitan berdasarkan harga sebenar kos sesuatu projek.

- c) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Selain Islam (HESI) di bawah Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk membincangkan dan memutuskan hal-hal berkaitan tanah perkuburan selain Islam di Negeri Selangor termasuk permohonan sesebuah organisasi untuk menguruskan sesebuah tapak perkuburan dan pewartaan sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Dalam hal ini, permohonan untuk menguruskan sesuatu tanah perkuburan bukan Islam akan diangkat oleh Pihak Pejabat Tanah Daerah ke Jawatankuasa sebelum ianya diluluskan di peringkat MMKN seterusnya diwartakan. Pewartaan tapak perkuburan itu akan dibuat di atas nama Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pegawai Pengawal dan organisasi yang telah diluluskan sebagai penyelenggara. Operasi pengurusan juga akan turut dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

LAMPIRAN A

**LAPORAN KUTIPAN CARUMAN AKAUN AMANAH PERKUBURAN (65107)
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA JULAI 2015**

BIL	DAERAH								
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	* 2015
1	Petaling	163,250.00	140,187.50	140,512.50	585,906.75	314,177.50	2,983,080.00	329,000.00	6,191,064.75
2	Gombak	393,367.00	116,785.25	114,531.25	152,244.00	254,875.00	976,742.50	369,425.00	4,169,008.52
3	Klang	200,526.50	64,470.00	126,341.75	704,685.00	91,437.50	703,812.50	559,750.00	3,453,869.05
4	Kuala Langat	47,296.25	27,313.00	77,405.75	168,781.25	101,000.00	654,750.00	307,000.00	1,429,855.28
5	Hulu Langat	336,728.75	416,531.35	664,780.75	2,148,906.30	924,250.00	6,210,312.50	2,982,819.00	15,394,858.95
6	Sepang	65,913.50	154,188.75	195,418.25	523,558.00	456,875.00	1,404,738.00	3,271,937.50	7,911,084.25
7	Kuala Selangor	125,468.75	45,937.50	45,937.50	85,706.25	39,325.00	264,499.00	112,602.25	1,344,224.05
8	Hulu Selangor	8,000.00	49,250.00	15,375.00	27,000.00	20,350.00	2,721,148.00	24,662.50	852,186.50
9	Sabak Bernam	188,676.00	74,075.25	26,696.00	134,885.50	47,695.30	79,575.00	74,678.00	725,533.55
JUMLAH		1,529,226.75	934,549.85	1,406,998.75	4,531,673.05	2,249,985.30	15,998,657.50	8,031,874.25	41,471,684.90

* Data kutipan bagi tahun 2015 adalah sehingga September 2015 sahaja

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : KUOTA JUALAN BUMIPUTERA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah piawaian dalam penetapan kuota jualan bumiputera bagi setiap jenis projek pembangunan?
- b) Apakah mekanisme menyeluruh untuk pengurangan kuota jualan bumiputera bagi projek pembangunan perumahan yang tidak mendapat sambutan daripada golongan bumiputera?
- c) Apakah cara untuk mengeluarkan hak milik individu kepada pembeli yang membeli harta di bawah kuota bumiputera tanpa kesedaran akibat pemaju tidak mematuhi penetapan syarat tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pembangunan perumahan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri telah diperuntukkan kuota jualan Bumiputera, ianya bagi memastikan dan sebagai jaminan oleh Kerajaan Negeri kepada kaum Bumiputera dapat memiliki hartanah Bumiputera bagi sesuatu projek yang bakal dibangunkan. Kuota jualan Bumiputera yang dikenakan kepada pemaju adalah di antara 30 peratus hingga 70 peratus berdasarkan garis panduan sedia ada dan kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada 11 Ogos 2011 telah meluluskan Mekanisme Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dan swasta khususnya pemaju dalam proses permohonan pelepasan unit-unit hartanah kuota Bumiputera.

Terdapat syarat- syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju sebelum sesuatu rayuan permohonan pelepasan kuota Bumiputera diberikan, pemaju perlu mengemukakan beberapa maklumat atau aktiviti kepada LPHS seperti berikut :

- i) Laporan projek yang mengandungi statistik jualan;
- ii) Salinan keratan akhbar- akhbar tempatan, majalah, portal (*website*) yang mempromosikan hartanah- hartanah milik pemaju;
- iii) Salinan Sijil Perakuan Arkitek yang menunjukkan kemajuan projek di tapak;

- iv) Menyertai pameran hartanah Bumiputera yang dianjurkan sama ada oleh LPHS atau pihak swasta.

Selain itu, pemaju perlu terlebih dahulu menjual kesemua unit- unit hartanah kuota bukan Bumiputera sebelum boleh memohon untuk pelepasan kuota Bumiputera.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju- pemaju yang tidak mematuhi jualan hartanah kuota Bumiputera yang telah disyaratkan, akan dikenakan bayaran sebanyak 12% bagi hartanah kediaman dan 15% bagi hartanah komersial dan industri daripada harga jualan setiap hartanah tersebut. Kerajaan Negeri tidak akan memproses permohonan pindah milik (*Blanket Consent*) pembeli-pembeli selagi pemaju tidak menjelaskan bayaran tersebut.

Namun begitu, di atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembeli- pembeli tersebut, pemaju dibenarkan untuk membuat bayaran tersebut secara ansuran ataupun secara kontra dengan mana- mana hartanah milik pemaju dengan syarat nilai hartanah tersebut mestilah sama dengan jumlah bayaran yang perlu dibayar. Setelah selesai urusan tersebut, maka Kerajaan Negeri akan segera memproses permohonan pindah milik pembeli- pembeli tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KAMPUNG ORANG ASAL

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah Kampung Orang Asal di Selangor yang masih tidak mempunyai akses kepada air minum bersih dan kemudahan elektrik.
- b) Nyatakan tempoh masa Kerajaan Negeri dalam memastikan semua Kampung Orang Asal mempunyai 100% akses kepada air minum bersih dan kemudahan elektrik.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini masih terdapat empat Kampung Orang Asli yang masih belum mendapat bekalan elektrik seperti berikut;
 - i. Kg OA Bukit Jenuk, Sepang – dalam proses pembinaan oleh TNB
 - ii. Kg OA Kemenshah, Gombak – dalam proses pembinaan oleh TNB
 - iii. Kg OA Bt 16, Gombak – dalam proses pembinaan oleh TNB
 - iv. Kg OA Sg Relang, Gombak – dalam proses kajian oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan TNB.

Kesemua Kampung Orang Asli telah mempunyai akses kepada air minuman menggunakan kaedah paip retikulasi (SYABAS), bekalan air graviti dan bekalan air bawah tanah.

Setakat ini terdapat sebuah Kampung Orang Asli yang masih tiada bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Nama kampung adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Kampung	Daerah	Jumlah KIR	Catatan
1.	Kg. Orang Asli Bukit Tunggul	Selangor	16	Masalah tanah

- b) Kerajaan Negeri tiada jadual kerana ini adalah tanggungjawab di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

**SENARAI PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)
BAGI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI NEGERI SELANGOR**

BIL	KAMPUNG	DAERAH	SUKU KAUM	PARLIMEN	DUN	STATUS KAMPUNG	KIR	SISTEM BEKALAN AIR	JENIS BEKALAN AIR
1	KG. CHANGKAT BINTANG	HULU SELANGOR	SEMAI	HULU SELANGOR	ULU BERNAM	IKTIRAF	31	RETIKULASI	SYABAS
2	KG. SERIGALA	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	ULU BERNAM	IKTIRAF	36	RETIKULASI	SYABAS
3	KG. SUNGAI JANG	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	14	RETIKULASI	SYABAS
4	KG. KUALA KERLING	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	42	RETIKULASI	SYABAS
5	KG. TUN ABDUL RAZAK	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	161	RETIKULASI	SYABAS
6	KG. KOLAM AIR	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	7	RETIKULASI	SYABAS
7	KG. GERACHI JAYA	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	43	RETIKULASI	SYABAS
8	KG. PERTAK	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	49	RETIKULASI	SYABAS
9	KG. BULOH TELOR	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	KUALA KUBU BHARU	IKTIRAF	26	RETIKULASI	SYABAS
10	KG. HULU TAMU	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	71	RETIKULASI	SYABAS
11	KG. GURNEY, ULU YAM	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	55	RETIKULASI	SYABAS
12	KG. SONGKOK	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	16	RETIKULASI	SYABAS
13	KG. SERENDAH	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	81	RETIKULASI	SYABAS
14	KG. SUNGAI GARING	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	2	RETIKULASI	SYABAS
15	KG. SUNGAI KELUBI	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	27	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
16	KG. BUKIT MANCHONG	HULU SELANGOR	TEMUAN	HULU SELANGOR	BATANG KALI	IKTIRAF	103	RETIKULASI	SYABAS
17	KG. HULU BATU	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	SUNGAI TUA	IKTIRAF	32	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
18	KG. HULU KEMENSAH	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	HULU KLANG	IKTIRAF	19	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
19	KG. SUNGAI RELANG	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	GOMBAK SETIA	IKTIRAF	4	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
20	KG. BATU 16, GOMBAK	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	GOMBAK SETIA	IKTIRAF	10	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
21	KG. HULU KUANG	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	SELYANG	IKTIRAF	83	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
22	KG. BUKIT LAGONG	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	SUNGAI TUA	IKTIRAF	15	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
23	KG. SUNGAI BULOH	GOMBAK	TEMUAN	GOMBAK	SELYANG	IKTIRAF	14	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
24	KG. KM.24, GOMBAK	GOMBAK	PELBAGAI	GOMBAK	GOMBAK SETIA	IKTIRAF	253	RETIKULASI	SYABAS
25	KG. SUNGAI RASAU HILIR	PETALING	TEMUAN	PETALING	PUCHONG	IKTIRAF	90	RETIKULASI	SYABAS
26	KG. SUNGAI RASAU HULU	PETALING	TEMUAN	PETALING	PUCHONG	IKTIRAF	37	RETIKULASI	SYABAS
27	KG. AIR KUNING	PETALING	TEMUAN	SHAH ALAM	BATU 3	IKTIRAF	33	RETIKULASI	SYABAS

BIL	KAMPUNG	DAERAH	SUKU KAUM	PARLIMEN	DUN	STATUS KAMPUNG	KIR	SISTEM BEKALAN AIR	JENIS BEKALAN AIR
28	KG. BUKIT LANJAN	PETALING	TEMUAN	PETALING JAYA	BUKIT LANJAN	IKTIRAF	200	RETIKULASI	SYABAS
29	KG. KUALA PANSON	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	DUSUN TUA	IKTIRAF	85	RETIKULASI	SYABAS
30	KG. PADANG, SG. CONGKAK	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	DUSUN TUA	IKTIRAF	23	RETIKULASI	SYABAS
31	KG. SUNGAI GABAI	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	DUSUN TUA	IKTIRAF	21	GFS(BAKAS)	AIR RAWATAN
32	KG. PAYA LEBAR	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	DUSUN TUA	IKTIRAF	33	RETIKULASI	SYABAS
33	KG. GENTING PERAS	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	DUSUN TUA	IKTIRAF	25	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
34	KG. SG. LALANG BARU	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	SEMENYIH	IKTIRAF	38	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
35	KG. DONGLAI BARU	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	SEMENYIH	IKTIRAF	95	RETIKULASI	SYABAS
36	KG. KACHAU	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	SEMENYIH	IKTIRAF	52	RETIKULASI	SYABAS
37	KG. BROGA	HULU LANGAT	TEMUAN	HULU LANGAT	SEMENYIH	IKTIRAF	49	RETIKULASI	SYABAS
38	KG. SUNGAI BELANKAN	SEPANG	MAHMERI	SEPANG	BATU LAUT	IKTIRAF	19	RETIKULASI	SYABAS
39	KG. KOLAM AIR BANGKONG, DENGKIL	SEPANG	MAHMERI	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	75	RETIKULASI	SYABAS
40	KG. KELINSING	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	24	RETIKULASI	SYABAS
41	KG. JAMBU	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	12	RETIKULASI	SYABAS
42	KG. BAKOK	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	17	RETIKULASI	SYABAS
43	KG. MELUT	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	49	RETIKULASI	SYABAS
44	KG. BUKIT TAMPOI	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	76	RETIKULASI	SYABAS
45	KG. BUKIT BANGKONG, SEPANG	SEPANG	MAHMERI	SEPANG	BATU LAUT	IKTIRAF	185	RETIKULASI	SYABAS
46	KG. BUKIT BAJA	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	62	RETIKULASI	SYABAS
47	KG. AIR TERENTANG	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	15	RETIKULASI	SYABAS
48	KG. BUKIT JENUK	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	22	RETIKULASI	SYABAS
49	KG. BT. 28 JENDERAM HILIR	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	32	RETIKULASI	SYABAS
50	KG. BUKIT DUGANG	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	29	RETIKULASI	SYABAS
51	KG. BUKIT TUNGGUL	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	33	TIADA	AIR BUKIT / TELAGA
52	KG.SG.BUAH	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	36	RETIKULASI	SYABAS
53	KG.SG.BUAH DALAM (KELEBANG)	SEPANG	TEMUAN	SEPANG	DENGKIL	IKTIRAF	6	ALTERNATIF	AIR RAWATAN
54	KG. TANJUNG SEPAT	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	MORIB	IKTIRAF	128	RETIKULASI	SYABAS
55	KG. TELOK TONGKAH	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	MORIB	IKTIRAF	40	RETIKULASI	SYABAS
56	KG. PERMATANG BUAH	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	MORIB	IKTIRAF	18	RETIKULASI	SYABAS
57	KG. PULAU BANTING	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	MORIB	IKTIRAF	36	RETIKULASI	SYABAS

BIL	KAMPUNG	DAERAH	SUKU KAUM	PARLIMEN	DUN	STATUS KAMPUNG	KIP	SISTEM BEKALAN AIR	JENIS BEKALAN AIR
58	KG. SG. BUMBUN, PULAU CAREY	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	93	RETIKULASI	SYABAS
59	KG. SG. RAMBAI, PULAU CAREY	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	24	RETIKULASI	SYABAS
60	KG. KEPAU LAUT, PULAU CAREY	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	33	RETIKULASI	SYABAS
61	KG. SG. KURAU, PULAU CAREY	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	41	RETIKULASI	SYABAS
62	KG. SG. JUDAH, PULAU CAREY	KUALA LANGAT	MAHMERI	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	71	RETIKULASI	SYABAS
63	KG. BUKIT TADOM	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	DENGKIL	IKTIRAF	215	RETIKULASI	SYABAS
64	KG. MULUS TUA	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	DENGKIL	IKTIRAF	7	RETIKULASI	SYABAS
65	KG. PAYA RUMPUT	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	DENGKIL	IKTIRAF	23	RETIKULASI	SYABAS
67	KG. BUKIT SERDANG	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	DENGKIL	IKTIRAF	54	RETIKULASI	SYABAS
68	KG. BUKIT PERAH	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	28	RETIKULASI	SYABAS
69	KG. BUKIT KEMANDUL	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	204	RETIKULASI	SYABAS
70	KG. BUKIT CHEEDING	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	47	RETIKULASI	SYABAS
71	KG. PULAU KEMPAS	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	52	RETIKULASI	SYABAS
72	KG. BUSUT BARU	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	105	RETIKULASI	SYABAS
73	KG. TANJUNG RABOK	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	18	RETIKULASI	SYABAS
74	KG. BUKIT KECHIL	KUALA LANGAT	TEMUAN	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	IKTIRAF	19	RETIKULASI	SYABAS
75	KG. PULAU INDAH	KLANG	MAHMERI	KLANG	SELAT KLANG	IKTIRAF	48	RETIKULASI	SYABAS
76	KG. BAGAN HAILAM	KLANG	MAHMERI	KLANG	SELAT KLANG	IKTIRAF	20	RETIKULASI	SYABAS
77	KG. PULAU KETAM	KLANG	MAHMERI	KLANG	SELAT KLANG	IKTIRAF	8	RETIKULASI	SYABAS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR SERIUS OLEH SEBUAH KILANG DI
LOT 8942, JALAN BESAR, KAMPUNG TELOK GONG, 42000
PELABUHAN KLANG, SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebuah kilang di Lot 8942, Jalan Besar, Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor telah mengeluarkan bau yang sangat busuk dan juga asap yang amat menyesakkan pernafasan dan menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk bersebelahan dan murid-murid di sekolah SJK(C) Lee Min yang berdekatan. Beberapa aduan telah dikemukakan kepada pihak berkenalan tetapi tiada tindakan langsung. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi pencemaran alam sekitar ini?

JAWAPAN:

- a) Premis yang diadu adalah kilang Tex Cycle Sdn. Bhd. yang beroperasi di Lot 8942 & 8960, Kawasan Perindustrian Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang. Premis ini telah dilesenkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menjalankan aktiviti Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual dan mula beroperasi pada 20 September 2013. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan beberapa pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang tersebut dan pernah mengenakan tindakan-tindakan seperti berikut:
- i. Sebelas (11) kompaun telah dikeluarkan kerana kegagalan mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009; dan
 - ii. Sebanyak tiga (3) Notis Arahan juga telah dikeluarkan kepada pihak premis supaya memberhentikan pengambilan buangan yang menyebabkan bau busuk yang kuat dan mematuhi syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan.

Selain itu siasatan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ke atas kilang pada 23 April 2015 dan 18 Mei 2015 mendapati punca aduan bau busuk adalah daripada bahan buangan terjadual yang berbau yang diterima daripada kilang lain untuk diproses di premis ini. Penerimaan dan pemprosesan buangan ini mula dilakukan oleh pihak premis pada bulan April 2015 dan Jabatan ini telah mengeluarkan Notis Arahan bertarikh pada 2 Jun 2015 supaya

premis Tex Cycle Sdn. Bhd. menghentikan penerimaan buangan tersebut. Berdasarkan siasatan susulan yang dilakukan pada 21 September 2015 didapati premis berkenaan telah tidak lagi menerima dan memproses buangan berkenaan.

Seterusnya Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa memantau operasi premis ini bagi memastikan ianya mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan mematuhi syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan pada setiap masa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN UNTUK JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI
SELANGOR (JAIS)**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan bajet Kerajaan tahunan JAIS. Senaraikan peruntukan setiap tahun mulai 2008 hingga 2014.
- b) Berapakah jumlah yang dibelanjakan dari peruntukan bajet JAIS setiap tahun. Senaraikan setiap tahun mulai 2008 hingga 2014.
- c) Apakah faktor-faktor menyebabkan bajet tahunan tersebut tidak dapat dihabiskan?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan bajet Kerajaan tahunan JAIS bagi tahun 2008-2014

Tahun	Peruntukan Pembangunan (RM)	Peruntukan Mengurus (RM)	JUMLAH
2008	111,800,000.00	135,325,251.00	247,125,251.00
2009	103,500,000.00	149,753,664.89	253,253,664.89
2010	123,501,000.00	150,157,977.14	273,658,977.14
2011	110,600,000.00	185,627,501.88	296,227,501.88
2012	106,000,000.00	199,019,034.06	305,019,034.06
2013	120,000,000.00	233,131,980.93	353,131,980.93
2014	120,000,000.00	237,980,427.96	357,980,427.96

b) Perbelanjaan tahunan JAIS dari tahun 2008-2014

Tahun	Perbelanjaan (RM)		JUMLAH
	Pembangunan	Mengurus	
2008	98,196,653.23	133,238,123.75	231,434,776.98
2009	86,055,610.43	142,418,230.50	228,473,840.93
2010	102,168,648.06	153,825,689.62	255,994,337.68
2011	63,643,124.66	182,024,798.88	245,667,923.54
2012	103,948,334.33	191,580,968.58	295,529,302.91
2013	90,996,711.60	231,112,432.96	322,109,144.56
2014	88,199,967.23	237,961,642.57	326,161,609.80

c) Pada kelazimannya, antara faktor yang menyebabkan bajet pembangunan tahunan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya saban tahun ialah seperti berikut:

- Prestasi kontraktor yang tidak memberangsangkan.
- Kemajuan kerja yang perlahan di tapak disebabkan oleh faktor cuaca, masalah dalaman kontraktor dan sebagainya.
- Tuntutan bayaran Perakuan Muktamad lewat dihantar.

Walau bagaimanapun, bajet mengurus tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya atas faktor yang unik bagi setiap tahun seperti berikut:

TAHUN 2008	Peruntukan sebanyak RM130,000,000.00 dapat dibelanjakan sebanyak RM128,520,377.54 iaitu 98.86%
TAHUN 2009	Peruntukan sebanyak RM136,031,857.00 dapat dibelanjakan sebanyak RM128,743,806.67 iaitu 94.64%
TAHUN 2010	Perbelanjaan telah melebihi sebanyak RM152,873,231.76 berbanding peruntukan RM49,150,525.00 iaitu 102.49% disebabkan pembayaran bonus tahunan di kalangan kesemua penjawat awam di Negeri Selangor (tetap + kontrak + KAFA)
TAHUN 2011	Peruntukan sebanyak RM153,617,857.00 dapat dibelanjakan sebanyak RM150,034,804.00 iaitu 97.67%
18	ANG HOE ENGINEERING FABRICATOR SDN. BHD. Lot 2940, Jalan Besar, Kampung Tumbok Darat, 42800 Tanjung Sepat Indah.	2940
19	HAPPY ALLIANCE(M) s/b- L 819(Ts) Lot 2869, Kg Tumbuh, Tg. Sepat Indah 42800 Tanjung Sepat, (- Tan Seng Chon) - Lokasi Kilang Baru	2869
20	AROWANA MALAYAN FOOD INDUSTRIES S/B Lot 2926, Kg. Tumbuk Darat, 42800 Tanjung Sepat, Selangor. (TOH MIN BOON)	2926
21	SIN CHUAN HUAT TIMBER AND HARDWARE Lot 170, Kg. Kota Raja, Batu Laut, 42800 Tanjung Sepat, Selangor	170
22	GHEE HIN CHAN TIMBER HARDWARE MERCHANT Lot 311, Batu 37, Kg. Kundang, Tanjung Sepat, Selangor	311
23	TANJUNG GAS ENTERPRISE Lot 475, Jalan Besar, Kampung Tumbuk Tanjung Sepat, 42800 Tanjung Sepat, Kuala Langat	475

**PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN
(PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DARIPADA PERTANIAN KEPADA
INDUSTRI**

24	KIAN HUAT FISH PROCESSING No.45, Tepi Jalan Senangin 6, Tmn Tanjung 42800 Tanjung Sepat Selangor	
25	LIM SENG PENG No.356,Lorong 5,Jalan Besar 42800 Tanjung Sepat, Selangor	
26	TANI JAYA MARKETING SDN.BHD. Lot 443, Mukim Batu, Daerah Kuala Langat 42800 Tanjung Sepat,	443

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : SLIP GAJI PEGAWAI PEJABAT DUN TIDAK MELEPASI PINJAMAN
BANK UNTUK PINJAMAN MEMBELI RUMAH**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri dapat membantu pegawai-pegawai pejabat ADUN di Negeri Selangor agar membolehkan mereka membuat pinjaman bank untuk membeli rumah, sedangkan slip gaji mereka tidak melebihi pinjaman tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kebajikan pegawai-pegawai di Pejabat Y.B. Ahli Dewan Negeri dengan memastikan mereka menikmati gaji melebihi RM1,500.00/bulan. Berdasarkan rekod Pejabat Dewan Negeri setiap Pegawai akan memperoleh pendapatan sebanyak RM 1,780.00/bulan dengan caruman KWSP sebanyak RM220.00 sebulan. Berdasarkan pendapatan tersebut, mereka layak untuk memohon Rumah Selangorku Jenis A dengan keluasan 700 kaki persegi pada harga RM42,000.00. Kebanyakan pihak Bank akan menetapkan 40% daripada gaji bebas daripada bebanan hutang lain sebelum meluluskan pinjaman kepada pegawai yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka gagal mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan DanaSel untuk membantu mendapatkan rumah tersebut. DanaSel merupakan Skim Sewa-Beli yang dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) kepada mereka yang gagal mendapat pinjaman bank untuk memiliki Rumah Selangorku Jenis A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar premium yang dicadangkan/ditetapkan terhadap baki rumah dan keluasan yang akan dibangunkan di bawah Projek Pembesaran Kampung Rasa (Desa Rening Jaya) Daerah Hulu Selangor memandangkan penjualan rumah projek tersebut adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan tidak ada berkaitan dengan konsep Pembesaran Kampung.
- b) Status terkini Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) yang terbengkalai.

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam sidang ke 7/2000, pada 1/3/2000 dan kali ke 1/2005 pada 5 Januari 2009 telah meluluskan Projek Pembesaran Kg Melayu Rasa seluas 4.33 ekar dengan menyediakan 237 unit kediaman dan 51 unit kedai. Kontraktor yang dilantik adalah Ikatan Bendera Sdn Bhd.

Sebanyak 116 unit rumah telah siap dibina dan telah diberikan hakmilik. Kadar premium yang dikenakan adalah RM5.40 smp.

Pihak kontraktor Ikatan Bendera Sdn Bhd telah mengemukakan permohonan ke atas baki 84 unit lot rumah dan 51 unit lot perniagaan. Status terkini dalam tindakan penyediaan kertas ringkasan untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

Pihak Pentadbir Tanah Hulu Selangor mencadangkan kadar premium lama dikekalkan RM5.40 smp bagi menjamin harga rumah dijual pada kadar tidak lebih RM250 ribu dengan memberi keutamaan kepada penduduk daerah Hulu Selangor memiliki rumah tersebut.

- b) Projek Perumahan ini boleh dikategorikan sebagai projek terbengkalai sepenuhnya mulai pertengahan tahun 2003 disebabkan kontraktor yang dilantik oleh Pengurus Projek tidak berupaya untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
PELABURAN**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *core business Standco* ini?
- b) Gariskan KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014.
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut?

JAWAPAN:

a) Bidang tugas *Standco* ini adalah;-

- i. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelaburan dan Perindustrian sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi merangka program-program tahunan jawatankuasa untuk dilaksanakan;
- ii. Menggubal dasar dan strategi pelaburan dan perindustrian Negeri Selangor;
- iii. Menilai program promosi pelaburan negeri dan menetapkan program promosi sesuai dengan keperluan semasa dan arah aliran masa depan;
- iv. Merancang program pembangunan kawasan perindustrian negeri;
- v. Mengesan pelaksanaan program pelaburan dan perindustrian dan memutuskan langkah-langkah yang sesuai;
- vi. Membincangkan isu-isu berkaitan pelaburan dan perindustrian untuk diselesaikan di peringkat jawatankuasa; dan
- vii. Lain-lain tugas yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

b) KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut;-

Perkara	KPI 2013		KPI 2014	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Sasaran Pelaburan (RM)	5 – 6 Bilion	9.833 Bilion	6 - 8 Bilion	7.042 Bilion
Perlaksanaan Program	31	29	82	78

Bilangan Mesyuarat	3	3	3	3
--------------------	---	---	---	---

- c) KPI yang gagal memenuhi sasarannya adalah dari segi pelaksanaan program di mana terdapat beberapa program tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan masa dan ketidaksesuaian program pada masa tersebut. Antara program-program yang tidak dapat dilaksanakan seperti berikut;-

Program-program yang tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2013 dan 2014

Bil.	Program	Objektif	Status
Tahun 2013			
1.	<i>Special Hi-Tea With Group Of Investors</i> <ul style="list-style-type: none"> • Singapore • Australia • United Kingdom • Taiwan 	Menjadi landasan bagi industri menyampaikan isu / permasalahan yang dihadapi.	Tunda
2.	<i>Cocktail Hi-Tea With Existing MNC Expand in 2012</i>	Majlis penghargaan kepada pelabur yang menambah pelaburan di Negeri Selangor	Tunda
Tahun 2014			
1.	Misi Penggalakan Pelaburan Ke Luar Negara: <ol style="list-style-type: none"> 1. Eropah <ul style="list-style-type: none"> ○ Switzerland & Italy ○ Germany & Netherland ○ Belgium & Germany 2. United State of America 3. Asia Tenggara <ul style="list-style-type: none"> ○ Philippines ○ Thailand 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dalam misi penggalakan pelaburan anjuran MIDA. • Misi penggalakan pelaburan anjuran SSIC dan diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar / EXCO. • Menarik para pelabur dari negara-negara yang dilawati. • Mempromosi Selangor 	Tangguh

		<p>sebagai pusat perindustrian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengeratkan jalinan kerjasama dan menambah <i>Networking</i> 	
2.	Mesyuarat PEMUDAH Selangor	Membincangkan isu-isu keberkesanan sistem penyampaian (<i>delivery system</i>) dan polisi-polisi kerajaan berkaitan pembangunan perindustrian, perumahan dan perdagangan.	Tangguh
3.	<i>Annual Networking Meeting with FMM Selangor</i>	Menjalinkan hubungan bersama dan merangka program pada masa akan datang.	Tangguh
4.	<i>Luncheon With Foreign Embassies & Business Chamber Of Commerce</i>	Menjalinkan hubungan baik di antara pihak Kerajaan Negeri dengan dewan perniagaan.	Tangguh

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERANCANGAN PEMBAIKAN SISTEM JALAN RAYA/LALU LINTAS DI
DUN SELAT KLANG**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kepadatan penduduk di kawasan terhad di Selat Klang mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Sila senaraikan perancangan memastikan masalah diatasi berserta jadual pelan tindakan termasuk jalan baharu oleh semua jabatan terlibat: JKR, PBT, pejabat daerah (luar bandar).
- b) Sila kemukakan berserta '*timeline*'.

JAWAPAN:

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- a) MPK bersama JKR Negeri Selangor perlu menyediakan Pelan Induk Sistem Rangkaian Jalan dalam mengatasi kesesakan aliran trafik kesan kepada kepadatan penduduk di kawasan Selat Klang dan pembangunan kediaman baru. Penyediaan Pelan Induk merangkumi kajian ke atas mengenalpasti jajaran jalan-jalan baru, melebar jajaran jalan-jalan utama sediaada dan menaiktaraf persimpangan-persimpangan jalan sediaada.
- b) Jangkamasa Penyediaan Pelan Induk perlu disediakan pada tahun 2016 dan pelaksanaan pembangunan jalan dan menaiktaraf persimpangan selepasnya.

JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

a) dan b)

Perancangan JKR dalam RMKe-11 di kawasan Selat Klang adalah Membina Jambatan Ke-3 Klang:

- i) Fasa I: Telah bermula pada 17 Julai 2014 dan dijadualkan siap pada 15 Disember 2016
- ii) Fasa II : Dijadual bermula pada akhir tahun 2016 dan dijadual siap pada akhir tahun 2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : TANGGUNGJAWAB KORPORAT SOSIAL (CSR) ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aktiviti CSR yang dilaksanakan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2013-2014?
- b) Apakah sasaran pelaksanaan CSR oleh anak syarikat Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Butiran aktiviti CSR bagi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan anak-anak syarikatnya seperti yang dilampirkan bersama-sama jawapan ini.
- b) Sasaran pelaksanaan CSR MBI adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan seperti berikut;
 - 1) Sumbangan hanya boleh dibuat kepada organisasi yang berdaftar di Pendaftaran Pertubuhan, mana-mana agensi kerajaan atau pemimpin setempat. Tiada sumbangan kepada individu boleh dilakukan.
 - 2) Penerima-penerima yang dibenarkan :
 - 2.1 Persatuan
 - 2.2 Kelab
 - 2.3 Pertubuhan
 - 2.4 Institusi
 - 2.5 Badan-badan rumah agama
 - 2.6 Lain-lain seperti yang diluluskan Ahli Lembaga Pengarah MBI ("ALP").
 - 3) Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan :
 - 3.1 Aktiviti-aktiviti yang memberi kebaikan kepada pertubuhan seperti:
 - 3.2.1.1 Akademi
 - 3.2.1.2 Alam Sekitar
 - 3.2.1.3 Agama
 - 3.2.1.4 Sukan
 - 3.2.1.5 Kebajikan

3.2 Kecemasan seperti :

3.2.2.1 Kebakaran

3.2.2.2 Banjir

3.2.2.3 Tanah runtuh

3.2.2.4 Lain-lain seperti yang diluluskan ALP

- 4) Tiada sumbangan amal kepada parti politik dibenarkan. Semua sumbangan amal mesti ikut prosedur rasmi MBI.
- 5) Sumbangan amal yang membawa konflik adalah dilarang. Tidak kira apa jua bentuk atau keadaan.

LAMPIRAN MBI**MBI: Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	107,237,952.00	16,040,347.00	47,155,446.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
Program Khas Mesra Rakyat			31,670.00
Perbelanjaan Pengurusan FAS	4,000,000.00	6,500,000.00	8,500,000.00
SKIM Mikrokredit (MES Program)			
YAQ - Skimssel	-	2,000,000.00	5,500,000.00
YAQ - Mimbar	-	500,000.00	1,649,448.95
YAQ - Hijrah	84,882,457.00	-	-
Projek PTG - Landbank	203,118.29	-	203,118.29
Program Terima Kasih Rakyat	-	-	-
Program SRI (Padi)	-	-	-
Tabung Pendidikan - Bendahari Negeri	-	-	-
Pembiayaan Air Negeri Selangor	-	-	-
Pengurusan Taska Kerajaan	-	-	-
Program Sumbangan Lembu Korban	5,180,000.00	2,861,250.00	2,313,400.04
17 Program Geran Selangorku	-	3,981,262.91	28,646,769.11
WIFI Selangorku	768,336.04	-	-
IDE - Penyelidikan & Pembangunan	2,259,380.00	-	-
Program Temasya Selangor	45,000.00	-	-
Pendidikan Tahfiz Al Quran	500,000.00	-	-
Jumlah	97,838,291.33	15,842,512.91	46,844,406.39
Senarai lain-lain program			
PEKAWANIS NGO - Biaya operasi pusat dialisis	-	-	90,000.00
Sumbangan Pembangunan Kg. Baru	-	3,810.00	33,540.00

Program Yayasan Samarahan	-	-	150,000.00
Program Yayasan Cendiakawan Melayu Baru	-	70,000.00	-
Sumbangan - Anak Yatim Aidilfitri	-	100,000.00	-
Sumbangan- Pusat Dakwah Serantau	-	10,000.00	20,000.00
Sumbangan Topeng Jerebu	-	-	1,300.00
Sumbangan Flat Pandamar	-	-	2,500.00
Bantuan Perubatan - Sulaiman @ Suhaimi / Adik Mawar & Adam	-	-	5,000.00
Sumbangan - Inpens Majlis Konvokesyen	-	5,000.00	-
Sumbangan - Mangsa Banjir	1,519,800.00	-	-
Sumbangan - Masyarakat Cina	195,000.00	-	-
Sumbangan - Masyarakat India	200,000.00	-	-
Sumbangan lain	145,284.50	9,024.56	8,700.00
		-	-
Jumlah	2,060,084.50	197,834.56	311,040.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	99,898,376	16,040,347	47,155,446

LAMPIRAN TOURISM SELANGOR SDN BHD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	30,000.00	5,000.00	-
Senarai Program Kerajaan negeri			
-			
Jumlah	-	-	-
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan Mangsa Banjir Kelantan	-	5,000.00	-
- Program Sentuhan Kasih Lebaran 2015 bersama Cadbury di Tesco dan Royale Chulan Damansara	16,000.00	-	-
- Junior Eco Troupes Program 2015 di Kelip-Kelip Kampung Kuantan Kuala Selangor	14,000.00	-	-
Jumlah	30,000.00	5,000.00	-
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	30,000.00	5,000.00	-

LAMPIRAN UNISEL

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	18,900.00	23,100.00	36,800.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
- Item -	-	-	-
Jumlah	-	-	-
Senarai lain-lain program			
1. Program UNISMART - Fast track SPM			
- Sewaan Rumah Lot tengah (RM700) - (2013-11 unit, 2014 -17 unit, 2015-32 u	7700	11900	22400
- Sewaan Rumah Lot tepi (RM800) (2013-9 unit, 2014-9 unit, 2015-13 unit)	7200	7200	10400
- Sewaan Lot Rumah Kedai (Anggaran-RM1000*) (2013-4 unit, 2014-4 unit, 20:	4000	4000	4000
*Berdasarkan kadar sewaan lot bersebelahan			
Jumlah	18,900.00	23,100.00	36,800.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	18,900.00	23,100.00	36,800.00

LAMPIRAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan	505,000.00	428,750.00	531,551.00
Senarai Program Kerajaan negeri			
- Program Raja Muda - Tourism Selangor	-	20,000.00	-
- Sumbangan Lembu Korban	500,000.00	408,750.00	322,714.00
- Sumbangan banjir ke Negeri Pahang, Johor, Terengganu	-	-	50,000.00
- Sumbangan "Thumb drive"	-	-	1,897.00
- Sumbangan Greenfest Selangorku Carnival	5,000.00	-	-
Jumlah	505,000.00	428,750.00	374,611.00
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan kepada Tabung Warisan Negeri Selangor	-	-	156,940.00
Jumlah	-	-	156,940.00
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	505,000.00	428,750.00	531,551.00

LAMPIRAN COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD

Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Perkhidmatan informasi untuk rakyat Selangor (Surat khabar percuma)	6,309,478	6,565,961	9,251,394
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	6,309,478	6,565,961	9,251,394

LAMPIRAN KSSB**Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

	2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah Peruntukan tahunan (A+B)	8,300,000.00	7,960,000.00	9,000,000.00
Peruntukan tahunan (A)	<u>7,300,000.00</u>	<u>6,950,000.00</u>	<u>7,500,000.00</u>

Senarai Program Kerajaan negeri

- Program Kerajaan Prihatin	-	1,000,000.00	1,000,000.00
- Kejohanan Golf Selangor Maters	-	50,000.00	300,000.00
- Pembelian Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor	740,000.00	408,750.00	330,486.00
- Tabung Warisan Negeri Selangor	578,843.00	316,514.00	264,644.00
- Bantuan Banjir Pantai Timur & Utara Semenanjung	-	200,000.00	-
- Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GEMS)	-	1,500.00	-
- Kejohanan Sukan SUK Malaysia	-	500.00	-
- Program Tahfiz AL-Quran & Al-Qiraat	500,000.00	-	-
- Penajaan kepada FAS bagi musim 2014/2015	5,000,000.00	-	-
- Penajaan Piala Sultan Selangor	200,000.00	-	-
- Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor	600,000.00	-	-
- Tabung Generasi YAWAS (Teras)	50,000.00	-	-
- Penajaan Kejohanan Golf Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor	20,000.00	-	-
- Temasya Selangor	45,000.00	-	-
- Tajaan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor	5,000.00	-	-
Jumlah	<u>7,738,843.00</u>	<u>1,977,264.00</u>	<u>1,895,130.00</u>

2015 RM	2014 RM	2013 RM
------------	------------	------------

Peruntukan tahunan (B)	<u>1,000,000.00</u>	<u>1,010,000.00</u>	<u>1,500,000.00</u>
Senarai lain-lain program			
- Sumbangan Tabung persatuan bagi menjayakan program/majlis/bengkel (Badan Kebajikan & Kelab)	213,104.00	81,677.00	44,750.00
- Program-Program Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar, Projek Bekalan Air dan Sumbangan Pasir (Projek KSSB, Agensi Kerajaan dan Persatuan)	5,326.00	555,640.00	-
- Sumbangan Pembiayaan Program dan Aktiviti Berkaitan Keagamaan (Rumah Ibadat & Persatuan Keagamaan)	45,000.00	9,550.00	27,500.00
- Sumbangan Membina, Menaiktaraf dan Membaikpulih Bangunan dan Infra (Rumah Ibadat, Sekolah & Persatuan Penduduk)	98,567.00	40,649.00	86,000.00
Jumlah	<u>361,997.00</u>	<u>687,516.00</u>	<u>158,250.00</u>
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN	<u>8,100,840.00</u>	<u>2,664,780.00</u>	<u>2,053,380.00</u>

LAMPIRAN PNSB**Sumbangan / CSR yang telah disalurkan untuk program Kerajaan Negeri dan lain-lain**

		2015 RM	2014 RM	2013 RM
Jumlah peruntukan tahunan		3,528,454.00	2,168,550.00	-
Senarai Program Kerajaan negeri	Penerima			
- Sumbangan Anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk Program Kerajaan Prihatin	Bendahari Negeri Selangor		1,000,000.00	
		-		-
- Sumbangan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha 2014	MBI	-	408,750.00	-
- Pertandingan 'The Sultan Selangor's Cup 2014 (MSN Selangor)	MSNS	-	100,000.00	-
- Tajaan Kejohanan Golf Selangor Master	Bendahari Negeri Selangor	-	200,000.00	-
- Sumbangan Anak Yatim Negeri Selangor sempena Aidilfitri 2014 (YIDE)	YIDE	-	2,000.00	-
- Membekal Kain Songket (Samping) sempena Rumah Terbuka MB Selangor 2015	REKAKAMI	5,804.00		
			-	-
- Sumbangan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2015 peringkat Negeri Selangor	Bendahari Negeri Selangor	600,000.00		
			-	-
- Sumbangan Lembu Korban sempena Hari Raya Aidiladha 2015	MBI	740,000.00	-	-
- Sumbangan Program Pendidikan Tahfiz	KUIS	1,000,000.00	-	-
- Sumbangan untuk majlis Kebajikan dan sukan anggota-anggota Kerajaan Selangor (MAKSAK) sempena Karnival Sukan Nasional Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semalaysia ke XVII	Bendahari Maksak Selangor	1,000.00		
			-	-
- The Sultan Selangor Cup 2015	MSN	600,000.00	-	
- Sumbangan Pasca Banjir Perbadanan dan korporat Negeri Selangor untuk misi kemanusiaan di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak	Bendahari Negeri Selangor	300,000.00		
			-	-
- Sumbangan penajaan Kejohanan Golf Master Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor 2015	Bendahari Negeri Selangor			
		-	-	-

Jumlah		3,246,804.00	1,710,750.00	-
--------	--	---------------------	---------------------	---

Senarai lain-lain program

Penerima

- Sumbangan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Masjid Al-Falah USJ bagi menjayakan Majlis Duhai Rasul, Engkau Tetap Dalam Hati kami	Masjid Al-Falah USJ 9	-	1,000.00	-
- Sumbangan sempena Tahun baru Cina 2014 anjuran PEKAWANIS	PEKAWANIS	-	136,500.00	-
- Sumbangan Khairat kematian kepada keluarga Allahyarhamah Adik Amanda Dany Shah	BAKRI	-	1,000.00	-
- Sumbangan kepada pusat Jagaan dan asuhan Draudhatul Ikhwan (PJDRI)	Draudhatul Ikhwan	-	2,000.00	-
- Sumbangan anuegerh pelajar terbaik bidang latihan dan kemahiran untuk Majlis Konvokesyen kali ke 18 INPENS	Inpen Selangor	-	2,000.00	-
- Sumbangan bagi program kelas harapan untuk pelajar miskin anjuran KKNIS	Kelab Kebajikan 'Nur Insaniah	-	1,000.00	-
- Sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri 2014 anjuran PEKAWANIS	PEKAWANIS	-	136,200.00	-
- Sumbangan tanggungjawab sosial korporat kepada penganjuran karnival kerja & keusahawanan islam 2014 anjuran kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Akaun Aktiviti pelajar KUIS	-	2,000.00	-
- Sumbangan penganjuran program jalinan ukhwah bersama anak-anak Yatim ke Zoo Negara anjuran pelajar fakulti pengurusan perniagaan Uitm Kampus Puncak Alam	Muhamad Ihsan bin Haron	-	1,500.00	-
- Sumbangan surau An-Nur Taman Kantan Permai, Kajang	Tabung Pembinaan Surau An-Nur Taman Kantan Permai Kajang	-	1,000.00	-
- Sumbangan golf persahabatan RHB Classic 2014	RHB Golf Classic	-	4,000.00	-
- Sumbangan untuk anugerah Naib Canselor sempena istiadat konvoseksyen UNISEL kali ke 19	Universiti Selangor	-	2,000.00	-
- Peruntukan tambahan oleh anak-anak syarikat untuk program Raja Muda International Regatta edisi ke 25 tahun 2014	Tourism Selangor SSIC Berhad	-	20,000.00	-
- Kejohanan golf jemputan pelaburan Negeri Selangor kali ke 12 (2014)	SSIC Berhad	-	600.00	-
- Sumbangan tanggungjawab sosial korporat CSR kepada Surau Al-Firdaus, Taman Banting Baru, Banting, Selangor	Badan Khairat Kematian Surau Al-Firdaus	-	1,000.00	-
- Sumbangan untuk kelab SUK Selangor sempena kejohanan SUK se Malaysia 2014	Bendahari MAKSAK Selangor	-	1,000.00	-

- Sumbangan penajaan untuk pasukan Bola Sepak Selangor bagi menghadapi kejohanan Piala Emas Raja-Raja ke-74	Persatuan Bolasepak Melayu Selangor	-	10,000.00	-
- Penajaan ruang iklan bagi buku direktori untuk jamuan teh pesara-pesara Kerajaan anjuran Suruhanjaya perkhidmantan Awam Negeri Selangor	Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Daerah PETANDA Petaling	-	10,000.00	-
- Tajaan tiket ke konsert Hati emas Kembara 22 November 2014	Smart Mobile Technology Sdn Bhd	-	25,000.00	-
- Pembiayaan program sumbangan kembali ke Sekolah	PEKAWANIS	-	100,000.00	-
- Sumbangan bagi program kelas harapan untuk pelajar miskin anjuran kelab Kebajikan Nur Insaniah Selangor (KKNIS)	Kelab Kebajikan Nur Insaniah Selangor	1,000.00	-	-
- Penajaan pembelian cenderahati kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd untuk majlis ramah mesra pegawai-pegawai komunikasi korporat Negeri Selangor bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor	Kumpulan Semesta sdn Bhd	3,650.00	-	-
- Golfers challenge JPPH 2015	KUSUPEN	2,000.00	-	-
- Sumbangan dan tajaan anak syarikat Negeri Selangor bagi penganjuran temasya Selangor 2015	Tourism Selangor Sdn Bhd	45,000.00	-	-
- Sumbangan tajaan syarikat kepada penganjuran sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Selangor 2015	SSIC Berhad	10,000.00	-	-
- Anugerah graduan terbaik dalam kursus Juruteknik Sistem Komputer bagi majlis Konvokesyen kali ke 19 Inpens Internatioanl College	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	3,000.00	-	-
- Tabung Generasi Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor	1,000.00	-	-
- Penajaan untuk program Jamboree MTB Warisan Batu Arang 2015 Anjuran Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Batu Arang	Pro Ground	1,000.00	-	-
- Sumbangan kepada Kelab Basikal Acmar (ACC)	Kelab Basikal Acmar (ACC) Acmar Sport Club	2,000.00	-	-
- Sumbangan kepada adik Qaseh Qasreena Qaisara yang mempunyai masalah Cleft Plate (Sumbing bahagian lelangit)	Nurul Asikin binti Adnan	1,000.00	-	-
- Program khidmat komuniti oleh Kelab Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	Kelab Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	2,000.00	-	-
- Sumbangan bagi pengubahsuaian Surau Al-Kahfi Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak. Selangor	Surau Al-Kahfi	50,000.00	-	-

- Sumbangan bagi majlis berbuka puasa untuk pelajar asnaf di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) anjuran Yayasan KUIS	Yayasan Kuis	2,000.00	-	-
- Sumbangan program semarak Ramadhan 1436H/2015M Surau Al-Falah Kampung Sesapan Kelubi, Beranang, Selangor	Surau Al-Falah	1,000.00	-	-
- Sumbangan bagi projek penambahbaikan Surau As-Salaam Sri Mahligai	Surau As Salaam	30,000.00	-	-
- Pendahuluan 50% bagi sumbangan pembelian Lembu Korban program korban Perdana YAB. Dato Menteri Besar Selangor 2015	Cherakah Jaya Resources	35,000.00	-	-
- Baki bayaran bagi sumbangan pembelian Lembu Korban program Korban Perdana YAB. Dato' Menteri Selangor 2015	Cherakah Jaya Resources	35,000.00	-	-
- Sumbangan penajaan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan	Majlis Agama Islam Selangor	3,000.00	-	-
- Sumbangan Tajaan Pelajar Cermerlang Anugerah Naib Canselor sempena Istiadat Konyokesyen Universiti Selangor kali ke 10	Universiti Selangor	3,000.00	-	-
- Sumbangan bagi tabung Kelab Keluarga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan	KESWA	1,000.00	-	-
- Bantuan Dana bagi persediaan pasukan selangor ke Kejohanan Bolasepak Piala Emas Raja-Raja Edisi Ke 75, Tahun 2015	Persatuan Bolasepak Melayu Selangor	20,000.00	-	-
- Sumbangan peruntukan bagi kejohanan Piala Emas Raja-Raja 2015	Majlis Sukan Daerah Sabak Bernam	30,000.00	-	-
Jumlah		281,650.00	457,800.00	-
JUMLAH SUMBANGAN TAHUNAN		3,528,454.00	2,168,550.00	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk program air percuma ini dari Januari sehingga September 2015?
- b) Adakah Dato' Menteri Besar merancang untuk menamatkan program ini pada tahun 2016?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : JARINGAN PERNIAGAAN KEPADA PARA PETANI

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jaringan perniagaan yang disediakan Kerajaan Negeri kepada petani?
- b) Bagaimanakah jaringan ini dapat membantu dalam mengawal harga jualan hasil pertanian di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor menumpukan kepada pengeluaran tanaman-tanaman makanan di kalangan petani dan usahawan tani. Pada masa yang sama Jabatan Pertanian membuat aktiviti penemusuaan di antara pengeluar dengan usahawan-usahawan industri asas tani (IAT) bagi mendapatkan harga yang berpatutan.

Jabatan Pertanian juga membantu dalam mempromosikan produk asas tani melalui medium seperti peluang berniaga di program pameran dan jualan seperti ekspo Selangor Agrofest (SAF), Halalfest, MIHAS, jualan hari raya di pasaraya terpilih dan semasa Hari Bertemu Pelanggan di daerah-daerah. Selain itu, Jabatan Pertanian juga membantu dari segi cetakan bahan promosi seperti *phamplet*, *bunting* dan *banner* untuk kegunaan usahawan bimbingan. Jabatan juga bekerjasama erat dengan Pasaraya Aeon untuk membawa produk-produk usahawan bimbingan ke dalam pasaraya ini. Program ini telah mencatatkan hasil jualan dari Januari hingga September 2015 sebanyak RM1.089 juta melibatkan 38 orang usahawan.

Jabatan Pertanian juga bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam melaksanakan program Ladang Kontrak untuk bekalan ke pasar tani. Kerajaan Negeri melalui kerjasama PBT dan FAMA telah melaksanakan program pasar tani bagi membolehkan hasil-hasil keluaran petani Negeri Selangor dijual terus kepada pengguna. Sehingga kini sebanyak 50 buah pasar tani telah beroperasi di Negeri Selangor.

- b) Program jualan terus pasar tani oleh usahawan tani Negeri Selangor dapat membantu petani mendapatkan harga yang lebih baik di samping dapat menawarkan produk-produk pertanian yang segar dari ladang dengan harga 10 hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 (LRAL2)

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini berkenaan pembinaan LRAL2?
- b) Adakah kerajaan negeri ada melakukan kajian menyeluruh berkenaan keberkesanan LRAL2 selepas ianya siap?

JAWAPAN:

- a) 1) Selepas Perjanjian Tambahan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimeterai pada 10 Julai 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah pun memberikan kelulusan ke atas pelaksanaan pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kelulusan tersebut melibatkan kelulusan pengambilan balik 21 lot tanah, kebenaran merancang ke atas 12 pakej pembangunan loji Langat 2, Kelulusan Pelan Bangunan dan kelulusan Permit Kerja yang berkaitan seperti kerja tanah, pengalihan utiliti dan pelencongan sungai.
- 2) Mengikut laporan yang dikemukakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana pembangunan Projek Langat 2, setakat September 2015, status pelaksanaan adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Status Jadual (%)	Status Sebenar (%)
1.	Peringkat Reka bentuk	25.00	21.71
2.	Peringkat Tender	10.00	7.99
3.	Peringkat Pembinaan	16.64	4.00
4.	Peringkat selepas Pembinaan	0.01	0.01
	Jumlah	51.05	33.71

- 3) Secara keseluruhannya, pembangunan Projek Langat 2 ini boleh disiapkan pada pertengahan tahun 2019.
- b) Di dalam pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2, sistem agihan pembekalan air telah dikenal pasti. Oleh yang demikian, kawasan yang akan mendapat bekalan dari Projek Langat 2 adalah meliputi kawasan Petaling, Hulu Langat dan Semenyih. Secara tidak langsung, dengan beroperasinya Loji Langat 2, loji-loji air yang beroperasi melebihi kapasiti seperti LRA Semenyih

dan LRA Sg Langat boleh beroperasi mengikut kapasiti reka bentuk. Sistem agihan di bawah Projek Langat 2 boleh memberikan fleksibiliti kepada sistem agihan sedia ada. Keberkesanan sistem Projek Langat 2 secara keseluruhan hanya boleh dinilai setelah loji dan sistem agihan dioperasikan sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROGRAM SEROJA

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi, jenis bantuan dan pangsapuri yang menyertai Program Seroja mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang belum diluluskan mengikut PBT di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Senarai lokasi, jenis bantuan dan pangsapuri kos rendah yang menyertai Program SEROJA mengikut daerah adalah seperti di LAMPIRAN A.
- b) Setakat ini, semua permohonan bagi Program SEROJA yang diterima daripada pangsapuri kos rendah telah diluluskan.

SEROJA

MBSA

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI BLOK 40, SEKSYEN 7	2015	2017	4350		2000
2	PANGSAPURI TAMAN SRI RASAU	2015	2017			2000
3	PANGSAPURI RIMAU INDAH	2015	2017	5000		2000
4	PANGSAPURI SERI MURNI	2015	2017		4320	2000
5	PANGSAPURI TBN MC7	2015	2017			2000
6	PANGSAPURI SERI ERA	2014	2016	3800		2000

MBPJ

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI DESA MENTARI	2015	2017	SEDANG TUNGGU JMB KEMASKINI BAJET		

MPSJ

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI PUCHONG PERMAI A27-A30	2014	2016	9300	5000	2000
2	PANGSAPURI PUCHONG PERMAI A35-A38	2015	2017			2000
3	PANGSAPURI PUCHONG PERMAI F1-F4	2015	2017			2000
4	PANGSAPURI PUCHONG PERMAI F9-F10	2015	2017			2000
5	PANGSAPURI SERI MUTIARA	2015	2017			2000
6	PANGSAPURI ENGGANG	2015	2017			2000
7	PANGSAPURI SERI KAYAN	2015	2017			2000

MPAJ

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI INAI ABCD	2015	2017	5,000		2000
2	PANGSAPURI INTAN	2015	2017			2000
3	PANGSAPURI MERPATI B	2015	2017	5,000		2000
4	PANGSAPURI CEMARA 1 & 2	2015	2017			2000
5	PANGSAPURI NUSA KURNIA	2015	2017	5,000		2000
6	PANGSAPURI PANDAN INDAH	2015	2017	SEDANG TUNGGU JMB KEMASKINI BAJET		

MPK

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI MUTIARA BUKIT RAJA	2015	2017			2000
2	PANGSAPURI DAHLIA	2015	2017			2000
3	PANGSAPURI MAWAR CEMPAKA	2014	2016			2000

MPKj

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI MELUR	2014	2016	8,000		2000

MPS

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI LAKSAMANA JAYA	2014	2016	4190		2000
2	PANGSAPURI CEMPAKA, TAMAN GOMBAK PERMAI	2015	2017			2000

MPSp

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI ANGSANA	2015	2017			2000
2	PANGSAPURI MEGAH VILLA	2014	2016	4000		2000

MDHS

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI SERI KEMBANGAN	2015	2017			2000
2	PANGSAPURI SERI SEROJA	2015	2017			2000

MDKL

BIL.	NAMA PANGSAPURI	TEMPOH		JUMLAH PERMOHONAN JMB/MC (RM)		
		MULA	AKHIR	PROGRAM	CCTV	PERALATAN
1	PANGSAPURI TAMAN DATO' HORMAT	2015	2017			2000
JUMLAH				48,640	9,320	56,000
JUMLAH KESELURUHAN				113,960.00		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KILANG HARAM

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehilangan hasil premium yang sepatutnya dikutip daripada kilang-kilang yang beroperasi secara haram (tanpa kebenaran).
- b) Nyatakan jumlah kilang-kilang yang masih beroperasi secara haram (tanpa kebenaran) dan tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri ke atas pemilik kilang tersebut.

JAWAPAN:

- a) Sejumlah **RM194,106,372.00** premium tanah telah dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui **1,041 permohonan** yang telah diluluskan sepanjang tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran dilaksanakan. Berdasarkan jumlah tersebut, dianggarkan Kerajaan Negeri telah kehilangan hasil premium berjumlah **RM300 juta** daripada **1,329 lot** yang tidak membuat permohonan tukar syarat.
- b) Jumlah kilang-kilang tanpa kebenaran yang masih beroperasi di Negeri Selangor adalah sebanyak **1,329 lot kilang**. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan penguatkuasaan selepas tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran tersebut tamat, iaitu pada 31 Disember 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : HARI TANPA POLISTRIN

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewartakan hari tanpa *polistrin* di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian terhadap kesan bahaya penggunaan *polistrin*?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mewartakan Hari Tanpa *Polisterina* di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Program-Program menggalakkan pengurangan penggunaan *polistrena* sentiasa dilaksanakan di peringkat semua Pihak Berkuasa Tempatan melalui Program Bazar Ramadhan dan Pasar Malam Mampan.

Merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT bil 2/2011 telah mencadangkan pelaksanaan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan *Polisterin* secara berperingkat seperti berikut :-

- i. Peringkat Pertama : Pengurangan penggunaan *polisterin* dan beg plastik pada setiap hari Jumaat.
- ii. Peringkat Kedua : Pengurangan penggunaan *polisterin* dan beg plastik pada setiap hari Isnin dan Jumaat
- iii. Penyediaan makanan dalam bentuk '*buffet*' atau menggunakan pembungkus mesra alam / bahan guna semula.

Salah satu PBT yang giat menjalankan Program tersebut adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di mana satu dasar larangan menggunakan *styrofoam* yang telah diluluskan di peringkat Majlis dan syarat larangan tersebut telah dimasukkan di dalam lesen penjaja bermula 1 Januari 2014.

Antara inisiatif lain yang akan diambil oleh pihak MBPJ termasuklah memasukkan syarat larangan penggunaan *styrofoam* ke dalam syarat lesen Establisymen Makanan yang melibatkan pemilik restoran bagi mencapai objektif sifar *polisterin*.

Bagi perancangan jangka panjang, beberapa zon akan dikenal pasti bagi Zon Sifar *Polisterin* (*Zero Polystyrene*) bermula kawasan pentadbiran MBPJ iaitu Ibu Pejabat MBPJ dan Menara MBPJ.

Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) juga telah mensyaratkan tiada penggunaan *polisterin* di dalam kelulusan permohonan lesen dan memperbaharui lesen bagi semua jenis premis makanan pada tahun 2016.

Tindakan penguatkuasaan bagi pemegang lesen/permit yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen/permit.

Pihak MPKJ membuat penjadualan semula pemeriksaan dengan meletakkan syarat kepada pemohon lesen perniagaan premis makanan dan penjaja makanan iaitu tidak membenarkan penggunaan *polisterina* untuk penyediaan, penyajian dan / atau pembungkusan makanan.

- b) Kerajaan Negeri tidak melakukan kajian terhadap kesan bahaya penggunaan *polisterina* setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANTUAN KEMISKINAN

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri yakin bantuan untuk asnaf zakat dan JKM diterima oleh golongan yang berkelayakan?
- b) Nyatakan kekerapan pemantauan dan kemaskini data penerima bantuan dilakukan dalam setiap tahun?
- c) Nyatakan statistik penerima bantuan JKM mengikut etnik dan jenis bagi tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Di Lembaga Zakat Selangor (LZS), bagi memastikan asnaf zakat benar-benar layak menerima bantuan zakat beberapa kaedah dilaksanakan iaitu:
 - i) Kaedah penentuan asnaf fakir dan miskin berdasarkan penggunaan *haddul kifayah* - Dalam konteks Negeri Selangor, *haddul kifayah* merujuk kepada suatu kadar keperluan asasi yang paling minimum bagi sesebuah isi rumah yang ditetapkan oleh LZS berdasarkan kajian lapangan terhadap kos sara hidup masa kini. Kriteria penilaian asnaf fakir dan miskin yang diguna pakai oleh LZS berdasarkan kepada Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor yang telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
 - ii) Kerjasama dengan 1,700 penolong amil kariah di seluruh Selangor.
 - iii) Bengkel Pemilihan Asnaf Fakir dan Miskin – Ia dilaksanakan selepas proses bancian asnaf dijalankan melibatkan LZS dengan kerjasama wakil di peringkat kariah sehingga peringkat daerah.
 - iv) Siasatan ke lapangan: Pegawai LZS akan membuat siasatan berdasarkan sesuatu permohonan.

Setiap permohonan yang diterima akan diteliti dan disiasat oleh kakitangan JKM bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon sebelum kelulusan diberikan. Kriteria kelayakan permohonan bantuan adalah seperti berikut:

- 1) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Selangor.
- 2) Pendapatan keluarga tidak melebihi RM720.00 sebulan.

- 3) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian.
- b) LZS melaksanakan pemantauan melalui semakan semula status asnaf yang dijalankan di setiap daerah bagi memastikan asnaf menepati kriteria kelayakan. Di samping itu, kerjasama dengan 1,700 penolong amil kariah di seluruh Selangor turut membantu dalam pemantauan yang dilaksanakan.

JKM juga membuat pemantauan di peringkat negeri setahun sekali. Bagi peringkat daerah pemantauan akan dilakukan setiap bulan sebelum baucer penerima bantuan dijanakan bagi mengelakkan pembayaran dibuat kepada yang meninggal dunia.

Kaji semula kes bantuan akan dilakukan setahun sekali bagi mengenalpasti keadaan klien sama ada masih memerlukan bantuan atau sudah terkeluar dari garis kemiskinan.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR (JKM)

- c) Statistik penerima bantuan mengikut etnik dan jenis bagi September 2015 adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	ETNIK				
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
Bantuan Anak Pelihara	69	20	8	0	97
Bantuan Orang Tua	5,096	2,654	3,328	9	11,087
Bantuan kanak-kanak	3,288	789	2,319	1	6,397
Elaun Pekerja Cacat	4,362	2,153	2,137	4	8,656
Bantuan Pesakit Terlantar	1,274	503	483	1	2,261
Bantuan Tidak Bekerja	2,973	1,350	1,677	3	6,003
Bantuan Latihan Belia	29	0	0	0	29

Bantuan Am	2,254	958	2,340	0	5,552
JUMLAH	19,345	8,427	12,292	18	40,082

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PELAJAR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH AGAMA ISLAM (SRAI)
JAIS**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri memastikan pelajar cemerlang UPSR dari SRAI JAIS dapat masuk ke asrama penuh?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri kepada pelajar cemerlang ini yang tidak dapat masuk ke asrama penuh?

JAWAPAN:

- a) Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia. Keutamaan kemasukan ke SBP adalah kepada pelajar di sekolah kebangsaan dan Bantuan Kerajaan sahaja. SRAI JAIS adalah termasuk dalam kategori sekolah swasta di KPM.
- b) Pelajar-pelajar cemerlang UPSR dan PSRA di SRAI JAIS diberi keistimewaan untuk ditawarkan ke sekolah agama Bantuan Kerajaan (SAM/SAMT) dengan kuota 20% dan MITS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BUDAYA DAN WARISAN SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan bagi memperkasakan perkara ini di kalangan belia?
- b) Adakah Kerajaan Negeri merancang program ini sebagai melengkapinya gaya hidup moden?

JAWAPAN:

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (UPEN)

a) dan b)

Pada asasnya, Kerajaan Negeri senantiasa menitikberatkan aspek budaya dan warisan dalam jati diri kehidupan masyarakat kita. Namun kita harus perakui bahawa budaya bangsa Melayu misalnya, merupakan jamak budaya dari pelbagai bangsa-bangsa lain, baik dari dalam negara ini mahupun luar negara. Maka dengan itu teras budaya dan warisan Selangor yang merencam menjadi aset penting dalam aspek pembangunan, pemeliharaan dan pemuliharaannya.

Dalam konteks anak muda, kerajaan sentiasa memberi galakan dan dukungan dari pelbagai bentuk, selain pentas, kemudahan infra, bantuan-bantuan dana yang disalurkan menerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), serta Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah, telah menjadi sumber utama pembangunan dan kelestarian budaya dan warisan.

Menerusi agensi-agensinya di bawah Kerajaan Negeri, kita telah mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti NGO anak-anak muda yang terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan. Sebagai contoh, kewujudan laman-laman seni hasil usaha sama dan idea kreatif seperti di Seksyen 3 dan Seksyen 7, Shah Alam di bawah seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) serta beberapa tempat atau lokasi tumpuan anak muda di Petaling Jaya di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan telah bersetuju untuk menyuntik sejumlah dana sebanyak RM200 ribu untuk MBPJ dan MBSA sebagai modal untuk menggerakkan aktiviti dan pembangunan kebudayaan dalam usaha menjayakan matlamat penubuhan Kota Seni yang juga antaranya bertujuan untuk

memperkasakan budaya dan warisan di kalangan anak belia di Negeri Selangor. Melalui peruntukan ini, pihak MBSA dan MBPJ akan bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya generasi muda untuk berganding bahu menjayakan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang lebih terarah sifatnya.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan juga telah bekerjasama secara terus dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kebudayaan dalam merangka dan melaksanakan program mereka. Yang terbaru, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dengan kerjasama MBPJ telah menyokong penganjuran program *Freedom Film Fest* (FFF) 2015 oleh NGO Komus di Petaling Jaya dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00. Penganjuran festival ini telah memberi impak secara langsung kepada Petaling Jaya sebagai salah satu pusat bandar yang menjadi tumpuan penggiat filem dan dokumentari tempatan dan luar negara.

KOTA SENI

Kerajaan Negeri telah meletakkan satu aspirasi bahawa suatu masa nanti, negeri Selangor akan berubah menjadi negeri Kota yang mana keseimbangan antara kemajuan fizikal harus seiring dengan kemajuan atau pembangunan intelektual.

Justeru, cita-cita untuk menjadikan lokasi-lokasi tersebut di Selangor sebagai Kota Seni, diyakini dapat menyediakan Selangor dan warganya sebagai bangsa Madani yang maju inteleknya dan maju lahiriahnya.

Objektif Kota Seni adalah untuk memastikan kesinambungan budaya dan warisan dapat dimajukan bersama-sama dengan seni kontemporari yang sedang berkembang sebagai sebuah industri kreatif yang akan memberi impak terhadap ekonomi dan sosial di Selangor.

Strategi merealisasikan Kota Seni ini adalah dengan mengupayakan dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBSA dan MBPJ sebagai pusat kegiatan dan pembangunan kebudayaan negeri Selangor.

Tiga elemen utama dalam Kota Seni iaitu, Identiti, Pendidikan dan Ekonomi. Menerusi Kota Seni, kita yakin bahawa Identiti negeri Selangor yang maju dapat dizahirkan dalam konteks yang lebih jelas yang dapat menjadi kebanggaan seluruh rakyat. Dalam aspek pendidikan pula, kita yakin bahawa pendekatan mendidik generasi baru terhadap apresiasi seni dan juga pengetahuan dalam industri kesenian akan menjadi tunjang utama kejayaan usaha ini. Menerusi pendidikan juga, tenaga-tenaga dalam Kota Seni dapat membuka jaringan yang lebih luas dengan pusat-pusat kebudayaan serantau.

Bagi Fasa awal ini, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan selaku Urus setia Tetap sedang memberi tumpuan untuk memperkukuh dan memperkemas jentera di

peringkat negeri dan PBT menerusi penubuhan Jawatankuasa Induk Kota Seni yang mana, Jawatankuasa ini akan menjadi badan yang bertindak merancang hala tuju, dasar dan pemantau terhadap usaha dan pelaksanaan program-program dan projek pembangunan yang bakal dilaksanakan.

Jawatankuasa di peringkat PBT juga telah pun ditubuhkan sebagai Jawatankuasa Kota Seni Shah Alam, dan Jawatankuasa Kota Seni Petaling Jaya. Datuk Bandar pula berperanan untuk mengetuai Jawatankuasa ini bersama-sama dengan wakil dari pelbagai jabatan. Bagi memastikan usaha ini dapat dijalankan secara komprehensif, cekap dan jelas pelan perancangannya, beberapa pihak dan agensi luar kerajaan telah dikenal pasti untuk bekerjasama. Beberapa kumpulan dan orang perseorangan wakil dari kalangan profesional dan pakar dalam bidang-bidang seni rupa, arkitek, sastera dan seni persembahan, akan dijemput menyertai Jawatankuasa Kota Seni ini. Kumpulan ini akan membantu dari segi berkongsi pandangan dan idea serta saranan kepada Jawatankuasa Kota Seni ini dalam merancang hala tuju seterusnya melaksanakan pelan pembangunan dan program-program kebudayaan yang dirancang.

MBSA dan MBPJ sedang merangka beberapa dasar dan peraturan termasuk beberapa cadangan untuk dijadikan cetakan biru (*blueprint*) untuk dilaksanakan seawal tahun 2016. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan sedang giat memperoleh maklumat dan berusaha untuk membangunkan pangkalan sumber maklumat atau *Database Station* yang mana data-data ini akan digunakan untuk kemudahan kerajaan, pengkarya, penggiat seni, syarikat, dan masyarakat awam sebagai rujukan dan koordinasi program-program akan datang.

Satu bentuk pelan tiga (3) tahun akan dirangka untuk merealisasikan agenda Kota Seni ini dengan kerjasama rapat dari agensi-agensi kerajaan seperti PADAT dan Tourism Selangor. Kerajaan Negeri optimis dan yakin dalam tempoh 3 tahun mulai sekarang, MBPJ, MBSA dan Selangor secara keseluruhannya akan menjadi Hab Kebudayaan serantau yang dikenali oleh warga Asia serta berupaya meletakkan Selangor dalam peta seni dan kebudayaan dunia. Dalam konteks ini, generasi muda pastinya golongan yang akan mendapat impaknya sekali gus menjadi penyumbang utama dalam menjayakan agenda kebudayaan dan warisan negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan jumlah Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Menengah Agama di bawah tanggungjawab dan pengurusan Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Berapa banyak peruntukan tahunan Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah berkenaan sama ada untuk perbelanjaan mengurus atau pembangunan?
- c) Mohon nyatakan jumlah pelajar, guru dan kakitangan sekolah-sekolah berkenaan pada tahun 2015.

JAWAPAN:

- a) Jumlah Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Menengah Agama di bawah tanggungjawab dan pengurusan Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Daerah	SRA	SMA
Klang	29	2
Kuala Langat	24	2
Kuala Selangor	33	2
Hulu Langat	33	1
Hulu Selangor	20	2
Sabak Bernam	13	7
Gombak	12	1
Petaling	23	4
Sepang	19	2
Jumlah	224	23

- b) Peruntukan adalah berbeza bagi setiap tahun dan perlu merujuk kepada bajet yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor.
- c) Jumlah pelajar, guru dan kakitangan sekolah-sekolah berkenaan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

DAERAH	SRA		SMA	
	GURU	PELAJAR	GURU	PELAJAR
Klang	937	30,381	26	2,012
Kuala Langat	501	13,408	26	1,713
Kuala Selangor	532	12,492	30	1,734
Hulu Langat	709	18,736	29	816
Hulu Selangor	427	11,904	26	1,175
Sabak Bernam	407	7,609	25	3,842
Gombak	355	10,476	23	741
Petaling	654	19,110	24	2,776
Sepang	364	9,743	25	1,457
Jumlah	4,886	133,859	234	16,266

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENJUALAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah milik kerajaan negeri yang telah dijual kepada anak-anak syarikat dari tahun 2008-2015?
- b) Berapakah harga tanah yang dijual dan perbandingan dengan harga semasa?

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman, pihak MBI tiada maklumat bagi kedua-dua soalan kerana pemberimilikan dan penjualan terus tanah milik Kerajaan Negeri melibatkan urusan Pejabat Tanah dan Galian ("PTG") serta Pejabat Tanah Daerah ("PTD").

Sebarang urusan pemberimilikan dan jualan terus memerlukan kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ("MMKN") dan ianya tidak dimaklumkan kepada MBI.

MBI hanya bertanggungjawab ke atas tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri kepada MBI sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENGGUNAAN LAMPU LED

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai syarikat yang dianugerahkan kontrak bernilai RM5 juta untuk menukar 2,800 lampu jalan kepada jenis LED yakni setara dengan RM1,785.71 satu lampu, proses tender secara terperinci dan semua jenis manfaat yang bakal dinikmati rakyat hasil perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri ke 30/2015 yang telah disahkan pada 22 September 2015 menimbang dan meluluskan penggantian 2,800 unit lampu LED dengan implikasi kewangan berjumlah RM5.6 juta di PBT.

Kerajaan Negeri akan menurunkan peruntukan kepada PBT dan pelantikan kontraktor akan dibuat melalui proses tender terbuka dan mengikut prosedur tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Sebagai galakan dari pihak Kerajaan Negeri terhadap usaha mencapai sasaran Bandar Selamat, 'pencahayaan' termasuk di dalam salah satu lima belas (15) Langkah Pelaksanaan Program Bandar Selamat bagi inisiatif mengurangkan kadar jenayah berdasarkan **6 teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : DANA INDUSTRI KAMPUNG

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis dan jumlah dana industri kampung yang diluluskan mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah strategi dan sasaran untuk dana industri kampung?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sedia maklum dan menjangkakan kemerosotan ekonomi dan mata wang serta pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Sehubungan itu, mulai tahun 2015, Dana Industri Kampung telah diperkasakan kepada Dana Usahawan Mikro Selangor. Dengan pemerksaan ini, had bantuan yang dahulunya berjumlah RM10 ribu per permohonan telah dinaikkan kepada RM30 ribu per permohonan.

Selain daripada itu, Dana Industri Kampung yang dahulunya hanya ditawarkan kepada usahawan kampung dengan pendapatan tahunan tidak melebihi RM50 ribu kini dikembangkan kepada Usahawan Mikro dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300 ribu. Bentuk bantuan yang ditawarkan juga telah diperluaskan. Sebelum ini, Dana Industri Kampung hanya menawarkan bantuan berbentuk peralatan sahaja tetapi kini, dengan pemerksaan Dana Usahawan Mikro Selangor bentuk bantuan yang ditawarkan adalah pembelian mesin / peralatan / perkakasan, mengubahsuai premis perniagaan / perusahaan, menaiktaraf premis perniagaan / perusahaan, pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara, pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan persijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional dan antarabangsa.

Jumlah keseluruhan Dana Industri Kampung dan Dana Usahawan Kampung yang telah diluluskan bagi tahun 2014 dan 2015 adalah sebanyak RM1,804,080.00 yang mana sebanyak RM 700 ribu adalah bagi tahun 2014 dan RM1,104,080.00 adalah bagi tahun 2015 (sehingga 19 Oktober 2015). Senarai jenis dan jumlah Dana Industri Kampung (2014) dan Dana Usahawan Mikro Selangor (2015) yang diluluskan mengikut pecahan daerah adalah seperti di **Lampiran A1** bagi tahun 2014 dan **Lampiran A2** bagi tahun 2015.

- b) Strategi dan sasaran untuk Dana Usahawan Mikro Selangor adalah meningkatkan daya tahan, daya saing dan daya maju perusahaan mikro di Negeri Selangor di samping mengukuhkan perniagaan / perusahaan mikro di Negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti (pengeluaran, jualan dan pendapatan. Strategi Dana Usahawan Mikro Selangor juga adalah menyokong keperluan pembangunan perniagaan / perusahaan dan penggunaan teknologi, dan membuka peluang kepada usahawan mikro di Negeri Selangor untuk mempelbagaikan dan mengkomersialkan produk mereka. Selain daripada di atas, di dalam memastikan objektif dan sasaran Dana Usahawan Mikro Selangor, setiap penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor adalah diwajibkan untuk menyertai kursus-kursus berstruktur yang telah diatitkan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor seperti di **Lampiran B**. Golongan sasaran Dana Usahawan Mikro Selangor adalah merentasi semua kategori perusahaan di bawah kategori perusahaan mikro.

LAMPIRAN A1

SENARAI JENIS DAN JUMLAH DANA INDUSTRI KAMPUNG YANG DILULUSKAN TAHUN 2014

DAERAH GOMBAK

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Norlaily binti Abd Malek	1. Mesin Pembuat Pau 2. <i>Steamer</i>	10,000.00
2	Azimah binti Daud	1. <i>Oven 2 Decks</i> 2. <i>Mixer 5kg/10kg</i>	10,000.00
3	Norsidah binti Miswan	1. Mesin Jahit Lurus 2. Mesin Jahit Sulam	10,000.00
4	Shamsiah binti Kariman	1. Mesin Jahit Lurus 2. Mesih Jahit Lubang Butang 3. Seterika Wap	10,000.00
5	Salbiah binti Suleiman	1. <i>Chocolate Table Top Temperer</i> 2. <i>Chocolate Melter (6kg)</i>	10,000.00
Jumlah (RM)			50,000.00

DAERAH HULU LANGAT

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Zamey Frozen	1. 150L Taiwan <i>Cooking Mixer</i> Model GF180BV/150 2. WTC-182 <i>Working Table</i> (2 unit)	10,000.00
2	Mohd Hafiz bin Baharom	1. Oven Gas 2. <i>Table Top Mixer</i> 3. <i>Working Table</i> 4. <i>Chiller</i> 5. <i>Sealer Machine</i>	10,000.00
3	Norishah bt Hamzah	1. <i>Gas Oven Baking (2 Deck, 4 Fans)</i> 2. <i>Baking Mixer (30L)</i> 3. <i>2 Door Display Chiller (Blower)</i>	10,000.00
4	Zairulhusni bt Wan Zein	1. Mesin Peleper Tepung 2. Mesin Pemetong Mee	10,000.00
Jumlah (RM)			40,000.00

DAERAH HULU SELANGOR

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Nor Azam bin Mat Ali	1. <i>Chiller</i> 2. <i>Generator</i>	10,000.00
2	Haliza binti Hamdan	1. Oven 1 pintu (3 <i>decks</i>) 2. <i>Tray</i> 4 x 20 3. <i>Mixer</i> 5kg	10,000.00
3	Norizan binti Mohd Ghazali	1. Oven 2. <i>Mixer</i> 3. <i>Chiller</i>	10,000.00
4	Siti Zaliha binti Anuar	1. <i>Mixer</i> 20kg 2. Oven 2 <i>trays</i> 3. <i>Chiller</i> 2 pintu	10,000.00
5	Nor Anidah binti Md. Kasah	1. <i>Sealer</i> x 3 unit 2. Mesin Pengayak x 2 unit 3. Rak Bertingkat x 2 unit	10,000.00
6	Zarina binti Ruzali	1. Mesin <i>Expired Date</i>	10,000.00
7	Rosmawati binti Abdullah	1. Mesin Mepek 2 <i>in</i> 1	10,000.00
8	Rupidah binti Talib	1. <i>Mixer</i> 20 L 2. <i>Chiller</i> 2 pintu 3. <i>Proofer</i>	10,000.00
9	Rossidah binti Mohd Mokhdir	1. Pengisar Profesional 2. Peti Beku 3. Kabinet Pameran Dingin	10,000.00
Jumlah (RM)			90,000.00

DAERAH KUALA SELANGOR

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Ahmad Azam bin Johari	1. Mesin Penggaul Tepung (<i>Heavy Duty</i>) 2. Mesin <i>Sealer</i> (<i>Heavy Duty</i>)	10,000.00
2	Nor Muslim b. Mohd Zainuri	1. Peti Pembeku 2. Mesin Kacang 3. Peralatan Memasak	10,000.00
3	Ruhaiza binti Ayob	1. Mesin Pembancuh Tepung 2. Oven	10,000.00
4	Nor Hafizah binti Koslan	1. <i>Spiral Mixer</i> GLJ10	10,000.00
5	Zarinah binti Idris	1. Mesin Pembungkusan Botol 2. Mesin Pengadun (<i>Mixer</i>) 20 kg	10,000.00
Jumlah (RM)			50,000.00

DAERAH KLANG

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Letchimy a/p Narayanasamy	1. Mesin Lubang Butang 2. Rak Benang	10,000.00
2	Nor Ainom binti Abdul Ghani	1. <i>Steamer Gas (GRS-6)</i> 2. <i>Table Stainless Steel 9 Tier (SST2-6x3)</i> 3. <i>Freezer Chest (300L) LY350GT</i>	10,000.00
3	Julailah binti Rimpun	1. Mesin Jahit Komputermatik 2. Mesin Jahit Industri 3. Mesin Jahit Tepi	10,000.00
4	Mahfuzah binti Mohd Mahfudz	1. <i>Gas Oven 2 Deck</i> 2. <i>Stand Mixer</i> 3. <i>Table Top Display Chiller</i> 4. <i>Chiller 3 pintu</i>	10,000.00
5	Maryam binti Abdulssomad	1. <i>Chiller</i> 2. <i>Oven</i> 3. <i>Mixer</i>	10,000.00
6	Nordalilah binti Mohd Tahir	1. Mesin Jahit Lurus 2. Mesin Sulam Berkomputer 3. Mesin Jahit Tepi Konwa	10,000.00
7	Mohd Shahir bin Mohamad	1. <i>Tooling Set (Kennedy: Ken5953000K)</i> 2. <i>Welding set (Mild Steel) (Kennedy: Ken880204K)</i> 3. <i>Cordless Drill/Screwdriver (Bosch: Litium battery 14.1-2L1)</i>	10,000.00
Jumlah (RM)			70,000.00

DAERAH SEPANG

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Norasidah binti Abu Bakar	1. Mesin Pengering Kerepek 2. <i>Sealer Automatic</i> 3. Mesin Pemotong Pisang	10,000.00
2	Rozaini binti Suboh	1. <i>Freezer Besar</i> 2. Mesin Karipap 3. <i>Mixer 5kg</i> 4. <i>Meja Stainless Steel 7' x 2.5'</i> 5. <i>Air Compressor</i> 6. Set Dapur 2 Tungku	10,000.00

3	Lamiah binti Lan	1. <i>Gas oven 2 Door 4 Tray</i> 2. <i>Gas Heating Steamer 12 Stages</i>	10,000.00
4	Mujib Ahmad bin Abd. Rashid	1. <i>Dyna Vibe Prop Balancers</i> 2. <i>Heavy Duty Bandsaw</i> 3. <i>Dust Extractor</i>	10,000.00
5	Junainah bte Wahid	1. <i>Mixer Besar</i> 2. <i>Oven</i> 3. <i>Freezer</i> 4. <i>Mesin Soya Automatik</i> 5. <i>Pengukus Kuih Besar</i>	10,000.00
Jumlah (RM)			50,000.00

DAERAH KUALA LANGAT

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Sarimah binti Shari	1. <i>Mesin Lubang Butang</i> 2. <i>Mesin Jahit Sulam</i>	10,000.00
2	Rohida bt Jailani	1. <i>Mesin Jahit Sulam Komputermatic Model CE250</i> 2. <i>Piring Jahitan Tepi Kecil</i> 3. <i>Mesin Jahit Tepi Industri Model 2431 Koo1-4</i> 4. <i>Mesin Jahit Industri Model 2591-300A Singer</i>	10,000.00
3	Shahrulniza bt Sapengi	1. <i>Dough Divider</i> 2. <i>Proofer 2 Pintu</i> 3. <i>Dim Sum Steamer 1 Hole</i>	10,000.00
4	Siti Hawa bt Jaafar	1. <i>Oven Gas 2 Pintu</i> 2. <i>Chiller 2 Pintu</i> 3. <i>Mixer 20 kg</i>	10,000.00
5	Norlela bt Ismail	1. <i>Mesin Memotong 'Chop' Kayu-Frame Compressor @ manual</i> 2. <i>Mesin Punch H</i> 3. <i>Mesin Punch Outer Sliding Widow</i>	10,000.00
6	Zamrina bt Tosni	1. <i>Oven Pengering</i> 2. <i>Mesin Proses atau Penggaul</i>	10,000.00
7	Norlin binti Md Ali	1. <i>Mesin Jahit Industri</i> 2. <i>Mesin Jahit Tepi Industri Singer</i>	10,000.00
8	Norsaida bt Marzuki	1. <i>Mesin Sulam Berkomputer</i>	10,000.00

		Model Brother NV1500D	
9	Zarina bt Mohamed Tajuddin	1. Mesin Jahit Sembat 2. Mesin Jahit Lubang Butang	10,000.00
10	Sharifah binti Mohamad Nor	1. Sauna <i>Box</i> 2. Katil <i>Facial</i>	10,000.00
11	Mahyudin bin Hamid	1. Mesin Pelabelan	10,000.00
Jumlah (RM)			110,000.00

DAERAH PETALING

Bil.	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Zalina binti Mohamed	1. Mesin Jahit Berkomputer 2. Mesin Jahit Tepi 4 Benang 3. Mesin Jahit Tepi 5 Benang 4. Mesin Pemotong	10,000.00
2	Mayzurah binti Asikin	1. Mesin Memarut Nenas 2. Pengadun 3. Oven	10,000.00
3	Roshalina binti Abdul Rahim	1. Oven Gas 2. <i>Mixer</i>	10,000.00
4	Rosni binti Mat Isa	1. Mesin Jahit Tepi 2. Mesin <i>Interlock</i> 3. Mesin Jahit Lurus	10,000.00
5	Suriawani binti Abdul Hadi	1. Pemutar Tepung 2. Oven 2 Tingkat 3. Meja <i>Steel</i>	10,000.00
6	Juliana Eliza binti Rosmi	1. Y-85 <i>Sterilizer</i> 2. Y-3288 <i>Diamond Dermabrasion</i> 3. Y-316 <i>Wax Machine</i> 4. Y-33 3 in 1 <i>High Frequency</i> 5. Y-817 LED <i>Magnifying Lamp</i> 6. 198 <i>Hot Blanket 38</i>	10,000.00
7	Abd Halim bin Md Shapwi	1. Mesin Tebuk Lubang Butang	10,000.00
8	Maznah binti Mohd Shalan	1. Peti Sejuk <i>Frozen</i> 2. Rak Barang 3. Rak Roti	10,000.00
9	Rafiah bt Khalid	1. Mesin Lubang Butang	10,000.00
10	Rose binti Ali	1. Peti Sejuk Beku x 2 unit (600L) 2. Peti Sejuk Beku (360L)	10,000.00
11	Shahidan bin Yahya	1. Mesin <i>Welding</i> MIG-VIM	10,000.00

		2. Mesin <i>Table Saw</i> - Formahero 2. Mesin <i>Compressor</i> -SWAN	
12	Suhaimi bin Hussein	1. Mesin Memproses Ayam	10,000.00
13	Norul Hisham bin Jaafar	1. Mesin Jahit Lurus x 2 unit 2. Mesin Jahit Tepi	10,000.00
Jumlah (RM)			130,000.00

SABAK BERNAM

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Nordalina bt Ahmad Salehin	1. Oven 2. <i>Mixer</i> 3. <i>Chiller</i>	10,000,00
2	Zaharatul Makiah bt Zaini	1 <i>Freezer</i> 2 Buluh <i>Steel</i> Lemang 3 Meja <i>Steel</i> 4 Perlatan <i>Steel</i>	10,000,00
3	Zainon bin Saien	1. Mesin Jahit Gulung 2. Mesin Sulam Komputer 3. Mesin Jahit Tepi	10,000,00
4	Roswati bt Mahmud	1. <i>Gas Heated Baking Oven 4 Deck</i> 2. <i>Mixer</i> Pelbagai	10,000,00
5	Norani bt Md Nor	1. Mesin Perah Santan (10kg) 2. Meja <i>Stainless Steel</i>	10,000,00
6	Nor Aswat bin Basiran	1. Elektrik Doh <i>Divider</i>	10,000,00
7	Saiful Fahmy bin Hussin	1. Elektrik Motor 2. <i>Air Compressor</i>	10,000,00
8	Nurliza bt Mohammad Safar	1. Oven 2 tingkat 2. <i>Mixer</i> 3. Peti Sejuk	10,000,00
9	Rogaya Bano bt Faridul Huq	1. Mesin Sepit Semi Automatik	10,000,00
10	Mohd Tohid bin Sidek	1. Meja <i>Stainless Steel</i> 2. <i>Multi Muruku Machine</i>	10,000,00
11	Asiah bt Salleh	1. Mesin Pemetong Ubi 2. Peti Sejuk 3. Meja <i>Steel</i>	10,000,00
Jumlah (RM)			110,000.00

LAMPIRAN A2

SENARAI JENIS DAN JUMLAH DANA INDUSTRI KAMPUNG YANG
DILULUSKAN TAHUN 2015

DAERAH GOMBAK

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Haris bin Abu Talib	1. <i>Mixer 20KG</i> 2. <i>Oven Gas Industrial</i> 3. <i>Portable Sealer</i> 4. <i>Chiller</i>	10,000.00
2.	Ramlah binti Kasa	1. <i>Mixer 20KG</i> 2. <i>Oven Gas Industrial</i> 3. <i>Steamer</i> 4. <i>Chiller</i>	10,000.00
3.	Aslinah binti Aslam	1. <i>Panning machine</i>	30,000.00
4.	Ruslinah binti Sidek	1. Continuous Sealer with print 2. Electrical Powder Grinder (medicine blender) 3. Chiller 2 door 4. Chest freezer top opening 5. Oven gas industrial 1 deck 2 tray; 6. Machine laksa / maruku (CD01) 7. Rak tray roti / cupcakes.	25,000.00
5.	Rosmah binti Manap	1. <i>Oven double Deck</i> 2. <i>Cooling Rack 2 Tier</i> 3. <i>Mixer 3KG</i>	10,000.00
6.	Haleen Enterprise	1. <i>Chiller</i> 2. <i>Working Table</i> 3. <i>Mixer</i>	10,000.00
7.	Zanifah binti Md Nor	1. <i>Gas Oven</i> 2. <i>Display Chiller Cake</i> 3. <i>General Purpose Mixer</i> 4. <i>Taiwan Mixer</i>	20,000.00
8.	Rahani binti Md Noor	1. Mesin Pemerah Pandan 2. Mixer Tepung Cendol 3. Mesin Adunan/Penekan Cendol	10,000.00
9.	Mohd Hafiz bin Abdul Harun	1. <i>Dough Divider</i> 2. <i>Oven Gas 3 Deck 2 Tray</i>	15,000.00
10.	Hanez Fauzi bin Tamrin	1. Interlock Sewing Machine	15,000.00

		2. Heavy Duty Leather Sewing Machine 3. Cutter With Railing 4. Elektric Cloth Cutter	
11.	Mohammad Fauzi bin Sanusi	1. <i>Stone Grinder</i> 2. <i>Meat Mincer</i> 3. <i>Single Door Heavy Duty Chiller</i>	10,000.00
Jumlah (RM)			165,000.00

DAERAH KLANG

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Zunaidi bin Mokhtar	1. KB-20 Oven Gas (2L, 4L) 2. B30 Mixer Gear 3. SST2- 7x2 Staninless Steel Table 2 Tier	10,000.00
2.	Ab. Razak bin Che Ahmad	1. <i>Sealer Cont (Horz/Blower/Standing)</i> 2. <i>Steamer Gas</i> 3. <i>Stainless Steel Table 2 Tier</i> 4. <i>Rack Tray</i> 5. <i>Chiller</i> 6. <i>Tray 40cm X 60 Cm</i>	15,000.00
3.	Pujiah Binti Bahran	1. <i>Gas Steamer</i> 2. <i>Multi User Mixer</i> 3. <i>Conveyer Sealer</i>	10,000.00
Jumlah (RM)			35,000.00

DAERAH KUALA LANGAT

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Siti Zurila binti Abd Samat	1. Dapur Goreng Kerepek 2'x7' dengan plate <i>stainless steel</i> sebagai <i>body</i> 2. Mesin pemotong Ubi/Pisang/Tempe dengan plate <i>stainless steel</i> sebagai <i>body</i> 3. Mesin Pengering Kerepek dengan plate <i>stainless steel</i> sebagai <i>body</i>	20,000.00
2.	Amirul Shahid bin Ameruddin	1. Mesin memasak (roti canai) 2. Peti Sejuk Chiller 2 pintu	10,000.00
3.	Rosimah binti Masiron	1. Gas Oven 1 Deck 2 Tray 2. <i>Flour Mixing Machine</i> 5kg	10,000.00
4.	Nor Hisam bin Mohd Khamin	1. Mesin Ketam Kayu 1 Set	10,000.00

5.	Haji Aminnudin bin Haji Marjani	1. Mesin Photostat (Konica Minolta)	10,000.00
6	Hashim bin Jiran	1. Welder set 4000w gen 2. Bosch GBH 36 V-LI Cordless R 3. Mini MIG Welding Ciw Set	10,800.00
7	Muhammad Noor Izwandy b. Mohd Effendy	1. Mello TIG200S Inverter TIG Machine (1 set) 2. Mello MIG200B (IGBT) Inverter C02 (1 set) 3. Bosch GSH 16 – 30 Demolation Ham	10,600.00
8	Norfadlizan bin Tumiran	1. Bina tempat masak 15 x 30 2. Dom VIP 5 unit	10,700.00
9	Zaleha bte Mat Tambi	1. Mesin pemotong ubi	4,500.00
10	Rosalawati binti Radin	1. Mesin penekan maruku MRK 201 2. Mixer Marunaka CSMA200 3. Sealer CE-450PFS	10,500.00
11	Mardiana binti Husin	1. Oven Pembakar kuih 2. Mixer 10kg 3. Mesin pemotong kerepek	11,500.00
12	Muaz Azam Enterprise	1. Pengujian Produk, Pendaftaran produk (cap dagang), pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek	20,000.00
13	Zeera Burger Bakar Enterprise	1. Mesin Mixer Daging 15-20kg 2. Mesin clamp / pencetak daging 4 unit	10,400.00
14	Muhammad Nizam bin Ngaliman	1. Jack Hidrolik	13,000.00
15	Zainol Azrin bin Jamil	1. Jaguar Air Compressor 3 HP 2. Repair Body Kit 3. Devil Biss Line Container 4. Garaj Jack 3 ½ Tan 5. Makita Polisher	7,130.00
16	Mohd Zulkamal bin Mohd Sulor	1. Pembinaan Bangsal	18,000.00
17	Jamani bin Jblok	1. Petii sejuk beku 2. Meja roti canai steel 3. Mesin cili	9,000.00
Jumlah (RM)			196,130.00

DAERAH KUALA SELANGOR

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Wan Mohd Salleh bin Mohd Dom Sulong	1. Mesin Pemerah Santan 5 HP 2. Mesin Pamarut Kelapa 1 HP	30,000.00

2.	Zalia Binti Abu Aman	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Double Compartment Gas Deep Fryer</i> 2. <i>Mixer-5kg</i> 3. <i>Mesin Meleper Doh (Mesin Uli)</i> 	10,000.00
3.	Shahrul Rizal bin Nasib	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mixer –Spiral</i> 2. <i>Steamer – Gas</i> 3. <i>Rak Bertingkat</i> 	20,000.00
4	Norazilah binti Abd Aziz	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>KT Multi Purpose Deep Oven (4 unit) (local)</i> 2. <i>Universal Mixing</i> 3. <i>Continuous Band Sealer</i> 	15,000.00
5	Jaafar bin Musa	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Semi Auto Dough Divider & Rounder</i> 2. <i>2 Door 36 Tray Bread Proofer</i> 	30,000.00
6	Haslina binti Hussin	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mesin Pencucuk Sate</i> 2. <i>Mesin Pemetong Daging</i> 	10,000.00
7	Mazlina binti Maidin	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Dough Divider & Rounder</i> 2. <i>Mixer 5kg</i> 3. <i>Bench Sealer Blower</i> 4. <i>Working table 84x30x34</i> 	20,000.00
Jumlah (RM)			135,000.00

DAERAH PETALING

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Zikri Abadi bin Fudzan	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mesin Doh – Knead & Press</i> 2. <i>Sealer</i> 3. <i>Meja Stainless Steel</i> 	10,000.00
2.	Keju Sedap Enterprise	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Spiral Mixer HS-50 (415V/3KW112/198VPM-170 KGS-84X52X110CM)</i> 2. <i>MSM 2006G – 6 Tray Gas Steamer</i> 	10,000.00
3.	Warisan Mak Adek Enterprise	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mesin Membulat Keropok Lekor</i> 2. <i>Mesin Pemetong Keropok Lekor</i> 3. <i>Frozen Meat Chopper</i> 	15,000.00

		(Surimi Planner)	
4.	Fadzil bin Issia	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Spiral Mixer</i> 2. <i>Dough Divider</i> 3. <i>Double Deck Electric Oven</i> 	15,000.00
5.	Rohainita binti Osman	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Multi User Mixer</i> 2. <i>Display Chiller 1 Pintu</i> 3. <i>Continuous Sealer With Print</i> 4. <i>Digital Scale</i> 	10,000.00
6.	Wan Zaitun binti Wan Abdul Razak	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Display Chiller Showcase 2 Unit</i> 	10,000.00
7.	Siti Rohani binti Abu Bakar	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mixer</i> 2. <i>Oven</i> 3. <i>Pengisar Bijirin</i> 	10,000.00
8	Siti Nasilah binti Shahri	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mesin Jahit Tepi Halus Singer 2431K</i> 2. <i>Mesih Jahit Lurus Singer 2591D 200A – 2 unit</i> 3. <i>Masin Jahit Lurus Singer 3191D 200A – 2 unit</i> 4. <i>Steam Iron jenama Silver Star Model ES-94A</i> 	15,000.00
Jumlah (RM)			95,000.00

DAERAH SEPANG

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1.	Rony binti Hassan	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Double Deck Baing Oven</i> 2. <i>Single Door Display Chiller</i> 3. <i>Food Mixer – 10L</i> 	15,000.00
2.	Ayathull Dhalayla binti Mohd Jar	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Spiral Mixer – Two Motion Knead Dough Machine</i> 2. <i>Showcase</i> 3. <i>Bread Slicer</i> 	13,000.00
3	Haida binti Md Sap	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mesin jahit (sulam) – 1 unit</i> 2. <i>Mesih jahit (lurus) industri – 1 unit</i> 3. <i>Mesih jahit (tepi) industri – 1 unit</i> 4. <i>Mesih jahit halus (tudung) – 1 unit</i> 	12,000.00

4	Tuah Cendana Enterprise	1. Marquee tent (10m x 6m) x 3 blok	30,000.00
5	Nourmi bt Amir Hamzah	1. Bakery Machinery (mixer with netting) 2. Gas baking oven (2 deck 4 trays) 3. Cooling rack 24 level 4. Insect killer (40 watt)	14,000.00
6	Omar bin Hussin	1. Mesin pencuci tempurung dalam 2. Mesin pemotong kayu 3. Mesin penebuk lubang 4. Ketam kayu	15,000.00
7	Abdullah bin Amat Apandi	1. Kualiti penggoreng industri 2. Penggaul kerepek 3. Mesin pemotong (penyagat)	25,000.00
8	Teng Siong Lai	1. Spiral Mixer 2. Mesin Dough Roller 3. Electric Rice Mill	20,000.00
9	Yue Ying Trading	1. Mesin jahit JUKI industri	9,500.00
10	SPS Suchitaa Enterprise	1. Mesin jahit industri (lurus) – 1 unit 2. Mesin jahit industri (tepi) – 1 unit 3. Mesin jahit (biasa) – 2 unit	8,500.00
11	Intan Samsiah binti Nordin	1. Oven gas 2 tingkat – 1 unit 2. Miler 8kg – 1 unit	13,000.00
Jumlah (RM)			175,000.00

DAERAH HULU LANGAT

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Siti Zauyah bt Sharif	1. Mesin Jahit Tepi Halus (tudung) 2. Mesin Jahit Lurus (Industri) 3. Mesin Memotong Kain	10,000.00
JUMLAH (RM)			10,000.00

DAERAH HULU SELANGOR

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Mariyani binti Ishak	1. Fryer Gas 2. Noodle Equipment 3. Freezer 4. Vegetable Cutter	10,000.00
2	Rohana binti Jamil	1. Cake & Dough Mixer	10,000.00
3	Ahmad Idzi bin Khalid	1. Pengisar Kacang Soya 2. Pengukus Kacang Soya 3. Peti Sejuk 3 Pintu (3DLM)	10,000.00
4	Rohani binti Omar	1. Oven 3 Deck 9 Tray (ACL-9-D)	15,000.00
5	Mohd Fauzie Kok Kee Long	1. Mesin Jahit Lurus – 4 set 2. Mesin Jahit 5 Benang	15,000.00
6	Rozanie binti Othman	1. Filling Machine Conveyer Lebellling	30,000.00
7	Ahmad bin Hj Amin	1. TZL-100 Soya Cooker 2. SD 43 Ice Making Machine 3. UMI-8H Bottle Capping 4. Compressor	15,000.00
8	Agma Venture	1. Mesin Semprit/Pelbagai	18,000.00
Jumlah (RM)			123,000.00

SABAK BERNAM

Bil	Nama Pemohon	Bantuan yang diluluskan	Jumlah (RM)
1	Abdul Hair bin Abdul Rahman	1. <i>Freezer</i> 2. Dapur 3 tungku 3. Mesin ABC automatic	8,000.00
2	Jumaaiah bt Salim	1. Kualiti Menggoreng Automatik 2. Oven	30,000.00
3	Muhamad Farid bin Jamahseri	1. FAIP (Italy) <i>Fully Automatic</i> 2. FAIP <i>Balancing Machine</i>	27,000.00

4	Partini bt Musa	1. Mesin membuat muruku	10,000.00
5	Mohd Izwan Azhar bin Mat Yahya	1. Mesin <i>welding</i> MIG model Miller ISO 2. Mesin <i>welding</i> TIG model Longevity Tigeweld 3. Payung kerja	8,150.00
6	Mohamad Hafizuddin Abdullah Hassan	1. Rotary 2 Postlift (New) 2. MIG Welding Alloy 3. Oxy Gas	20,300.00
7	Mohd Khazizi bin Hj Adhar @ Azhar	1. Gas fryer (Model GF 580) – 1 unit	15,000.00
8	Mat Nor bin Abdul Sam	1. Soya bean <i>grander</i> 2. Corong perangkap haba 3. Periuk besar 80cm (5 unit) 4. Meja <i>steel</i> (4 unit)	30,000.00
9	Mat Ariffin bin Sadli	1. Mesin membuat mee (2 unit) 2. Meja kerja	6,500.00
10	Suraya Wati bt Khalil	1. Mesin fotostat jenama RICOH AFICIO MPC 4500	15,000.00
JUMLAH (RM)			169,950.00

LAMPIRAN B

Bil.	Tajuk Kursus
1	Kaedah dan kepentingan pendaftaran perniagaan, syarikat dan perlindungan harta intelek
2	Tips dan peluang pemasaran di <i>hypermarket</i> , Pensijilan HALAL, MeSTI dan <i>Barcode</i>
3	Peluang pinjaman perniagaan (MBB, CIMB, Agro Bank) dan Penyediaan Rancangan Perniagaan
4	Bengkel " <i>Simplified Facebook Marketing</i> "
5	Panduan mengeksport, <i>Free Trade Agreement</i> dan <i>ASEAN Economic Community (AEC) – New Opportunity</i>
6	Pemborongan di China – <i>Maximizing profit marketing</i>
7	Strategi pemasaran (<i>Marketing MIX, SWOT dan BMC</i>)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TAMAN RIMBA AMPANG

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh PBT bagi menaik taraf taman tersebut (Bukit Belacan)?
- b) Kenapa setelah tempat tersebut agak sempurna diserahkan kepada Tourism Selangor.
- c) Jelaskan kenapa pula kini di bawah Jabatan Hutan?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah membelanjakan sejumlah lebih kurang RM2.0 juta bagi menyediakan infrastruktur, pelbagai kemudahan dan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di Taman Rimba Ampang bermula daripada tahun 1994 hingga tahun 2000.
- b) Bermula pada tahun 2000 hingga tahun 2010, pengurusan Taman Rimba Ampang telah diserahkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kepada Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) kerana pada masa tersebut MPAJ kekurangan peruntukan bagi membiayai kos pengurusan dan kerja-kerja penyelenggaraan di taman rimba tersebut. Memandangkan terdapat beberapa masalah teknikal, maka TSSB telah bersetuju untuk menyerahkan pengurusan Taman Rimba Ampang kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) pada tahun 2010.
- c) Taman Rimba Ampang adalah merupakan salah satu hutan lipur yang terletak di dalam Hutan Simpanan Kekal iaitu di dalam di Kompartmen 47 & 52, Hutan Simpan Ampang. Oleh yang demikian, disebabkan terdapat beberapa masalah teknikal, maka TSSB telah menyerahkan pengurusan Taman Rimba Ampang kepada pengurusan asalnya iaitu pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Selain itu, JPNS juga merupakan agensi yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi jumlah bilangan staf, peruntukan dan logistik untuk melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan hutan lipur tersebut. Semenjak tahun 2010 hingga 2015, Kerajaan Negeri Selangor melalui JPNS telah membelanjakan hampir RM1.0 juta bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan taman rimba tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bila Kerajaan Negeri Selangor akan menjalankan kajian berkaitan Pembangunan Semula Bandar terutama kawasan yang berusia 30-40 tahun?
- b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi kawasan-kawasan lama tersebut?
- c) Bila akan dimulakan projek perintis tersebut dan di mana pilihan tapak projek?

JAWAPAN:

- a) Konsep pembangunan semula bandar merupakan salah satu pendekatan yang digunakan untuk membangunkan atau memajukan semula kawasan yang lama dan usang yang meliputi empat (4) kaedah iaitu *rehabilitation, restoration, regeneration dan redevelopment*. Kerajaan Negeri sangat komited untuk memastikan pendekatan ini dapat dilaksanakan secara optimum di kawasan-kawasan lama dan usang dalam tempoh RMK ke 11.

Di peringkat negeri Selangor juga, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa isu berkaitan bandar lama ini seperti bangunan/kawasan kosong dan usang, kawasan tanah kerajaan yang tidak dibangunkan secara optimum, kawasan yang mengalami tekanan perubahan guna tanah, kawasan yang mengalami masalah akses dan infrastruktur, dan kawasan bandar yang tidak lagi ekonomik serta mengalami ketidakstabilan struktur fizikal bandar dan pereputan (*decay*). Di peringkat tempatan umpamanya, tapak-tapak cadangan untuk pembangunan semula telah dikenalpasti di dalam Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang disediakan.

Selain itu, Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 turut menyokong pembangunan semula bandar iaitu di bawah DASAR MP3 Pembangunan Baru Perlu Mengutamakan Tapak-Tapak Dalam Kawasan Perbandaran Sedia Ada Melalui Pembangunan Secara Infill, Pembangunan Tapak *Brownfield* Dan Pembaharuan Bandar (*Urban Renewal*). Dasar ini dapat membantu menangani masalah kekurangan tanah atau kawasan yang sesuai untuk pembangunan perbandaran terutama di Daerah Gombak, Petaling Jaya dan Klang yang semakin terhad.

- b) Bagi perancangan jangka pendek, Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan Rancangan Tempatan telah pun mengenalpasti kawasan-kawasan

pembangunan semula bandar mengikut keutamaan dan kesesuaian berdasarkan Rancangan Tempatan yang telah disediakan. Sehingga kini, sebahagian dari kawasan pembangunan semula yang telah dikenalpasti ini telah pun dimajukan oleh pemaju, pemilik tanah dan anak-anak syarikat melalui kebenaran merancang yang telah diberikan. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menyiapkan Kajian *Brownfield* Negeri Selangor dan telah mengenalpasti sebanyak 212 tapak-tapak *brownfield* ini yang berpotensi untuk dibangunkan semula mengikut keutamaan dan kesesuaian yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan meningkatkan ekonomi setempat.

Bagi maksud itu juga, Kerajaan Negeri sangat menggalakkan pihak pemaju, pelabur, pemilik tanah, anak-anak syarikat dan agensi pelaksana untuk membangunkan kawasan-kawasan lama dan usang ini bagi merubah landskap bandar yang lebih menarik dengan penaiktarafan kemudahan awam, infrastruktur, sistem pengangkutan, dan fasad bangunan di samping memberi manfaat semua pihak terlibat dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi perancangan jangka panjang pula, Kerajaan Negeri melalui RMK11 akan terus memantau dan memastikan program pembangunan semula bandar ini dioptimumkan terutama di kawasan-kawasan yang telah lama atau usang. Di samping itu juga, bagi perancangan jangka masa panjang, konsep '*land readjustment*' atau pembangunan tanah bersepakat (PTB), juga dikenali di negara lain dengan nama '*land consolidation*' atau '*land pooling*' boleh dilaksanakan di mana sekumpulan lot tanah yang telah dibangunkan secara tidak terancang dan tertinggal dari arus pembangunan, disusun semula dengan penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi, melalui kerjasama dan persetujuan pemilik-pemilik tanah. Bagi pelaksanaan yang lebih sistematik dan holistik, Kerajaan Negeri sangat berharap semua pihak pemilik tanah, pemaju, anak-anak syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengkaji kesesuaian dan menguruskan perlaksanaannya secara '*integrated*' atau bersepadu dengan penglibatan awam atau '*public engagement*' selaras dengan pendekatan '*people centric*'.

- c) Berkenaan dengan projek perintis pula, Kerajaan Negeri bersama agensi pelaksana berkaitan akan mengkaji tapak-tapak yang bersesuaian berdasarkan Rancangan Tempatan dan kajian-kajian lain dan memberi tumpuan khusus melalui RMK11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN NEGERI MEMBANTU RAKYAT
MENGHADAPI EKONOMI**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat dalam negeri ini menghadapi kemelesetan ekonomi?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan jawatankuasa peringkat negeri untuk membantu rakyat dalam soal kenaikan harga barang?

JAWAPAN:

- a) Punca utama kenaikan sara hidup antaranya adalah disumbangkan oleh beberapa tindakan dan polisi yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan. Pengenalan GST, kenaikan harga petrol dan diesel, kenaikan tambang LRT dan yang terkini harga tol yang dinaikkan tanpa belas kasihan menambahkan parah kenaikan kos sara hidup rakyat jelata. Menyedari himpitan hidup kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah- langkah seperti berikut :
 - i) **Memperkasa Pelbagai Program Bantuan Perniagaan Bagi Membantu Usahawan Baru dan Melonjakkan Usahawan Sedia Ada Ke Tahap Yang Lebih Tinggi**

Kerajaan telah melaksanakan **Program Hijrah**. Kedua-dua program ini telah disepadukan untuk melonjakkan lagi golongan miskin ini berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Peruntukan ditambah daripada RM70 juta pada tahun 2014 kepada RM100 juta pada tahun 2015 diharap mampu merealisasikan hasrat Kerajaan. Sehingga 30 September 2015, sebanyak 11,114 orang telah mendapat manfaat melalui Program Hijrah dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM58,358,000.00.

Kerajaan terus memperkasa insentif kepada **usahawan muda** dengan meningkatkan bantuan daripada RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan di bawah dana **Usahawan Mikro Selangor**. Program ini pada asalnya dikenali sebagai Dana Industri Kampung telah ditransformasikan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup dan pendapatan golongan ini ke tahap yang lebih tinggi.

ii) **Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**

Kerajaan Negeri merangka strategi bagi mengurangkan jurang pendapatan kaya dan miskin dengan mewujudkan generasi muda berkemahiran tinggi (*skilled workers*) yang akan mendapat gaji atau upahan berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat di Negeri Selangor. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti industri minyak & gas, semikonduktor, elektrik & elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat & komunikasi (*ICT*), *advance robotic*, *big data* dan perkakasan.

Ke arah mencapai hasrat mewujudkan generasi berkemahiran tinggi, fokus Kerajaan adalah untuk terus memperkasa industri pembuatan supaya dapat mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan kelayakan berasaskan TVET. Selaras dengan itu, Kerajaan akan terus mempertingkatkan tenaga mahir dalam bidang TVET di Negeri Selangor untuk mengisi peluang-peluang di sektor ini melalui **program latihan** di bawah **Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)**. Program ini merupakan kolaborasi Kerajaan dan pemain industri secara pepadanan penawaran dengan permintaan industri bagi memastikan bidang yang ditawarkan adalah bertepatan dengan kehendak pasaran. Kolaborasi ini akan diwujudkan di daripada pengambilan pelajar, rekabentuk kokurikulum dan penempatan pekerjaan. Program TVET ini akan dijadikan satu bentuk program inovatif supaya dapat menarik generasi muda mengakses program tersebut.

Selain itu, Kerajaan turut menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan **Program Kemahiran Teknikal** melalui INPENS International College. Program Kemahiran Teknikal ini merupakan salah satu program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui INPENS International College sejak tahun 2008. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan generasi muda yang tercicir di dalam pelajaran serta daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Antara kursus-kursus kemahiran di INPENS International College yang diberikan penajaan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti Servis & Penyelenggaraan Motorsikal, Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa, Peralatan Penyamanan Udara HVAC - Satu Fasa (Pemasangan Servis, *Troubleshooting* & Pembaikpulihan) dan Pembuat Pakaian Wanita, Dandananan Rambut.

Sehingga September 2015, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College ini telah memberi manfaat kepada seramai 2,807 orang dan jumlah ini adalah dijangka meningkat dari tahun ke tahun. Melalui program ini Kerajaan mensasarkan supaya golongan ini mampu mengorak langkah menggunakan kemahiran yang telah diperolehi untuk turut sama dalam pasaran industri dan meningkatkan diri dengan menceburi bidang keusahawanan.

iii) Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan Bagi Memperkasa Generasi Muda Selangor (2nd Generation)

Ke arah membantu meringankan beban ketua isi rumah, Kerajaan akan meneruskan program-program seperti **Pusat Tuisyen Rakyat** dan **Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar)**, **Skim Bantuan Tadika (TUNAS)**. Sokongan bantuan pendidikan awal daripada Kerajaan seperti ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan bagi mengukuhkan pengetahuan dan menyediakan generasi muda sejak dari pendidikan awal lagi dan membantu ibu bapa menangani kos pendidikan anak-anak.

Tabung Pendidikan Pekerja Ladang merupakan salah satu insentif yang diberikan Kerajaan supaya generasi baru pekerja ladang mampu melonjakkan diri melalui pengukuhan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat keluar dari kepompong kemiskinan. Sehingga 30 September 2015, 15,686 orang telah menerima manfaat daripada program ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8,712,645.20.

Di bawah Tabung ini juga, Kerajaan telah memperuntukkan pemberian wang tunai sebanyak RM300 sebagai **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas** kepada setiap anak pekerja ladang bagi mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Sehingga kini sebanyak 1,477 pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini.

Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2015 di bawah **Tabung Basiswa Selangorku** khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai galakan dan bantuan pembelajaran di universiti. Program Hadiah Anak Masuk Universiti diteruskan kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan. Kerajaan turut menawarkan 10 tempat di UNISEL untuk anak-anak orang asli yang dibiayai sepenuhnya kerajaan Negeri di bawah **Basiswa Sagong Tasi**.

iv) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan

Kerajaan turut menggerakkan usaha membantu golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di luar bandar melalui **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor**. Program ini dilaksanakan berdasarkan konsep memberi “pancing bukan ikan” supaya rakyat dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk melonjakkan diri menjana pendapatan dalam jangka masa panjang. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dua (2) institusi pendidikan iaitu INPENS International College, Kuala Selangor dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kuala Kubu Baru. Program ini mensasarkan golongan belia dan beliawanis desa, ibu tunggal dan suri rumah serta peniaga kecil-kecilan di desa.

a) Industri Komuniti Kampung

- Program Pembangunan Usahawan Kemahiran, INPENS;
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan minuman, ITKAU; dan
- Program Pembangunan Sebagai Juruterapi Komplimentari Berdaftar (KKM), Bidan Kampung Stimulatherapy & Terapi Kesihatan Lelaki.

b) Kursus Kemahiran Jangka Pendek

- Program Motosikal;
- Program Dandanan Rambut;
- Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara;
- Program Jahitan;
- Program Kecantikan; dan
- Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan Minuman.

v) **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil.

Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga September 2015, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,386 orang.

vi) **Program Bantuan Perumahan**

Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin diwujudkan adalah khusus untuk membantu rakyat untuk mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami kepada golongan sasar pendapatan seisi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dengan berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Program ini dilaksanakan di bawah Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin melalui dua (2) jenis bantuan iaitu :

- Bina baru rumah tiga (3) bilik berserta satu (1) bilik air dengan had siling RM35,000.00 bagi sebuah rumah; dan
- bantuan baikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bagi sebuah rumah.

Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki. Di bawah Program ini, kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin.

Selaras dengan hasrat Kerajaan ke arah 1Keluarga, 1Kediaman, Kerajaan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) telah memperuntukkan RM10 juta di bawah Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku bagi membantu peneroka bandar yang sukar mendapat pembiayaan perumahan memiliki rumah dengan konsep sewa dan milik.

Selain itu, Kerajaan turut berusaha meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah pertama dengan mewujudkan **Skim Selangor Smart Home Buyers** menerusi pendahuluan bayaran deposit sebanyak sepuluh peratus bagi belian rumah Selangorku jenis B dan C.

- b) Tidak ada jawatankuasa ditubuhkan di peringkat negeri kerana isu pemantauan dan penguatkuasaan harga barang adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH ANAK YATIM DAN ORANG TUA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua rumah anak yatim dan rumah orang tua yang berlesen dan tidak berlesen di kawasan Petaling Jaya.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk melesenkan rumah-rumah yang tidak berlesen?

JAWAPAN:

- a) Statistik pusat jagaan anak yatim dan warga emas yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] bagi daerah Petaling Jaya adalah seperti berikut:-

DAERAH	PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERKEDIAMAN	PUSAT JAGAAN WARGA EMAS BERKEDIAMAN
PETALING	17	19

Pecahan pusat jagaan tidak berdaftar di daerah Petaling adalah seperti berikut:-

DAERAH	PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERKEDIAMAN	PUSAT JAGAAN WARGA EMAS BERKEDIAMAN
PETALING	1	16

Pecahan pusat jagaan yang dalam proses berdaftar di daerah Petaling adalah seperti berikut:-

DAERAH	PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERKEDIAMAN	PUSAT JAGAAN WARGA EMAS BERKEDIAMAN
PETALING	2	2

Senarai pusat-pusat jagaan anak yatim dan warga emas yang berdaftar, tidak berdaftar dan dalam proses pendaftaran di daerah Petaling adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

**SENARAI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS BERKEDIAMAN YANG BERDAFTAR
DENGAN PIHAK JKM**

Bil.	Nama Pusat Jagaan Warga Emas	Alamat
1	Pusat Jagaan Warga Emas Mitchell	No. 27, Jalan 11/6, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
2	Pusat Jagaan Life Care Home	No. 13, Jalan Bukit Menteri 7/2, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
3	Pusat Jagaan Sunshine Home	No. 80, Jalan Templer, 46000 Petaling Jaya
4	Pusat Jagaan Warga Tua Impresif	No. 19, Jalan Bukit Menteri Selatan 7/2, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
5	Pusat Jagaan Orang Tua KJG Fisioterapi	No. 1, Jalan Mewah 6/9, Taman Mewah, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
6	The Salvation Army Joy Heaven Home For Elderly	No. 1, Jalan 12/17, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
7	Deluxe Retirement Home (M) Sdn. Bhd	No. 33, Jalan SS 3/39, Taman Universiti, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
8	Deluxe Retirement Home (M) Sdn. Bhd	No. 35, Jalan SS 1/22, Kampung Tunku, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
9	Deluxe Retirement Home (M) Sdn. Bhd	No. 3, Jalan SS 1/1, Kampung Tunku, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
10	Deluxe Retirement Home (M) Sdn. Bhd	No. 37, Jalan SS 1/2, Kampung Tunku, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Bil.	Nama Pusat Jagaan Warga Emas	Alamat
11	Pusat Jagaan Life Care Home	No. 75, Jalan Templer, Seksyen 6, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
12	Muhibbah Care Home Sdn. Bhd	No. 6, Lorong 1A/71 G, Jalan Carey, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
13	Trusted Care Centre	No. 15, Jalan Anak Gasing 6/5, Seksyen 6, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
14	Pusat Jagaan Psikologi dan Emosi Eve	No 17, Jalan Anak Gasing 6/5, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
15	Pusat Jagaan White Dove Retirement Home	No 75 Jalan PENCHALA 46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
16	Pusat Jagaan Warga Emas MANOR	No.27, Jalan Taman 7/6, 46050 Petaling Jaya, Selangor
17	GT Heritage Home	36, Jalan 2/29, 46000 Petaling Jaya, Selangor
18	Vinekananda Shelter	24, Jalan 4/41, 46000 Petaling Jaya
19	Sarada Shelter	23, Jalan 4/39, 46000 Petaling Jaya

Senarai Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Yang Dikenalpasti Tidak Berdaftar Dengan Pihak JKM

Bil.	Nama Pusat Jagaan Warga Emas	Alamat
1	Templer Nursing Home	No. 73, Jalan Templer, 56000 Petaling Jaya
2	Pusat Jagaan Terapi VI	No. 17, Jalan 5/17, Seksyen 5, 46000 Petaling Jaya
3	Pusat Jagaan Keluarga	No. 45, Jalan 14/28, 46000 Petaling Jaya
4	Pusat Jagaan Rumah Kita	No. 4, Jalan SS 2/95, 46050 Petaling Jaya
5	Pusat Jagaan Warga Setia	No. 45, Seksyen 12, Jalan 12/15, 46000 Petaling Jaya
6	Sanctuary Retiring Home	No. 3, Jalan 1A/73 Off Jalan Carey, Petaling Jaya
7	Stella Maris Nursing Home	No. 2, Jalan 6/4, 46000 Petaling Jaya
8	Care Home Nursing	No. 167, Jalan Gasing, 46000 Petaling Jaya
9	Pusat Jagaan Orang Tua Suria	No. 3, Jalan Othman, 46000 Petaling Jaya
10	Nursing Home Golden Cares	No. 106, Jalan Gasing, 46000 Petaling Jaya
11	Green Cottage Retirement Home	No. 8, Jalan 18/16, Taman Kanagapuram, Jalan Klang Lama
12	Star Nursing Home	No. 2, Lorong 18/16A, Taman Kanagapuram, Jalan Klang Lama
13	Wei Ai Nursing Home	No. 3, Jalan 18/15, Taman Kaganapuram, Jalan Klang Lama
14	My Father's Home	No. 12, Lorong PJU 8/7C, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 10, Lorong PJU 8/7C, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 2A, Lorong PJU 8/7C, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya

Bil.	Nama Pusat Jagaan Warga Emas	Alamat
		No. 8, Lorong PJU 8/7C, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 2, Lorong PJU 8/7F, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 5, Lorong PJU 8/7, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 7, Lorong PJU 8/7F, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 8, Lorong PJU 8/7F, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 20, Lorong PJU 8/7, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
		No. 1, Lorong PJU 8/7B, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
15	Pusat Jagaan Sinar Aisyah	No. 2, Lorong PJU 8/E, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya
16	Pusat Jagaan Impian	No. 12, Jalan 18/16, Taman Kanagapuram, 46000 Petaling Jaya

**Senarai Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Yang Dalam Proses Berdaftar
Dengan Pihak JKM**

Bil.	Nama	Alamat
1	Pusat Jagaan Siddarthan	32, Jalan SS 3/46, 47301 Petaling Jaya
2	Pusat Jagaan Budiman Orion	21, Jalan SS 3/43, 47301 Petaling Jaya

LAMPIRAN B**Senarai Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berkediaman Yang Berdaftar
Dengan Pihak JKM**

Bil.	Nama	Alamat
1	Pusat Jagaan Amal Kanak -Kanak Praise Emmanuel	No. 7, Jalan 6/6, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
2	Pusat Jagaan Baitul Amal	No. 33, Jalan 14/4, Seksyen 14, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
3	Pusat Jagaan Kanak - Kanak Pertolongan Wanita (WAO)	No. 5, Jalan 20/2A, Paramount Garden, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
4	Pusat Jagaan Kanak - Kanak Shelter 1	No. 4, Jalan Tinggi 6/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
5	Rumah Ozanam II	No. 15, Lorong 4/48E, Jalan Padang, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
6	Rumah Ozanam I	No. 1, Lorong 4/48D, Jalan Padang, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
7	Pusat Jagaan Kanak - Kanak Harapan	No. 45, Jalan 20/2, Taman Paramount Garden, 46300 Petaling Jaya, Selangor
8	Pusat Jagaan Kanak - Kanak Prudential 1	No. 2, Jalan 21/1, Sea Park, 46300 Petaling Jaya, 46300 Selangor Darul Ehsan
9	Pusat Jagaan Kanak - Kanak Prudential 2	No. 11, JLB 21/8, Sea Park, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
10	Pusat Jagaan Rumah Kanak - Kanak Trinity Selangor	No. 5, Jalan Bukit Menteri Utara 7/4, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
11	Pusat Jagaan Rumah Juara	No. 1 & 1A, Jalan 1/5 Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor

12	Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Kanak - Kanak Trinity Komuniti Selangor	No. 12, Lorong 4/49 A, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
13	Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Agathians Malaysia	No 22, Jalan Kelah 8/6, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
14	Pusat Jagaan Darul Sakinah	No. 7, Jalan 3/67 Seksyen 3, 46000 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
15	Pusat Jagaan Rumah Pengajian Xavier	NO.6 Jalan 9/5D,46000 Petaling Jaya Selangor
16	Pusat Jagaan Rumah Kanak-Kanak Impian	NO.2, Jalan SS 25/21, Taman Mayang,47301 Petaling Jaya, Selangor
17	Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (RUKESA)	NO. 15, Jalan 3/67, Seksyen 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor

Senarai Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berkediaman Yang Dikenalpasti Tidak Berdaftar Dengan Pihak JKM

Bil.	Nama	Alamat
1	Pusat Jagaan Titian Kasih	No. 25, Jalan 1/6, Seksyen 1, 46050 Petaling Jaya

Senarai Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berkediaman Yang Dalam Proses Berdaftar Dengan Pihak JKM

Bil.	Nama	Alamat
1	Pusat Jagaan Suci Rohani	No. 109, Jalan BU 7/1, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya
2	Pusat Jagaan Kasih Harapan	No 2, Jalan Sepah Puteri 5/12, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya

b) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam memastikan semua pusat-pusat jagaan yang beroperasi di Negeri Selangor adalah berdaftar dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:-

a. Melaksanakan Taklimat Pendaftaran dan Sesi Gerak Gempur dengan pihak pengendali Pusat Jagaan yang tidak berdaftar di daerah mempunyai banyak pusat jagaan seperti tarikh berikut:

Daerah	Tarikh
Petaling	19.05.2015
	11.06.2015
Klang	14.05.2015
	15.06.2015

- b. Melaksanakan Kempen Jom Daftar TASKA dan Pusat Jagaan peringkat Negeri Selangor pada 17 Oktober 2015 di Kompleks Penyayang Bakti, Sungai Buloh yang melibatkan 200 orang peserta terdiri daripada pengusaha TASKA dan pengendali Pusat Jagaan di Negeri Selangor;
- c. Membuka kaunter perkhidmatan menerusi Unit Khidmat Penyayang di setiap pelaksanaan Program Sinergi Rakyat bagi memudahkan pengusaha dan pengendali pusat jagaan mendapatkan khidmat nasihat untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka;
- d. Melaksanakan program pemutihan pendaftaran pusat jagaan bagi tahun 2015 di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mempunyai banyak pusat jagaan yang beroperasi. Ini termasuk mengeluarkan surat peringatan kepada pengusaha-pengusaha pusat jagaan yang telah lama beroperasi namun masih belum berdaftar dengan Jabatan; dan
- e. Mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pengendali pusat-pusat jagaan yang tidak berdaftar terutama pengendali yang tidak langsung menunjukkan kesungguhan untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka dengan pihak Jabatan.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- b) PBT sedang dalam perancangan untuk membuat bancian awal mengenai rumah-rumah anak yatim dan rumah orang tua sama ada ianya dibina di kawasan operasi PBT atau dibina secara persendirian di luar kawasan operasi PBT di samping mengkaji keperluan pelesenan sebelum melaksanakan proses permohonan lesen serta pemohon perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekiranya rumah-rumah ini perlu dilesenkan, PBT boleh melesenkan dengan cara memastikan pembinaan rumah-rumah tersebut dibina mengikut plan binaan yang diluluskan oleh jabatan teknikal serta mematuhi spesifikasi dan syarat daripada jabatan-jabatan berkenaan. Sebagai contoh, MDKL mengenakan bayaran lesen RM200.00 setahun bagi rumah anak yatim dan rumah orang tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : WAKTU DIBENARKAN BEROPERASI PERNIAGAAN KEDAI-KEDAI
BERLESEN DI DUN MERU**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ada had waktu tertentu bagi semua kategori perniagaan mengikut zon ditetapkan? Nyatakan.
- b) Adakah juga tertakluk bagi aktiviti perniagaan di tanah persendirian & kampung?
- c) Adakah sebarang kajian berfakta, peningkatan gejala sosial tidak sihat dan jenayah berkait dengan perniagaan hingga lewat pagi?

JAWAPAN:

- a) Majlis menetapkan tempoh masa perniagaan bagi pengeluaran lesen berisiko sahaja seperti hiburan, rumah urut dan Pusat Siber tanpa mengira zon tertentu.
- b) Selagi perniagaan tersebut dilesenkan oleh Majlis, had masa tersebut terpakai tanpa mengira aktiviti tersebut dijalankan di atas tanah persendirian ataupun tidak.
- c) Setakat ini tiada sebarang kajian atau fakta terhadap perniagaan lewat pagi yang menyumbang kepada gejala sosial dan jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SUMBANGAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar dalam bentuk peratusan yang KNS tetapkan bagi setiap Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berasaskan keuntungan untuk dipulangkan semula kepada KNS?
- b) Kemanakah penggunaan kewangan ini disalurkan setelah penerimaan diperolehi? Sila nyatakan mengikut program.

JAWAPAN:

- a) Dividen merupakan bayaran/imbuhan yang dibayar kepada pemegang saham berdasarkan peratusan ekuiti yang dipegangnya dalam sesuatu syarikat. Kerajaan Negeri Selangor tidak dibenarkan mempunyai pegangan pelaburan saham secara langsung di dalam mana-mana Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Ini adalah selaras dengan peruntukan di Seksyen 8, Akta Prosedur Kewangan 1957. Pelaburan Kerajaan Negeri di Anak Syarikat Kerajaan Negeri dipegang melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Pembayaran dividen adalah kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Badan Berkanun biasanya tidak membuat bayaran dalam bentuk dividen kepada Kerajaan kerana penubuhan Badan Berkanun bukan dalam bentuk pegangan saham.

Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 15 / 2011 bertarikh 27 April 2011, mesyuarat bersetuju untuk meluluskan sumbangan oleh Badan-Badan Berkanun / Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS) seperti syor di perenggan 4 kertas ringkasan seperti berikut:-

- i) Sumbangan sebanyak 2% daripada keuntungan bersih sebelum cukai (*Net Profit Before Tax*) pada setiap tahun;
- ii) Sumbangan dikenakan hanya ke atas Badan-Badan Berkanun / Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berorientasikan keuntungan dan juga yang berpotensi menjana keuntungan pada tahun kewangan semasa seperti berikut:-

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
 - ii. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)
 - iii. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
 - iv. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
 - v. Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)
- iii) Lain-lain Badan-Badan Berkanun / Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri bermotifkan keuntungan yang akan ditubuhkan pada masa akan datang.
- iv) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dikehendaki memantau sumbangan anak-anak syarikat di bawah pegangannya; dan
- v) Sumbangan dicadangkan untuk mula dikutip pada tahun 2011 iaitu sumbangan bagi tahun kewangan 2010.
- b) Setelah sumbangan 2% atas Keuntungan sebelum cukai (beraudit) setiap tahun kepada Tabung Warisan Negeri Selangor diperolehi, dana tersebut akan dilaburkan ke dalam beberapa bentuk pelaburan seperti mandat pengurusan, saham, dan bon dengan tujuan menjana keuntungan untuk kegunaan dan simpanan generasi pada masa hadapan. Sehingga kini, pengeluaran bagi tujuan manfaat generasi akan datang masih belum ada pengeluaran/perbelanjaan. Tabung Warisan Negeri Selangor akan terus membuat pelaburan yang aktif bagi menambah nilai aset Tabung.

Penggunaan sumbangan Anak Syarikat dan Badan Berkanun bagi program-program Kerajaan Negeri adalah digunakan terus bagi maksud program-program tersebut. Berikut adalah contoh sebahagian sumbangan Anak Syarikat dan Badan Berkanun bagi tahun 2014:-

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	100,000.00	Program Kerajaan Prihatin
	50,000.00	Tajaan Kejohanan Golf Selangor Master
	408,750.00	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
	500,000.00	Tajaan Kejohanan Golf Selangor Master
	408,750.00	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
	2,000,000.00	Program Kerajaan Prihatin
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	408,750.00	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
	408,750.00	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
Kumpulan Semesta Sdn Bhd	1,000,000.00	Program Kerajaan Perihatin
	50,000.00	Kejohanan Golf Selangor Masters 2014
	408,750.00	Pembelian Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor 2014
Permodalan Negeri Selangor Berhad	137,000.00	Sambutan Tahun Baru Cina 2014
	136,000.00	Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014
	100,000.00	Program Sumbangan Kembali ke Sekolah
	200,000.00	Kejohanan Golf Selangor Master

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
	408,750.00	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
	1,000,000.00	Program Kerajaan Prihatin

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PKNS

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek-projek usahasama (JV) yang telah dijalankan oleh PKNS serta anak-anak syarikatnya sejak 2013.
- b) Jelaskan bentuk sumbangan dan penerima secara terperinci dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang telah dilakukan oleh PKNS serta anak-anak syarikatnya sejak tahun 2013.

JAWAPAN:

- a) PKNS tidak lagi mengadakan sebarang usahasama atau penswastan dengan pihak swasta sejak tahun 2008. Semua projek usahasama dan penswastan yang masih ada pada masa ini adalah projek-projek yang telah dilulus dan dimulakan sebelum 2008.
- b) Sumbangan dan penerima secara terperinci dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang telah dilakukan oleh PKNS serta anak-anak syarikatnya sejak tahun 2013 adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI (RM)	KOMUNITI & KEBAJIKAN SOSIAL (RM)	PENDIDIKAN (RM)	JUMLAH TAHUNAN (RM)
1	2013	7,863,078.00	18,614,497.34	127,194.00	26,604,769.34
2	2014	3,030,225.00	107,974,500.18	68,900.00	111,073,625.18
3	2015	1,416,498.00	3,380,584.14	37,036.00	4,834,118.14
	Jumlah	12,309,801.00	129,969,581.66	233,130.00	142,512,512.66

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : JEJAK KARBON

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan kerajaan dalam pengurangan pengeluaran karbon?
- b) Apakah rancangan dan pencapaian dalam pembangunan teknologi hijau di negeri Selangor?
- c) Apakah rancangan dan kemajuan kerajaan dalam penggunaan tenaga solar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor telah diluluskan pada **Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015**.

Melalui Pelan Tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan semua PBT Negeri Selangor sebagai perbandaran hijau dan seterusnya mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030.

Pelaksanaan perbandaran hijau di Negeri Selangor akan menerima pakai Kerangka Bandar Rendah Karbon atau *Low Carbon Cities Framework and Assessment System (LCCF)*.

Lima (5) buah PBT yang dicadangkan untuk menjadi perintis Bandar Rendah Karbon adalah seperti berikut:

- i. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- ii. Majlis Bandaraya Shah Alam
- iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya
- iv. Majlis Perbandaran Sepang
- v. Majlis Perbandaran Klang

Seterusnya, 12 buah PBT akan menerima pakai LCCF menjelang tahun 2020; dan 4 buah bandar akan diiktiraf di peringkat Antarabangsa sebagai Bandar Hijau (*Green Cities*) menjelang tahun 2030.

- b) Tahun 2015 merupakan tahun bagi penetapan dasar dan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor serta aktiviti promosi kepada masyarakat, manakala tahun-tahun berikutnya adalah bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor yang telah ditetapkan.

Pelan tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor ini di rangka bagi pelaksanaan pada tahun 2015-2018. Melalui ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi tumpuan kepada 8 tindakan utama yang telah dikenal pasti.

- i. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
 - ii. Perolehan Hijau Kerajaan;
 - iii. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
 - iv. Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
 - v. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT;
 - vi. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
 - vii. Bangunan Cepak Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
 - viii. Program Penghijauan Taman Industri
- c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa cadangan Kerajaan Negeri dalam penggunaan tenaga solar, antaranya adalah:-
- i. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku dan
 - ii. Pemasangan Bumbung Solar di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : JUMLAH PELAJAR MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS &
TEKNOLOGI (MITS) NEGERI SELANGOR**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelajar MITS yang telah pun hafaz Al-Quran 30 juzuk?
- b) Berapakah jumlah pelajar MITS yang kekal hingga sekarang?
- c) Apakah insentif yang diberikan kepada pelajar MITS yang telah pun menghafaz Al-Quran?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelajar MITS yang telah hafal 30 juzuk Al-Quran adalah:

Bil	MITS	Jumlah
1.	Kuala Langat	222 orang
2.	Klang	245 orang
3.	Sabak Bernam	2 orang
	JUMLAH	469 orang

- b) Jumlah pelajar MITS terkini adalah:

Bil	MITS	Jumlah
1.	Kuala Langat	288 orang
2.	Klang	290 orang
3.	Sabak Bernam	192 orang
	JUMLAH	770 orang

- c) Insentif akan diberi kepada mereka yang dapat mengekalkan hafalan Al-Quran melalui sistem Ithbat yang dilaksanakan oleh Bahagian Dakwah JAIS yang merangkumi:

Bil.	MITS	Insentif
1.	Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none">• Elaun Zakat (Bulanan)• Elaun Yayasan Selangor
2.	Klang	<ul style="list-style-type: none">• Sijil dan Hadiah Buku
3.	Sabak Bernam	<ul style="list-style-type: none">• Sijil

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : LADANG DI NEGERI SELANGOR

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua ladang-ladang di Negeri Selangor.
- b) Untuk setiap ladang di (a), nyatakan keluasan tanah, pemilik ladang dan maklumat tambahan lain.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam menjaga hak dan kebajikan pekerja ladang yang terdapat di seluruh Negeri Selangor. Melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, jumlah kawasan ladang di Negeri Selangor yang direkodkan masih aktif adalah sebanyak 91 ladang. Berikut adalah merupakan senarai ladang-ladang dan bilangan pekerja ladang yang terdapat di Negeri Selangor:

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU SELANGOR (13 Ladang dan 376 orang pekerja)	Ladang Changkat Asa	70 orang
2		Ladang Katoyang	38 orang
3		Ladang Kerling	32 orang
4		Ladang Sungai Jernih	47 orang
5		Ladang Kelapa Bali	3 orang
6		Ladang Lima Blas	11 orang
7		Ladang Lima Blas Oil Mill	23 orang
8		Ladang Sungai Gumut	5 orang
9		Ladang Tanjung Malim Oil Mill	62 orang
10		Ladang SMR Factory	6 orang
11		Ladang Hulu Selangor	13 orang
12		Ladang Sungai Gapi	32 orang
13		Ladang Sungai Gapi East Division	34 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KUALA LANGAT (29 Ladang dan 1378 orang pekerja)	Ladang Pulau Carey East A	82 orang
2		Ladang Pulau Carey East B	74 orang
3		Ladang Pulau Carey East C	71 orang
4		Ladang Pulau Carey East D	16 orang
5		Ladang Pulau Carey East Oil Mill	66 orang
6		Ladang Pulau Carey West 4	80 orang
7		Ladang Pulau Carey West 6	37 orang
8		Ladang Pulau Carey West 7	48 orang
9		Ladang Pulau Carey South A	57 orang
10		Ladang Pulau Carey South B	44 orang
11		Ladang Pulau Carey West Oil Mill	51 Orang
12		Ladang Bandar	20 orang
13		Ladang Batu Untong	16 orang
14		Ladang Bedford	29 orang
15		Ladang Bukit Cheeding	5 orang
16		LadangBanting Palm Oil Mill	10 orang
17		Ladang Fermanagh Est/OM	63 orang
18		Ladang Lelanang Baru	35 orang
19		Ladang Sungai Bualah	5 orang
20		Ladang Teluk Datoh	25 orang
21		Ladang Tanjumh Duablas	13 orang
22		Ladang Sime Darby Research (OPRS)	114 orang
23		Ladang Sime Darby Blotech & Lab	8 orang
24		Ladang Sime Darby Seeds & Agricul	52 orang
25		Ladang Sri Langat Oil Mill	54 orang
26		Ladang Sepang B/C	189 orang
27		Ladang Sepang Sungai Linau	49 orang
28		Ladang Sungai Rawang	13 orang
29		Ladang Sepang Oil Mill	52 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	SABAK BERNAM (4 Ladang dan 192 orang pekerja)	Ladang Sungai Bernam 1	27 orang
2		Ladang Sungai Bernam 2	19 orang
3		Ladang –do- Cort 1&2	8 orang
4		Ladang Sabak Bernam	138 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KUALA SELANGOR (31 Ladang dan 1425 orang pekerja)	Ladang Berjuntai	15 orang
2		Ladang Bukit Lagong	38 orang
3		Ladang Talang Oil Mill	38 orang
4		Ladang Talang	89 orang
5		Ladang Kampung Baru	93 orang
6		Ladang Rajamusa	105 orang
7		Ladang Bukit Belimbing	11 Orang
8		Ladang Bukit Tagar	25 orang
9		Ladang Nigle Gardener	45 orang
10		Ladang Bukit Rotan Oil Mill	8 orang
11		Ladang Eng Hang	2 orang
12		Ladang Elmina	65 orang
13		Ladang Starthalie	45 orang
14		Ladang Group of B	28 orang
15		Ladang Minyak	41 orang
16		Ladang Minyak Oil Mill	42 orang
17		Ladang Sungai Tinggi	62 orang
18		Ladang Shalimar	10 orang
19		Ladang Sungai Buloh	188 orang
20		Ladang Selangor River	83 orang
21		Ladang Kuala Selangor	44 orang
22		Ladang Sungai Rambai	2 orang
23		Ladang Tennamaram	79 orang
24		Ladang Hopeful	26 orang
25		Ladang Bukit Badong	15 orang
26		Ladang Tennamaram Oil Mill	45 orang
27		Ladang Tuan Mee	17 orang
28		Ladang Caledonian	42 orang

29		Ladang Jeram	40 orang
30		Ladang Bukit Darah	22 orang
31		Ladang Tuan Mee Oil Mill	60 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	KLANG (12 Ladang dan 437 orang pekerja)	Ladang Bukit Cheraka	137 orang
2		Ladang Bukit Clah	58 orang
3		Ladang Brounston	20 orang
4		Ladang Bukit Ijok	46 orang
5		Ladang Bukit Kerayong	44 orang
6		Ladang Sungai Kapar	7 orang
7		Ladang Jalan Acob	49 orang
8		Ladang Bukit Kerayong Oil Mill	15 orang
9		Ladang Golconda	1 orang
10		Ladang Golconda Oil Mill	10 orang
11		Ladang Bukit Raja	35 orang
12		Ladang Subang	15 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU LANGAT (2 Ladang dan 45 orang pekerja)	Ladang Ampertenang	41 orang
2		Ladang Balau	1 orang

JUMLAH KESELURUHAN	
Pekerja Ladang	3853 orang
Ladang	91

Sumber : Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW)

Walau bagaimanapun, data jumlah pekerja ladang ini hanya meliputi pekerja ladang yang berdaftar dengan NUPW. Adalah dipercayai ramai di kalangan pekerja-pekerja ladang di Negeri Selangor yang tidak berdaftar dengan NUPW dan ramai di antara pekerja ladang tersebut digajikan sebagai pekerja kontrak dan sambilan. Oleh yang demikian, agak sukar Kerajaan Negeri untuk mendapatkan data statistik yang tepat.

- b) Buat masa ini, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tidak mempunyai data-data secara spesifik atau secara terperinci berkenaan status tanah dan keluasan ladang berkenaan serta nama pemilik ladang tersebut.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang akan menjalinkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkaitan bagi membolehkan data-data tersebut dikongsi supaya dapat dimanfaatkan bersama dan secara tidak langsung dapat menjaga kebajikan pekerja ladang di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : BIASISWA BAGI PENGAJIAN BIDANG-BIDANG STRATEGIK DAN
KRITIKAL DI PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH (PHD)**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peruntukan RM5 juta telah disediakan untuk tujuan ini pada tahun 2015. Apakah syarat-syarat permohonan dan adakah borang permohonan telah disediakan?
- b) Berapakah banyak permohonan yang telah diterima dan senaraikan pemohon yang telah berjaya serta bidang penyelidikan yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) Cadangan pelaksanaan biasiswa ini masih dalam proses untuk mendapatkan ulasan Pegawai Kewangan Negeri dan seterusnya kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Peruntukan yang telah disediakan bagi tahun 2015 adalah sebanyak **RM4.5 juta** sahaja dan akan dipindahkan secara *direct grant* daripada vot P01-PK7(07009) – Pendidikan Tinggi.

Sekiranya diluluskan, program ini akan dilaksanakan sebagai Program Khas Selangor *Brain Bank* di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS). Syarat-syarat permohonan akan diumumkan setelah mendapat kelulusan daripada MMKN dan borang permohonan akan disediakan secara *online* di portal rasmi TKWBNS sebaik sahaja tawaran dibuka kelak.

- b) Permohonan masih belum dibuka kepada umum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PENCEMARAN BAU BUSUK DI JALAN PANTAI REDANG SEKINCHAN

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah punca sebenar masalah pencemaran bau busuk kilang memproses ikan di kawasan tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh MDSB?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah untuk meminimalkan pencemaran yang kebanyakan berpunca daripada lori yang membawa ikan busuk?

JAWAPAN:

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

- a) Masalah pencemaran bau busuk adalah disebabkan oleh penggunaan bahan mentah yang terdiri daripada ikan busuk oleh kilang memproses baja ikan, iaitu kilang Yong Liang Fishmeal Sdn Bhd yang beralamat di No.80, Bagan Sekinchan, 45400 Sekinchan, Selangor. Premis adalah beroperasi dengan mempunyai lesen sementara dari Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dengan keterangan lesen adalah Lesen Sementara Kilang Ikan Busuk. Premis telah beroperasi sejak tahun 1984. Premis ini menjalankan aktiviti memproses ikan busuk menjadi baja ikan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sabak Bernam pernah menerima aduan bau busuk terhadap kilang tersebut pada 6 Ogos 2015. Aduan ini merupakan aduan yang pertama diterima sejak JAS Cawangan Sabak Bernam ditubuhkan pada tahun 2007. Hasil siasatan aduan yang telah dijalankan pada 10 Ogos 2015 mendapati keadaan bangunan premis adalah tidak tertutup sepenuhnya dan terdapat kerosakan pada alat kawalan bau yang dipasang di premis. Notis Arahan telah dikeluarkan kepada premis supaya membaiki atau menggantikan alat kawalan yang rosak tersebut dengan segera. Pihak premis telah mengambil tindakan serta merta untuk membaiki alat kawalan bau yang rosak.

Antara faktor lain yang menjadi punca aduan bau busuk adalah lokasi kawasan perumahan penduduk yang dibangunkan menghampiri dengan kawasan kilang. Pada awal premis beroperasi, kawasan premis terasing dan jauh serta tidak

banyak rumah penduduk. Walau bagaimanapun, kini lebih banyak rumah penduduk yang dibina di kawasan yang berhampiran dengan premis. Jarak rumah penduduk yang paling hampir dengan premis adalah lebih kurang 10 meter sahaja.

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

- b) Majlis Daerah akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pemilik kilang berkenaan supaya mengambil segala langkah yang perlu bagi mengurangkan pencemaran bau busuk yang dikeluarkan seperti membersihkan kawasan. Sekiranya masih gagal pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik kilang berkenaan termasuk arahan penutupan operasi kilang berkenaan.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

- c) Pencemaran bau busuk dari lori yang mengangkut ikan busuk adalah disebabkan oleh pengusaha lori pengangkut yang hanya menggunakan guni untuk mengangkut ikan busuk. Lori yang digunakan juga adalah tidak bertutup. Untuk meminimakan bau busuk dari lori pengangkut ikan busuk adalah disyorkan supaya pihak MDSB mengenakan syarat lesen yang tegas kepada pengusaha supaya menggunakan bekas yang bertutup dan lori yang digunakan hendaklah dilengkapi dengan takungan air untuk mengelakkan air ikan busuk tumpah ke atas jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah dibangunkan mengikut daerah untuk tempoh 2013-2015.
- b) Senaraikan jumlah keluasan tanah rizab Melayu sehingga 2015 mengikut daerah.

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah dibangunkan mengikut daerah untuk tempoh 2013-2015 adalah seluas **366.450 ekar** dan butirannya seperti di **Lampiran A**.
- b) Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) sehingga 2015 mengikut daerah dikemukakan di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A**JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM)
YANG TELAH DIBANGUNKAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TEMPOH 2013-2015**

BIL.	DAERAH	JUMLAH KELUASAN TRM YANG TELAH DIBANGUNKAN (EKAR)	JUMLAH PROJEK
1.	Klang	122.015	40
2.	Gombak	8.826	7
3.	Sabak Bernam	5.187	1
4.	Sepang	67.578	25
5.	Hulu Langat	74.981	23
6.	Kuala Selangor	8.680	3
7.	Petaling	0.934	1
8.	Kuala Langat	78.245	25
9.	Hulu Selangor	Tiada	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN		366.450	125

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

LAMPIRAN B**JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM)
MENGIKUT DAERAH SEHINGGA OKTOBER 2015**

BIL.	DAERAH	JUMLAH KELUASAN (EKAR)
1.	Klang	2,617.88
2.	Gombak	13,783.67
3.	Sabak Bernam	23,474.88
4.	Sepang	28,451.16
5.	Hulu Langat	37,253.86
6.	Kuala Selangor	33,327.06
7.	Petaling	39,577.00
8.	Kuala Langat	56,895.19
9.	Hulu Selangor	172,486.64
JUMLAH KESELURUHAN		407,867.34

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENGURUSAN DAN PEMBAIKAN CERUN

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai perbelanjaan dalam perkara Pengurusan Cerun Bukit dalam tahun 2013-2015.
- b) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk Pengurusan Cerun Bukit DUN Teratai dalam tahun 2013-2015.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai perbelanjaan dalam perkara pengurusan cerun bukit dalam tahun 2013-2015 mengikut PBT :

PBT	TAHUN	PERBELANJAAN DALAM PERKARA PENGURUSAN CERUN BUKIT	JUMLAH MENGIKUT PBT
MBSA	2013	RM 2,954,796.00	RM 9,488,527.65
	2014	RM 2,570,465.49	
	2015	RM 3,963,266.16	
MBPJ	2013	RM9,385,221.21	RM 18,865,881.21
	2014	RM7,266,180.00	
	2015	RM2,214,480.00	
MPK	2013	TIADA	TIADA
	2014	TIADA	
	2015	TIADA	
MPAJ	2013	RM 2,500,000.00	RM 38,500,000.00
	2014	RM 6,000,000.00	
	2015	RM 30,000,000.00	
MPSJ	2013	RM 800, 000.00	RM 3,400,000.00
	2014	RM 800, 000.00	
	2015	RM 1, 800, 000.00	
MPS	2013	RM 100,000.00	RM 3,272,000.00
	2014	RM 2,172,000.00	
	2015	RM1,000,000.00	
MPKj	2013	RM 2,300,000.00	RM 4,500,000.00
	2014	RM 900,000.00	
	2015	RM 1,300,000.00	

MPSp	2013	RM 100,799.00	RM 748,585.00
	2014	RM 59,595.00	
	2015	RM 588,191.00	
MDKL	2013	TIADA	TIADA
	2014	TIADA	
	2015	TIADA	
MDHS	2013	RM 80,000.00	RM 620,000.00
	2014	RM 210,000.00	
	2015	RM 330,000.00	
MDKS	2013	TIADA	RM517,873.45
	2014	RM517,873.45	
	2015	TIADA	
MDSB	2013	TIADA	TIADA
	2014	TIADA	
	2015	TIADA	
JUMLAH KESELURUHAN			RM 79,912,867.31

- b) Berikut adalah senarai perbelanjaan untuk pengurusan cerun bukit DUN Teratai dalam tahun 2013-2015 :

PBT	TAHUN	PERBELANJAAN DALAM PERKARA PENGURUSAN CERUN BUKIT
MPAJ (DUN TERATAI)	2013	RM 1,000,348.75 (37 KERJA)
	2014	RM 844,700.00 (38 KERJA)
	2015	RM 10,651,632.32 (21 KERJA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : MARRIS

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang telah di salurkan kepada JKR, Pejabat Tanah, PBT dan DUN bagi tahun 2014 dan 2015.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS yang telah disalurkan kepada Agensi Pelaksana pada Tahun 2014 dan 2015 (setakat 21 Oktober 2015) adalah seperti perincian berikut:-

AGENSI PELAKSANA	2014		2015*	
	SILING (RM)	PERUNTUKAN TELAH SALUR (RM)	SILING (RM)	PERUNTUKAN TELAH SALUR (RM)
Jabatan Kerja Raya	164,273,875.75	162,147,969.09	162,253,858.06	160,434,524.56
Pejabat Tanah dan Daerah	11,800,000.00	9,796,370.02	9,999,000.00	9,999,000.00
Pihak Berkuasa Tempatan	384,142,110.97	376,030,434.04	493,621,695.36	355,955,524.62
JUMLAH	560,215,986.72	547,974,773.15	665,874,553.42	526,389,049.18
PERATUS (%)	100.00	97.81	100.00	79.00

Nota:

1. * Setakat 21 Oktober 2015.
2. Peruntukan MARRIS mengikut Kawasan Dewan Negeri (DUN) disalur melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : GERAN PINDAH MILIK DI TANGGUH LAMA PEMOHON INTRADA
COMPANY S/B**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Tetuan Intrada Company Sdn Bhd yang memohon geran pindah milik ditangguh lama? Sila nyatakan sebab yang munasabah. (pindah milik tapak Lot No. 20, Jalan 4, Kawasan Perindustrian Pekan Banting, Daerah Kuala Langat) No. hakmilik PN54722 No. Lot PT: 963 (Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat: No. Fail PTK.LGT D5/253/AS/2011); No. Rujukan PKNS: (42)PKNS /BT/IND/2/89

JAWAPAN:

- a) Semakan telah dibuat di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan mendapati bahawa :
1. Hakmilik masih didaftarkan di atas nama PKNS; dan
 2. Tiada permohonan pindahmilik yang diterima daripada PKNS kepada Tetuan Intrada Company Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PELUMBA HARAM BELIA REMAJA

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara yang terbaik untuk mengatasi masalah perlumbaan haram terutama belia remaja di Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat maklum keinginan sebahagian jiwa remaja yang meminati sukan dan aktiviti lasak seperti perlumbaan motosikal. Kerajaan Negeri sangat meraikan semua anak muda yang meminati aktiviti lasak dan lumba motor. Usaha meraikan ini telah diterjemahkan apabila Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus pada tahun 2015 sebanyak RM200,000.00 telah diperuntukkan kepada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bagi menaiktaraf Litar Lumba Rakyat di Kompleks Kuala Selangor bagi menggalakkan penglibatan golongan belia remaja secara sihat dalam aktiviti sukan permotoran. Setelah dinaiktaraf Litar Lumba ini telah dibuka setiap minggu untuk digunakan oleh anak-anak muda yang mempunyai minat mendalam dalam perlumbaan permotoran. Seterusnya, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Petronas Cubprix akan mengadakan program Petronas Cubprix AAM Malaysian Cubprix Championship bertujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan belia remaja dalam aktiviti sukan permotoran. Dengan adanya program-program seumpama ini, Kerajaan Negeri berharap kes-kes lumba haram terutamanya di kalangan belia remaja di Negeri Selangor dapat diatasi dengan jayanya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BANGUNAN DI PEKAN KUALA KUBU BHARU

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status permohonan Balai Bomba Lama di Pekan Kuala Kubu Bharu sebagai *Tourist Information Centre* (TIC) selepas lawatan Y.B. Menteri Pelancongan.
- b) Nyatakan status permohonan peruntukan Kementerian Pelancongan untuk mengecat semula bangunan lama yang siap dibina pada tahun 1930 di pekan Kuala Kubu Bharu sepertimana dicadangkan oleh YB Menteri Pelancongan.
- c) Nyatakan langkah yang telah dilakukan untuk Pekan Kuala Kubu Bharu diiktiraf sebagai tapak warisan.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah menyediakan dokumen rasmi, *projek brief*, dan permohonan peruntukan secara rasmi telah diberikan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, melalui satu perjumpaan rasmi antara pihak Tourism Selangor bersama Setiausaha Bahagian Pembangunan, pada 02 Oktober 2015 untuk pertimbangan sewajarnya di dalam Program Rancangan Malaysia Ke-11.

Setelah pembentangan dibuat, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia membuat kesimpulan bahawa pihak Kementerian akan mempertimbangkan lima (5) permohonan peruntukan terhadap produk pelancongan, termasuk menaiktaraf dan penyediaan kemudahan (TIC) di Bangunan Balai Bomba Lama, Pekan Kuala Kubu Bharu, yang amat berpotensi untuk menarik pelancong yang lebih ramai termasuk pelancong luar negara. Ianya perlu dikemukakan semula kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bagi tujuan penilaian semula. Pembentangan kedua akan dibuat semula bersama Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pelancongan dan kebudayaan Malaysia dalam waktu yang terdekat.

- b) Seperti projek menaiktaraf dan penyediaan kemudahan (TIC) di Bangunan Balai Bomba Lama, projek mengecat semula bangunan lama yang siap dibina pada

tahun 1930 di pekan Kuala Kubu Bharu ini juga telah tersenarai di dalam permohonan projek pembangunan untuk menaiktaraf Bandar Kuala Kubu Bharu. Permohonan rasmi ini telah diberikan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, melalui satu perjumpaan rasmi antara pihak Tourism Selangor bersama Setiausaha Bahagian Pembangunan, pada 2 Oktober 2015 untuk pertimbangan sewajarnya di dalam Program Rancangan Malaysia Ke-11. Pihak Tourism Selangor juga sedang mengambil tindakan untuk pembentangan kedua yang akan diadakan bersama KSU Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

- c) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah memulakan kajian berkaitan sejarah Bandar Kuala Kubu Bharu dan inventori bangunan sebelum perang (*Pre-War*) dan inventori pokok bagi penyediaan laporan bagi mendaftarkan Bandar Kuala Kubu Bharu di dalam Senarai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005; Akta 645.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
PERINDUSTRIAN**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *core business Standco* ini?
- b) Gariskan KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014.
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bidang tugas *Standco* ini adalah;-
 - i. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelaburan dan Perindustrian sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi merangka program-program tahunan jawatankuasa untuk dilaksanakan;
 - ii. Menggubal dasar dan strategi pelaburan dan perindustrian Negeri Selangor;
 - iii. Menilai program promosi pelaburan negeri dan menetapkan program promosi sesuai dengan keperluan semasa dan arah aliran masa depan;
 - iv. Merancang program pembangunan kawasan perindustrian negeri;
 - v. Mengesan pelaksanaan program pelaburan dan perindustrian dan memutuskan langkah-langkah yang sesuai;
 - vi. Membincangkan isu-isu berkaitan pelaburan dan perindustrian untuk diselesaikan di peringkat jawatankuasa; dan
 - vii. Lain-lain tugas yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- b) KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut;-

Perkara	KPI 2013		KPI 2014	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Sasaran Pelaburan (RM)	5 – 6 Bilion	9.833 Bilion	6 - 8 Bilion	7.042 Bilion

Peraksanaan Program	31	29	82	78
Bilangan Mesyuarat	3	3	3	3

- c) KPI yang gagal memenuhi sasarannya adalah dari segi pelaksanaan program di mana terdapat beberapa program tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan masa dan ketidaksesuaian program pada masa tersebut. Antara program-program yang tidak dapat dilaksanakan seperti berikut;-

Program-program Yang Tidak Dapat Dilaksanakan Bagi tahun 2013 dan 2014

Bil.	Program	Objektif	Status
Tahun 2013			
1.	<i>Special Hi-Tea With Group Of Investors</i> <ul style="list-style-type: none"> • Singapore • Australia • United Kingdom • Taiwan 	Menjadi landasan bagi industri menyampaikan isu / permasalahan yang dihadapi.	Tunda
2.	<i>Cocktail Hi-Tea With Existing MNC Expand in 2012</i>	Majlis penghargaan kepada pelabur yang menambah pelaburan di Negeri Selangor	Tunda
Tahun 2014			
1.	Misi Penggalakan Pelaburan Ke Luar Negara: <ol style="list-style-type: none"> 1. Eropah <ul style="list-style-type: none"> ○ Switzerland & Italy ○ Germany & Netherland ○ Belgium & Germany 2. United State of America 3. Asia Tenggara <ul style="list-style-type: none"> ○ Philippines 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dalam misi penggalakan pelaburan anjuran MIDA. • Misi penggalakan pelaburan anjuran SSIC dan diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar / EXCO. • Menarik para pelabur dari 	Tanggung

	<ul style="list-style-type: none"> ○ Thailand 	<p>negara-negara yang dilawati.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempromosi Selangor sebagai pusat perindustrian. • Mengeratkan jalinan kerjasama dan menambah <i>Networking</i> 	
2.	Mesyuarat Selangor PEMUDAH	Membincangkan isu-isu keberkesanan sistem penyampaian (<i>delivery system</i>) dan polisi-polisi kerajaan berkaitan pembangunan perindustrian, perumahan dan perdagangan.	Tangguh
3.	<i>Annual Networking Meeting with FMM Selangor</i>	Menjalinkan hubungan bersama dan merangka program pada masa akan datang.	Tangguh
4.	<i>Luncheon With Foreign Embassies & Business Chamber Of Commerce</i>	Menjalinkan hubungan baik di antara pihak Kerajaan Negeri dengan dewan perniagaan.	Tangguh

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : STRATEGI MEMBASMI KEMISKINAN DI SELANGOR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi membasmi kemiskinan rakyat kerajaan yang boleh dimanfaatkan oleh ADN?
- b) Apakah tindakan khusus Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hidup rakyat miskin yang sekarang terkesan dengan cukai GST?
- c) Sila bekalkan kajian terkini trend kemiskinan dan faktor penyebab.

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, fokus dan tumpuan Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Dengan adanya pelbagai program pembasmian kemiskinan ini, ianya diharap berupaya mengurangkan kadar kemiskinan melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belenggu kemiskinan.

Justeru itu, selaku agen kepada Kerajaan Negeri, pihak Ahli-ahli Dewan Negeri (ADN) perlu memainkan peranan penting serta bertindak secara proaktif dalam membuat hebahan dan makluman kepada rakyat berhubung pelaksanaan program-program bantuan yang disediakan. Ini bagi membolehkan setiap manfaat yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dapat dinikmati oleh golongan sasaran secara saksama tanpa mengira gender, etnik dan latar belakang. Secara tidak langsung, ianya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

- b) Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) merupakan cukai kepenggunaan berasaskan konsep nilai tambah. GST dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantaian pembekalan

termasuk pengimportan barang dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, pelaksanaan GST ini didapati memberi kesan/ impak terhadap kehidupan seharian bagi semua lapisan masyarakat secara amnya dan golongan berpendapatan rendah dan miskin khususnya. Akibatnya, kuasa membeli rakyat semakin berkurang disebabkan rakyat sendiri yang perlu menanggung beban kos sara hidup susulan yang semakin meningkat susulan kenaikan harga barang secara mendadak kesan daripada pelaksanaan GST.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan untuk Rakyat Miskin Bersempena *Back to School*.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) serta Jabatan/ Agensi turut menyokong/ mendokong matlamat utama Kerajaan Negeri untuk bersama-sama membasmi kemiskinan secara total dan efektif melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin membantu rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu, Program Skim

Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan pelbagai lagi. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, di mana ianya merupakan program mikro kredit yang dijangka berupaya meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor serta melebarkan golongan kelas menengah.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, ianya diharap akan menghasilkan impak positif dan berkesan secara berterusan kepada golongan sasaran serta akhirnya berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Selain itu, pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan ini juga dilihat secara tidak langsung dapat mengurangkan bebanan rakyat terhadap pelaksanaan GST.

- c) Berdasarkan *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014. Secara ringkasnya, laporan ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Negeri Selangor semakin menurun serta ianya adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telahpun mengambil inisiatif mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi. Untuk mencapai hasrat ini, satu perangkaan umum berhubung statistik kemiskinan Negeri Selangor mengikut daerah dan kaum perlu diwujudkan serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini pula perlu dimuktamadkan.

Oleh yang demikian, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian bermula pada Mac 2015 hingga Mac 2016.

Kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif, mengenalpasti jumlah sebenar penduduk miskin serta memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah

tepat kepada golongan sasar yang benar-benar memerlukan. Manfaat yang diperolehi melalui program-program bantuan ini membolehkan serta memastikan peluang ekonomi dinikmati secara saksama oleh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya maju.

**Maklumat tambahan:*

Jadual Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri bagi tahun 1970 hingga 2014 daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT ETNIK, STRATA DAN NEGERI BAGI TAHUN 1970 - 2014

Jadual 5.6: Insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970 - 2014

Table 5.6: Incidence of poverty by ethnic group, strata and state, Malaysia, 1970 - 2014

	(%)															
	1970*	1976	1979	1984	1987	1989**	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6
Kumpulan etnik/ Ethnic group																
Bumiputera	64.8	46.4*	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8
Cina / Chinese	26.0	17.4*	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India / Indians	39.2	27.3*	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6
Lain - lain / Others	44.8	33.8*	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9
Strata																
Bandar / Urban	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3
Luar Bandar / Rural	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	12.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6
Negeri/State																
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.2	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.5	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.7	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.4	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.7	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.7	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	16.5	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.3	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0



Nota/Note:

* Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja / Refers to Peninsular Malaysia only

** Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia / Starting 1989, data is based on Malaysian citizens

- Tiada kes / No cases

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENDERAAN DAN PEMERDAGANGAN KANAK-KANAK

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes penderaan dan pemerdagangan kanak-kanak yang berlaku di Selangor dari tahun 2013-2015?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengekang kes penderaan dan pemerdagangan kanak-kanak di Selangor dari terus meningkat?

JAWAPAN:

POLIS DIRAJA MALAYSIA

- a) Statistik kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di Selangor bagi tahun 2013 adalah sebanyak **70** kes telah dicatatkan manakala pada tahun 2014 sebanyak **100** kes telah dicatatkan dalam kes penderaan kanak-kanak. Untuk tahun 2015 telah mencatatkan sebanyak **70** kes penderaan kanak-kanak bagi tempoh Januari – September 2015. Berikut adalah statistik kes penderaan kanak-kanak bagi Kontinjen Selangor.

PERKARA / TAHUN	2013	2014	2015 (JAN – SEPT)
JUMLAH KES	70	10	70

Statistik kes pemerdagangan kanak-kanak yang berlaku di Selangor bagi tahun 2013 – 2014 tiada kes pemerdagangan yang dicatatkan manakala pada tahun 2015 tempoh bulan Januari - 15 Oktober terdapat **3** kes pemerdagangan kanak-kanak. Berikut adalah statistik kes pemerdagangan kanak-kanak bagi Kontinjen Selangor.

PERKARA / TAHUN	2013	2014	2015 (JAN – 15 OKT)
JUMLAH KES	0	0	3

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

- a) Berdasarkan statistik di Jadual 1, jumlah keseluruhan kes penderaan kanak-kanak bagi tahun 2013 sehingga Ogos 2015 di Negeri Selangor adalah sebanyak **3,424 kes**.

Jadual 1 : Bilangan Kes Penderaan Mengikut Daerah Bagi Tahun 2013 – 2015 (Sehingga Ogos)

Daerah	2013		2014		Jan. - Ogos 2015	
	L	P	L	P	L	P
Petaling	73	122	93	137	91	91
Subang Jaya	50	61	57	76	27	49
Shah Alam	30	77	36	60	33	44
Gombak	58	111	84	107	66	111
Hulu Langat	60	115	81	123	73	101
Klang	71	118	76	124	83	113
Hulu Selangor	5	2	9	8	6	8
Sabak Bernam	2	3	1	4	1	6
Kuala Selangor	37	72	32	49	32	53
Sepang	17	19	11	23	3	3
Kuala Langat	10	29	16	48	6	27
JUMLAH	413	729	496	759	421	606
JUMLAH KESELURUHAN	1,142		1,255		1,027	

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

Bagi kes pemerdagangan kanak-kanak, JKM bertanggungjawab untuk menyediakan laporan sosial kanak-kanak yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan seperti mana dipohon oleh PDRM untuk dibicarakan di Mahkamah. Selain itu JKM turut berperanan untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang diperdagangkan dengan menempatkan mereka di Rumah Perlindungan yang disediakan. Statistik kes pemerdagangan kanak-kanak melalui penyediaan laporan sosial yang dipohon oleh PDRM adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Statistik Kes Pemerdagangan Kanak-Kanak Bagi Tahun 2013 – 2015 (sehingga Ogos) di Negeri Selangor

Tahun	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
2013	5	16
2014	5	27
2015 (Jan – Ogos)	3	23
JUMLAH	13	66

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

- b) Bagi mengekang kes penderaan kanak-kanak dari terus meningkat, Kerajaan Negeri melalui JKM telah melaksanakan beberapa usaha menangani kes penderaan dan pemerdagangan kanak-kanak seperti berikut:

i. Menyebarluaskan Perkhidmatan Talian Kasih 15999

Talian ini yang beroperasi 24 jam sehari boleh memberi perkhidmatan lebih mudah, pantas dan berkesan kepada orang ramai. Melalui talian ini masyarakat boleh melapor, mengadu, merujuk, memohon bantuan dan khidmat nasihat mengenai perkhidmatan JKM termasuk untuk kanak-kanak yang didera.

ii. Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) diwujudkan bertujuan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Sehingga kini terdapat 11 buah PPKK di negeri Selangor. Manakala terdapat sebanyak 17 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang berfungsi untuk melaksanakan program advokasi dan pencegahan seperti seminar, kelas tuisyen, bengkel, motivasi, bimbingan serta kaunseling.

iii. Perkhidmatan Kaunseling

JKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat serta kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak sebagai salah satu usaha sokongan kekeluargaan.

iv. Penubuhan Taska Komuniti@Taska 1Malaysia

Taska Komuniti@Taska 1Malaysia adalah salah satu usaha JKM untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah mendapat jagaan yang selamat semasa ibu bapa keluar bekerja. Kanak-kanak ini akan lebih selamat dan mendapat penjagaan yang berkualiti di Taska ini. Sehingga kini terdapat 7 buah Taska Komuniti yang telah ditubuhkan di bawah oleh JKMN Selangor.

v. *Childline*

Childline telah diwujudkan sebagai perkhidmatan telefon khas untuk kanak-kanak untuk mereka menyalurkan sebarang pertanyaan, laporan dan aduan mengenai diri kanak-kanak.

vi. Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)

Pelan ini memberi penekanan terhadap kepentingan kerjasama pintar di semua peringkat seperti agensi kerajaan, NGO dan masyarakat bagi menyokong kerajaan dalam menangani isu pemerdagangan orang khususnya kanak-kanak melalui program-program kesedaran awam.

vii. Penubuhan Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Kanak-Kanak

Rumah Perlindungan disediakan untuk menempatkan kanak-kanak yang disyaki dan dikenalpasti mangsa pemerdagangan orang sehingga mereka dihantar balik ke negara asal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN TERHADAP KONSESI TOL LEBUH RAYA

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan PBT yang telah mengutip cukai taksiran daripada setiap konsesi tol lebuhraya?
- b) Berapakah jumlah pungutan cukai yang telah pihak PBT terima sepanjang 2013 - 2014?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai PBT yang telah mengutip Cukai Taksiran daripada setiap konsesi tol lebuhraya:

PBT	NAMA KONSESI LEBUHRAYA
MBSA	PLUS,GUTHRIE,LKSA,KESAS
MBPJ	PLUS
MPK	SHAHPADU
MPAJ	Tiada Konsesi
MPSJ	LITRAK, BESRAYA, KESAS, PLUS
MPS	LATAR
MPKj	SAGA, PLUS, SILK, LEKAS
MPSp	MEX, SKVE, PLUS
MDKS	LATAR , GUTHRIE
MDHS	Tiada Konsesi
MDKL	PLUS, SKVE
MDSB	Tiada Konsesi

- b) Jumlah Pungutan Cukai Taksiran Konsesi Tol yang telah dikutip dari tahun 2013-2014 mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Kutipan Cukai Taksiran Konsesi Tol Tahun 2013	Kutipan Cukai Taksiran Konsesi Tol Tahun 2014
MBSA	192,015.60	192,015.60
MBPJ	417,387.50	417,387.50
MPK	20,160.00	20,160.00
MPAJ	Tiada Konsesi	
MPSJ	139,752.00	139,608.00
MPS	9,849.90	9,849.90
MPKj	96,764.58	96,764.58
MPSp	117,247.20	117,247.20
MDKS	33,183.60	33,183.60
MDHS	Tiada Konsesi	
MDKL	12,620.40	36,683.40
MDSB	Tiada Konsesi	
JUMLAH	1,038,980.78	1,062,899.78

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PERANAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR
(PKPS)**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmanakah keberkesanan peranan PKPS dalam membantu petani di Selangor?
- b) Apakah perancangan PKPS untuk memastikan pertanian di Selangor bertambah maju?

JAWAPAN:

- a) PKPS membantu melalui penyediaan kemudahan tanah untuk menjalankan projek dan ruang pemasaran bagi memasarkan hasil keluaran mereka secara terus kepada pengguna.

Sehingga kini, PKPS telah menyewa / memajak tanah seluas 432.64 hektar kepada para petani dan penternak seperti berikut :

Bil	Bidang	Keluasan (Hektar)
1.	Pertanian	315.16
2.	Penternakan Ikan	57.13
3.	Penternakan Ayam	50.00
4.	Penternakan Lembu	10.35
	Jumlah	432.64

Bagi aktiviti pemasaran, PKPS menyediakan ruang niaga di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan dalam bentuk sewaan. Pada ketika ini, jumlah lot niaga adalah sebanyak 311 lot.

Hasil usaha PKPS ini dapat membantu petani-petani/penternak-penternak untuk memulakan projek yang mampu meningkatkan pendapatan mereka, memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk-penduduk tempatan dan menambah bekalan hasil pertanian di pasaran domestik.

- b) Di antara perancangan PKPS untuk memastikan pertanian di Selangor bertambah maju adalah seperti berikut :
 - i) **Penambahan Keluasan Ladang PKPS**

PKPS mempunyai keluasan tanaman kelapa sawit berkeluasan 5,115 hektar yang merangkumi kawasan di sekitar Selangor, Kelantan dan Sabah. Peningkatan pengeluaran buah sawit daripada 63,000 tan (2014) kepada 73,000 tan (2015) melalui amalan perladangan baik.

PKPS bercadang menambahkan keluasan penanaman kelapa sawit dengan cara memohon tanah dari kerajaan negeri dan membeli ladang sawit di luar negeri Selangor.

ii) Pembinaan Kilang Sawit PKPS

PKPS juga dalam perancangan untuk membina kilang kelapa sawit di Mukim Sungai Panjang. Kilang ini dijangka dibina pada tahun 2018. Pembinaan kilang ini dapat memberi manfaat kepada pekebun / pengusaha luar yang berhampiran kerana mereka tidak perlu menghantar buah tandan segar (BTS) ke kilang-kilang di selatan Perak. Dengan itu, kos pengangkutan akan menjadi lebih rendah dan tiada penipuan dari timbangan buah dan perahan minyak yang bersesuaian.

iii) Menambah Rumah Ternakan Ayam

Pada tahun 2016, PKPS merancang untuk menambah rumah ternakan ayam di Sungai Panjang yang boleh menampung 200,000 ekor ayam. Pada masa kini, 4 unit rumah ternakan ayam yang terletak di Mukim Ulu Tinggi hanya dapat menampung 100,000 ekor ayam untuk 1 pusingan.

iv) Membina Rumah Sembelihan Ayam

Rumah Sembelihan Ayam dijangka akan siap dibina pada tahun 2017. Rumah ini dapat menampung kapasiti sembelihan maksimum sebanyak 50,000 ekor / hari. Walau bagaimanapun, PKPS bercadang akan beroperasi pada kapasiti 20,000 ekor / hari untuk operasi permulaan. Ianya menunjukkan PKPS masih memerlukan ayam hidup sebanyak 520,000 ekor sebulan. Penternak-penternak ayam tempatan boleh membekalkan ayam hidup kepada PKPS bagi tujuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERHENTIAN BAS SHAH ALAM

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan perhentian bas Shah Alam?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan pembinaan siap mengikut jadual?

JAWAPAN:

- a) Status terkini pembinaan Cadangan Membina Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Bas dan Teksi Di Tapak Hentian Bas Sedia Ada Di Atas Lot No. 3 & 5, Jalan Jenulung 17/21, Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam:
 - i. Status terkini di tapak adalah sebanyak 58%, telah berlaku kelewatan sebanyak 37% (184 hari)
 - ii. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa (EOT) dan telah diluluskan sebanyak 135 hari iaitu sehingga 28.10.2015
 - iii. Kebenaran bagi kerja melebihi masa yang ditetapkan telah diberikan bagi mempercepatkan proses penyiapan HAB ini. Kerja-kerja pembinaan dibenarkan pada hari Isnin - Sabtu, Jam 8 pagi hingga 12 malam, pada hari Ahad dan cuti umum dari jam 8 pagi hingga 6 petang.
- b) Usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan kerja-kerja disiapkan mengikut jadual adalah seperti berikut :
 - i. Memberi kebenaran kerja lebih masa kepada pihak kontraktor.
 - ii. Mengarahkan Kontraktor untuk mengemukakan laporan perancangan kerja secara terperinci dan pemantauan lebih ketat.
 - iii. Mengadakan mesyuarat- mesyuarat tapak dua (2) kali setiap bulan dan mesyuarat penyelarasan bersama pihak pengurusan MBSA bagi mengenalpasti masalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PINJAMAN PERUMAHAN RAKYAT BUKIT BOTAK (PPRBB)

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini peminjam bagi PPRBB melalui Maybank Shah Alam yang bermasalah?
- b) Adakah Kerajaan Negeri membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka?

JAWAPAN:

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

- a) Perjanjian "Rumah Selangorku" di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Maybank Islamic Berhad telah ditandatangani pada 27 Ogos 2015. Sebanyak 120 nama peserta Bukit Botak (Taman Selayang Mutiara) telah dikemukakan kepada Maybank Islamic Berhad Shah Alam melalui pejabat Y.B. EXCO (Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani). Pada 16 dan 17 Mac 2015, pihak Maybank telah memanggil peserta-peserta tersebut untuk menyertai tawaran skim pinjaman ini di Maybank Shah Alam. Daripada seramai 120 permohonan, sebanyak 77 pemohon (64%) telah dikenalpasti lulus pada dasarnya. Pihak Maybank dalam peringkat terakhir proses mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon-pemohon yang berjaya.
- b) Kerajaan Negeri telah membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi melalui Skim Danasel memandangkan peserta-peserta Bukit Botak (Taman Selayang Mutiara) yang memohon kemudahan pinjaman ini terdiri daripada mereka yang telah gagal mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan kerana tidak memenuhi syarat-syarat pinjaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : STATISTIK PENGANGGURAN

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan statistik terkini pengangguran di Selangor pada tahun 2015 mengikut sektor dan daerah.

JAWAPAN:

- a) Tiada statistik pengangguran secara khusus di Negeri Selangor. Namun demikian, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2014, kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2012 ialah 3.0%, meningkat pada tahun 2013 pada kadar 3.1% dan menurun kepada 2.9% pada tahun 2014. Berdasarkan keadaan ekonomi semasa, diunjurkan bahawa kadar pengangguran di Malaysia akan meningkat kepada 3%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KAWASAN PELANCONGAN BARU

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kawasan pelancongan baru yang wujud di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri menaiktaraf beberapa kawasan lombong lama di sekitar Selangor sebagai kawasan pelancongan seperti Paya Indah *Wetland*, Dengkil?

JAWAPAN:

- a) Antara kawasan pelancongan baru yang wujud di Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:

1. Mitsui Outlet Store, Sepang
2. District 21, IOI City Mall, Sepang
3. Jump Street KL, Petaling Jaya
4. E-Nerz Extreme Park, Subang Jaya
5. Orange Hotel, Kota Kemuning
6. Sri Mahamariamman Midlands Temple, Seksyen 7, Shah Alam
7. Four Points by Sheraton, Puchong
8. IDCC, Shah Alam
9. Kuala Selangor Rabbit Farm, Bukit Melawati, Kuala Selangor
10. A+ Boutique Hotel, Sekinchan
11. Rumah Amma, Sekinchan
12. Sekinchan Classic Car, Sekinchan
13. One City Hotel, USJ Subang
14. One City Mall, USJ Subang
15. The Place, USJ Subang
16. Oasis Square, Ara Damansara

- b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Tourism Selangor telah merancang pelbagai program untuk membangunkan dan menaiktaraf beberapa kawasan tinggalan lombong di sekitar Selangor untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan. Antara usaha yang telah dijalankan melalui Tourism Selangor ialah:

1. **Lawatan Produk.** Lawatan Produk ini dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Produk Tourism Selangor dengan kerjasama Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Tourism Malaysia Selangor, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Selangor, yang diadakan pada setiap bulan untuk melawat tempat-tempat menarik yang ada di Negeri Selangor yang berpotensi dijadikan dan dibangunkan sebagai pusat pelancongan. Melalui lawatan produk ini, pelbagai agenda dan perkara yang dibincangkan antaranya status tanah, lesen perniagaan pengendalian pelancongan, kemudahan infrastruktur, aspek keselamatan, nilai komersial, pelan pemasaran dan sebagainya. Dengan adanya lawatan ini, pelbagai masalah dalaman dapat dirungkaikan dan diselesaikan bersama bagi membangunkan kawasan yang berpotensi menjadi tempat pelancongan.

2. Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk **Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992**. Kementerian menguatkuasakan akta-akta dan peraturan berikut :
 - Akta Industri Pelancongan 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institutsi Latihan Pelancongan) 1994;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompauan Kesalahan-Kesalahan) 1992;
 - Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999; dan
 - Peraturan-Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.
3. **Kajian, dokumentasi dan publisiti.** Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri turut menjalankan beberapa kajian dan dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan negeri.

Walau bagaimanapun, bagi menjalankan sesuatu kajian atau dokumentasi, Kerajaan Negeri buat masa ini hanya memberi keutamaan kepada produk-produk pelancongan yang difikirkan berpotensi untuk diangkat sebagai produk utama pelancongan negeri serta bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Terdapat beberapa PBT yang telah berusaha untuk membangunkan kawasan-kawasan lombong ini seperti:

- i) MPS : Lombong Arang Batu, Batu Arang

ii) MPSP : Lombong Timah Langat dan Selangor Dredging

Kedua-dua PBT ini sedang memperhalusi kertas-kertas kerja ini untuk diangkat Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan Daerah bagi tindakan yang seterusnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : DANA MIMBAR

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah MIMBAR telah menggunakan sepenuhnya peruntukan RM40 juta yang dijanjikan dalam pembentangan bajet 2015?
- b) Senaraikan penerima MIMBAR yang telah mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka dan keluar daripada PGK.
- c) Adakah peruntukan ini akan ditambah pada tahun 2016?

JAWAPAN:

- a) Sejak penubuhan MIMBAR hingga kini dana yang telah diterima adalah sebanyak RM16,822,848.95.00 daripada peruntukan asal RM20,000,000.00. Manakala peruntukan tambahan dalam bajet 2015 sebanyak RM 20,000,000.00 masih belum diterima.

MIMBAR Selangor telah ditambahbaik dan dijenamakan semula kepada Program Hijrah Selangor. Oleh kerana itu, segala aktiviti pengeluaran pinjaman Program MIMBAR telah dihentikan. Mana-mana peserta yang mempunyai kredit disiplin yang baik akan ditawarkan pinjaman Program Hijrah Selangor.

- b) Tiada lagi sebarang kajian impak yang dilaksanakan samada di pihak Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor atau Kerajaan Negeri untuk melihat kejayaan atau keberkesanan Program MIMBAR Selangor
- c) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KAJIAN KADAR KEMISKINAN

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum Serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)?
- b) Apakah Kerajaan Negeri yakin dengan kredibiliti kajian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana kita sedia maklum, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014. Selain itu, pendapatan isi rumah bulanan purata di Negeri Selangor adalah berjumlah RM8,252.00. Namun begitu, laporan tersebut dilihat tidak menggambarkan kadar kemiskinan yang realistik di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, di atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan secara total dan efektif, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian bermula pada Mac 2015 hingga Mac 2016. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk membuat perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk di Negeri Selangor mengikut daerah dan kaum serta menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor yang terkini.

Sehingga 16 Oktober 2015, instrumen kajian iaitu soal selidik yang inklusif telah dapat diuji dari segi tahap kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Instrumen kajian ini dibina berdasarkan kerangka Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index- MPI*) serta 18 item utama yang diambil berdasarkan analisis perbandingan model PGK. Elemen kesahan dan kebolehpercayaan ini adalah signifikan bagi sesebuah kajian berbentuk akademik kerana ia mendasari ukuran keabsahan sesuatu penyelidikan. Oleh yang demikian, pihak UNISEL dan UTAR telah menguji instrumen ini dengan mendapatkan kesahan kandungan (*content validity*) melalui konsultasi dan laporan dari pakar rujuk serta perolehan nilai *cronbach alpha* melalui perisian SPSS versi 20 untuk pengesahan kebolehpercayaan.

Seramai lapan (8) orang pakar rujuk dalam bidang berkaitan dan berpengalaman dalam kajian kemiskinan yang terdiri daripada pelbagai institusi/ organisasi akademik dan bukan akademik telah dirujuk bagi menilai instrumen dan metodologi kajian. Secara umumnya, ulasan dari pakar rujuk menunjukkan bahawa instrumen yang dibina adalah memenuhi objektif kajian.

Instrumen yang telah dibina ini kemudiannya digunakan di dalam kajian rintis (*pilot test*) yang bertujuan untuk menguji jenis instrumen yang sesuai digunakan bagi mencapai objektif kajian, menentukan ketepatan cara pemilihan persampelan serta menguji tahap kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis (*pilot test*) telah dijalankan selama seminggu, iaitu pada September 2015 serta melibatkan jumlah keseluruhan 100 buah keluarga sebagai responden. Pihak UNISEL telah menjalankan kajian rintis (*pilot test*) di kawasan luar bandar yang melibatkan 50 buah keluarga di Kampung Bestari Jaya. Manakala pihak UTAR pula telah menjalankan kajian rintis (*pilot test*) di kawasan bandar yang melibatkan 50 buah keluarga di kawasan perumahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seksyen 8, Kota Damansara, Petaling Jaya.

Setelah itu, pengumpulan data kajian secara makro akan dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor menggunakan empat (4) kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif dengan jumlah keseluruhan sampel sebanyak 10,000. Pengumpulan data ini akan diselaraskan melalui penubuhan jawatankuasa seperti ketua penyelidik bagi setiap daerah, penyelidik daerah serta dibantu oleh enumerator yang telah dan akan dilatih. Rangka kerja yang tersusun ini adalah signifikan bagi memastikan pengumpulan data yang dijalankan adalah mengikut jadual perancangan kajian serta mencapai objektif dan matlamat kajian.


- b) Asas pembinaan instrumen kajian ini iaitu soal selidik telah dilaksanakan terperinci dengan mengambil kira model PGK daripada pelbagai institusi/ organisasi yang diiktiraf dunia di samping mendapat khidmat nasihat daripada pakar rujuk yang berpengalaman luas di dalam bidang ekonomi dan isu kemiskinan. Analisis perbandingan model PGK ini adalah terdiri daripada pelbagai sumber merangkumi Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Bank Pembangunan Asia (IDB), *United Nation Development Programme* (UNDP), *Organisation of Economic Co-operation and Development* (OECD), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Bank Dunia dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multi-Dimensional Poverty Index -MPI*).

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multi-Dimensional Poverty Index (MPI)*) adalah pendekatan pengukuran kemiskinan relatif yang digunakan sebagai asas pengiraan PGK Negeri Selangor. Instrumen di dalam kajian iaitu soal selidik yang inklusif telah diuji dari segi tahap kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan

(reliability). Instrumen ini telah dibina berdasarkan kerangka Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multi-Dimensional Poverty Index -MPI*) serta 18 item utama yang diambil berdasarkan analisis perbandingan model PGK.

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Global Tahun 2015 (*Global Multidimensional Poverty Index 2015 - MPI*) merupakan pengukuran antarabangsa terhadap masalah kemiskinan yang semakin meruncing meliputi 110 buah negara membangun. MPI melengkapi pengukuran kemiskinan berdasarkan pendapatan bagi pelbagai kekurangan yang dihadapi dalam satu masa.

MPI adalah terdiri daripada tiga (3) dimensi yang merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Ianya menggunakan sepuluh (10) petunjuk/indikator iaitu nutrisi, kadar kematian kanak-kanak, tempoh/ tahun persekolahan, kehadiran persekolahan, bahan api/ minyak masak, penjagaan pembersihan yang lebih baik, minuman air bersih, bekalan elektrik, tingkat/ lantai dan aset. Setiap dimensi diberikan pemberat sebanyak satu pertiga. Pendekatan yang terdiri daripada tiga (3) dimensi dengan sepuluh (10) indikator ini mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (bilangan penduduk yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan dalam populasi tertentu) dan intensiti (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa). Menurut MPI, seseorang/ seisi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi. Berikut merupakan gambarajah bagi mengukur kemiskinan dari pelbagai dimensi (*multidimensional*):-



Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi
(*Multi-Dimensional Poverty Index(MPI)*)

Di Malaysia, secara tradisinya, kemiskinan diukur dalam satu dimensi, iaitu menggunakan PGK. Isi rumah yang tidak mencapai tahap pendapatan tertentu dianggap miskin. Pada tahun 2010, *United Nations Development Programme* (UNDP) telah memperkenalkan MPI dalam *Human Development Report*. Selaras dengan ini, Malaysia juga telah membangunkan pengukuran MPI di peringkat nasional yang bersesuaian dengan kesejahteraan sosioekonomi dan rangka kerja pembangunan negara. Penggunaan MPI akan memastikan pertimbangan sesuatu dasar akan beralih melangkaui isu kemiskinan termasuk isi rumah mudah terjejas. MPI akan melengkapkan PGK bagi mengukur dan memantau kemiskinan dari perspektif pelbagai dimensi.

Sebagai makluman, berdasarkan Rancangan Malaysia Ke 11 (RMKe-11) yang telah disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri pada 21 Mei 2015, MPI turut diperkenalkan dan akan digunapakai di peringkat nasional untuk melengkapkan pengukuran PGK dalam usaha memastikan elemen mudah terjejas dan kualiti hidup diambilkira sebagai pengukuran tambahan kepada pendapatan. MPI akan mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial dan membolehkan analisis berasaskan intensiti, dan seterusnya mengenalpasti keperluan isi rumah berpendapatan rendah dengan lebih jelas.

Selain itu, bagi memastikan instrumen yang digunapakai adalah bersesuaian serta memenuhi objektif dan matlamat kajian, pihak UNISEL dan UTAR telah mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada lapan (8) orang pakar rujuk (*subject matter experts*) daripada pelbagai Institut/Organisasi akademik dan bukan akademik yang berpengalaman luas dalam bidang berkaitan ekonomi dan isu kemiskinan untuk menilai *instrument* kajian. Berikut merupakan senarai pakar rujuk (*subject matter experts*) tersebut:-

BIL.	SENARAI PAKAR RUJUK
1.	YBrs. Prof. Dr. Mansor Bin Mohd. Noor, Ketua Kluster Perpaduan Nasional, Jabatan Perdana Menteri dan Profesor di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia
2.	YBrs. Prof. Dr. Azami Zaharim, Felo Bersekutu Utama Kanan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia
3.	YBrs. Prof. Dr. Barjoyai Bardai Pengarah Program MBA Kewangan Islam Antarabangsa Universiti Tun Abdul Razak

BIL.	SENARAI PAKAR RUJUK
4.	YBrs. Prof. Madya. Dr. Hajah Fatimah Kari Ketua Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya
5.	YBrs. Prof. Madya Dr. Sity Daud Pengerusi Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
6.	Dr. Lee Hwok Aun, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Pembangunan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya
7.	Encik Christopher Choong Weng Wai Ahli Ekonomi/ Pengurus Program UNDP di Malaysia
8.	Profesor Emeritus Dr. Chamsuri Siwar, Profesor Emeritus di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

Oleh yang demikian, berdasarkan penerangan dan justifikasi yang dinyatakan, ini menunjukkan bahawa instrumen dan metodologi yang digunapakai di dalam kajian ini adalah boleh dipercayai serta setanding dengan kaedah yang digunapakai di peringkat nasional dan di peringkat global/ antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri yakin akan kredibiliti dan kewibawaan perunding yang dilantik, iaitu UNISEL dan UTAR dalam menghasilkan kajian yang lengkap, inklusif, mampu memberikan gambaran secara jelas dan tepat berhubung kadar sebenar kemiskinan di Negeri Selangor serta akhirnya dapat menetapkan PGK terkini Negeri Selangor secara relevan dan tepat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMERKASAAN BELIA SELANGOR

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program latihan yang kerajaan negeri ingin laksanakan untuk meningkatkan pendapatan belia di Selangor?
- b) Nyatakan statistik peserta yang berjaya menjana pendapatan sendiri melalui program latihan ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dalam usaha untuk memperkasakan belia Selangor, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai latihan untuk meningkatkan pendapatan belia di Selangor. Di antara program latihan adalah dalam bidang latihan, teknikal dan kemahiran yang dikendalikan oleh INPENS International College. Usaha-usaha ini merupakan bantuan Kerajaan Negeri kepada belia bagi membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan dalam bidang seperti kecantikan, automatik, pendandan rambut, elektrik, elektronik, mekanik motorsikal, sistem komputer dan penyaman udara.

Di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi juga turut menawarkan program jangka pendek bagi membantu golongan belia di Selangor meningkatkan pendapatannya sebagaimana berikut :-

INPENS International College (Tempoh kursus : 2 Hari)	Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) (Tempoh kursus : 1 Hari)
Program Motosikal	Program Pembangunan Usahawan Penjaja Makanan dan Minuman
Program Dandanan Rambut	
Program Penyejukbekuan & Penyamanan Udara	
Program Jahitan	
Program Kecantikan	

Selain itu, terdapat juga penganjuran Program Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi membantu golongan belia menjana pendapatan sendiri seperti program berikut :-

Bil	Program	Jenis Bantuan	Jumlah Usahawan
1	Perintis Usahawan	Bimbingan & Latihan	1,440
2.	Tunas Niaga	Bimbingan & Latihan	19,653
3	Kelab Permata Selangor	Bimbingan & Latihan	11,406
4.	GROW	Bimbingan & Latihan	163
JUMLAH KESELURUHAN USAHAWAN BELIA			32,662

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PASAR MALAM DI NEGERI SELANGOR

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak pasar malam di Negeri Selangor? Mohon senaraikan mengikut PBT.
- b) Berapakah jumlah peniaga di pasar-pasar malam berkenaan mengikut pecahan Bumiputera dan bukan Bumiputera?
- c) Berapa banyakkah anggaran pendapatan/hasil daripada kegiatan pasar malam di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 335 buah pasar malam di Negeri Selangor. Senarai pasar malam mengikut PBT seperti di **Lampiran 1**.

PBT	Bilangan pasar malam
MBSA	29
MBPJ	28
MPK	74
MPAJ	25
MPSJ	20
MPS	45
MPKj	47
MPSp	13
MDKL	17
MDHS	11
MDKS	16
MDSB	10
JUMLAH	335

****Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

Perincian lokasi dan bilangan tapak seperti di perincian **Lampiran 1**.

- b) Jumlah peniaga di pasar-pasar malam adalah sebanyak **37,210** orang peniaga. Pecahan peniaga mengikut Bumiputera adalah sebanyak **28,580** orang manakala bukan Bumiputera berjumlah sebanyak **8,630** orang. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	Jumlah peniaga Bumiputera	Jumlah peniaga bukan Bumiputera
1.	MBSA	2,514	1,676
2.	MBPJ	2,475	1,650
3.	MPK	3659	1,471
4.	MPAJ	3,199	404
5.	MPSJ	1,692	1,047
6.	MPS	8,081	-
7.	MPKj	3,275	811
8.	MPSp	836	233
9.	MDKL	1,181	666
10.	MDHS	700	300
11.	MDKS	700	152
12.	MDSB	268	220
	JUMLAH	28,580	8,630

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- c) Anggaran pendapatan/hasil daripada kegiatan pasar malam di Negeri Selangor berjumlah sebanyak **RM7,755,697.31**. Perincian mengikut PBT adalah seperti di bawah:-

BIL.	PBT	Anggaran pendapatan/hasil daripada kegiatan pasar malam (RM)
1.	MBSA	1,142,560.00
2.	MBPJ	508,768.00
3.	MPK	1,075,832.00
4.	MPAJ	1,200,000.00
5.	MPSJ	482,818.00 (Sehingga Julai 2015)
6.	MPS	686,050.81
7.	MPKj	990,375.50
8.	MPSp	433,000.00
9.	MDKL	559,827.00
10.	MDHS	140,000.00
11.	MDKS	416,466.00
12.	MDSB	120,000.00
	JUMLAH	7,755,697.31

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM**

Bil	Lokasi Pasar Malam	Bilangan Tapak	Bilangan Peniaga	Hari Operasi
1	Pasar Malam Seksyen 6	74	48 48	Selasa Jumaat
2	Pasar Malam Seksyen 16	66	47	Isnin
3	Pasar Malam Seksyen 17	142	98	Selasa
4	Pasar Malam Seksyen 18	84	68	Isnin
5	Pasar Malam Seksyen 19	200	160	Sabtu
6	Pasar Malam Seksyen 24	106	95	Rabu
7	Pasar Malam Seksyen 25	295	187	Jumaat
8	Pasar Malam Seksyen 28	90	75	Isnin
9	Pasar Malam Seksyen 31	80	60	Selasa
10	Pasar Malam Seksyen 34	70	50	Isnin
11	Pasar Malam TTDI Seksyen U2	100	75	Jumaat
12	Pasar Malam Seksyen U5 Subang 2	70	65	Sabtu
13	Pasar Malam Kg Baru Sg Buloh Seksyen U19	436	350	Khamis
14	Pasar Malam Setia Alam Seksyen U13	867	387	Sabtu
15	Pasar Malam Subang Perdana Seksyen U3	350	213	Jumaat
16	Pasar Malam Paya Jaras Seksyen U19 (Beroperasi 3 X Seminggu)	250	624	Selasa Khamis Jumaat
17	Pasar Malam Jalan Kebun Seksyen 30	150	109	Selasa Jumaat
18	Pasar Malam Kg Melayu Subang Tambahan Seks U3	100	53	Khamis
19	Pasar Malam Kg Bukit Naga Seksyen 32	120	74	Jumaat
20	Pasar Malam Kg Sungai Kandis Seksyen 36	120	73	Rabu
21	Pasar Malam Kg Padang Jawa Seksyen 17	160	138	Jumaat
22	Pasar Malam Seksyen 7	150	144	Rabu
23	Pasar Malam Seksyen 20	180	178	Sabtu
24	Pasar Malam Seksyen 27	160	154	Khamis
25	Pasar Malam Kg Bertik Subang Seksyen U6	120	101	Rabu
26	Pasar Malam Kg Melayu Subang Seksyen U6	120	100	Isnin
27	Pasar Malam Mah Sing Seksyen U5	200	186	Rabu
28	Pasar Malam Bandar Baru Sungai Buloh Seksyen U20	200	185	Isnin
29	Pasar Malam Taman Bukit Subang Seksyen U16	50	45	Ahad
	JUMLAH	3467	2932	

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA
PETALING JAYA**

BIL	LOKASI	BIL PETAK	HARI OPERASI
1.	Jalan SS 2/60, SS 2/61 & SS 2/63	605	ISNIN
2.	Kg. Sg. KayuAra 1	175	
3.	Sungai Way, Jalan SS 3/39	237	
4.	PJS 6, Kg. Lindungan	273	
5.	Seksyen 17/1A	312	SELASA
6.	Jalan TSB 9, Sg. Buloh	363	
7.	Jalan SS 3/29, Jalan SS 3/64	249	
8.	LembahSubang, PuteraDamai	133	
9.	Prima Damansara	175	
10.	Taman Sri Manja, PJS 3/36	225	RABU
11.	Seksyen 5, Petaling Garden	38	
12.	Jalan SS 4C, Kelana Jaya	156	
13.	KampungCempaka, Jln PJU 1	142	
14.	PJS 8/4, Sunway Mentari	251	
15.	Taman Medan, Jalan 9	480	KHAMIS
16.	Taman DatoHarun	391	
17.	Jalan SS 2/6, SS 2/10 Chow Yang	473	
18.	Kg. Sg. KayuAra, Jln 5	233	JUMAAT
19.	Seksyen 3, Kota Damansara	133	
20.	Seksyen 51A, Kg. Baiduri	195	
21.	Kg. Sg. KayuAra 2	150	
22.	DamansaraDamai, PJU 10/1	167	SABTU
23.	SS 5A FAM, Kelana Jaya	264	
24.	Taman Medan, Jalan 9	480	AHAD
25.	Seksyen 20/16	396	
26.	Jalan SS 24/8, Taman Megah	256	
27.	Taman Medan	389	
28.	PJS 10/32, Farlim	410	
	JUMLAH KESELURUHAN	7780	

SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN
KLANG

BIL	TEMPAT/ LOKASI
1	TAMAN DATO" BANDAR (MERU SELATAN)
2	BATU 12, JALAN KAPAR, TOK MUDA
3	TAMAN SRI PEKAN
4	JALAN TERUNTUM 5, JALAN MERU
5	KG. MERU (JALAN PAIP)
6	KG. BT 4, JALAN KAPAR
7	BATU 8, KG. BUKIT KAPAR
8	TAMAN KLANG PERDANA
9	TAMAN CEMPAKASARI
10	TAMAN MERU INDAH
11	TAMAN KLANG UTAMA
12	KG. RANTAU PANJANG/ JALAN MUSRAN
13	TAMAN MERU 4
14	TAMAN BUNGA MELOR
15	JALAN SUSUR, JALAN DATO' TAHIR MANAN, TAMAN INTAN KAPAR
16	LORONG SERI KERAYONG 9, TAMANS ERI KERAYONG, KAPAR
17	JALAN RAJA MOKHTAR
18	JALAN LANDASAN, JALAN BUKIT KUDA KLANG
19	JALAN PENGASAH 4, BT. 3 1/2 , JALAN KAPAR
20	JALAN KLUANG
21	LEBUH ENGGANG, TAMAN ENG ANN
22	JALAN KEDAH, OFF JALAN MERU
23	LORNG ANGSA, TAMAN BERKELEY
24	JALAN GUDANG NENAS, KLANG
25	SIMPANG EMPAT, SUNGA UDANG, KLANG
26	TAMAN KANDIS PERMAI
27	JALAN JAMBU BOL/ MENGGUANG KLANG
28	JALAN PELASARI, TMN CHI LIUNG, KLANG
29	TAMAN WANGI
30	JALAN SUNGAI BERTEK
31	LORONG JELUTONG, TAMAN SELATAN, KLANG
32	JALAN PENGHULU ABU BAKAR
33	FLAT SRI BAYU, BAYU PERDANA
34	KAMPUNG DELEK, KLANG
35	TAMAN MAZNAH
36	JALAN SRI SARAWAK 14, TMN SRI ANDALAS
37	TAMAN SETIA, JOHAN SETIA

38	JALAN TUN SAMBANTHAN, TAMAN SRI ANDALAS
39	TAMAN KLANG JAYA
40	JALAN DATO' DAGANG 40, TAMAN SRI SENTOSA
41	JALAN HULUBALANG 26, TMN SENTOSA KLANG
42	DATARAN ERA BANDAR PUTERA, KLANG
43	TAMAN PENDAMAR INDAH, PEL. KLANG
44	KG. PERIGI NENAS, PULAU INDAH
45	JALAN MESRA, TAMAN CHI LIUNG
46	KOTA PENDAMAR, TELOK GONG
47	KELOMPOK CAMAR, BDR SULTAN SULEIMAN
48	KG. TELOK NIPAH, PULAU INDAH
49	KG. NELAYAN TELOK GONG
50	KG. SG. PINANG, LORONG HAJI UMAR, PULAU INDAH
51	PANGSAPURI SRI PERANTAU
52	BANDAR ARMADA PUTRA, PULAU INDAH
53	TAMAN KEM, PEL. KLANG
54	JALAN PETOLA, KG. RAJA UDA, PEL. KLANG
55	BANDAR SULTAN SULAIMAN, PEL. KLANG
56	JALAN TENGAH KASTAM, PEL. KLANG
57	PANDAMARAN JAYA, PEL. KLANG
58	KAMPUNG RAJA UDA
59	JALAN SRI SARAWAK 18, TAMAN SRI ANDALAS
60	LORONG KASAWARI 4, TAMAN ENG ANN KLANG
61	JALAN PENGHULU ABU BAKAR
62	LINTANG DATO TAHIR 1
63	KG. MERU (JALAN PAIP)
64	JALAN SRI SARAWAK 18, TAMAN SRI ANDALAS
65	TAMAN SG. KAPAR INDAH
66	JALAN KHOO KHEK KHENG, KAPAR
67	LORONG KASAWARI 4, TAMAN ENG ANN, KLANG
68	JALAN PAPAN, PANDAMARAN
69	LORONG SEPAT, TELOK PULAI
70	JALAN KEDAH
71	JALAN SERULING, TAMAN KLANG JAYA
72	TAMAN CHI LIUNG
73	FLAT TAMAN CHI LIUNG
74	LORONG SG. PULOH 13

SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN
AMPANG JAYA

PBT	BILANGAN PASAR MALAM
MPAJ	<ol style="list-style-type: none">1. KERAMAT AU32. LEMBAH JAYA3. KERAMAT PERMAI4. CAHAYA INDAH5. TAMAN MELAWATI6. PANDAN JAYA7. PANDAN INDAH8. KG CHERAS BARU9. PANDAN MEWAH10. TMN. MAJU JAYA11. TAMAN SRI WATAN12. UKAY PERDANA13. BANDAR BARU AMPNG14. TASIK TAMBAHAN15. AMPANG MEWAH16. PANDAN INDAH17. TAMAN SERAYA18. KERAMAT AU419. PANDAN INDAH20. TMN. DAGANG21. AMPANG INDAH22. DESA LEMBAH PERMAI23. TAMAN MELOR24. LEMBAH JAYA FLAT25. TAMAN MUDA

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA**

PBT	Lokasi Pasar Malam	Bilangan pasar malam
MPSJ	Pangsapuri Angsana USJ 1	20 Kawasan Pasar Malam
	SS13	
	USJ 1	
	Taman Bt. 3, Shah Alam	
	Putra Heights	
	Taman Puchong Indah	
	Bt.14, Puchong	
	Puchong Utama(JPN)	
	Puchong Prima	
	Taman Perindustrian Kinrara	
	Taman Bukit Kuchai	
	Taman Puncak Jalil	
	Tmn Pinggiran Putra	
	Tmn Universiti Indah	
	Pusat Perdagangan Seri Kembangan	
	Taman Seri Serdang	
	Taman Saujana Puchong	
	Taman Lestari Perdana	
	Serdang Raya	
	Perindustrian Bukit Serdang	

SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NO. FAIL	PASAR MALAM	PENGURUSAN	HARI
ZON 1 (GOMBAK)				
1.	2/2-230	Pasar Malam Batu 6 Gombak Utara	JKP Pn. Norridah (017-6235591)	Rabu
2.	2/2-228	Pasar Malam Taman Greenwood	JKP Tn. Hj Mustafa (012-3135598)	Selasa
3.	2/2-292	Pasar Malam Taman Selasih Fasa 1		Khamis
4.	2/2-232	Pasar Malam Taman Bolton	MPS	Rabu
5.	2/2-757	Pasar Malam Kg. Bahtera	JKP En. Nik (012-6573671)	Khamis
6.	2/2-236	Pasar Malam Taman Sri Gombak (sabtu)	JKP Zairul (019-2705514)	Sabtu
7.	2/2-837	Pasar Malam Taman Sri Gombak (isnin)		Isnin
8.	2/2-231	Pasar Malam Taman Pinggiran Batu Caves		Jumaat
9.	2/2-526	Pasar Malam Gombak Jaya	MPS	Rabu
10.	2/2-233	Pasar Malam Gombak Setia	JKP En. Ismail (012-3808046)	Ahad
11.	2/2-292	Pasar Malam Taman Selasih Fasa 2	JKP Hj. Syamsudin (019-9033130)	Jumaat
12.	2/2-299	Pasar Malam Taman Samudra		Rabu
ZON 2 (SELAYANG)				
1.	2/2-265	Pasar Malam Selayang Utama	JKP En. Zainal (019-2336045)	Rabu
2.	2/2-264	Pasar Malam Selayang Jaya	MPS	Ahad
3.	2/2-267	Pasar Malam Selayang Indah	JKP En. Rafie (013-3528211)	Sabtu
4.	2/2-681	Pasar Malam Selayang Baru	JKP En Husin (019-6157277)	Selasa
5.	2/2-223	Pasar Malam Bandar Baru Selayang	MPS	Khamis
6.	2/2-322	Pasar Malam Prima Selayang	MPS	Rabu
7.	2/2-295	Pasar Malam Taman Bukit Idaman	MPS	Jumaat
8.	2/2-439	Pasar Malam Taman Indah Perdana	MPS	Jumaat
9.	2/2-314	Pasar Malam Taman Daya	MPS	Rabu

10.	2/2-458	Pasar Malam Taman Sri Selayang	JKP En.Kharis (016-2926286)	Ahad
11.	2/2-302	Pasar Malam Taman Ehsan	MPS	Khamis
12.	3/2-5/7	Pasar Malam Desa Jaya	MPS	Isnin
13.	2/2-833	Pasar Malam Taman Jasa	JKP En Syamsul (011-10848722)	Isnin
ZON 3 (KEPONG)				
1.	2/2-414	Pasar Malam Kampung Melayu Sungai Buloh	MPS	Ahad
2.	2/2-429	Pasar Malam Taman KIP	MPS	Sabtu
3.	2/2-656	Pasar Malam Matang Pagar	MPS	Khamis
4.	2/2-428	Pasar Malam Ehsan Jaya	MPS	Selasa
5.	2/2-508	Pasar Malam Kundang Jaya	MPS	Selasa
6.	2/2-424	Pasar Malam Kampung Baru Kundang Jaya	JKP Mr.Jacky (012-3925848)	Jumaat
7.	2/2-447	Pasar Malam Kampung Desa Aman	MPS	Jumaat
8.	2/2-733	Pasar Malam Taman Sri Putra	MPS	Selasa
ZON 4 (RAWANG)				
1.	2/2-461	Pasar Malam Taman Garing Utama	MPS	Khamis
2.	2/2-660	Pasar Malam Rawang Intergeted	MPS	Isnin
3.	2/2-665	Pasar Malam Taman Pelangi	MPS	Jumaat
4.	2/2-364	Pasar Malam Bandar Country Homes	MPS	Ahad
5.	2/2-347	Pasar Malam Taman Bukit Rawang Jaya	MPS	Rabu
6.	2/2-304	Pasar Malam Tun Teja	JKP En. Kamal (017-3414417)	Jumaat
7.	2/2-687	Pasar Malam Sungai Terentang	MPS	Isnin
8.	2/2-688	Pasar Malam Taman Setia Rawang	MPS	Ahad
9.	2/2-545	Pasar Malam Batu Arang	MPS	Khamis
10.	2/2-517	Psr Mlm Bdr Tasik Puteri Jalan 8 A Medan Putri	JKP En. Akram (019-3041123)	Rabu
11.	2/2-664	Psr Mlm Bdr Tsk Puteri Blok 28 Green Squire Green Valley		Jumaat

12.	2/2-685	Pasar Malam Kampung Lee Kim Sai	JKP Ah Hock (012-2232000)	Selasa
-----	---------	---------------------------------	---------------------------	--------

SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN**KAJANG**

PBT	Bilangan pasar malam
MPKj	Taman Seri Nanding (Jumaat)
	Sungai Serai Hulu Langat (Rabu), (Ahad)
	Bandar Tasik Kesuma (Isnin) (Khamis)
	Sek. 1 Bandar Tek. Kajang (Isnin) (Sabtu)
	Sek. 3 Bandar Tek. Kajang (Khamis)
	Bandar Rinching (Isnin)
	Taman Paling Jaya (Rabu)
	Pekan Semenyih (Sabtu)
	Taman Pelangi Semenyih (Ahad)
	Taman Rakan Batu 12 (Isnin)
	Taman Suntex Bt 9, Cheras (Ahad)
	Taman Cuepacs Bt 8 (Selasa)
	Taman Koop Cuepacs Bt 12 (Selasa)
	Bandar Sungai Long (Selasa)
	Taman Segar Perdana (Ahad)
	Bandar Mahkota Cheras (Sabtu)
	Tmn Taming Jaya (Isnin) , (Sabtu)
	Tmn Tun Perak (Selasa)
	Tmn Impian Ehsan (Selasa) , (Khamis)
	Tmn Cheras Perdana (Rabu)
	Tmn Desa Serdang (Rabu)
	Tmn Damai Perdana (Rabu)
	Tmn Megah (Khamis)
	Tmn Indah Bt 11, Cheras (Jumaat)
	Tmn Cheras Jaya (Rabu) , (Ahad)
	Taman Harmoni Indah, Bukit Belimbing Balakong (Rabu) , (Jumaat)
	Sek. 7, B.B.Bangi (Khamis)
Sek. 16, Bdr Baru Bangi (Sabtu) , (Selasa)	
Sek. 4, Bdr Baru Bangi	

	(Rabu) (Jumaat)
	Pekan Bangi (Khamis)
	Bdr Seri Putra (Sabtu) (Selasa)
	Sek. 9, Tmn Ind. Kecil & Sederhana B.B. Bangi (Rabu)
	Bdr Bukit Mahkota, Bangi (Jumaat)
	Tmn Kajang Utama (Ahad), (Rabu)
	Tmn Bukit Mewah (Ahad)
	Desa Jenaris (Ahad)
	Tmn Setia Sg. Chua (Isnin)
	Hentian Kajang (Isnin), (Jumaat)
	Tmn Asa Jaya (Rabu)
	Tmn Jasmin (Khamis)
	Kg Baru Sg. Chua (Khamis)
	Prima Saujana (Khamis)
	Tmn Sri Langat (Selasa)
	Taman Delima (Sabtu)
	Sg. Jelok (Jumaat)
	Taman Kenari, Kajang (Ahad)
	Taman Kajang Perdana (Selasa)

SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN
SEPANG

PBT	Bilangan pasar malam
MPSepang	Pasar Malam Taman Murni
	Pasar Malam Taman Putra Prima
	Pasar Malam Pekan Dengkil
	Pasar Malam Desa Pinggiran Putra
	Pasar Malam Pekan Salak
	Pasar Malam Taman Mas
	Pasar Malam Taman Seroja
	Pasar Malam Taman Murni
	Pasar Malam Taman Putra Perdana 1A
	Pasar Malam Taman Dengkil Jaya
	Pasar Malam Kota Warisan
	Pasar Malam Sg. Pelek
	Pasar Malam Taman Putra Perdana 5D/2

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS DAERAH KUALA
LANGAT**

BIL	NAMA PASAR MALAM / PAGI
1	PASAR MLM SG RAMBAI
2	PASAR MLM BANTING
3	PASAR MLM TG SEPAT
4	PASAR MLM TAMAN DATO HORMAT
5	PASAR MLM TAMAN PAHLAWAN
6	PASAR MLM BSP SP 4/27
7	PASAR MLM TAMAN PERWIRA
8	PASAR MLM TAMAN LANGAT MURNI
9	PASAR MLM BANDAR MAHKOTA
10	PASAR MLM BSP SP 8/1
11	PASAR MLM SG JARUM
12	PASAR PAGI TG SEPAT
13	PASAR MLM TAMAN DATO HORMAT
14	PASAR MLM BSP SP 4/27
15	PASAR PAGI TAMAN PERWIRA
16	PASAR PAGI BANTING
17	PASAR MLM TAMAN SRI PUTRA

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS DAERAH HULU
SELANGOR**

<u>PASAR MALAM DI DAERAH HULU SELANGOR</u>		
BIL	LOKASI TAPAK / TEMPAT	TARIKH / HARI OPERASI
1	KUALA KUBU BHARU	9 & 29
2	BERHADAPAN PEJABAT POS, PEKAN RASA	13 & 24
3	HULU YAM BHARU	6 & 20
4	BATANG KALI	10 & 25
5	JALAN ORKID 1, BUKIT SENTOSA	SETIAP RABU (PERMIT)
6	DESA MELOR, SERENDAH	SETIAP SELASA
7	KALUMPANG	SETIAP JUMAAT
8	KERLING	SETIAP ISNIN
9	ANTARA GAPI, SERENDAH	SETIAP ISNIN
10	JALAN ORKID 1, BUKIT SENTOSA	SABTU (KUPON)
11	TAMAN BUNGA RAYA (MK LAND)	ISNIN (KUPON)

BAYARAN

RM60.00 (Sepetak bagi 6 bulan)	-	KKB, RASA, HULU YAM BHARU DAN BATANG KALI.
RM120.00 (Sepetak bagi 6 bulan)	-	BUKIT SENTOSA(SETIAP RABU), DESA MELOR, KALUMPANG , KERLING DAN ANTARA GAPI.

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR**

PBT	BIL	KAWASAN
MDKS	1	Tanjung Karang
	2	Kuala Selangor
	3	Bandar Baru
	4	Puncak Alam (Sabtu)
	5	Puncak Alam (Rabu)
	6	Saujana Utama
	7	Desa Coalfields
	8	Taman Alam Jaya (Jumaat)
	9	Alam Jaya (Isnin)
	10	Bestari Jaya
	11	Pasir Penambang
	12	Ijok
	13	Bukit Rotan
	14	Tiram Buruk
	15	Jeram
	16	Kampung Kuantan

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS DAERAH SABAK
BERNAM**

PBT	Bilangan pasar malam
MDSB	Pasar Malam Taman Sekinchan Jaya Sekinchan
	Pasar Malam Pekan Pasir Panjang
	Pasar Malam Pekan Sungai Nibong
	Pasar Malam Pekan Simpang Lima
	Pasar Malam Jalan Stadium Sungai Besar
	Pasar Malam Merbau Berdarah Parit 16 Sungai Panjang
	Pasar Malam Pekan Bagan Terap Sungai Besar
	Pasar Malam Dataran Usahawan Sabak Bernam
	Pasar Malam Dataran Tahah Lesen Parit Baru
	Pasar Malam Pekan Bagan Nakhoda Omar
	Pasar Malam Pantai Bagan Nakhoda Omar

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KEGAWATAN EKONOMI

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sektor perindustrian di Selangor akan terjejas sekiranya berlaku kegawatan ekonomi?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengelakkan terjejas sekiranya berlaku kegawatan ekonomi?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebarang tawaran pinjaman diterima oleh DEIG (atau MBI kemudian disalurkan kepada DEIG) dari institusi perbankan dan jika ada, butiran terperinci mengenai pinjaman seperti bilangan fasiliti, jumlah pinjaman, kadar faedah, aset negeri dijadikan cagaran dan terma dan syarat lain.

JAWAPAN:

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") tiada menerima sebarang tawaran pinjaman daripada mana-mana institusi perbankan.

Walau bagaimanapun, anak syarikat milik penuh MBI iaitu Darul Ehsan Investment Group ("DEIG") ada menerima surat tawaran kemudahan fasiliti perbankan berjumlah RM500 juta namun telah ditolak oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI kerana terma-terma yang terkandung di dalam surat tawaran tersebut tidak menjaga kepentingan kewangan dan aset MBI, DEIG mahupun anak syarikat lain yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : HIJRAH

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah penerima HIJRAH mengikut kaum dan jantina berdasarkan pecahan daerah bagi tahun 2008-2015.
- b) Apakah sasaran dan strategi HIJRAH bagi mewujudkan usahawan yang berdaya saing dan inovatif?

JAWAPAN:

- a) Hijrah Selangor telah dilancarkan pada 24 Mac 2015 dan sehingga Oktober 2015, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan pinjaman yang telah diluluskan sehingga Oktober 2015 adalah sebanyak 11,378 orang. Daripada jumlah tersebut 8082 (71%) adalah peserta wanita dan 3296 (29%) adalah lelaki. Kaum Melayu adalah seramai 10,838 (95%), kaum Cina seramai 85 (0.7%), kaum India seramai 415 (4%) dan Bumiputera Sabah Dan Sarawak seramai 40 (0.3%).

ZON	PARLIMEN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
	CAWANGAN KAPAR	154	432	586
	CAWANGAN KLANG	118	184	302
	CAWANGAN KOTA RAJA	131	386	517
	CAWANGAN KUALA SELANGOR	184	540	724
	CAWANGAN SABAK BERNAM	219	498	717
	CAWANGAN SHAH ALAM	107	195	302
	CAWANGAN SUNGAI BESAR	396	598	994
	CAWANGAN TANJUNG KARANG	315	332	647
ZON 1	JUMLAH ZON	1,624	3,165	4,789
	CAWANGAN AMPANG	38	195	233
	CAWANGAN HULU LANGAT	140	496	636
	CAWANGAN KUALA LANGAT	171	491	662
	CAWANGAN PANDAN	66	213	279
	CAWANGAN PUCHONG	84	165	249
	CAWANGAN SEPANG	192	606	798

	CAWANGAN SERDANG	115	288	403
ZON 2	JUMLAH ZON	806	2,454	3,260
	CAWANGAN GOMBAK	65	170	235
	CAWANGAN HULU SELANGOR	183	687	870
	CAWANGAN KELANA JAYA	110	146	256
	CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	45	251	296
	CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	82	124	206
	CAWANGAN SELAYANG	121	416	537
	CAWANGAN SUBANG	260	669	929
ZON 3	JUMLAH ZON	866	2,463	3,329
JUMLAH KESELURUHAN		3,296	8,082	11,378

PECAHAN KAUM

CAWANGAN (PARLIMEN)	MELAYU	CINA	INDIA	BUMIPUTERA SABAH	BUMIPUTERA SARAWAK	JUMLAH
CAWANGAN KAPAR	544	8	34	0	0	586
CAWANGAN KLANG	267	6	28	0	0	302
CAWANGAN KOTA RAJA	415	4	78	19	0	517
CAWANGAN KUALA SELANGOR	684	2	35	0	1	724
CAWANGAN SABAK BERNAM	715	1	0	0	0	717
CAWANGAN SHAH ALAM	290	2	9	1	0	302
CAWANGAN SUNGAI BESAR	986	3	2	0	0	994
CAWANGAN TANJUNG KARANG	640	3	12	0	0	647
JUMLAH ZON	4,541	29	198	20	1	4,789
CAWANGAN AMPANG	233	0	0	0	0	233
CAWANGAN HULU LANGAT	632	4	4	0	1	636
CAWANGAN KUALA LANGAT	601	9	47	1	0	662
CAWANGAN PANDAN	274	4	0	1	0	279
CAWANGAN PUCHONG	235	2	11	1	0	249
CAWANGAN SEPANG	784	1	8	3	1	798
CAWANGAN SERDANG	397	3	2	1	0	403
JUMLAH ZON	3,156	23	72	7	2	3,260
CAWANGAN GOMBAK	234	0	1	0	0	235

CAWANGAN HULU SELANGOR	785	4	79	2	0	870
CAWANGAN KELANA JAYA	225	2	28	1	0	256
CAWANGAN PETALING JAYA UTARA	288	3	0	3	1	296
CAWANGAN PETALING JAYA SELATAN	198	2	5	0	1	206
CAWANGAN SELAYANG	507	18	10	0	1	537
CAWANGAN SUBANG	904	4	22	1	0	929
JUMLAH ZON	3,141	33	145	7	3	3,329
HIJRAH SELANGOR	10,838	85	415	34	6	11,378

b)

- i) Program Hijrah Selangor mensasarkan bilangan usahawan yang menyertai Program Hijrah Selangor seramai 56,000 orang menjelang 2017 iaitu 1000 peserta bagi setiap DUN.

Tahun	Bilangan Peserta	RM Pinjaman
2015	20,724	92,750,246.00
2016	20,000	108,000,000.00
2017	16,000	96,000,000.00
JUMLAH	56,724	296,750,246

- ii) Di antara strategi yang diambil adalah seperti di bawah :
- Mewujudkan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan.
 - Pinjaman HIJRAH SELANGOR berteraskan konsep "Pinjaman Asas Simpanan". Maksudnya, pinjaman yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan.
 - Lebih pulangan akan ditabungkan dalam Tabung HIJRAH SELANGOR, untuk manfaat penjaja dan peniaga kecil secara individu mahupun kelompok.
 - Pengurusan program bertindak meneroka peluang-peluang perniagaan susulan bagi kepentingan dan manfaat usahawan-usahawan HIJRAH SELANGOR melalui penubuhan Koperasi HIJRAH SELANGOR.
 - Mewujudkan rangkaian usahawan yang operasional.
 - HIJRAH SELANGOR juga akan menyediakan program kemahiraman dan peningkatan kualiti produk dengan kerjasama lain-lain agensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KERANI-KERANI DUN

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pendapatan mereka di bawah paras kemiskinan. Kenapakah tiada peruntukan untuk perubatan?
- b) Apakah kerajaan bercadang di masa akan datang akan mempertimbangkan kebajikan mereka?
- c) Memandangkan tugas yang berat, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji mereka?

JAWAPAN:

- a) Kakitangan Pusat Khidmat Dewan Negeri dilantik di bawah Skim *Contract of Service* dengan gaji sebanyak RM 2,000.00. Setelah ditolak caruman KWSP, gaji bersih yang diterima adalah RM1,780.00 sebulan dan pendapatan mereka melebihi Garis Kemiskinan. Sebagai penjawat awam di bawah lantikan Skim *Contract of Service* mereka layak mendapat kemudahan kesihatan di Hospital Kerajaan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.
- b) Kerajaan Negeri akan melaksanakan Skim Perlindungan Kesihatan dengan pihak Syarikat AIA Public Takaful Berhad (syarikat insurans yang dilantik sebagai pelaksana) untuk 45 orang Y.B. Ahli Dewan Negeri berkuat kuasa 1 Januari 2016. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memantau pelaksanaan skim ini sebelum ia dipertimbangkan semula untuk ditawarkan kepada kakitangan di Pusat Khidmat Dewan Negeri.
- c) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 21/2015 bertarikh 1 Julai 2015 telah bersetuju secara dasar Perbendaharaan Negeri bersama Bahagian Khidmat Pengurusan Manusia mengkaji semula Skim Perjawatan Pusat Khidmat Y.B. Ahli Dewan Negeri. Kajian tersebut akan meneliti keperluan tambahan kakitangan dan kadar bayaran gaji yang sewajarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM & INFRASTRUKTUR

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Bila akan dilaksanakan selenggara jalan-jalan persekutuan dan majlis seluruh Selangor, sekali gus memberi gambaran jalan-jalan Selangor yang terbaik?

JAWAPAN:

- b) Kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan, jalan-jalan negeri dan jalan-jalan PBT adalah kerja-kerja rutin yang dijalankan sepanjang tahun. Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan supaya sejumlah peruntukan daripada tabung Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia atau MARRIS digunakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan tersebut. Jumlah peruntukan MARRIS yang telah diagihkan pada tahun 2015 mengikut jabatan dan agensi pelaksana adalah seperti **Jadual 1**:

Jadual 1 : Agihan Peruntukan MARRIS Mengikut Jabatan/Agensi Pelaksana

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM) 2015
1.	PBT – Mengikut Kawasan Dewan Negeri	168,000,000.00
2.	PBT – Mengikut Panjang Jalan	269,500,000.00
3.	PBT – Tambahan 10% (kerja-kerja kecemasan)	37,567,705.16
4.	PBT Tambahan (MPAJ, MPKj, MPSJ, MDHS)	18,553,990.20
5.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	162,253,858.06
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)	2,000,000.00
7.	Pejabat Daerah / Tanah (setiap PDT RM500k)	4,500,000.00
8.	Pejabat Daerah / Tanah (setiap PDT RM611k)	5,499,000.00
JUMLAH (RM)		667,874,553.42

Bagi jalan-jalan persekutuan, penyelenggaraan telah dilaksanakan secara kontrak jangka panjang (konsesi) di bawah lantikan dan pengendalian Kerajaan Persekutuan. Di Negeri Selangor, terdapat lebih kurang 1,025 kilometer jalan-jalan persekutuan. Secara amnya, konsesi Roadcare (M) Sdn Bhd telah dilantik selama 15 tahun, bermula pada tahun 2001 sehingga tahun 2016.

Penyelenggaraan jalan-jalan di Negeri Selangor di bawah JKR Negeri dan daerah masih dilaksanakan secara berkala dan teratur. Bagi memberikan gambaran jalan-jalan Selangor yang terbaik, pihak JKR sentiasa melakukan pemantauan bagi menambahbaik skop kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih efisien dan menyeluruh untuk digunapakai di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PELAJAR LUAR NEGARA

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah pelajar tajaan Kerajaan Negeri yang belajar di luar negara?
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar Selangor di luar negara yang menghadapi krisis ekoran kejatuhan nilai ringgit?

JAWAPAN:

- a) Hanya 10 orang pelajar di bawah Program Khas Universiti Islam Madinah, Arab Saudi kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang ditaja oleh Kerajaan Negeri. Pelajar-pelajar ini baru sahaja memulakan pengajian pada Oktober 2015 dan dijangkakan akan tamat pengajian pada Oktober 2021.
- b) Kejatuhan nilai ringgit tidak akan menjejaskan bantuan kepada pelajar Selangor di luar negara. Ini disebabkan bantuan tajaan kepada 10 pelajar tersebut adalah berdasarkan matawang Riyal Saudi dan tidak ditetapkan dalam nilai ringgit. Yuran pengajian dan semua elaun berkaitan dibayar dalam matawang Riyal Saudi berdasarkan invois yang dikemukakan oleh pihak universiti dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah ahli tribunal yang telah dilantik?
- b) Berapa kes yang mampu dikendalikan oleh tribunal dalam sebulan?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran umum dan pihak pengurusan tentang wujudnya tribunal dan fungsinya

JAWAPAN:

- a) Pelantikan Ahli Tribunal Strata adalah berdasarkan kepada Seksyen 103(1) (b) (i) atau Seksyen 103(1) (b) ii Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Rentetan daripada itu, ketetapan pada persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Selangor Kali Ke-13 tahun 2015 yang bersidang pada 17 Ogos 2015 telah meluluskan suatu ketetapan seperti berikut:-
 - i) Pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan Menteri hendaklah menamakan dua (2) orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata

Selaras dengan ketetapan-ketetapan tersebut, Kerajaan Negeri telah memohon nama-nama calon yang sesuai dan berkelayakan daripada agensi-agensi yang berkaitan seperti mana yang disyaratkan di dalam Seksyen 103(1) (b) (i) atau Seksyen 103(1) (b) ii Akta Pengurusan Strata 2013 bagi tujuan penamaan calon untuk menganggotai TPS. Seksyen 103(1)(b)(i) dan Seksyen 103(i)(b)(ii) memperuntukkan pemilihan dan pelantikan calon seperti berikut:-

- a. Orang yang merupakan anggota atau yang pernah memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
- b. Orang yang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166], Ordinan Peguam Bela Sabah [Sabah Bab 2] atau Ordinan Peguam Bela Sarawak [Sarawak

Bab 110], dan yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada tujuh tahun.

Berdasarkan perkara b(a) dan b(b) tersebut, Pentadbiran ini telah mengemukakan surat kepada badan-badan guaman dan individu yang berkaitan untuk mendapatkan senarai calon yang sesuai dan berkelayakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya menerima satu nama calon sahaja untuk dipertimbangkan sebagai anggota TPS. Kerajaan Negeri masih berusaha untuk mencari calon-calon yang layak untuk dinamakan sebagai ahli TPS.

Oleh itu, Kerajaan Negeri memohon kepada ahli-ahli Y.B sekalian untuk mengemukakan *resume* calon-calon yang berkelayakan mengikut syarat-syarat di atas untuk dinamakan sebagai wakil Kerajaan Negeri sebagai ahli TPS.

- b) Untuk makluman Y.B, pengendalian kes Tribunal Pengurusan Strata diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkaitan pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- c) Pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bagi Pesuruhjaya Bangunan (COB) mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan program FOKUS untuk memperkenalkan Akta 757 kepada pihak pengurusan bangunan. Sehingga kini, sebanyak RM645,175.00 telah dibelanjakan bagi 74 sesi FOKUS dengan peserta seramai 764 telah mengikuti program ini.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri juga telah memasukkan maklumat berkaitan kewujudan tribunal pengurusan strata dan fungsinya di dalam laman web Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi meningkatkan kesedaran umum berkaitan tribunal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN PARIT TANAH RIZAB JALAN DI KAWASAN
KAMPUNG DALAM DUN MERU**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah pelaksanaan jadual dan skop penyelenggaraan setiap agensi MPK, JKR dan JPS?
- b) Berapakah serta di bawah peruntukan mana saluran mana ia dilaksanakan?
- c) Adakah jadual bagi setiap parit jalan mengikut agensi bertanggungjawab? Senaraikan.

JAWAPAN:

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- a) Pelaksanaan jadual yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Klang adalah sebanyak 3 kali setahun, manakala kerja pengorekan dan pembersihan parit tanah adalah mengikut kepada bajet atau peruntukan Majlis. Untuk skop penyelenggaraan setiap agensi antara MPK, JKR dan JPS adalah sama mengikut inventori agensi masing-masing.
- b) Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1 juta setahun bagi tahun 2015 di bawah peruntukan Majlis sendiri serta peruntukan termasuk pembersihan dan pengorekan kolam tadahan di bawah Majlis Perbandaran Klang.
- c) Jadual penyelenggaraan setiap parit seperti **di lampiran A**.

JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

- a) Jadual pelaksanaan adalah 1 kali setiap 12 bulan. Skop JKR adalah menyenggara parit tanah dalam rizab jalan JKR.
- b) RM14,205.54 sebulan untuk penyenggaraan parit tanah menggunakan peruntukan MARRIS.
- c) Jawapan adalah seperti di perkara a).

JABATAN PENGAIRAN NEGERI SELANGOR

- a) Bagi pelaksanaan jadual dan skop penyelenggaraan JPS Negeri Selangor, parit-parit tanah di bawah penyelenggaraan JPS diselenggara 2 kali setahun untuk kawasan kampung dalam DUN Meru. Skop kerja penyelenggaraan adalah kerja-kerja mengorek dan mencuci serta membawa keluar kelodak ke tapak buangan yang dibenarkan.
- b) Untuk tahun 2015, JPS Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM971,361.00 di bawah peruntukan mengurus Negeri bagi tujuan penyelenggaraan parit-parit tanah kawasan kampung dalam DUN Meru.
- c) Ya, kerja-kerja penyelenggaraan parit tanah dalam DUN Meru bagi JPS Negeri Selangor adalah mengikut jadual iaitu pada bulan Mac dan bulan Oktober.

INVENTORI PENYELENGGARAAN PARIT DI KAWASAN KLANG UTARA

BIL	NAMA JALAN	JENIS PARIT	PANJANG (M)	PENY. TERKINI	PENYELENGGARAAN 2015												KEKERAPAN SETAHUN
					2014	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	
KAMPUNG MERU																	
1	Jalan Jambu	Tanah	3100	Disember					X						X	3	
2	Jalan Nenas	Tanah	1900	Disember				X							X	3	
3	Jalan Dusun	Tanah	2330	Disember				X							X	3	
4	Jalan Rambutan	Tanah	1400	Disember				X							X	3	
5	Pers. Hamzah Alang Kanan	Tanah	2400	Disember				X							X	3	
6	Pers. Hamzah Alang Kiri	Tanah	2400	Disember				X							X	3	
KAMPUNG MD SHARIFF																	
7	Jalan Paip	Tanah	3000	Disember				X							X	3	
8	Jalan Cempaka A	Tanah	430	Disember				X							X	3	
9	Jalan Md Shariff	Tanah	430	Disember				X							X	3	
10	Jalan Cempaka B	Tanah	1280	Disember				X							X	3	
11	Jalan Cempaka C	Tanah	600	Disember				X							X	3	
12	Jalan Cempaka D	Tanah	170	Disember				X							X	3	
KAMPUNG BUKIT KAPAR																	
13	Jalan Meru Kanan	Tanah	2980	November			X							X		3	
14	Jalan Surau Sebaya	Tanah	400	November			X							X		3	
15	Jalan Seri Jaya	Tanah	2000	November			X							X		3	
16	Jalan Kempas A	Tanah	860	November			X							X		3	
17	Jalan Kempas B	Tanah	1180	November			X							X		3	
18	Jalan Rebong	Tanah	2180	November			X							X		3	
19	Jalan Bahagia A	Tanah	240	November			X							X		3	
20	Jalan Bahagia B	Tanah	1030	November			X							X		3	
21	Jalan Sekolah	Tanah	1290	November			X							X		3	
22	Jalan Dato Johar	Tanah	1480	November			X							X		3	
23	Jalan Hj. Alias	Tanah	560	November			X							X		3	
24	Jalan Setia Jaya	Tanah	3000	November			X							X		3	
25	Jalan Umno	Tanah	900	November			X							X		3	
26	Jalan Hj. Hashim	Tanah	740	November			X							X		3	
MERU BARAT																	
27	Jalan Abdul Rahman	Tanah	620	Disember				X							X	3	
28	Jalan Khamis (Kiri)	Tanah	1250	Disember				X							X	3	
29	Jalan Khamis (Kanan)	Tanah	1250	Disember				X							X	3	
30	Jalan Jabar (Kiri)	Tanah	1350	Disember				X							X	3	
31	Jalan Jabar (Kanan)	Tanah	1350	Disember				X							X	3	
32	Jalan Salleh (Kanan)	Tanah	1900	Disember				X							X	3	
33	Jalan Kassim (Kanan)	Tanah	1900	Disember				X							X	3	
34	Lorong Abd Manan	Tanah	900	Disember				X							X	3	
35	Jalan Hj. Abd Manan Kiri - Ama	Tanah	2000	Disember				X							X	3	
36	Jalan Meru Indah 1	Konkrit	220	Disember				X							X	3	
37	Jalan Meru Indah 5	Konkrit	80	Disember				X							X	3	
38	Jalan Meru Indah 6	Konkrit	200	Disember				X							X	3	
39	Jalan Meru Indah 7	Konkrit	400	Disember				X							X	3	
PEKAN MERU																	
40	Jalan Kenanga A (Kiri)	Tanah	630	Disember				X							X	3	
41	Jalan Kenanga B (Kiri)	Konkrit	650	Disember				X							X	3	
42	Jalan Kenangan (Kanan)	Tanah	1300	Disember				X							X	3	
43	Jalan Puding	Tanah	680	Disember				X							X	3	
44	Jalan Bunga Raya	Tanah	640	Disember				X							X	3	
45	Jalan Teratai	Tanah	2650	Disember				X							X	3	
46	Jalan Dahlia	Tanah	2480	Disember				X							X	3	
47	Jalan Beruas	Tanah	2530	Disember				X							X	3	
SG PINANG																	
48	Jalan Goh Hock Huat	Tanah	2710	Disember				X							X	3	
49	Jalan Keretapi Lama Sg Pinang	Konkrit	1300	November			X							X		3	
50	Jalan Harper	Konkrit	850	November			X							X		3	
51	Jalan Tg Shawal	Tanah	1900	Disember				X							X	3	

PETUNJUK		PELAKSANAAN
	X	PERANCANGAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : GST

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah GST dikenakan kepada fi peniaga kecil-kecilan?
- b) Apakah PBT mempunyai rancangan untuk membantu peniaga-peniaga kecil seperti pasar malam ini untuk tidak dikenakan GST sebagai sebahagian dari CSR kerajaan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Semua fi termasuk fi perniagaan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tidak tertakluk kepada Akta 762, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan ianya bermakna fi kepada peniaga kecil-kecilan tidak terlibat dengan caj GST.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : BAYARAN GST DAN TUNTUTAN CUKAI INPUT

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan cukai GST yang telah dibayar mengikut setiap PBT setakat September 2015.
- b) Nyatakan cukai input yang belum dituntut daripada Jabatan Kastam bagi setiap PBT setakat September 2015.

JAWAPAN:

- a) Jumlah bayaran GST yang telah dibayar oleh PBT sehingga September 2015 adalah seperti jadual di bawah:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH BAYARAN GST (RM)
MBSA	288,680.26
MBPJ	2,048,488.70
MPSJ	415,839.10
MPK	3,502,407.50
MPKj	1,193,5000
MPAJ	133,873.72
MPSP	1,197,448.39
MPS	30,134.57
MDKL	8,318.05
MDKS	15,298.66
MDHS	53,827.60
MDSB(April – Jun)	2,154.96
JUMLAH	19,631,471.51

- b) Cukai input yang belum dituntut daripada Jabatan Kastam bagi setiap PBT setakat September 2015 adalah seperti berikut :

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	CUKAI INPUT YANG BELUM DITUNTUT SEHINGGA SEPTEMBER (RM)
MBSA	579,075.26
MBPJ	468,519.21
MPSJ	415,839.10
MPK	3,418,929.29

MPKj	992,171
MPAJ	253,884.93
MPSP	1,149,025.45
MPS	TIADA
MDKL	54,920.35
MDKS	174,497.13
MDHS	4,352.66
MDSB	TIADA
JUMLAH	7,511,214.38

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : HUTAN SIMPANAN

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan dalam kelulusan pewartaan keluar hutan simpanan negeri untuk pembangunan lebuh raya dan laluan TNB?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan pengambilan balik kawasan pinggir hutan yang telah dilupuskan untuk pertanian/pembangunan, khususnya kawasan-kawasan sensitif alam sekitar?
- c) Adakah kerajaan mensyaratkan pembinaan titian/koridor laluan hidupan liar sekiranya terdapat pewartaan keluar hutan simpanan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor hanya melakukan pewartaan keluar bagi tujuan pembangunan lebuh raya/jalan raya manakala bagi laluan TNB perlu kaedah Permit Penggunaan dilaksanakan tanpa perlu warta keluar kawasan terlibat dari HSK. Bagi pembangunan lebuh raya, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak konsesi perlu menggantikan jumlah keluasan hutan terlibat (yang di warta keluar) dengan keluasan yang setara atau lebih berdasarkan penilaian tanah semasa oleh pihak yang bertauliah. Sebelum proses pewartaan keluar suatu proses '*Public Inquiry*' akan dijalankan. Sekiranya dipersetujui maka proses pewartaan keluar dan kawasan gantian akan dilakukan secara serentak. Bagi kedua-dua perkara ini, gantirugi/pampasan bagi pokok yang ditebang akan ditentukan berdasarkan nilai harga pasaran kayu semasa termasuk ses dan premium kayu tersebut.
- b) Ya, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengawasi kegiatan pembangunan yang bersempadanan dengan HSK terutamanya bagi kawasan-kawasan yang bersempadanan dengan Taman Negeri Selangor. JPNS juga dalam proses mengumpulkan segala maklumat terkini mengenai kawasan pinggir hutan yang telah dikeluarkan Permit Penggunaan untuk pertanian dan sedang berusaha membuat pengambilan kawasan pinggir hutan yang berpotensi untuk dijadikan HSK.
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor belum mensyaratkan pembinaan titian/koridor laluan hidupan liar bagi kawasan HSK yang terlibat di dalam pewartaan keluar HSK. Walau bagaimanapun, keperluan pembinaan

titian/koridor ini dan perkara-perkara berkaitan dengan '*survival*' hidupan liar adalah merupakan salah satu elemen penting yang diambil kira semasa sesi penyiasatan awam. Sehingga kini, belum ada diwujudkan pembinaan titian/koridor laluan hidupan liar bagi kawasan HSK yang diwartakan keluar daripada HSK. Malahan cadangan bagi kelima-lima (5) jajaran laluan hidupan liar di dalam Negeri Selangor hanya merupakan '*Secondary Linkages*' iaitu laluan bagi haiwan mamalia kecil seperti tapir, babi hutan, monyet dan sebagainya. Tambahan pula, kesemua kawasan koridor laluan hidupan liar terletak di dalam Daerah Sivil Hulu Selangor sahaja. Di samping itu, pihak JPNS dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi berkaitan memberi jaminan dan komitmen untuk bekerjasama di dalam mengawal dan melestarikan kawasan-kawasan jajaran ini di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASJID BARU DI NEGERI SELANGOR

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah masjid baru yang dibina di Negeri Selangor semenjak 2008 hingga 2015 ?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibayar untuk membina masjid-masjid tersebut ?
- c) Senaraikan nama masjid-masjid yang telah dibina mengikut daerah.

JAWAPAN:

- a) 42 buah masjid.
- b) Berdasarkan kod P.14 (PK3) jumlah yang diperuntukkan bagi pembinaan dan penyelenggaraan masjid adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Peruntukan Diberi (RM)</u>
2008	35,400,600.00
2009	38,200,600.00
2010	42,151,110.00
2011	26,000,240.00
2012	35,000,220.00
2013	38,900,280.00
2014	39,300,310.00
2015	39,100,000.00
Jumlah :	294,053,360.00

- c) Seperti Di Lampiran C

LAMPIRAN C**SENARAI MASJID BARU YANG SIAP DILAKSANAKAN TAHUN 2008-2015**

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	TAHUN SIAP	JUMLAH PROJEK
1.	Masjid Taman Subang Perdana	Petaling	2008	
2.	Masjid Bandar Bukit Puchong	Petaling	2008	
3.	Masjid Sek. 5, Kota Damansara	Petaling	2008	
4.	Masjid Sultan Abdul Aziz, Jalan Templer	Petaling	2008	
5.	Masjid Bandar Tasek Puteri, Kundang	Gombak	2008	
6.	Masjid Kg. Perepat, Kapar	Klang	2008	
7.	Masjid Kota Sri Langat	Kuala Langat	2008	
8.	Masjid Taman Kosas, Ampang	Hulu Langat	2008	
9.	Masjid Kg. Assam Jawa	Kuala Selangor	2008	9
10.	Masjid Al-Hidayah Bukit Antarabangsa	Gombak	2009	
11.	Masjid At-Taqwa, Kg. Bukit Kapar	Klang	2009	
12.	Masjid Bandar Baru Ampang	Hulu Langat	2009	
13.	Masjid Al-Hidayah Bukit Antarabangsa	Gombak	2009	
14.	Masjid Taman Melawati	Gombak	2009	
15.	Masjid Saujana Utama	Kuala Selangor	2009	
16.	Masjid Parit Mahang	Kuala Selangor	2009	
17.	Masjid Kg. Sg. Gulang-gulang	Kuala Selangor	2009	
18.	Masjid Ar-Rahman, Hulu Bernam	Hulu Selangor	2009	
19.	Masjid Kerling	Hulu Selangor	2009	10
20.	Masjid Taman Subang Mewah	Petaling	2010	
21.	Masjid Kg. Sawah	Kuala Langat	2010	
22.	Masjid Taman Rakan, Cheras	Hulu Langat	2010	
23.	Masjid Kg Sentosa, Ladang Tuan Mee	Kuala Selangor	2010	
24.	Masjid Jamiul Khair, Kg. Haji Razali	Kuala Selangor	2010	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR AWAM DI PELABUHAN KLANG

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan infrastruktur awam utama di Pelabuhan Klang dan agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap setiap infrastruktur tersebut.
- b) Senaraikan jalan-jalan utama dan nyatakan sama ia persekutuan atau negeri.
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan jalan utama sentiasa dalam keadaan yang baik?

JAWAPAN:

- a) Senarai infrastruktur awam utama di Pelabuhan Klang adalah seperti berikut :

BIL	INFRASTRUKTUR UTAMA	AGENI BERTANGGUNGJAWAB
1	Hentian Bas Pelabuhan Klang	Majlis Perbandaran Klang
2	Jeti Pulau Ketam di Jalan Syahbandar	Lembaga Pelabuhan Klang
3	Jeti Swasta di Jalan Syahbandar	Asa Niaga
4	Stesen Komuter	Keretapi Tanah Melayu
5	Kompleks Pasar Pelabuhan Klang	Majlis Perbandaran Klang

- b) Senarai-senarai jalan utama dan agensi berkaitan di Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:

BIL	NAMA JALAN	AGENSI
1	Jalan Pelabuhan Utara	JKR Persekutuan
2	Jalan Kem	JKR Persekutuan
3	Persiaran Raja Muda Musa	JKR Persekutuan
4	Lebuhraya Pulau Indah	JKR Persekutuan
5	Jalan Pandamaran	JKR Persekutuan
6	Jalan Telok Gong	JKR Negeri
7	Jalan Tengku Badar	Majlis Perbandaran Klang
8	Jalan Kastam	Majlis Perbandaran Klang
9	Jalan Sungai Keladi	Majlis Perbandaran Klang
10	Lebu Raja Lumu	Majlis Perbandaran Klang
11	Jalan Raja Lumu	Majlis Perbandaran Klang

- c) Pihak Majlis Perbandaran Klang sentiasa memantau jalan-jalan utama di bawah penyelenggaraan Majlis dan melakukan penyelenggaraan secara jabatan dan diturap semula secara berkala setiap 5 tahun melalui geran jalan MARRIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon kerajaan memberi senarai program berstruktur yang telah dijalankan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) sepanjang tahun 2015 dengan memberikan nama program, bilangan peserta, tarikh dan tempat program tersebut serta setiap satu perbelanjaannya.

JAWAPAN:

- a) Dalam memperkasakan golongan wanita di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sememangnya serius dan mengambil berat perihal pembangunan modal insan. Oleh yang demikian, program-program yang direncanakan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) merangkumi program yang berstruktur dan juga yang tidak berstruktur. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah menggariskan sepuluh (10) modul bagi melaksanakan Program berstruktur Pusat Wanita Berdaya (PWB), modul tersebut adalah :-

1. Kepimpinan wanita
2. Kefahaman Gender
3. Keselamatan dan Kesihatan Keluarga
4. Ekonomi Hawa dan pengurusan kewangan berhemah
5. Hak dan undang-undang wanita
6. Pendidikan dan Latihan
7. Sosial budaya dan agama
8. Pembangunan Keluarga
9. Sukan dan rekreasi
10. Alam sekitar dan kepenggunaan

Program-program berstruktur yang telah dijalankan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) sepanjang tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran 1** :-

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEPIMPINAN WANITA

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 5hb Sept 2015	Bukit Gasing	Shah Village Hotel, Petaling Jaya	63 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
	Seri Setia			RM 2,500.00
	Damansara Utama	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	42 Org	RM 2,500.00
	Bukit Lanjan			RM 2,500.00
	Seri Serdang	Masjid As-Salam, Puchong Perdana	42 org	RM 2,500.00
AHAD, 6hb Sept 2015	Kota Damansara	Akademi Alif, Seksyen 3, Kota Damansara	26 Org	RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Hulu Kelang	Dewan Orang Ramai, Kelang Gate	30 Org	RM 2,500.00
	Gombak Setia			RM 2,500.00
	Batu Caves	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	35 Org	RM 2,500.00
	Taman Templer			RM 2,500.00
	Hulu Bernam	Dewan Pejabat Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Baru	28 org	RM 2,500.00
	Kuala Kubu Baru			RM 2,500.00
	Batang Kali			RM 2,500.00
	Sabak	Hotel Sri Bernam, Sabak Bernam	50 Org	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sekinchan	Dewan Wisma Masri, Sabak Bernam	52 Org	RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 12hb Sept 2015	Kampung Tunku	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Petaling Jaya	8 Org	RM 2,500.00
	Kinrara			RM 2,500.00
	Sri Kembangan			RM 2,500.00
	Kuang	Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Gombak	23 org	RM 2,500.00
	Rawang			RM 2,500.00
	Sungai Burong	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Bukit Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Jeram			RM 2,500.00
	Bukit Antarabangsa	Dewan MPAJ, Ampang	40 Org	RM 2,500.00
Lembah Jaya	RM 2,500.00			
AHAD, 13hb Sept 2015	Permatang	Hotel S, Permatang	45 Org	RM 2,500.00
	Ijok			RM 2,500.00
	Sijangkang	Dewan Harmoni, Sijangkang	40 Org	RM 2,500.00
	Tanjong Sepat			RM 2,500.00
	Morib	Bazaar Darul Ehsan, Morib	40 Org	RM 2,500.00
	Telok Datok			RM 2,500.00
	Dengkil	Mawar Training Center, Taman Mawar, Sepang	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Pelek			RM 2,500.00
	Kajang	Hotel Oriental Crystal, Kajang	52 org	RM 2,500.00
	Balakong			RM 2,500.00
Semenyih	RM 2,500.00			

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Batu Tiga	Hotel Carlton, Shah Alam	65 Org	RM 2,500.00
	Seri Muda			RM 2,500.00
	Kota Anggerik			RM 2,500.00
	Cempaka	Dewan Orang Ramai, Taman Maju Jaya, Teratai	35 Org	RM 2,500.00
	Teratai			RM 2,500.00
	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Bangi, Seksyen 8, Bangi	30 org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
	Meru	Gold Course Hotel, Kelang	65 Org	RM 2,500.00
	Sementa			RM 2,500.00
	Sungai Pinang			RM 2,500.00
	Seri Andalas	Hotel Carlton, Shah Alam	24 Org	RM 2,500.00
Kota Alam Shah	RM 2,500.00			
AHAD, 20hb Sept 2015	Selat Kelang	Dewan Perpustakaan Awam Selangor, Sungai Udang	40 Org	RM 2,500.00
	Pandamaran			RM 2,500.00
	Pelabuhan Klang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KEFAHAMAN GENDER

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 19hb Sept 2015	Bukit Gasing	Dewan MBPJ Jln PJS 4/19 Tmn Indah Jaya PJ	50 Org	RM 2,500.00
	Taman Medan			RM 2,500.00
SABTU, 4hb Okt 2015	Sabak	Dewan Pusat Khidmat Masyarakat, Sabak	60 orang	RM 2,500.00
	Sungai Air Tawar			RM 2,500.00
	Sungai Panjang			RM 2,500.00
	Sekinchan			RM 2,500.00
AHAD, 11hb Sept 2015	Rawang	Training Center, De Manggis, Kuang	40 Org	RM 2,500.00
	Kuang			RM 2,500.00

SENARAI PROGRAM BERSTRUKTUR PUSAT WANITA BERDAYA SELANGOR 2015

1. KURSUS KESIHATAN WANITA DAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

TARIKH	DUN	TEMPAT	BIL HADIR	JUMLAH
SABTU, 17hb Okt 2015	Bukit Lanjan	Kelab Seri Damansara, Bandar Seri Damansara	72 orang	RM 2,500.00
	Kota Damansara			RM 2,500.00
	Paya Jaras			RM 2,500.00
	Damansara Utama			RM 2,500.00
AHAD, 18hb Okt 2015	Permatang	Sun Inn Hotel, Kuala Selangor	27 Org	RM 2,500.00
	Bukit Melawati			RM 2,500.00
SABTU, 24hb Okt 2015	Dusun Tua	Pusat Khidmat Masyarakat Dusun Tua	40 Org	RM 2,500.00
	Bangi			RM 2,500.00
AHAD, 25hb Okt 2015	Jeram	Dewan D'Coral Ikan Bakar, Melawati	40 Org	RM 2,500.00
	Sungai Burong			RM 2,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
(PADAT)**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan apakah aktiviti yang dijalankan oleh PADAT sepanjang 2015?
- b) Apakah sebaran dan langkah proaktif yang dilakukan bagi mendidik masyarakat supaya prihatin terhadap Adat Warisan dan Institusi Permuziuman?
- c) Sila senaraikan nama ahli pengarah, latar belakangnya serta semua elaun yang diterima?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Oktober 2015 sahaja, PADAT telah menjalankan sebanyak 26 buah program/aktiviti dan terdapat 7 buah program lagi bakal diadakan pada November hingga Disember 2015. Program-program ini merangkumi program dalaman jabatan, luaran dan juga program secara kerjasama antara jabatan lain.

BULAN	TARIKH	AKTIVITI	JUMLAH
Januari		TIADA	0
Februari		TIADA	0
Mac	12 Mac 2015	Kursus <i>We Are The Host</i> Siri 1	4
	20-21 Mac 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	
	24-25 Mac 2015	Bengkel Konservasi Warisan Selangor 2015	
	27-28 Mac 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	
April	20-21 April 2015	Kursus ' <i>We Are the Host</i> ' Siri 2	2
	24-25 April 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	
Mei		Karnival Kampungku Kesayanganku	3
	25 Mei -3 Jun 2015	Pertandingan <i>Selfie Time With Museum</i>	

	25 Mei -3 Jun 2015	Pertandingan <i>Selfie Time With Museum</i>	
Jun	9 Jun 2015	Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri	5
	10 – 11 Jun 2015	Bengkel Peracuan Artifak	
	12 Jun 2015	Tahlil dan Ceramah Agama	
	13 – 14 Jun 2015	Kembara Muzium	
	15 Jun 2015	Wacana Muzium	
Julai		Majlis Khatam Al-Qur'an dan Berbuka Puasa	1
Ogos	1 – 5 Ogos 2015	Hari Muzium Antarabangsa peringkat kebangsaan (Pameran Supermohk)	5
	10 Ogos 2015	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PADAT	
	18 Ogos 2015	Program Sembang-sembang Warisan: Tekat Gubah Benang Emas	
	24 – 25 Ogos 2015	Kursus Tuntutan Perjalanan	
	26 – 27 Ogos 2015	Lawatan Pegawai-pegawai Kanan PADAT ke Muzium-muzium di Utara	
September	11-12 Sept 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	2
	7 – 8 Sept 2015	Kursus Kepimpinan	
Oktober	2 – 3 Okt 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	4
	6 – 7 Okt 2015	Kursus Pemandu Lawatan Muzium	
	22 Okt 2015	Bengkel Pemantapan Penulisan Budaya dan Warisan Selangor	
	23 – 24 Okt 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	
November	13 – 14 Nov 2015	Karnival Kampungku Kesayanganku	5
	19 Nov 2015	Bengkel Tarian Piring	
	20 – 22 Nov 2015	Temasya PADAT: Budaya dan Warisanku	

	23 – 27 Nov 2015	Lawatan Kerja Rasmi ke Sabah dan Sarawak	
	20 Nov. 2015 hingga 2016	Pameran Terkenang Masa Dahulu Zaman Kanak-kanak	
Disember	19-20 Dis 2015	Temasya Seni Cempuling Negeri Selangor 'Malaysian Book of Record: 25 Jam Tanpa Henti'	2
	Belum ditentukan	Karnival Kampungku Kesayanganku	

b) Pihak kerajaan negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah mempelbagaikan medium promosi bagi menyebarkan dan mendidik masyarakat khususnya di Selangor mengenai adat warisan dan budaya. Antaranya ialah melalui program Hari Muzium Antarabangsa peringkat negeri yang telah diadakan setiap tahun di Selangor bagi mengajak orang ramai berkunjung ke muzium, Karnival Kampungku Kesayanganku yang diadakan secara kerjasama antara jabatan-jabatan lain bagi mendekati masyarakat di seluruh Selangor, dan program-program lain yang bakal diadakan seperti Temasya PADAT dan Temasya Cempuling. Sementara itu, bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai institusi per muzium, pelbagai bengkel dan seminar telah diadakan yang turut dihadiri bukan hanya dalam kalangan warga muzium malahan pelajar institusi pendidikan, warga pekerja dari bidang swasta dan kerajaan dan orang perseorangan yang berminat.

c) (i) Seramai Dua Belas (12) orang Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor Tahun Mac 2015 hingga Februari 2017 iaitu :-

- Pengerusi : Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi
- Timbalan Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Setiausaha : Ketua Pegawai Eksekutif PADAT
- Bendahari : Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- Ahli-Ahli : Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

- : Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara
- : Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam
- : YDM Prof. Madya Dato' Dr. Tengku Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj (Wakil Pihak Istana)
- : Puan Zubaidah binti Sual @ Shawal (Pakar / Ahli Budaya Melayu)
- : Y.Bhg Tn. Haji Dr. Ann Wan Seng (Pakar / Ahli Budaya Cina)
- : Y.Bhg. Prof. Dr. Rajantheran A/L Muniandy (Pakar / Ahli Budaya India)
- : Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Zakaria (Pakar / Sejarah)

(ii) Latar belakang bagi Ahli Lembaga Pengarah PADAT :-



KETUA PENGARAH, JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BIODATA

- Nama : En. Kamarul Baharin bin A.Kasim
- Umur : 49 Tahun
- Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 27 Ogos 1966 / Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Jawatan : Ketua Pengarah
- Jabatan : Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur.
- Kelayakan Akademik : Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial,

Antropologi dan Sosiologi (Kelas Dua Atas)

Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1986 - 1989)

Sarjana Persuratan, Institut Alam Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor (2012 -
2014)

Pencapaian / Pengalaman:

- i) Kurator Unit Etnologi, Muzium Negara, Jabatan Muzium dan Antikuiti, (1991 - 2000)
- ii) Kurator Kanan di Muzium Etnologi Dunia Melayu, Jabatan Muzium dan Antikuiti (2000) Gred S48/S2
- iii) Timbalan Pengarah Muzium Etnologi Dunia Melayu, Jabatan Muzium dan Antikuit (19 Jun 2002 - Julai 2005). Tanggung Kerja S54/S1
- iv) Setiausaha Bahagian Warisan, KeKKWa, (Jul 2005 – Feb. 2006) KUP Gred S54
- v) Pengarah Konservasi dan Arkeologi, Jabatan Warisan Negara (Mac 2006 - Januari 2008) S52 (Memangku S54)
- vi) Pengarah Pendaftaran dan Penguatkuasaan, Jabatan Warisan Negara (16 Januari 2008 - Mei 2009) Gred S54
- vii) Pengarah Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia (Jun 2009 - Ogos 2014) Gred S54
- viii) Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Muzium Malaysia (25 Ogos 2014 - 13 September 2015)

Status Terakhir : Dinaikkan ke Gred Utama 'C' (Memangku) mulai 25 Ogos 2014.



PERSURUHJAYA WARISAN

BIODATA

Nama : Dr. Zainah Binti Ibrahim

Umur : 54 Tahun

Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 06 Julai 1961, Johor Bahru

Jawatan : Pesuruhjaya Warisan

Jabatan : Jabatan Warisan Negara,
Kementerian Penerangan Komunikasi dan
Kebudayaan,
Istana Negara Lama, Jalan Istana,
50460 Kuala Lumpur.

Kelayakan Akademik : Ph.D. di United Kingdom. (May 2007)
Master in Engineering, di Chiba University,
Japan. (March 1995)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Pakar Perancang Bandar dan menyediakan rancangan pemajuan (Rancangan Struktur dan Tempatan).
- ii. Pernah berkhidmat di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan sebagai Ketua Morfologi, Reka Bentuk dan Warisan Bandar.
- iii. Terlibat dalam menyedia dan merangka Garis Panduan Perancangan (GPP) untuk Warga Emas, GPP Rekabentuk Sejangat, Garis Panduan Penubuhan tadika dan TASKA (penyelidikan pra –sekolah) DPP kemudahan Masyarakat dan GPP Rekabentuk Bandar Padat .
- iv. Merupakan ahli utama dalam Pasukan Teras yang menghasilkan Garis Panduan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Kawasan Bersejarah dan Monumen di bawah Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 1997 (Pindaan 1993, Akta A933)
- v. Ahli berdaftar Lembaga Perancang Malaysia
- vi. Setiausaha Agung, Persatuan Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Malaysia
- vii. Ahli, Badan Warisan Malaysia (Heritage of Malaysia Trust)
- viii. Ahli International Conservation of Monuments and Site (ICOMOS)
- ix. Ahli Pertubuhan Penilaian impak Sosial Malaysia



DATUK BANDAR SHAH ALAM

BIODATA

Nama : Y.Bhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad

Umur : 54 Tahun

Jawatan : Datuk Bandar

Jabatan : Majlis Bandaraya Shah Alam,
Tingkat 1, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran, SHAH ALAM.

Kelayakan : Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan
(Pengurusan), Universiti Sains Malaysia (1987)

Diploma Pengurusan Awam
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Datuk Bandar Shah Alam berkuat kuasa 2 Januari 2015.
- ii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS pada tahun 2014.
- iii. Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2014.
- iv. Pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 6 Disember 2013.
- v. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sehingga 5 Disember 2013.
- vi. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) di Pejabat Daerah / Tanah Gombak sebagai Pegawai Daerah sehingga 2012.
- vii. Menjawat jawatan Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) di Pejabat Daerah Hulu Langat pada tahun 2002 hingga 2006.
- viii. Penolong Pengarah di Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga tahun 2002.



BIODATA

Nama : YDM Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Al Haj

Umur : 64 tahun

Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 1 Jun 1950,

Jawatan : Tengku Maha Bijaya Orang Besar Daerah Sepang

Jabatan : Pejabat Orang Besar Daerah Sepang,
Tingkat 2, Bangunan Tun Aziz,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 SEPANG.

Kelayakan : Ph.D in Shipping and International Transport,
University of Wales, Cardiff UK (1995), M.Sc in
Shipping and Maritime Studies, University of John
Moore, UK (1985), Post Graduate Diploma in
Management (Shipping), University of Plymouth,
UK (1981)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Orang Besar Daerah Sepang, DYMM Sultan Selangor (Mei 2005 - Present)
- ii. Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang (Mei 2005 - Present)
- iii. Board member (Representative of the Selangor State Government), Perbadanan Putrajaya (Okt 2009 – Present)
- iv. Adjunct Prof. Malaysia Institute of Transport Uitm Aug 2008-Oct 2012
- v. External Examiner, UniKL MiTEC (Jul 2009 – Jul 2011)
- vi. External Examiner / Consultant, Malaysian Qualifications 9 Ogos 2008 – Ogos 2010)
- vii. External Examiner, UTM Skudai (Kini)
- viii. Assoc Prof, Faculty of Business Management, UiTM (1985 Lecturer) – Kini)
- ix. Director, Negeri Sembilan Kampus, UiTM (2002 – 2004)
- x. Head, Malaysian Centre for Transport Studies, Uitm (1989 – 1991 / 1995 -2002)
- xi. Shipping Executive, East Asiatic Company Ltd (1973 – 1980)



BIODATA

Nama : Puan Zubaidah binti Sual @ Shawal A.M.N
Umur : 60 tahun
Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 18 Julai 1953 / Batu Pahat, Johor
Jawatan : Managing Director / Consultant Cashmere Galeri
Jabatan : Cashmere Galeri
Kelayakan : Certificate of Textil Conservation, United Kingdom (Federal Government Scholarship 1980 - 1981) Certificate of Textil Conservation, Switzerland (Swiss Government Scholarship 1991)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Attached with National Museum Malaysia since 1974 – 1999 as Museum Assistant and promoted as Assistant Curator in the Ethnography Section. Specialist in textiles and jewellery.
- ii. Appointed as Cultural Officer in 1999 at the Ministry of Culture Arts and Tourism Malaysia. In 2001 appointed as Assistant Director at Istana Budaya. Requested for optional retirement in 2008.
- iii. Full time researcher and writer specialised in Traditional textiles and Costumes in Malaysia and the Malay World.
- iv. Advisor for the official attire Pakaian Beradat Melaka, Pakaian Traditional Negeri Sembilan
- v. Conducting talk/lecture on Textile/Costumes for seminars, workshops at Government agencies, IPT and NGO's, Advisor and also Costume Designer for Classical Theatre, Script Writer for Traditional Costumes Exhibition and Catwalk.
- vi. Dilantik sebagai Pakar Rujuk Pembelian Harta Kebudayaan Jabatan Muzium Malaysia yang bersidang sebanyak 3 kali setahun.
- vii. Dilantik sebagai Pakar Rujuk Pakaian dan Tekstil oleh Jabatan Warisan Negara dalam mewartakan artifak kostum dan tekstil.
- viii. Dilantik sebagai Pakar Rujuk menyediakan teks dan kapsyen artifak Muzium Tekstil Negara.
- ix. Dilantik sebagai Pakar Rujuk pemilihan tekstil Pameran Tekstil di Muzium Kota Tinggi, Johor.



BIODATA

Nama : Tn. Hj. Dr. Ann Wan Seng
Umur : 47 Tahun
Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 19 Julai 1968, Klang, Selangor
Jawatan : Setiausaha Kehormat
Jabatan : Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
Tingkat 4, Balai Islam,
Jalan Ipoh,
52000 Kuala Lumpur.

Kelayakan Akademik : Ph.D. Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Ann Wan Seng atau nama Islamnya Ann Abdullah merupakan rakyat Malaysia keturunan Cina yang aktif fasih bertutur bahasa cina.
- ii. Pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- iii. Kolumnis Dewan Ekonomi yang diterbitkan oleh DBP dan pernah menjadi kolumnis untuk lebih 100 media cetak yang diterbitkan di Malaysia.
- iv. Penolong Setiausaha Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- v. Telah menerima Anugerah Saudara Muslim Cemerlang 2008 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



BIODATA

Nama : Prof. Dr. Rajantheran A/L Muniandy
Umur : 51 Tahun
Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 6 Julai 1964 / Kuala Ketil, Kedah
Jawatan : Profesor
Jabatan : Jabatan Pengajian India
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Kelayakan : Ph.D (UM)(1995), (UM)
MA (UM)(1991), UNIVERSITY OF MALAYA (UM)
BA(Hons)(Geog&IndianStud)(UM)(1988), (UM)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Ahli Jawatan kuasa Tapisan Bagi Permohonan Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Madya/Pensyarah Kanan di Fakulti, Department Of Indian Studies, Faculty Of Arts And Social Sciences, (2014-2015)
- ii. Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Committee Of Experts, 2012, (University)
- iii. Jawatan Kuasa Ijazah Tinggi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Academic Committee Member, 2012, (University)
- iv. The International Organizing Committee Of The 3rd International Ramayana & Mahabharata Conference, Chairman, 2002, (International)
- v. Pakar dalam Kebudayaan, Tamadun India Dan Life Of The India Malaysia.
- vi. Comparative Study Of Classical Malay And Indian Literature, University Of Malaya, Kuala Lumpur



BIODATA

Nama : Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdullah Bin Zakaria
Umur : 62 Tahun
Tarikh Lahir / Tempat Lahir: 13 November 1951
Jawatan : Pensyarah
Jabatan : Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.
Kelayakan : PHD, University of Malaya (UM),
MA, Universiti of Malaya (UM),
BA (HONS), University of Malaya (UM)

Pencapaian / Pengalaman:

- i. Pengajar Sambilan, Jabatan Sejarah, Universiti Kuala Lumpur (1973 - 1974)
- ii. Pengajar Kontrak, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1974 - 14 September 1976)
- iii. Pengajar Kerjaya (15 September 1976 - 20 Jun 1977)
- iv. Pensyarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (21 Jun 1977-1985)
- v. Profesor Madya, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1985-1998)
- vi. Profesor, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1998)
- vii. Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1998-1999:2001-2003)
- viii. Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2007-2008)
- ix. Ahli Jawatankuasa Penulisan Buku Pelabuhan Klang, Muzium Negeri Selangor, Darul Ehsan (dalam penyelidikan dan penulisan)
- x. Ahli Jawatankuasa Balai Sejarah, Lembaga Muzium Negeri Selangor.

(iii) Elaun bagi Ahli Lembaga Pengarah PADAT ialah :-

Pengerusi : RM 800.00

Timbalan Pengerusi : RM 500.00

Setiausaha, Bendahari
dan Ahli Lembaga lain : RM 400.00

Elaun ini adalah mengikut kehadiran mesyuarat yang di hadiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MASALAH KEMISKINAN SELANGOR

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk membanteras kemiskinan Selangor dalam tahun 2008-2015.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat serius dan sentiasa komited dalam usaha menangani masalah kemiskinan secara total dan efektif. Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan seperti Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College serta Program Pemberian Bantuan untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan dan Persekolahan ini diharap berupaya memastikan golongan miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu dan sentiasa mendapat manfaat. Ini secara tidak langsung berupaya menghasilkan impak positif dan berkesan terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

Secara ringkasnya, jumlah dan prestasi perbelanjaan bagi peruntukan pembangunan (P01) Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2012 hingga tahun 2015 (dikemaskini sehingga 19 Oktober 2015) adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN	JUMLAH PERBELANJAAN	PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (P01)				
1.	2012	RM7,764,000.00	RM7,493,655.00	96.52%
2.	2013	RM9,889,000.00	RM9,883,667.00	99.95%
3.	2014	RM10,842,000.00	RM10,711,229.58	98.79%

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN	JUMLAH PERBELANJAAN	PRESTASI PERBELANJAAN
4.	2015	RM13,368,000.00	RM9,706,753.92	72.61% <i>(*Dikemaskini sehingga 19 Oktober 2015)</i>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : SAMAN DI MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan saman yang diperolehi mengikut kategori kesalahan?
- b) Berapakah jumlah bayaran balik kepada pihak Suasa Efektif bagi kesalahan parkir sepanjang tahun 2013, 2014 dan dari Januari hingga Jun 2015

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan saman mengikut kategori di Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut:

Tahun 2013			
Jenis Kesalahan	Jumlah Kompaun	Jumlah Amaun	Jumlah Bayaran
UUK Penjaja	5003	1,514,367	67,337
UUK Iklan	2246	1,021,731	142,166
PTPP	1137	475,750	86,170
UUK Taman	32435	2,264,092	513,476
Akta 133	1535	1,370,313	804,843
Establismen Makanan	213	96,735	13,995
Pengendalian Makanan	6	1070	520
Vandalisme	1	1000	-
Hotel	45	36,500	7500
Pusat Siber / Kafe Siber	48	45,750	3000
Pusat Kecantikan	55	47,400	7100
PPPSS (Sampah)	31	22,750	4400
UUK Pasar	-	-	-

Kerajaan Tempatan 1976	-	-	-
Enakmen Hiburan	1	25,000	-
Perintah Pengangkutan Jalan	9	880	80
Tahun 2014			
Jenis Kesalahan	Jumlah Kompaun	Jumlah Amaun	Jumlah Bayaran
UUK Penjaja	5727	1,726,420	74,510
UUK Iklan	4801	2,087,809	257,414
PTPP	1170	505,204	83,044
UUK Taman	45033	3,552,520	749,918
Akta 133	1980	2,644,180	1,679,910
Establismen Makanan	331	151,435	18,095
Pengendalian Makanan	31	8840	2140
Vandalisme	21	20,100	3500
Hotel	41	36,100	10,100
Pusat Siber / Kafe Siber	62	48,125	5925
Pusat Kecantikan	36	35,100	2100
PPPSS (Sampah)	18	10,860	2510
UUK Pasar	-	-	-
Kerajaan Tempatan 1976	-	-	-
Enakmen Hiburan	-	-	-
Perintah Pengangkutan Jalan	7	790	140
UUK. Kedai Gunting Rambut	1	350	-
Pelesenan Anjing	1	550	-
Tahun 2015			

Jenis Kesalahan	Jumlah Kompaun	Jumlah Amaun	Jumlah Bayaran
UUK Penjaja	4795	1,617,350	28,345
UUK Iklan	4939	2,771,580	142,180
PTPP	1095	618,285	63,725
UUK Taman	47,822	4,896,937.50	611,877.50
Akta 133	1568	383,770	43,495
Establismen Makanan	241	143,210	7700
Pengendalian Makanan	12	5400	600
Vandalisme	21	21,000	1000
Hotel	20	20,000	2000
Pusat Siber / Kafe Siber	22	18,150	1000
Pusat Kecantikan	29	27,600	1000
PPPSS (Sampah)	43	31,600	3000
UUK Pasar	33	13,660	210
Kerajaan Tempatan 1976	3	900	200
Enakmen Hiburan	-	-	-
Perintah Pengangkutan Jalan	1	150	-
Pusat Sukan Persendirian	1	750	-

- b) Jumlah bayaran balik oleh Majlis Bandaraya Shah Alam kepada pihak Suasa Efektif bagi kesalahan parkir sepanjang tahun 2013, 2014 dan dari Januari hingga Jun 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2013	RM772,356.08
2014	RM1,182,974.18
Sehingga Jun 2015	RM 609,387.18

JUMLAH	RM2,564,717.44
---------------	-----------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : LESEN ARAK DI KUALA LANGAT

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan butir-butir seperti nama syarikat / individu, alamat perniagaan lesen arak yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Selangor.
- b) Sila menyatakan jumlah yang diluluskan dan ditolak sejak Tahun 2013, 2014 hingga bulan Oktober 2015.
- c) Sila menyatakan tarikh dan berapakah jumlah kali operasi yang telah di jalankan oleh PBT untuk menyita peniaga tanpa lesen jual arak?

JAWAPAN:

- a) Senarai jumlah lesen arak yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat

Bil	Nama	Alamat	Jenis Lesen
1.	Tan Siong Seng (K/P: 730321-10-5829)	Gold Coast Morib International PT 294, Kaw Kanchong Laut Mukim Morib, 42700 Banting	Rumah Awam Kelas 1
2	Eng Chee Peng (K/P:590808-10-5781)	Mico Karouke Lounge Sdn Bhd No.40-42, Jalan Bunga Pekan 2, Banting	Rumah Awam Kelas 1
3	Malcolm Jeremy Ng Kwee Seng (K/P:860814-43-5645)	AMVERTON COVE GOLF PT673, Pulau Carey	Rumah Awam Kelas 1
4	Tamilarasan a/l Kangaderan (K/P:750508-10-5093)	Seltex Banting No.141, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting	Rumah Awam Kelas 1
5.	Tan Tin Son (K/P: 500923-10-5523)	KEDAI RUNCIT SOON KEE Lot 454, Batu 14 ½ , Jalan Banting,42600 Jenjarom	Rumah Awam Kelas 2

6.	Tong Nam Chau (K/P: 540326-10-5281)	Tong Lee Coffee & Bar 384, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting	Rumah Awam Kelas 3
7.	Eliyarajah a/ Palanisamy (K/P: 780330-10-6095)	Seven Hills Trading No.34, Jalan Sultan Abdul Samad,42700 Banting	Borong
8.	Gan Chai Joo (K/P:720616-10-5747)	United Asia Trading (M) Sdn Bhd Lot.5547, 2 nd Floor, Jalan Sekolah,42600 Jenjarom	Borong
9.	Muthusamy a/l Chinniah (K/P:550726-10-6231)	No.82, Jalan Besar 42500 Telok Panglima Garang	Borong
10.	Selvarajoo a/ Madasamy (K/P:680627-10-5087)	Thila Enterprise No.67, Jalan Toman Taman Sri Putra 42700 Banting	Borong
11.	Yeo Teck Lai (K/P: 690829-10-6167)	Chop Lian Hup No.S-39, Jalan Sekolah Sg.Jarom,42600 Jenjarom	Borong
12.	Tee Siong Boon (K/P:671122-10-5175)	Chop Sin Joo Seng Lot 3536(3) Jalan Telok Mengkuang,42500 T.P.G.	Borong
13.	Tee Kim Heng @ The Hin (K/P:410907-10-5145)	Kwong Chye Yeun Chan No.4 & 6, Jln Bunga Pekan 5, Kawasan 6, 42700 Banting	Borong
14.	Liow Chong Eng (K/P:740413-10-5673)	Hong Eng Trading No.6,Jln 3, Taman Aman Jln Telok Mengkuang 42500 Telok Panglima Garang	Borong
15.	Lim Kian Chee (K/P: 420417-10-5037)	Chop Hup Huat No.9, Jalan Suasa Kaw.Perindustrian Banting.	Borong
16.	Lim Kia Chet (K/P:800819-10-5653)	Sin Chan Huat (Banting) Sdn Bhd Lot 302, 1 KM Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	Borong

17.	Tamilarasan a/l Kangaderan (K/P:750508-10-5093)	Seltex Banting No.141, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting	Borong
18.	Subramaniam a/l Ramasamy (K/P:620820-08-5829)	Lot.215, Jln Bandar Lama 42500 T.P.G	Borong
19.	Maladevi a/p Velusamy (K/P: 660324-10-5006)	Maladevi Trading No.77 Jalan Toman Taman Sri Putra 42700 Banting	Runcit
20.	Tan Kee Hock (K/P:580911-10-5529)	HAI-O Raya Bhd 190, Ground Floor Jln Sultan Abdul Samad Taman Sari,42700 Banting.	Runcit
21.	Tan Tin Son (K/P:500923-10-5523)	Kedai Runcit Soon Kee Lot 454, Bt 14 ½ Jalan Banting 42600 Jenjarom	Runcit
22.	Mokhanadas a/l Munusamy (K/P: 911226-10-5815)	Thanaletchumy Mini Market Lot 314, Jalan Bandar Lama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
23.	Thennarasu a/l Kandasamy (K/P: 641005-10-5937)	Pasar Raya Megah KTL Lot 25, No.8 & 10, Jln BB ½ Taman Banting Baru 42700 Banting.	Runcit
24.	Wong Kee Foo (K/P: 730804-10-5049)	Fong Lee Spirits Trading No.175-B, Jalan Besar 42800 Tanjung Sepat	Runcit
25.	Parvathy a/p S.Kumarasamy (K/P:680827-10-6156)	Parvathy Stores No.35, Jalan BB 1/6 Bandar Baru Banting 42700 Banting.	Runcit
26.	Punithawathy a/p Tarakrishnan (K/P:780130-10-5610)	Niveetha Mini Market No.25, Jalan Mentari 1B/7 Bandar Mahkota, 42700 Banting.	Runcit

27.	Chan Tian Chuan (K/P:510408-10-5253)	Jin Ji Trading No.5, Jalan Desa 1 Taman Seri Desa Tongkah 42700 Banting	Runcit
28.	Basundy a/p Ramasamy (K/P:760809-10-5774)	RPV Mini Market Lot 318, Jalan Bandar Lama 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
29.	Yong Hong Poo (K/P:741110-10-5101)	Kedai Ubat Sin Seng S-42, Jalan Sekolah Sg.Jarom 42600 Jenjarom	Runcit
30.	Lee Thiam Wah (K/P:640430-10-6493)	99 Speedmart Sdn Bhd No.43,75&77, Jalan Besar T.P.G	Runcit
31.	Lee Thiam Wah (K/P:640430-10-6493)	99 Speedmart Sdn Bhd No.23&25&27, Jln Bacang 17 Sg.Lang,Taman Seri Jarum 42600 Jenjarom	Runcit
32.	Lee Thiam Wah (K/P:640430-10-6493)	99 Speedmart Sdn Bhd A1-O (Tkt Bawah) Jln Wisma Bangunan Wisma,42700 Banting	Runcit
33.	Chow Yeong Kwong (K/P: 610807-10-5339)	Nam Wah Medical Shop 342, Jalan Sultan Abd Samad 42700 Banting	Runcit
34.	Keu Foo Chuan (K/P:720510-10-5503)	Chop Poh Onn Tong No.78, Jalan Utama T.P.G.	Runcit
35.	See Kung Sing (K/P:680119-01-6141)	GCH Retail (M) Sdn Bhd Lot 555, Persiaran Kota Seri Langat, 42700 Banting	Runcit
36.	Chin See Kan @ Chin Chong Lian (K/P:400404-10-5005)	Chop Ban Tong Onn 328,Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	Runcit
37.	Ng Meng Kiat (K/P:690206-10-5061)	No.306, Jln Pulau Carey Batu 11 ¼, 42500 T.P.G	Runcit
38.	Tamilarasan a/ Kangaderan (K/P:750508-10-5093)	Seltex Banting Trading No.141 Jln Bunga Pekan 2 42700 Banting	Runcit

39.	Yong Boon Fa (K/P:530519-10-5043)	Kedai Arak Boon Fa S-23, Jln Sekolah 42600 Jenjarom	Runcit
40.	Poobalan a/l Veerappan (K/P:700711-10-5851)	Pasar Mini Sri VP No.24, Jalan Kuini, Taman Sri Jarom, 42600 Kuala Langat	Runcit
41.	Kunalan a/l Ramasamy (K/P:791011-10-5013)	Kedai Runcit & Makanan RS Kunalan No.2936, Jalan Engang, Batu 9, Kebun Baru,42500 T.P.G	Runcit
42.	Ang Nine Sze (K/P:891014-10-5447)	OK Mart Enterprise No.188-196 Jalan Utama 2 Taman Jaya Utama 42500 T.P.G	Runcit
43.	Selvarajoo a/l Madasamy (K/P:680627-10-5087)	Thila Enterprise No.67 & 69, Jalan Toman Taman Sri Putra 42700 Banting.	Runcit
44.	Muthusamy a/l Chinniah (K/P:550726-10-6231)	No.82 Jalan Besar 42500 T.P.G.	Runcit
45.	Ng Poh Lian (K/P:670807-10-5288)	Lian Shen Trading No.41, Ground Floor Jln Palas 2, Tmn Dato Hormat 42500 T.P.G.	Runcit
46.	Vengatraman a/l Krishnan (K/P:740602-10-5293)	Sri Chakra Mini Market No.47, Jln Pandan Taman Dato Hormat 42500 T.P.G	Runcit
47.	Ng Kiat Siong (K/P:800331-10-5903)	Kiat Siong Trading Batu 26 ½ , Jalan Tongkah Morib 42700 Banting.	Runcit
48.	Balasubramaniam a/l Murugon (K/P:511024-10-5419)	MS Balasubramaniam Entr No.34, Lot 73, Kg Sg Sedu Jln Klang Banting,42700 Banting.	Runcit
49.	Ravi a/l Rangasamy (K/P:651111-10-5163)	Rangasamy & Sons Enterprise No.1, Batu 17 ¼ Sg.Sedu,42700 Banting.	Runcit

50.	Subramaniam a/l Ramasamy (K/P:620820-08-5829)	Lot.215, Jln Bandar Lama 42500 T.P.G	Runcit
51.	Dhanam a/p Poongan (K/P:650411-03-5270)	Dhana Mini Market No.4, Jalan Berjaya 4 Taman Langat Jaya 42700 Banting.	Runcit
52.	Yong Teck Yee (K/P:760417-10-5185)	Yong Life Medical Hall No.6, Jalan Cempaka Kaw 6 42700 Banting	Runcit
53.	Thanggamani a/p Veeramalai (K/P:601031-10-5336)	Pasar Mini Thanggamani Jaya No.5, Jalan Keli 2 Taman Sri Putra Jln Jugra,42700 Banting.	Runcit
54.	Yang Kian Teck (K/P:570104-10-5873)	Kedai Ubat Teck Ann No.280, Jln Sultan Abdul Samad 42700 Banting	Runcit
55.	Gunasekaran a/l Nallusamy (K/P:630810-10-6509)	Jln 5, No.46, Kg Tan Sri Manickavasagam Pulau Carey	Runcit
56.	Murugan a/l R.Letchumanan (K/P:720310-10-5103)	MSA Enterprise No.15, Tingkat Bawah, Jln Pertiwi,Tmn Pertiwi 42500 T.P.G	Runcit
57.	Tee Siong Toon (K/P: 701105-10-5733)	JS Hock Sdn Bhd No.31, Jln Palas 2 Tmn Dato Hormat 42500 T.P.G	Runcit
58.	Koh Nyit Yew (K/P:730807-10-5167)	Chop Tong Heng Batu 26 ½ Tongkah Morib 42700 Banting	Runcit
59.	Siaw Seng Kong (K/P:640623-10-5059)	Sheng Li Jia Trading SB No.26, Jln Rambai Indah 42600 Jenjarom	Runcit
60.	Ang Peng Hoo (K/P:580915-10-5665)	Jazco Speedmart No.41 & 43, Jalan Ria 42600 Sg Jarom	Runcit

61.	Tee Kim Heng @ The Hin (K/P:410907-10-5145)	Kwong Chye Yeun Chan No.4 & 6, Jln Bunga Pekan 5 Kaw 6,42700 Banting	Runcit
62.	Seow Kin Hock (K/P:740116-10-5589)	Seow Kin Hock Lot 1036 (75) LD Batu Untung 42800 Tanjung Sepat.	Runcit
63.	Lim Ah Tee (K/P:530412-10-5051)	Chop Lian Shin No.176, Jln Besar 42800 Tanjung Sepat	Runcit
64.	Megala a/p T.Vijiyanthiran (K/P:750226-10-5140)	Pasar Mini Divya No.172, Jln Panglima 2 Taman Emas, T.P.G	Runcit
65.	Senthamilarasu a/ Veerasingam (K/P:650130-08-5677)	AJ Top Mini Market No.41, Jalan Dendang 9 Tmn Telok,42500 T.P.G	Runcit
66.	Gan Cheng Lien (K/P:580824-05-5295)	Perniagaan Seng Lien No.83, Jalan Morib,42700 Banting	Runcit
67.	Ang Huat (K/P:571216-10-5493)	Ang Huat Mini Market No.31, Jalan Baiduri Taman Baiduri,42700 Banting	Runcit
68.	Yong Kiap Hong @ Yong Yoon Long (K/P:500718-10-5321)	Chop Yam Lee S-21, Jln Sekolah 42600 Jenjarom	Runcit
69.	Munusamy@Ramasamy a/l Sinnasamy (K/P:431008-10-5101)	Munusamy & Son Enterprise Lot 98, Kampung Manickavasagam, Ldg Timor,42960 Pulau Carey	Runcit
70.	Lai Siah Yang (K/P:650505-10-5997)	Econsave Cash & Carry (BT) SB Lot 2-14, Jln Suasa, Kaw Perindustrian PKNS, Banting	Runcit
71.	Vasanthan a/ Ramanathen (K/P:830220-10-5879)	Seven Pyramids Trading M7, Jalan Besar Jenjarom 42600 Jenjarom	Runcit
72.	Vasanthan a/ Ramanathen (K/P:830220-10-5879)	Seven Pyramids Trading No.6, Jalan Bunga Pekan 42700 Banting.	Runcit

73.	Balakrishnan a/ Ramasamy (K/P:651204-10-5111)	Balakrishnan Mini Market No.50, Jalan Pandan 4 Taman Dato Hormat 42500 Telok Panglima Garang	Runcit
74.	Law Tiam Look (K/P:711206-10-5475)	Hong Yang Liquor Sdn Bhd No.330, Lorong 18, Jalan Sekolah 42600 Jenjarom	Runcit
75.	Chong Fuay Shian (K/P:720725-10-5236)	Pasar Mini SK Chong No.27-B, Jalan Besar 42800 Tanjung Sepat	Runcit
76.	Dato' Dr Chai Kee Kan (K/P: 671116-13-5159)	KK Supermart & Superstore SB No.261, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting.	Runcit
77.	Dato' Dr.Chai Kee Kan (K/P:671116-13-5159)	KK Supermart & Superstore SB No.32, Jalan SDP 1, Bandar Saujana Putra 42610 Jenjarom	Runcit
78.	Loh Man (K/P:570216-05-5145)	The Store (M) Sdn Bhd Lot 1256, Jalan Besar 42700 Banting.	Runcit
79.	Suganya a/p Subramaniam (K/P:760719-14-5190)	VT Klik Enterprise No.233, Jalan Teluk Bunut Taman Delima 42700 Banting.	Runcit
80.	Ahnath a/l Balakrishnan (K/P:880215-05-5147)	AKS Mini Market No.16, Jalan MJ 48 Taman Manggis Jaya 42700 Banting.	Runcit

b) Senarai Jumlah Permohonan Lulus Dan Tolak Lesen Arak

Tahun	Permohonan	Lulus	Tolak
1) 2013	4	3	1
2) 2014	3	1	2
3) 2015	2	1	1

c) Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat (Lembaga Pelesenan Minuman Keras PDTKL) telah membuat pemantauan terhadap pematuhan syarat-syarat Lesen Minuman Keras kepada peniaga-peniaga yang mempunyai Lesen sahaja sebanyak 2 kali. Operasi bersepadu telah dijalankan pada tarikh berikut:-

1. Tahun 2014 – 20/10/2014 - Pemantauan dan Penguatkuasaan ke atas pematuhan syarat-syarat Lesen yang telah dikeluarkan. Waktu operasi dibuat pada jam 8.00 malam hingga 1.00 pagi
2. Tahun 2015 – 15/9/2015 - Pemantauan dan Penguatkuasaan pematuhan syarat-syarat Lesen di kawasan Telok Panglima Garang dan juga pemeriksaan terhadap aduan yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah program pembangunan modal insan telah dijalankan dengan bajet yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Program pembangunan modal insan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri merupakan satu pendekatan yang berhikmah dan kontemporari dalam usaha membangunkan modal insan secara bersepadu melalui konsep *continuous learning*. Pencapaian pelaksanaan program pembangunan modal insan berdasarkan bajet yang telah diluluskan bermula Ogos 2008 sehingga Oktober 2015 telah berjaya melatih seramai **158,604 orang** dan dalam tempoh ini ia merupakan satu kejayaan yang cukup besar dalam mengetengahkan konsep pembangunan insan yang holistik kepada warga Negeri Selangor. Maklumat pencapaian pelaksanaan program adalah seperti jadual di bawah :

BIL	KATEGORI PESERTA	JUMLAH PESERTA OGOS 2008 – OKTOBER 2015
1	Remaja / Belia	75,155
2	Penjawat Awam	24,622
3	Warga Pendidik	16,740
4	Kanak-Kanak	411
5	Pimpinan Masyarakat	15,199
6	Keluarga	17,061
7	Pelajar IPT / Siswa	6,484
8	Warga Industri	620
9	Warga Emas	50
10	Briged Amal	2,113
11	Skwad INSAN	40

12	Briged Wanita	109
	JUMLAH	158,604

Secara umumnya, pelaksanaan program ini dapat diterima dengan baik oleh masyarakat yang mana ianya dapat dilihat menerusi peningkatan ilmu, pemerksaan potensi kebaikan diri secara holistik, keinsafan jiwa, peningkatan kesediaan diri untuk berubah ke arah menjadi aset bernilai kepada negara dan ruang untuk memberi penjelasan terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam memantapkan nilai modal insan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : TAPAK KEJADIAN PEMBUNUHAN HENRY GURNEY DI SELEKOH
BUKIT FRASER**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status permohonan peruntukan Kementerian Pelancongan untuk mewujudkan tempat letak kereta yang berdekatan dengan tapak kejadian pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu Sir Henry Lovell Goldsworthy Gurney di selekoh Bukit Fraser bagi memudahkan orang ramai dan pelancong luar bersinggah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah monumen bersejarah untuk menyingkap kembali tragedi berdarah di selekoh Bukit Fraser yang merupakan tapak kejadian pembunuhan Henry Gurney? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah menyediakan Projek Brief dan permohonan secara rasmi telah disampaikan kepada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia untuk pertimbangan sewajarnya di dalam Program Rancangan Malaysia Ke - 11.
- b) Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor tidak berhasrat menambah monumen di kawasan berkenaan kerana kekangan dari segi ruang selain keadaan semasa kawasan berkenaan terletak di selekoh "S". Pihak MDHS juga berpendapat, penambahan monumen akan mengubah rupa kawasan berkenaan yang tinggi nilai dari segi sejarah dan pemandangan yang indah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
PERDAGANGAN**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah core business Standco ini?
- b) Gariskan KPI Standco ini bagi tahun 2013 dan 2014.
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bidang tugas *Standco* ini adalah seperti berikut;-
 - i. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perdagangan (*Trading*) sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi menentukan program-program;
 - ii. Menetapkan dasar dan polisi baru bagi meningkatkan perdagangan dalam dan luar negara; dan
 - iii. Memantau dan menilai program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun
 - iv. Lain-lain tugas yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- b) KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut;-

Perkara	KPI 2013		KPI 2014	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Perlaksanaan Program	31	29	82	78
Bilangan Mesyuarat	3	3	3	3

- c) KPI yang gagal memenuhi sasarannya adalah dari segi pelaksanaan program di mana terdapat beberapa program tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan masa dan ketidaksesuaian program pada masa tersebut. Antara program-program yang tidak dapat dilaksanakan seperti berikut;-

Program-program yang tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2013 dan 2014

Bil.	Program	Objektif	Status
Tahun 2013			
1.	<i>Special Hi-Tea With Group Of Investors</i> <ul style="list-style-type: none"> • Singapore • Australia • United Kingdom • Taiwan 	Menjadi landasan bagi industri menyampaikan isu / permasalahan yang dihadapi.	Tunda
2.	<i>Cocktail Hi-Tea With Existing MNC Expand in 2012</i>	Majlis penghargaan kepada pelabur yang menambah pelaburan di Negeri Selangor	Tunda
Tahun 2014			
1.	Misi Penggalakan Pelaburan Ke Luar Negara: <ol style="list-style-type: none"> 1. Eropah <ul style="list-style-type: none"> ○ Switzerland & Italy ○ Germany & Netherland ○ Belgium & Germany 2. United State of America 3. Asia Tenggara <ul style="list-style-type: none"> ○ Philippines ○ Thailand 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dalam misi penggalakan pelaburan anjuran MIDA. • Misi penggalakan pelaburan anjuran SSIC dan diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar / EXCO. • Menarik para pelabur dari negara-negara yang dilawati. • Mempromosi Selangor sebagai pusat perindustrian. • Mengeratkan jalinan kerjasama dan menambah <i>Networking</i> 	Tangguh
2.	Mesyuarat PEMUDAH	Membincangkan isu-isu	Tangguh

	Selangor	keberkesanan sistem penyampaian (<i>delivery system</i>) dan polisi-polisi kerajaan berkaitan pembangunan perindustrian, perumahan dan perdagangan.	
3.	<i>Annual Networking Meeting with FMM Selangor</i>	Menjalinkan hubungan bersama dan merangka program pada masa akan datang.	Tanggung
4.	<i>Luncheon With Foreign Embassies & Business Chamber Of Commerce</i>	Menjalinkan hubungan baik di antara pihak Kerajaan Negeri dengan dewan perniagaan.	Tanggung

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : BANK TANAH KERAJAAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan tanah kerajaan di kawasan DUN Selat Klang.
- b) Apakah perancangan setakat ini untuk membangunkan tanah tersebut?
- c) Bagaimanakah prosedur orang kampung melalui JKKK boleh memanfaatkan tanah kerajaan yang terbiar untuk kegunaan tidak kekal?

JAWAPAN:

- a) Setelah semakan dibuat, didapati untuk kawasan DUN Selat Klang hanya sebahagian Pulau Ketam masih merupakan tanah kerajaan.
- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri telah meluluskan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan rumah kediaman kepada penduduk Pulau Ketam.
- c) Tanah kerajaan yang terbiar boleh dipohon secara Lesen Pendudukan Sementara untuk tujuan tidak kekal mengikut Garis Panduan permohonan LPS di atas tanah rizab iaitu untuk tujuan seperti berikut:
 - 1. Tapak semaian/jualan pokok hiasan
 - 2. Tanaman kontan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB) SELANGOR

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberhasilan PWB sejak diwujudkan?
- b) Apakah perancangan PWB pada masa hadapan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sentiasa memantau keberhasilan program-program yang dilaksanakan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) semenjak ianya di struktur semula dan ditambah baik pada bulan April 2015 sehinggalah kini. Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan sebuah organisasi pemberdayaan wanita di semua 56 DUN yang diselia oleh seorang Penyelia PWB. Sejak diwujudkan, Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah merangka dan menjalankan modul pemberdayaan wanita. Modul tersebut dibahagikan kepada dua aspek iaitu:

1. Modul Pemberdayaan Induk (berstruktur)

Sehingga bulan Oktober 2015, Modul Pemberdayaan Induk (berstruktur) yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual di bawah:-

TAJUK MODUL	SASARAN	PENCAPAIAN	%
Kepimpinan Wanita	56 DUN	55 DUN	98
Kefahaman Gender	56 DUN	8 DUN	14
Keselamatan dan Kesihatan Keluarga	56 DUN	10 DUN	17
Pengurusan Kewangan Berhemah	56 DUN	10 DUN	17

2. Modul Pemberdayaan Kemahiran (tidak berstruktur)

Sebagai pemangkin kerancangan ekonomi wanita setempat, program-program tidak berstruktur lebih banyak membantu bagi meningkatkan ekonomi sama ada sebagai punca pendapat utama ataupun sebagai

punca pendapatan sampingan. Justeru itu, PWB sentiasa mengadakan program-program berbentuk kemahiran yang boleh menarik minat kaum wanita berpersatuan di samping menambah ilmu dan meningkatkan pendapatan. Antara program-program tidak berstruktur yang dicadangkan dan telah dilaksanakan oleh para Penyelia PWB adalah seperti berikut :-

- Bengkel Kraftangan (kristal, dompet, beg tangan, bakul, kerongsang, gubahan);
- Bengkel Jahitan (pakaian, telekung, sari);
- Bengkel Masakan dan Bakeri (masakan tradisi, kuih muih tradisi pelbagai kaum, pembuatan roti, kek dan biskut);
- Kursus Ilmiah (Kelas Bahasa, Kelas Komputer, Fotografi);
- Senaman Sihat (Aerobik dan taklimat pemakanan sihat);
- Bengkel Kecantikan dan Penampilan Diri;
- Bengkel Penghasilan Produk (sabun organik, eko enzim dan lain-lain);
- Program Alam Sekitar (*Green Plantation*); dan
- Bengkel Kemahiran (lukis inai, refleksologi, spa terapi, cetak t-shirt)

b) Bagi merencanakan dan memantapkan lagi agenda memperkasakan wanita di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah merancang pelbagai program bagi disasarkan untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2016. Perancangan PWB pada tahun 2016 adalah seperti berikut:-

1. Mewujudkan PWB HUB untuk membantu memasarkan produk-produk yang dihasilkan oleh PWB DUN;
2. Kursus Hak dan Perundangan wanita;
3. Bengkel Keusahawanan *Online*;
4. Pengurusan Kewangan Keluarga (Fokus: lelaki dan perempuan);
5. Kesamarataan Gender (Fokus: lelaki dan perempuan); dan
6. Hak dan Perlindungan Kanak-kanak (Fokus: lelaki dan perempuan).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penstrukturan semula air Selangor?
- b) Apakah pelan tindakan setelah selesai penstrukturan semula air ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan menaikkan kadar tarif air?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Seksyen Makro dan Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERSISIRAN PANTAI TERHAKIS

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memantau persisiran pantai yang terhakis di Selangor?
- b) Berapakah peruntukan untuk membaik pulih pesisir pantai yang terhakis?

JAWAPAN:

- a) LUAS telah menyediakan Pelan Risiko Bencana Kawasan Pantai Negeri Selangor yang merangkumi bencana-bencana yang berisiko untuk berlaku di kawasan pantai negeri termasuklah hakisan dan pemendapan. Pelan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bil. 2/2015 yang bersidang pada 28 Ogos 2015 dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Hasil daripada kajian yang dijalankan, kawasan pantai di Negeri Selangor telah mengalami hakisan dan pemendapan yang agak ketara. Ada di antara kawasan pantai yang mengalami hakisan pada tahap kritikal seperti di Bagan Beting Kepah, Bagan Sg. Burung hingga ke Sg. Limau, Bagan Sg. Besar, Sg. Hj. Sirat, Morib, dan Batu Laut hingga ke Sg. Manggis. Bagan Sg. Burung merupakan antara kawasan pantai yang paling teruk terhakis dengan purata hakisan setahun sebanyak 14.40 meter.

Melalui penyediaan pelan tersebut, strategi pencegahan dan mitigasi telah dihasilkan bagi mengurangkan impak bencana-bencana yang berisiko untuk berlaku terhadap kawasan pantai di Negeri Selangor. Selain daripada itu, satu Garis Panduan Pembangunan Bagi Kawasan Berisiko Bencana juga telah dihasilkan yang boleh dijadikan rujukan oleh semua pihak berkepentingan dan pemaju-pemaju di dalam sebarang perancangan pembangunan yang dicadangkan.

Pelaksanaan Pelan Risiko Bencana Kawasan Pantai ini akan diselaraskan melalui Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu yang telah diwartakan dan diguna pakai oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2007 secara berperingkat yang dimulai dengan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Pelabuhan Klang (Klang & Kuala Langat), Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Kuala Selangor & Sabak Bernam dan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Sepang.

b) (Maklumat oleh Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor)
Pada Tahun 2015 ini, Kerajaan Negeri menerima peruntukan untuk membaik pulih pesisir pantai yang terhakis terdiri dari 2 Program iaitu :

- i. Rancangan Memperkukuhkan Benteng Pantai berjumlah :
RM1,153,890.00
- ii. Kawalan Hakisan berjumlah : RM300,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN RUMAH RASMI KERAJAAN

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kos penyelenggaraan rumah Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri dari tahun 2012 hingga 2015?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos penyelenggaraan rumah rasmi kerajaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kos penyelenggaraan rumah Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri dari tahun 2012 hingga 2015:

- i. Rumah Menteri Besar = **RM554,982.90**
- ii. EXCO Kerajaan Negeri = **RM 773,788.00**

** Data kos penyelenggaraan mengikut tahun seperti di Lampiran A.

- b) Antara usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos penyelenggaraan rumah rasmi kerajaan tersebut ialah:
 - i. Membuat pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala/ mengikut jadual.
 - ii. Melaksanakan perolehan sebut harga/ tender untuk perkhidmatan penyelenggaraan secara terbuka dan melantik kontraktor yang menawarkan harga yang terendah/ menguntungkan kerajaan.

Lampiran A

**KOS PENYELENGGARAAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. MENTERI BESAR
SELANGOR DARI TAHUN 2012 HINGGA 2015.**

BIL	TAHUN	JUMLAH HARGA KONTRAK KERJA	JUMLAH INDEN	JUMLAH
1.	2012	RM 107,040.00	-	RM 107,040.00
2.	2013	RM 102,439.75	RM20,671.30	RM 123,111.05
3.	2014	RM 95,999.40	RM37,897.00	RM 133,896.40
4.	2015	RM 72,929.65	RM118,005.80	RM 190,935.45
JUMLAH KESELURUHAN				RM 554,982.90

**KOS PENYELENGGARAAN DI KOMPLEKS KEDIAMAN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR (EXCO) DARI TAHUN 2008 HINGGA 2015.**

BIL	TAHUN	JUMLAH HARGA KONTRAK KERJA	JUMLAH INDEN	JUMLAH
1.	2012	RM 335,255.00	RM 115,290.00	RM 450,545.00
2.	2013	RM 80,440.00	RM 44,665.00	RM 125,105.00
3.	2014	RM 116,139.00	RM35,957.00	RM 116,139.00
4.	2015	RM 81,999.00	RM27,400.00	RM 81,999.00
JUMLAH KESELURUHAN				RM 773,788.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMILIK KEDIAMAN BERSTRATA

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada pemilik kediaman berstrata yang gagal membayar yuran penyelenggaraan?
- b) Berapakah jumlah notis tindakan mahkamah yang dikeluarkan ke atas pemilik kediaman berstrata dari 2013-2015 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kegagalan pembeli atau pemilik petak untuk membayar caj penyelenggaraan adalah satu kesalahan di bawah seksyen 34, Akta Pengurusan Strata 2013.

Seksyen 25, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] mewajibkan pemunya petak membayar caj dan caruman kepada kumpulan wang penjelas, kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Seksyen 136, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] memperuntukkan pendakwaan hanya boleh dimulakan di bawah Akta ini dengan mendapat keizinan daripada Timbalan Pendakwaraya. LPHS telah memperolehi keizinan tersebut khususnya bagi menjalankan pendakwaan di bawah Akta 757.

Setakat dari Januari 2013 sehingga 30 September 2015, LPHS telah menerima sebanyak 823 notis peringatan (yang lengkap) daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Selangor untuk menuntut tunggakan caj penyelenggaraan dan pengurusan terhadap pembeli. Daripada 823 notis tersebut, sebanyak 756 kes pendakwaan telah difailkan dan baki sebanyak 67 masih menunggu izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) Selangor.

- b) Bermula dari Januari 2013 sehingga 30 September 2015, LPHS telah menerima notis peringatan (yang lengkap) daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) di Selangor mengikut pecahan PBT seperti berikut:-

BIL	PBT	IZIN PENDAKWAAN	PROSIDING MAHKAMAH	SELESAI	JUMLAH
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	0	114	130	244
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	7	0	67	74
3	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	29	7	36	72
4	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	4	17	4	24
5	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	2	0	141	135
6	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	5	1	26	44
7	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	4	0	38	41
8	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	3	4	11	17
9	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	13	40	120	172
JUMLAH KES		67	183	573	823

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : INDEKS JENAYAH SELANGOR

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan kes jenayah dan jenis yang berlaku di Selangor mengikut daerah pada tahun 2014 & 2015.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar jenayah di Selangor dan nyatakan hasilnya?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan jenayah di Negeri Selangor diukur melalui statistik Jenayah Indeks yang dilaporkan. Pengukuran melalui Jenayah Indeks mengikut amalan dan piawaian yang digunapakai oleh kebanyakan negara dalam mengukur kadar jenayah. Jenayah Indeks terbahagi kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Kedua-dua kategori ini melibatkan 13 jenis jenayah. Berikut adalah pecahan bagi Jenayah Indeks.

1) Bagi Jenayah kekerasan terdapat 7 jenis jenayah iaitu:

- a. Jenayah Bunuh
- b. Jenayah Rogol
- c. Jenayah Samun Berkawan Senjatapi
- d. Jenayah Samun Berkawan Tanpa Senjatapi
- e. Jenayah Samun Bersenjatapi
- f. Jenayah Samun Tanpa Bersenjatapi
- g. Mendatangkan Cedera

2) Bagi Jenayah Hartabenda terdapat 6 jenis jenayah iaitu:

- a. Jenayah Lain-Lain Curi
- b. Jenayah Curi Motosikal
- c. Jenayah Curi Motokar
- d. Jenayah Curi Motolori / Van / Jentera berat
- e. Jenayah Curi Ragut
- f. Jenayah Pecah Rumah Dan Curi

- 3) Perangkaan jenayah indeks bagi tempoh Januari – September 2014/2015 iaitu pada tahun 2015 sebanyak **23,770** kes jenayah indeks dicatatkan berbanding tahun 2014 sebanyak **27,571** kes iaitu penurunan sebanyak **3,801** kes @ **-13.79%**. Berikut adalah statistik jenayah indeks bagi Kontinjen Selangor tempoh Januari – September 2014/2015.

		JENAYAH INDEKS			
BIL	JENIS KESALAHAN	2014	2015	JUMLAH	PERATUS
	JENAYAH KEKERASAN	KES	KES	+N/-T	%
1	BUNUH	88	109	21	23.86%
2	ROGOL	254	230	-24	-9.45%
3	SAMUN BERKAWAN BERSENJATAPI	10	2	-8	-80.00%
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATAPI	3836	2956	-880	-22.94%
5	SAMUN BERSENJATAPI	4	0	-4	-100.00%
6	SAMUN TANPA BERSENJATAPI	589	555	-34	-5.77%
7	MENDATANGKAN CEDERA (324-6 KK)	822	914	92	11.19%
JUM.KEKERASAN		5603	4766	-837	-14.94%
JENAYAH HARTABENDA					
1	LAIN - LAIN CURI	3658	2961	-697	-19.05%
2	CURI MOTOKAR	3566	2862	-704	-19.74%
3	CURI MOTOSIKAL	8144	7313	-831	-10.20%
4	CURI MOTOLORI / VAN / JENTERA BERAT	1230	992	-238	-19.35%
5	CURI RAGUT	695	724	29	4.17%
6	PECAH RUMAH DAN CURI	4675	4152	-523	-11.19%
JUMLAH HARTABENDA		21968	19004	-2964	-13.49%
JUMLAH BESAR		27571	23770	-3801	-13.79%

Bagi tempoh kajian kes jenayah kekerasan telah mencatatkan sebanyak **4,766** kes manakala kes jenayah hartabenda sebanyak **19,004** kes telah dicatatkan pada tahun 2015. Bagi tahun 2014 kes jenayah kekerasan telah mencatatkan sebanyak **5,603** kes manakala jenayah hartabenda sebanyak **21,968** kes telah dicatatkan bagi tahun 2014.

Bagi kes-kes jenayah kekerasan dan hartabenda yang menunjukkan peningkatan ialah:

- Kes – kes Jenayah Kekerasan yang menunjukkan peningkatan adalah kes **Bunuh** meningkat sebanyak **21** kes dan **Mendatangkan Cedera** meningkat **92** kes. Kedua-dua kategori Jenayah Indeks yang meningkat ini merupakan jenis jenayah yang dikategorikan sebagai jenayah yang '**non-preventable**'.
- Kes – kes Jenayah Hartabenda yang menunjukkan peningkatan adalah kes **Curi Ragut** meningkat sebanyak **29** kes.

Secara keseluruhannya kedudukan jenayah di Negeri Selangor adalah dalam keadaan terkawal dan statistik Jenayah Indeks menunjukkan *trend* jenayah di

Selangor menurun. Pihak polis meneruskan tindakan-tindakan pencegahan jenayah secara agresif dengan kerjasama masyarakat menerusi konsep atau pendekatan *Community Policing* dan pencegahan jenayah serta sasaran menurunkan kadar Jenayah Indeks menjadi agenda utama PDRM.

- b) Fokus utama pihak PDRM khususnya Kontinjen Selangor bagi tahun 2015 adalah melancarkan operasi secara berterusan membabitkan semua peringkat pegawai dan anggota polis. Fokus utama yang diberi penekanan oleh Ketua Polis Negeri bagi mengurangkan kadar jenayah adalah:-
- i. Memantapkan usaha dan penambahbaikan bagi mencapai sasaran dalam penurunan Kadar Jenayah Indeks keseluruhan serta meningkatkan pencapaian Kadar Penyelesaian dan Pertuduhan Kes Jenayah.
 - Mengurangkan Jenayah Indeks
 - Mengurangkan Kejadian Pecah Rumah
 - Mengurangkan Jenayah Jalanan
 - Meningkatkan Persepsi Terhadap Keselamatan
 - Meningkatkan Kadar Pertuduhan bagi kes – kes jenayah
 - Meningkatkan kepuasan Masyarakat terhadap Polis
 - ii. Membanteras segala kegiatan Perjudian Haram.
 - iii. Membanteras segala kegiatan berunsurkan Pelacuran dan Maksiat termasuk yang melibatkan warganegara asing.
 - iv. Membanteras Kemasukan dan Penedaran Dadah dengan lebih agresif.
 - v. Membanteras Jenayah Kolar Putih melibatkan kes penipuan, penggubahan wang haram, peminjam wang haram serta Jenayah Siber.
 - vi. Menurunkan Kadar Kemalangan Jalanraya dan Kemalangan Maut.
 - vii. Menguruskan persepsi negatif rakyat terhadap PDRM serta meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat melalui:
 - Peningkatan '*Delivery Service*' dalam semua aspek.
 - Memantapkan kerjasama dengan masyarakat dan pertubuhan melalui konsep '*Community Policing*'.

- viii. Meningkatkan *engagement* dalam pasukan ke arah mewujudkan semangat setiakawan (*Esprit de Corp*).
- ix. Memantapkan aspek Integriti, Jati Diri, serta Nilai-Nilai Murni di kalangan warga Polis melalui tadbir urus yang lebih sistematik ke arah membangunkan modal insan yang produktif dan cemerlang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SEKOLAH SATU ALIRAN

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian berkenaan pelaksanaan sekolah satu aliran di Selangor?
- b) Sejauh manakah keseriusan Kerajaan Negeri terhadap idea tersebut?

JAWAPAN:

- a) Seperti yang sedia maklum, perihal pendidikan termasuklah dasar berkenaan aliran sekolah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74 Jadual 9. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kekangan yang nyata untuk memperhalusi sebarang dasar yang akan memberi kesan kepada sistem persekolahan. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa Perkara 152(1)(a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak untuk pendidikan vernakular.
- b) Hakikatnya muafakat Perlembagaan Persekutuan menjamin hak untuk pendidikan vernakular dan ini tidak boleh diubah tanpa persetujuan semua kumpulan etnik yang terlibat dan pindaan Perlembagaan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di peringkat Parlimen. Kami menyokong idea sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan ibu bapa, tetapi perkataan yang perlu ditekankan adalah 'pilihan'. Kami berpendapat bahawa pendidikan merupakan prerogatif ibu bapa. Ibu bapa akan memilih aliran yang akan memberi pendidikan terbaik dan suasana pembelajaran yang menyeluruh untuk anak-anak mengikut kesesuaian. Idea pendidikan sepatutnya "satu sistem yang sesuai untuk semua" sudah lapuk dan akan merosakkan ekonomi Malaysia dalam jangka masa yang lama apabila pelabur akan menuju ke arah negara-negara yang mempunyai sistem pendidikan yang fleksibel dan menghasilkan modal insan yang lebih baik dan produktif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah *hotspot* yang telah berjaya dibina daripada 2,500 *hotspot* yang dibentangkan dalam bajet 2015?
- b) Nyatakan secara terperinci lokasi dan kos pemasangan setiap *hotspot*?
- c) Berapakah jauhkan jarak radius penerimaan setiap *hotspot*?

JAWAPAN:

- a) Setakat 15hb Oktober 2015, sebanyak 884 jumlah *hotspot* yang telah siap digunakan dan sasaran sebanyak 1,378 jumlah *hotspot* akan dapat disediakan sehingga 30hb Oktober 2015 daripada 2,500 *hotspot* yang telah dibentangkan dalam bajet 2015.
- b) Lokasi WIFI *hotspot* ini diletakkan di kawasan-kawasan tumpuan awam berdasarkan kepada sasaran pengguna iaitu:-
 - i. Remaja dan pelajar
 - ii. Berpendapatan rendah
 - iii. Luar bandar
 - iv. Pelancong

Jumlah kos pemasangan bagi setiap *hotspot* adalah dianggarkan sebanyak RM433.50 per lokasi.

- c) Jarak radius penerimaan setiap *hotspot* ialah di antara 50 – 100 meter bergantung kepada keadaan sekitar di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan pada tahun 2014 dan 2015 mengikut daerah?
- b) Nyatakan jumlah peniaga-peniaga kecil yang telah berjaya melepasi PGK melalui program bantuan tersebut?
- c) Apakah jenis perniagaan dan bantuan peralatan/mesin yang diterima oleh mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited dan memandang serius akan masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Dalam usaha menangani masalah kemiskinan ini secara berkesan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah memperkenalkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Kos peralatan bagi setiap permohonan yang diluluskan adalah tidak melebihi RM5,000.00. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan.

Jumlah penerima manfaat Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan bagi tahun 2014 adalah seramai 523 orang. Manakala jumlah penerima manfaat bagi tahun 2015 (sehingga September 2015) adalah seramai 393 orang. Statistik jumlah penerima bantuan mengikut daerah bagi tahun 2014 dan tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA BANTUAN	
		TAHUN 2014	TAHUN 2015
1.	Petaling	34	13
2.	Klang	43	73
3.	Gombak	37	35
4.	Hulu Langat	32	4
5.	Kuala Langat	173	125
6.	Sepang	45	26
7.	Hulu Selangor	43	55
8.	Kuala Selangor	68	31
9.	Sabak Bernam	48	31
JUMLAH		523	393

- b) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk menambak program-program pembasmian kemiskinan sedia ada bagi memastikan ianya berupaya memberikan impak bersifat jangka panjang dan ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan serta penyertaan yang lebih seimbang di dalam aktiviti ekonomi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang menjalankan Kaji Selidik/ Kajian Impak bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan penerima bantuan bagi tahun 2008 hingga tahun 2014. Kaji Selidik/ Kajian Impak ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/ Tanah dengan kaedah turun padang ke setiap rumah/ premis penerima untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan.

Kaji selidik/ kajian impak ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berhubung tahap penggunaan peralatan/ mesin bantuan serta purata pendapatan seisi rumah penerima bantuan sebelum dan selepas menerima bantuan peralatan. Hasil keseluruhan kaji selidik/ kajian impak yang diperolehi ini akan digunakan untuk membuat perangkaan umum bagi mengenalpasti jumlah penerima bantuan yang berupaya menjana/ meningkatkan pendapatan serta berjaya melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) melalui bantuan peralatan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini seterusnya akan membolehkan dan membantu Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti serta merangka dasar baru, program dan

peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Sehingga 19 Oktober 2015, terdapat empat (4) Pejabat Daerah/ Tanah yang telah mengemukakan maklum balas berhubung hasil kaji selidik/ kajian impak tersebut.

- c) Secara dasarnya, terdapat lima (5) skop utama perusahaan yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pemilihan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Antaranya adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Di antara peralatan/ mesin yang dipohon oleh penerima bantuan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan adalah seperti mesin pengadun tepung (*mixer*), ketuhar (*oven*), peti sejuk beku (*chest freezer*), mesin jahit, gerai (*stall*) bergerak dan pelbagai lagi. Walau bagaimanapun, peralatan yang diluluskan juga adalah tertakluk kepada kesesuaian perusahaan dan kos peralatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : ATLET SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan atlet Selangor bagi menghadapi SUKMA akan datang?
- b) Apakah strategi dalam mempertingkatkan kualiti dan mutu atlet Selangor?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Selangor mempunyai atlet pelapis berkualiti?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sedang dalam program latihan bagi persediaan pasukan ke SUKMA di Sarawak pada tahun 2016. Pihak Majlis telah merangka fasa-fasa latihan yang terbahagi kepada empat (4) iaitu Fasa I bermula seawal September 2014, Fasa II bermula Januari 2015, Fasa III bermula Ogos 2015 dan Fasa IV bermula Februari 2016.

Setiap fasa ini terdapat perancangan yang berbeza untuk setiap pasukan seperti jadual latihan, mod latihan dan pendedahan kejohanan. Setiap pasukan sedang giat menjalani latihan dan menyertai kejohanan seperti biasa sehingga pemilihan terakhir akan dijalankan apabila masuk Fasa IV nanti. Pihak Majlis juga telah melantik jurulatih sepenuh masa dari dalam dan luar negara untuk persediaan latihan atlet-atlet ini.

- b) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi dalam meningkatkan kualiti dan mutu pencapaian atlet Selangor. Pelbagai bentuk atau kaedah strategi yang dirancang dan dijalankan mengikut keperluan seperti keperluan latihan. Pihak Majlis akan menyediakan peralatan sukan yang terkini dan ianya juga merupakan salah satu strategi untuk membantu meningkatkan prestasi pasukan.

Selain itu juga, sistem latihan yang berterusan telah diterapkan kepada sukan yang memerlukan kemahiran tinggi. Latihan spesifik ini penting dalam persediaan pasukan terutamanya dalam aspek fizikal dan teknikal. Pihak Majlis telah mengambil inisiatif untuk melantik jurulatih-jurulatih dari luar negara bagi sukan-sukan yang memerlukan kemahiran yang kompleks dan tinggi seperti sukan memanah, gimnastik, gimrama, menembak dan lain-lain supaya atlet-

atlet ini dapat menguasai kemahiran yang kompleks ini dan meningkatkan prestasi atlet-atlet Negeri Selangor.

Selain itu juga, pendedahan kepada kejohanan-kejohanan yang terpilih adalah penting untuk membiasakan atlet-atlet ini dengan tekanan dan keadaan yang berbeza-beza di setiap kejohanan. Pendedahan kepada kejohanan ini juga adalah supaya atlet dapat menimba pengalaman dalam setiap pertandingan agar mereka mahir dan matang dalam pertandingan.

- c) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sentiasa menyediakan dan mengambil kira tentang atlet pelapis ini. Dalam setiap pasukan yang berlatih untuk skuad SUKMA, pihak pengurusan pasukan telah memperuntukkan sejumlah kuota untuk atlet-atlet pelapis ini berlatih bersama-sama dengan pasukan elit. Ini adalah penting supaya atlet-atlet pelapis ini dapat membuat persediaan awal untuk kejohanan SUKMA yang akan datang. Meskipun atlet-atlet ini belum layak untuk bertanding di SUKMA 2016 nanti, tetapi untuk persediaan SUKMA 2018 dan seterusnya, atlet-atlet ini perlu membuat persediaan yang lebih awal.

Pihak Majlis juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Pelajaran Selangor (JPS), Majlis Sukan Daerah (MSD) dan juga Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) termasuklah Pusat latihan Daerah (PLD) untuk bersama-sama menyelaraskan program-program pembangunan atlet-atlet di peringkat pelapis dan ini merupakan salah satu program pembangunan sukan yang berterusan dan menyediakan atlet di peringkat pelapis seterusnya ke peringkat elit negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini RKK di kawasan yang telah diwartakan di Selangor?
- b) Nyatakan peruntukan bagi pembangunan di setiap RKK?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kejayaan RKK?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, sebanyak enam (6) Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah disediakan dan diwartakan, manakala satu (1) RKK sedang dalam proses penyediaan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi Kerajaan dan pihak pemaju untuk membangunkan sesebuah kawasan itu. Penyediaan RKK ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 16B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) sebagai rujukan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemajuan semula, pemuliharaan dan pembaikan. Senarai RKK yang telah disediakan dan diwartakan adalah seperti berikut :

1. Rancangan Kawasan Khas Bestari Jaya (2004-2040) yang diwartakan pada 14hb. Jun 2007, No.warta : 1547;
2. Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang 2015 yang diwartakan pada 27hb. Mei 2010, No.warta : 1567;
3. Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Kubu Bharu yang diwartakan pada 27hb. Mei 2010, No.warta : 1568;
4. Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13 Petaling Jaya yang diwartakan pada 27hb. Mei 2010, No.warta : 1569;
5. Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu 2020 yang diwartakan pada 12hb. April 2012, No.warta : 1507;
6. Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh 2020 yang diwartakan pada 17hb. Julai 2014, No.warta : 2913.

Manakala, bagi draf Rancangan Kawasan Khas Sungai Ramal Dalam, Kajang pula, program publisiti telah dijalankan, semua pandangan dan bantahan telah dibawa ke Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran. Sehingga kini, pindaan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri sedang dilaksanakan

sebelum diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk persetujuan dan pewartaan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Bagi status pelaksanaan pula, kesemua RKK yang telah diwartakan ini telah dijadikan rujukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal pembangunan, manakala bagi agensi pelaksana dan pihak pemaju, RKK ini dijadikan panduan khusus untuk menjalankan cadangan pembangunan. Sehingga kini, sebagai contoh, hasil daripada RKK Bestari Jaya 2040, pembangunan Universiti Industri Selangor (UNISEL) telah dapat dilaksanakan dengan baik, manakala RKK Kuala Kubu Bharu pula usaha untuk memelihara warisan bangunan di Bandar Kuala Kubu Bharu ini akan terus dimanfaatkan dan menjadi fokus di dalam RMK11, bagi RKK Pelabuhan Klang pula, antara projek pembangunan yang telah dilaksanakan adalah Projek Mega Dua dan menaiktaraf pelabuhan Klang. Manakala bagi RKK Seksyen 13 Petaling Jaya, pembangunan bercampur dapat dibangunkan di kawasan industri yang tidak terancang supaya pembangunan di kawasan tersebut lebih tersusun dan memberi impak yang tinggi kepada ekonomi dan sosial, di samping dapat menjaga alam sekitar.

- b) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, penyediaan RKK adalah merupakan instrumen atau *planning tools* dengan izin, untuk menyusun dan menambah baik dan menjadi panduan perancangan bagi kawasan yang dikenalpasti untuk tindakan segera. Di dalam menyediakan RKK ini pelbagai aspek dikaji secara bersepadu dengan mengambilkira pemilik terlibat, kaedah pelaksanaan, kewangan terlibat, projek penambahbaikan sedia ada atau projek baru, halangan-halangan, kesan dan agensi pelaksana yang diterjemahkan secara terperinci.

Bagi maksud peruntukkan pembangunan, setiap RKK telah pun mengenalpasti anggaran kos pembangunan yang terlibat, namun demikian, kos tersebut tertakluk kepada perubahan kos semasa. Kos yang dikenalpasti ini adalah kos awal yang dianggarkan pada waktu penyediaan yang boleh dijadikan rujukan agensi pelaksana dan pihak pemaju serta anak-anak syarikat sekiranya ingin memajukan kawasan tersebut.

Dengan itu, Kerajaan Negeri menyeru kepada pihak pemaju, pelabur, pemilik tanah dan anak-anak syarikat untuk memberi keutamaan pembangunan mengikut cadangan-cadangan di dalam RKK yang telah dikenalpasti untuk kesinambungan perancangan dan pelaksanaan yang berterusan.

- c) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memantau pelaksanaan cadangan-cadangan di dalam RKK supaya dapat memberi manfaat kepada rakyat Selangor dalam usaha untuk menambahbaik kemudahan awam, infrastruktur, jaringan pengangkutan, pemeliharaan alam sekitar dan memperelok persekitaran. Bagi memudahkan pelaksanaan RKK

juga, setiap agensi pelaksana bolehlah menjadikan RKK ini sebagai asas cadangan untuk mendapatkan peruntukkan pembangunan di peringkat Negeri dan Persekutuan. Kerajaan Negeri amat komited untuk memastikan pelaksanaan pembangunan yang telah dirangka di dalam RKK dapat dijayakan oleh agensi pelaksana, pihak pemaju, pemilik tanah dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN KERETA RASMI

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos penyelenggaraan dan jenis kereta yang digunakan oleh Menteri Besar, Exco, Speaker, Timbalan Speaker, Pegawai Daerah dan YDP PBT pada tahun 2012-2014?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kos penyelenggaraan setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Kos penyelenggaraan dan jenis kenderaan yang digunakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Y.B. Tuan Speaker/ Timbalan, Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah dan Datuk Bandar / YDP Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:-

Bil	Butiran	Tahun/RM/ Kenderaan		
		2012	2013	2014
1	Y.A.B. Dato' Menteri Besar	RM42,706.77 Lexus	RM21,377.12 Lexus	RM7,498.24 Lexus/ Toyota Camry
2	Y.B. Tuan Speaker/ Timbalan, Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	RM233,467.26 Toyota Camry	RM219,806.80 Toyota Camry	RM107,601.59 Toyota Camry
3	Pegawai Daerah	RM461,589.04 Seperti di Lampiran 1.		
4	Datuk Bandar/ YDP Pihak Berkuasa Tempatan			

- b) Analisa trend penyelenggaraan kenderaan mendapati kaedah pemanduan kenderaan merupakan faktor utama kepada peningkatan atau pengurangan kepada kos penyelenggaraan. Semua pemandu rasmi kenderaan Ketua Jabatan telah diwajibkan mengikuti Kursus Pemanduan Berhemah dan semua saman kesalahan pemanduan melebihi had laju perlu ditanggung oleh pemandu sendiri. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pemandu memandu

kenderaan pada had laju yang ditetapkan. Usaha-usaha lain yang dijalankan dari semasa ke semasa adalah seperti berikut:-

- i. Memastikan kenderaan rasmi hendaklah diselenggara mengikut jadual dan dilakukan di Pusat Servis bertauliah atau berdaftar;
- ii. Menggunakan minyak pelincir dan alat ganti yang berkualiti serta berprestasi tinggi supaya jangka hayat kenderaan berpanjangan;
- iii. Pemandu membuat pemeriksaan rutin sebelum dan selepas menggunakan kenderaan;
- iv. Mengadakan kursus penyelenggaraan untuk pemandu supaya dapat mengenal pasti masalah kenderaan masing-masing pada peringkat awal;
- v. Melupuskan kenderaan-kenderaan yang telah mencapai tahap rekod penyelenggaraan tidak ekonomik untuk dibaiki; dan
- vi. Memastikan pemandu mematuhi Pekeliling dalam pengurusan kenderaan rasmi kerajaan seperti penggunaan Buku Log Kenderaan.

LAMPIRAN A

**SENARAI PENYELENGGARAAN KENDERAAN RASMI
PEGAWAI DAERAH, DATUK BANDAR DAN
YANG DIPERTUA PBT NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2012 – 2014**

Bil	Kegunaan	Tahun	Jenis Kenderaan	Kos Penyelenggaraan (RM)
1	YAB Dato' Menteri Besar Selangor	2012	LEXUS	42,706.77
		2013	LEXUS	21,377.12
		2014	LEXUS / Camry	7,498.24
2	Pegawai Daerah Petaling	2012	Proton Perdana V6	1,291.50
		2013	Honda Accord	6,027.97
		2014	Honda Accord	6,948.34
3	Pegawai Daerah Klang	2012	Proton Perdana V6	4,784.56
		2013	Proton Perdana V6	5,306.07
		2014	Proton Perdana V6	13,348.06
4	Pegawai Daerah Gombak	2012	Proton Perdana V6	21,211.30
		2013	Proton Perdana V6	13,105.80
		2014	Proton Perdana V6	5,758.00
5	Pegawai Daerah Hulu Langat	2012	Proton Perdana V6	5,748.72
		2013	Proton Perdana V6	8,015.74
		2014	Proton Perdana V6	11,952.18
6	Pegawai Daerah Sepang	2012	Proton Inspira	1,211.97
		2013	Proton Inspira	5,165.53
		2014	Proton Inspira	14,568.09
7	Pegawai Daerah Kuala Langat	2012	Proton Inspira	1,200.00
		2013	Proton Inspira	7,609.00
		2014	Proton Inspira	12,767.70
8	Pegawai Daerah Kuala Selangor	2012	Proton Inspira	0.00
		2013	Proton Inspira	5,822.55
		2014	Proton Inspira	10,380.70
9	Pegawai Daerah Hulu Selangor	2012	Proton Perdana V6	14,981.00
		2013	Proton Inspira	2,600.10
		2014	Proton Inspira	5,080.20
10	Pegawai Daerah Sabak Bernam	2012	Proton Inspira	409.64
		2013	Proton Inspira	1,245.24
		2014	Proton Inspira	8,420.24
11	Datuk Bandar (MBSA)	2012	Proton Perdana V6	3,110.00
		2013	Proton Perdana V6	13,000.00
		2014	Honda Accord	9,000.00
12	Datuk Bandar (MBPJ)	2012	Honda Accord	2,100.00
		2013	Honda Accord	12,000.00
		2014	Honda Accord	9,500.00
13	Yang Dipertua (MPSJ)	2012	Honda Accord	2,004.80
		2013	Honda Accord	4,836.40
		2014	Honda Accord	712.17
14	Yang Dipertua (MPKj)	2012	Honda Accord	2,100.00

Bil	Kegunaan	Tahun	Jenis Kenderaan	Kos Penyelenggaraan (RM)
15	Yang Dipertua (MPS)	2013	Honda Accord	13,047.40
		2014	Honda Accord	9,470.40
		2012	Honda Accord	2,226.10
		2013	Honda Accord	9,412.65
		2014	Honda Accord	6,299.62
16	Yang Dipertua (MPK)	2012	Toyota Fortuner	1,205.00
		2013	Toyota Fortuner	2,268.60
		2014	Honda Accord	1,942.91
17	Yang Dipertua (MPAJ)	2012	Proton Perdana V6 Toyota Fortuner Honda	3,110.00 554.04 2,524.15
		2013	Proton Perdana V6 Toyota Fortuner Honda	296.00 949.22 1,517.00
		2014	Proton Perdana V6 Toyota Fortuner Honda Accord	1,450.00 1,474.16 4,172.80
18	Yang Dipertua (MPSp)	2012	Proton Perdana V6 dan Fortuner	8,947.86
		2013	Proton Perdana V6 dan Fortuner	12,459.91
		2014	Proton Perdana V6 dan Fortuner	8,986.89
19	Yang Dipertua (MDKS)	2012	Proton Perdana V6	9,040.00
		2013	Proton Perdana V6	15,836.00
		2014	Proton Perdana V6	8,720.00
20	Yang Dipertua (MDSB)	2012	Proton Perdana V6	9,118.00
		2013	Proton Perdana V6	16,047.00
		2014	Proton Perdana V6	11,627.00
21	Yang Dipertua (MDHS)	2012	Proton Inspira	500.00
		2013	Proton Inspira	3,500.00
		2014	Proton Inspira	6,300.00
22	Yang Dipertua (MDKL)	2012	Proton Perdana V6	11,727.70
		2013	Proton Perdana V6	18,883.42
		2014	Toyota Fortuner	4,651.64

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan bagaimana Eco World Development boleh umumkan hasrat membeli tanah milik Menteri Besar Incorporated (MBI) seluas 2,198.4 ekar di Ijok yang masih dalam prosiding mahkamah pada harga bawah nilai pasaran dan sebarang penglibatan DEIG dalam rundingan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) tidak terlibat dalam pengumuman Eco World Development Berhad (Eco World) yang berhasrat untuk membeli tanah seluas 2,198.4 ekar di Ijok, Selangor.

MBI, menerusi satu kenyataan media rasmi pada 23 dan 24 September 2015 menyatakan kekesalan dengan pengumuman yang dibuat Eco World kerana sebahagian tanah terbabit masih terlibat dalam proses perundangan membabitkan MBI dan beberapa syarikat pemaju lain.

Dalam hal ini, MBI sedang meneliti langkah perundangan sewajarnya, termasuk memohon nasihat daripada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri untuk memastikan kepentingan MBI dan Kerajaan Negeri sentiasa terjamin.

Untuk makluman, DEIG setakat ini belum memulakan operasi dan tidak terlibat dalam apa jua aktiviti komersil MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : WIFI PERCUMA DAN USAHAWAN *ONLINE*

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat 2500 WIFI *spots* percuma seluruh Selangor. Senaraikan yang terdapat di Daerah Petaling.
- b) Adakah ia sesuai untuk perniagaan *online* dan berapa jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi mewujudkan keseluruhan WIFI percuma tersebut?
- c) Bila akan dimulakan Bengkel Usahawan *Online* dan *Tools* yang memberi kemudahan kepada mereka?

JAWAPAN:

- a) Setakat 23hb Oktober 2015, sebanyak 87 WIFI percuma sudah siap di pasang di kawasan Petaling seperti berikut:-

NO	SENARAI LOKASI WIFI SELANGORKU DI KAWASAN PETALING
1	Bilik Tuisyen Blok B-G-01, Pangasapuri Damansara Bistari, Jalan Harapan, Seksyen 19, 46300 Petaling Jaya, Selangor
2	Balairaya Kampung Chempaka Jalan PJU 1/5, 47301 Petaling Jaya, Selangor
3	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Permai G-23, No.6 Apartment Permai, Jalan Tropicana Selatan, PJU 3, 43701 Petaling Jaya, Selangor
4	Pondok Keselamatan JMB, Blok M, Apartment Idaman, Jln PJU 10/1, Damansara Damai, 47830 Petaling Jaya, Selangor Ehsan : 016-2629764
5	Gerai Makan MBPJ Seksyen 8, 46000 Petaling Jaya, Selangor
6	Surau NurFatimah, Flat Gasing Indah Fasa 5, Jalan 5/46, Seksyen 5, 46000 Petaling Jaya, Selangor
7	Balai Masyarakat PJS 7, Bandar Sunway, Mukim Damansara Daerah Petaling, Selangor
8	Bilik Gerakan Tingkat 2, Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
9	Tingkat 2, Bahagian Khidmat Pengurusan, PDT Petaling
10	Masjid Al-Islamiah Jalan PJS 6/4D, Kampung Lindungan, 46000 Petaling Jaya, Selangor
11	Balairaya SS6, Jalan SS6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor
12	Lobi Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
13	Muzium Petaling Jaya (Area Taman), Jalan 10/7, Seksyen 10, Taman Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor
14	Perpustakaan Taman Medan (Cawangan Taman Medan)

	PJS 4/27A, Tmn Lindungan Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor
15	Pejabat Pengurusan JMB, G-07, Rumah Pangsa Kayu Ara, No.29 Jalan Teratai PJU GA, 47400 Petaling Jaya, Selangor
16	Homework Room, DNS Taman Medan Jalan PJS 2C/8, Petaling Jaya, Selangor
17	Masjid As-Salam Jalan PJS 1/21, Petaling Jaya, Selangor
18	Masjid Dato' Hj. Kamaruddin Jalan 229, Seksyen 51 A, Petaling Jaya, Selangor
19	Dewan MBPJ Kampung Baru Seri Setia Tingkat 1, Jalan SS 9A/1, Kampung Baru Seri Setia, 47300 Petaling Jaya, Selangor
20	Medan Selera Wawasan MBPJ Tingkat Bawah, Jalan SS 3/33, 47300 Petaling Jaya, Selangor
21	Pasar Seri Setia , Tingkat 2, Jalan SS 9A/1, Kampung Baru Seri Setia, 47300 Petaling Jaya, Selangor
22	Dewan Orang Ramai, Pangsapuri Kos Rendah Sri Aman, Tingkat Bawah, Rumah Pangsa Kos Rendah, Taman Seri Aman, Jalan SS 1/39, Seksyen 22, 47300 Petaling Jaya, Selangor
23	Dewan Persatuan Kebajikan Blok B, Taman Medan Cahaya, Jalan PJS 2C/2, 46000 Petaling Jaya. 2 nd PIC : En. Fuad : 018-3159137
24	Kaunter Pendaftaran, Ground Floor, Blok A, PDT Petaling
25	Unit Teknikal, Tingkat 1, Blok B, PDT Petaling
26	Bilik Jebat Aras G, Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Taman Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya
27	Pejabat Cawangan Penguatkuasa, Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Taman Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya
28	Medan Selera, Seksyen 14 Petaling Jaya (Bersebelahan Digital Mall)
29	Pondok Polis Bantuan, Uptown Hawker Centre Jalan SS21/39, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor Khairul: 013-3423484
30	Surau Othmaniah, Jalan 8/3 E, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya
31	Medan Selera MBPJ, Seksyen 52, Petaling Jaya
32	LIFE COLLEGE, JALAN PJU 1A/41, 110 PETALING JAYA 0
33	AMCORP MALL;PERSIARAN BARAT;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
34	AMCORP MALL;PERSIARAN BARAT;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
35	AMCORP MALL;PERSIARAN BARAT;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
36	AMCORP MALL;PERSIARAN BARAT;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
37	Ayamas, 39,JLN 21/17,46300,SEKSYEN 21,PETALING JAYA
38	ENCORP STRAND MALL_100009;JALAN PJU 5/22;47810;MALAYSIA;PETALING JAYA
39	ENDAH PARADE_100014;JALAN 1/149E;43650;MALAYSIA;BANDAR BARU SERI PETALING
40	GIANT KOTA DAMANSARA_300009;JALAN PJU 5/1;47810;MALAYSIA;PETALING JAYA
41	Giant Paramount Garden_600012;Jalan Jln 20/13;46300;MALAYSIA;Petaling Jaya
42	KLINIK PERGIGIAN FAMILY_300035;JALAN MJ/1;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
43	Kompleks Tabung haji Kelana Jaya_100019;Jalan Jln SS 5C/9;47301;MALAYSIA;Petaling Jaya
44	KPJ DAMANSARA SPECIALIST;JALAN SS 20/10;47400;MALAYSIA;PETALING JAYA
45	MASJID AL-RAHMAN KG TUNKU_600010;LORONG SS 1/39A;47300;MALAYSIA;PETALING JAYA
46	MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABD AZIZ SHAH_600005;JALAN TEMPLER;46150;MALAYSIA;PETALING JAYA
47	Masjid Tun Abdul Aziz (Masjid Bulat), Jln 14/20, Seksyen 1, Petaling Jaya
48	MCIS ZURICH_200035;JALAN BARAT;46300;MALAYSIA;PETALING JAYA

49	Muru Fast Enterprise, Jalan SP 2/4 Taman Subang Perdana, Petaling Jaya
50	OLYMPIA COLLEGE_100012;JALAN TANDANG;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
51	PEJABAT PERKESO_300015;JALAN SELANGOR;46990;MALAYSIA;PETALING JAYA
52	Petronas, JLN PJU 7/2,47800,MUTIARA DAMANSARA,PETALING JAYA
53	Pizza Hut Jln 14/14, Seksyen 14, Petaling Jaya
54	PIZZA HUT JLN CECAWI_700010;Jalan Cecawi 6/18;47810;MALAYSIA;Petaling Jaya
55	PIZZA HUT SUNWAY MENTARI_200026;JALAN PJS 8/2;46150;MALAYSIA;PETALING JAYA
56	Pizza Hut, Jalan 52/4, 46200 Petaling Jaya, Federal Territory of Kuala Lumpur, Malaysia
57	Pizza Hut, JLN SS15/8A,47500,SS15,PETALING JAYA
58	PJ Palm, No 1 Lorong Sultan, Petaling Jaya, 46200 Selangor
59	PROTON EDAR MUTIARA DAMANSARA_200029;JALAN PJU 7/3;47800;MALAYSIA;PETALING JAYA
60	PROTON EDAR SEK 13_200018;JALAN 13/6A;46200;MALAYSIA;PETALING JAYA
61	Proton Edar Lrg.13/6A,Seksyen 13, Petaling Jaya
62	PUBLIC MUTUAL ONE UTAMA_200025;JALAN BANDAR UTAMA;47800;MALAYSIA;PETALING JAYA
63	PYRAMID MEGA LANE_200027;JALAN PJS 11/15;46150;MALAYSIA;PETALING JAYA
64	RESTORAN MENTARI SRI HORMAT MAJU; Bandar Sunway No. 60, GF, Jalan PJS 8/6, Bandar Sunway, Petaling Jaya, 46150, Malaysia
65	RESTORAN SUN CORNER; 108, Blok B, Taman Subang Indah, Jalan PJS 11/2, Bandar Sunway, 47500 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
66	Restoran Thai (No 47), JLN PJS 11/28B,46150,TAMAN BANDAR SUNWAY,PETALING JAYA
67	RESTORAN VICCHUDA; 24, Jalan SS 21/35, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
68	SUNWAY GIZA MALL_700006;Jalan PJU 5/14;47810;MALAYSIA;PETALING JAYA
69	Sunway Medical Centre, Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor.
70	TM POINT KOTA DAMANSARA;Jalan PJU 5/17;47810;MALAYSIA;PETALING JAYA
71	TM POINT PETALING JAYA_700013;JALAN JLN Yong Shook Lin;46050;MALAYSIA;Petaling Jaya
72	TM POINT_200041;Jalan Jln Seksyen 21;47400;MALAYSIA;Petaling Jaya
73	TM POINT SERI PETALING_200011;JALAN RADIN ANUM 1;57000;MALAYSIA;KUALA LUMPUR
74	TRIFFTY MALL_100006;JALAN BARAT;46050;MALAYSIA;PETALING JAYA
75	COVA SQUARE;Jalan Teknologi PJU 5;47410;MALAYSIA;Petaling Jaya
76	ENDAH PARADE_100014;JALAN 1/149E;43650;MALAYSIA;BANDAR BARU SERI PETALING
77	ENDAH PARADE_100014;JALAN 1/149E;43650;MALAYSIA;BANDAR BARU SERI PETALING
78	GIANT KELANA JAYA_200020;JALAN SS 6/12;47301;MALAYSIA;PETALING JAYA
79	INNOVATIVE, Unit 1201, Level 12th Floor, Menara Mutiara Majestic, Jalan Othman, Section 3, 46000 Petaling Jaya,
80	PIZZA HUT SEK 14 PJ_200017;JALAN 14/14;46100;MALAYSIA;PETALING JAYA
81	PUBLIC MUTUAL_700009;JALAN SS 2/72;47300;MALAYSIA;PETALING JAYA
82	KOMPLEK PEJABAT KERAJAAN DAERAH PETALING, JALAN BINTANG U5/33, I3 40150 SHAH ALAM
83	MASJID AL-RAHMAN KG TUNKU, LORONG SS 1/39A, I3 47300 PETALING JAYA
84	MASJID AMINAH AL MUHAIRI, JALAN SS 2/6, I3 47300 PETALING JAYA
85	MASJID AL-HIDAYAH, JALAN SS 3/44, I3 47300 PETALING JAYA
86	DAMANSARA SPECIALIST HOSPITAL, JALAN SS 20/10, I3 47400 PETALING JAYA
87	Malvern College Bandar Sunway, JALAN PJS 8/17, I3 46160 PETALING JAYA

- b) Dengan kelajuan internet minimum sebanyak 30mbps, WIFI Selangor sesuai untuk perniagaan *online*. Jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan WIFI Selangor adalah sebanyak RM 65 juta untuk tempoh kontrak selama 5 tahun bagi penyediaan dan penyelenggaraan 2500 wifi *hotspot*.

- c) Pada tahun 2014 sahaja, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah menganjurkan Bengkel Usahawan *Online* dan *Tools* sebanyak 3 kali iaitu pada 31 Mei 2014, 20 September 2014 dan 29 November 2014. Bengkel ini dinamakan Bengkel "*Simplified Facebook Marketing*" dan bagi tahun 2015, bengkel ini akan diadakan pada 14 November 2015. Mulai tahun 2016, Bengkel ini akan diperluaskan lagi bukan sahaja tertumpu kepada perniagaan secara facebook, malahan pendedahan dan bengkel-bengkel "*e-commerce*" juga akan turut dianjurkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN RUMAH SECARA SEWA BELI KEPADA
RAKYAT MISKIN**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat cadangan untuk membina lebih banyak rumah yang boleh dijual secara sewa beli kepada rakyat yang tidak layak membuat pinjaman bank?
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk menangani masalah rakyat yang tidak layak membuat pembiayaan syarikat kewangan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada cadangan untuk Kerajaan Negeri membina rumah yang boleh dijual secara sewa beli kepada rakyat yang tidak layak membuat pinjaman bank. Kerajaan Negeri hanya menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi tujuan pembelian Rumah Selangorku Jenis A di seluruh Negeri Selangor yang dibina oleh pemaju swasta.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi golongan yang tidak layak membuat pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi tujuan pembelian Rumah Selangorku Jenis A di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan ibu yang berjaya menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di rumah, daripada skim Kerajaan Negeri?
- b) Sila beri pecahan mengikut kawasan DUN atau PBT.

JAWAPAN:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

- a) Taska Di Rumah merupakan salah satu daripada empat kategori taska yang menjalankan aktiviti pengasuhan di kediaman sendiri dan menerima kanak-kanak seramai empat hingga sembilan orang. Syarat-syarat bagi penubuhan sesebuah TASKA di rumah adalah seperti berikut:
 1. Premis TASKA didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) jika diperlukan.
 2. Memenuhi standard minimum JKM. Standard Minimum JKM ialah;
 - i. Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak mencukupi;
 - Di bawah 1 tahun = 1:3
 - 1 hingga 3 tahun = 1:5
 - 3 hingga 4 tahun = 1:10
 - ii. Pengasuh merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas
 - iii. Pengusaha telah hadir kursus Asuhan dan didikan kanak-kanak PERMATA (KAP)
 - iv. Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai iaitu 2.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak
 - v. Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan seimbang dan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak
 - vi. TASKA mempunyai kemudahan peralatan dan perabot sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak
 - vii. Menyediakan dan menyelenggarakan rekod-rekod di TASKA
 - viii. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan di luar TASKA

Jumlah **Taska Di Rumah** yang berjaya menyertai Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SIKEMBAR) skim Kerajaan Negeri Selangor sebanyak **24** buah.

- b) Jadual 1 menunjukkan statistik bilangan TASKA Di Rumah yang berdaftar dengan JKM mengikut daerah manakala Jadual 2 menunjukkan statistik bilangan TASKA Di Rumah yang menyertai SIKEMBAR mengikut pecahan DUN.

Jadual 1 : Statistik Bilangan Taska Di Rumah Yang Menyertai Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SIKEMBAR)

NO.	DAERAH	DUN	JUMLAH
1	Sabak Bernam	Sg Panjang	1
2	Kuala Selangor	Jeram	4
		Bukit Melawati	1
3	Klang	Meru	1
		Sri Muda	1
		Sementa	1
4	Petaling	Paya Jaras	1
		Batu Tiga	1
5	Sepang	-	-
6	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	1
		Batang Kali	2
7	Hulu Langat	Balakong	1
8	Kuala Langat	Morib	1
		Teluk Datuk	2
		Sijangkang	1
9	Gombak	Gombak Setia	3
		Batu Caves	2
	JUMLAH	16	24

Sumber : RMSB Sdn Bhd

**Jadual 2 : Statistik Bilangan Taska Di Rumah Yang Berdaftar Dengan
JKM Negeri Selangor (dari Tahun 2013 hingga September 2015)**

Bil	Daerah	2013	2014	2015	JUMLAH
1	Petaling	26	5	4	35
2	Klang	4	1	3	8
3	Hulu Langat	15	4	3	22
4	Gombak	9	22	4	35
5	Sepang	4	2	7	13
6	Kuala Selangor	3	1	0	4
7	Hulu Selangor	55	0	2	57
8	Kuala Langat	5	2	1	8
9	Sabak Bernam	0	0	2	2
	Jumlah	121	37	26	184

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN KHAS

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan khas untuk golongan OKU di negeri Selangor?
- b) Berapakah bantuan/peruntukan yang telah / akan digunakan NGO dan institusi swasta yang mengusahakan pemulihan dan pendidikan khas?

JAWAPAN:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

- a) Dalam menyediakan kemudahan pendidikan khas untuk golongan OKU, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi memberi peluang kepada OKU untuk mendapat pendidikan secara tidak formal namun menepati kehendak pendidikan untuk semua di mana pembelajaran di PDK juga meliputi pembelajaran pengurusan diri, aktiviti 3M (membaca, menulis dan mengira) dan juga aktiviti ko kurikulum berdasarkan tahap dan keupayaan OKU. Pada masa ini terdapat 45 buah PDK di seluruh Selangor yang memberi manfaat kepada 2500 OKU terutama OKU masalah pembelajaran.

Selain itu, bagi OKU yang boleh mengikuti pembelajaran secara formal, mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah kerajaan sama ada sekolah pendidikan khas, mengikuti program inklusif atau sekolah integrasi.

- b) Bagi yang menjalankan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), bantuan peruntukan kewangan adalah ditanggung oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merangkumi bayaran sewa premis mengikut kadar sewa atau sebanyak maksimum RM3,000.00 sebulan, bayaran elaun Penyelia sebanyak RM1,200.00 sebulan termasuk KWSP, bayaran elaun Petugas PDK sebanyak RM800.00 sebulan termasuk KWSP, bayaran utiliti sebanyak RM500.00 sebulan dan juga bayaran elaun pelatih PDK sebanyak RM150.00 sebulan berdasarkan bilangan pelatih.

Bagi NGO dan institusi swasta yang mengusahakan pemulihan dan pendidikan khas, hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, permohonan peruntukan kewangan apabila diluluskan meliputi geran pentadbiran sebanyak RM5,000.00 setahun, geran rangsum sebanyak RM18.00 sehari berdasarkan

bilangan penghuni dan juga bayaran elaun khas murid OKU sebanyak RM150.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : SKIM BANTUAN SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bantuan telah diberi kepada Sekolah Rendah Agama (SRA) sepanjang 2008 hingga 2014 dan senaraikan jumlah bantuan mengikut tahun 2008 hingga 2014?
- b) Berapa buah Sekolah Rendah Agama (SRA) telah menerima Skim Bantuan SRA ini? Senaraikan mengikut daerah.

JAWAPAN:

- a) Sekolah Rendah Agama (SRA) adalah tidak termasuk kategori sekolah yang diberikan bantuan peruntukan. Ini kerana SRA telah mendapat peruntukan pembangunan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.
- b) Tiada SRA yang telah menerima bantuan di bawah Program Pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KELAJUAN INTERNET DI NEGERI SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kelajuan internet setiap bandaraya dan daerah di Negeri Selangor.
- b) Bandingkan kelajuan di (a) dengan negeri-negeri lain di Malaysia serta bandar-bandar di negara ASEAN.
- c) Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kadar penembusan dan kelajuan internet di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

- a) Kelajuan internet di sesuatu kawasan amatlah bergantung pada infrastruktur kawasan berkenaan sama ada menggunakan talian *copper* atau *fiber*. Begitu juga kelajuan internet yang tersedia di Negeri Selangor seperti jadual di bawah:

Bil.	Daerah	Purata Kelajuan
1.	Klang	5 – 20 mbps
2.	Petaling	5 – 20 mbps
3.	Kuala Langat	1 – 4 mbps
4.	Hulu Langat	1 – 4 mbps
5.	Sabak Bernam	1 – 4 mbps
6.	Kuala Selangor	1 – 4 mbps
7.	Hulu Selangor	1 – 4 mbps
8.	Sepang	1 – 4 mbps
9.	Gombak	5 – 20 mbps

**sumber berdasarkan perkhidmatan TM Unifi dan Streamyx*

- b) Kerajaan Negeri tidak dapat membuat perbandingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia serta bandar-bandar di negara ASEAN kerana tiada sumber rasmi yang dapat dirujuk dan tiada laporan khas yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- c) Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk merapatkan jurang capaian internet di seluruh Negeri Selangor dengan mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan kadar penembusan internet seperti menambah bilangan lokasi

hotspot WiFi Selangorku sebanyak 2500 lokasi menjelang tahun 2016 serta telah mewujudkan 24 buah Pusat Siber Rakyat (PSR) yang dikendalikan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang dijadikan tempat menambah pengetahuan berbentuk fizikal dan digital bagi masyarakat luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEMUDAHAN DAN BANTUAN *DAYCARE* UNTUK KAKITANGAN
KERAJAAN WANITA DI SELANGOR**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kemudahan *daycare* (taska dan tadika) dan jenis bantuan seperti bantuan kewangan untuk membantu kakitangan wanita Kerajaan Selangor dan PBT-PBT di bawahnya.
- b) Adakah Kerajaan Selangor mempunyai ruang untuk memberi bantuan lebih daripada apa yang diperuntukkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 38/2013?

JAWAPAN:

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan beberapa kemudahan dan bantuan berkaitan dengan *daycare* (taska) bagi membantu wanita di Negeri Selangor. Antara kemudahan dan bantuan yang disediakan adalah seperti berikut:
 - i) **Subsidi Yuran Taska**
Ibu bapa yang mempunyai pendapatan perkapita tidak melebihi RM900.00 sebulan, mereka layak untuk mendapat subsidi sebanyak RM250.00 sebulan bagi yang menghantar anak ke TASKA berdaftar dengan JKM.
 - ii) **Geran Penubuhan Taska Institusi Dan Taska Di Rumah**
Bagi wanita yang ingin membuka Taska Institusi dan Taska Di Rumah, JKM pernah memperuntukkan Geran Penubuhan TASKA mengikut syarat yang telah ditetapkan. Bagi Taska Institusi, jumlah geran adalah antara RM10,000 hingga RM20,000. Manakala TASKA di rumah adalah sebanyak RM3,000.00.
 - iii) **Geran Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak PERMATA**
Bagi wanita yang terlibat sebagai pengusaha dan pengasuh TASKA, mereka turut mendapat subsidi sebanyak RM500.00 sekaligus bagi mengikuti Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak PERMATA (KAP) anjuran agensi yang diiktiraf oleh JKM. Kursus ini adalah salah satu syarat wajib bagi penubuhan sesebuah TASKA.

iv) **Subsidi Yuran Taska Komuniti**

Taska Komuniti adalah salah sebuah Taska yang diwujudkan di bawah peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Setakat ini, terdapat sebanyak tujuh (7) buah TASKA komuniti di Selangor. Ibu bapa yang pendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000 di bandar dan RM1,000 di luar bandar layak menerima bantuan subsidi geran TASKA komuniti sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak. Senarai Taska Komuniti di Negeri Selangor adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Senarai Taska Komuniti di Negeri Selangor

BIL	NAMA / ALAMAT TASKA
1.	TASKA Penyayang BAKTI Sg. Buloh No. 1, Jalan SD 13/4A, Off Persiaran Meranti PJU 9, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur
2.	TASKA Penyayang KEKWA Kelana Jaya Tingkat Bawah, Blok 4, Rumah Pangsa Desa Mentari, Jalan Kelang Lama, 46000 Petaling Jaya, Selangor
3.	TASKA Penyayang Klang No. 2, Jalan Tengku Kelana 2, 41000 Klang, Selangor
4.	TASKA Penyayang Sri Mawar, Sabak Bernam No.2, Jalan TP 9, Taman Perdana, 45300 Sungai Besar, Selangor
5.	TASKA Penyayang Insan No. 16, Jalan Melati, Kg. Sg.Tua Baharu 68100 Batu Caves, Selangor
6.	TASKA Penyayang Sepang No.17, Jalan ST 1C/1, Taman Selasih, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor

7.	TASKA Wawasan Genius No. 22, Jalan Utama 4, 42400 Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor
----	---

- b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013 bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda kelayakan pendapatan bulanan isi rumah bagi tujuan menambah baik pemberian subsidi yuran pengasuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam.

Kerajaan telah bersetuju menaikkan kelayakan pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam. Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA ini telah sedia dinikmati oleh penjawat awam yang diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008.

Kerajaan Selangor telah mengambil beberapa inisiatif bagi meringankan bebanan kakitangan kerajaan dengan melaksanakan program seperti Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR), Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan lebih daripada apa yang diperuntukkan sekiranya tiada kekangan yang dihadapi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan projek-projek perumahan terbengkalai sejak 5 tahun yang lepas.
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan keadaan sedemikian terus berlaku?
- c) Sila nyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan hak para pembeli rumah terpelihara?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lepas adalah sebanyak 117 projek. Senarai projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut :

- (i) MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Subang Bestari, Bandar Pinggiran Subang , Seksyen U4, Shah Alam, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.
3	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah , Fasa 3, Di bawah Geran No. 36409, Lot No. 3783, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rimau Indah Sdn. Bhd. (Digulung)
4	Projek Pembinaan Untuk Penempatan Semula Setinggalan Fasa 1 Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Bunga Raya , 1 Blok 12 Tingkat (153 Unit) & 6 Unit Kedai, Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)

5	Projek Perumahan Di U10 Height , Seksyen U10, P.T. 3696, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan Taman Muhamad 2 , Kampung Lombong, Jalan Kebun, Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
7	Projek Perumahan 116 Unit Rumah di The Sanctuary Taman Cahaya Country , Shah Alam	Tetuan Bukit Cahaya Country Resorts Sdn. Bhd.
8	Projek Perumahan 600 Unit Rumah di Taman Subang Impian , Shah Alam	Tetuan Carol Land Corp. Sdn. Bhd.
9	Cadangan Projek Kos Rendah Di atas Taman Setia Warisan , Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Seksyen U6, Shah Alam	Tetuan Sri Rambai Sdn. Bhd.
10	Cadangan Pembangunan Apartment Seri Putri 15 Tingkat di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2, Seksyen 20, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling	Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd.
11	Projek Taman Bukit Impian Di atas Plot F, Bukit Cherakah, Mukim Bukit Raja, Seksyen U10, Shah Alam	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.
12	Bandar Pinggiran Shah Alam Di atas Lot 4185, Geran Mukim 5343, Mukim Klang, Dearah Klang	Tetuan Tyss-Ain Sdn. Bhd.
13	Pangsapuri Andorra , Taman Sri Muda, Shah Alam	Tetuan Newacres Sdn. Bhd.

(ii) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan 304 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 1 Blok Tempat Letak Kereta di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Pembangunan 300 Unit Pangsapuri Kos Sederhana (Fasa 2) di atas Sebahagian Tanah Kerajaan CP 51554, Kampung Sungai Kayu Ara , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd
3	Pembangunan 5 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi Di Atas Lot Pt 1428, Seksyen PJU 1, Petaling Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd. (Receivership)

(iii) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1.	Projek Pembinaan 9 Tingkat Pangsapuri Kos Mewah 149 Unit 1Tingkat, Tempat Letak Kereta (Serdang Plaza), Di atas Hakmilik H.S.(D) 59980, PT 3114, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Tetuan Serdang Plaza Baru Sdn. Bhd
2	Projek Perumahan Saujana Puchong (Rumah Teres Satu Tingkat) Di atas Lot PT 50610, HS(D) 143296, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Expand Factor Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Cadangan Pembinaan 244 Unit Rumah Teres di atas Sub Lot 1 hingga 244 (Fasa 5E) di atas Sebahagian Lot 48729 (16929), Taman Lestari Puchong , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd.
4	Cadangan Pembinaan 260 Unit Rumah Berkembar & Rumah Teres 2 Tingkat Fasa 9F,9B & 9C, 3 & 6 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Fasa 16, Di atas Sebahagian Lot 51439, Taman Puncak Jalil , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.

(iv) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Taman Kencana Fasa 3 , Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Cadangan Menyiapkan Rancangan Perumahan 1 Blok, 10 Tingkat Dan 2 Blok 9 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Di Atas Lot Pt4992, Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor. (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Pembinaan 1,609 Unit Pangsapuri Ukay Bestari , Mukim Ampang, Daerah Gombak	Damai Bistari Sdn. Bhd. (Receivership)
4	Taman Sri Angsana Hilir , Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Kabra Holdings Sdn. Bhd. (Digulung)
5	Cadangan Pembangunan, 22 Unit Rumah Teres & 1 Unit Rumah Kelab di atas Lot 417-505, Jalan Hulu Klang, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Superview Sdn. Bhd

6	Projek Perumahan Nusa Mewah Villa Kondominium , Bukit Pandan HD(D) 66845 PT 2926, Mukim Ampang, Daerah Ulu Langat	Tetuan Mudi Angkasa Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan Saga Suria , Taman Saga Ampang, Di atas Geran No. HS(M) No. 24026, PT No. 26745, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Tegas Sejati Sdn. Bhd.
8	Projek Perumahan Spring Ville , HS(M) 12614, PT 643 & HS(M) 12615 PT 644, Bandar Ulu Klang, Tempat Batu 7 Ulu Klang (Ukay Perdana), Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Tetuan Ukayland Sdn. Bhd.

(v) MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan yang Mengandungi 4 Blok Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat di atas Lot 6978, (Taman Sri Aman) Kampung Idaman, Mukim Klang	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Pembinaan Pangsapuri 6 Tingkat dengan Tempat Letak Kereta di Tingkat Bawah, di atas Lot 2377 (Geran 4963), Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd
3	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah , Bandar Pinggiran Shah Alam melibatkan 50 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di atas Lot PT 84927-Lot PT 84978, Lot Asal 4965, Jalan Masjid Sultan 9C/KS13, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan Mengandungi 36 Unit Rumah Teres, 66 Unit Rumah Berkembar, 92 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 29 Unit Kedai dan 58 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 155 Unit Kos Rendah dan 40 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Rendah di atas Lot PT 68738 PM 7794 & Sebahagian Lot PT 68739 PM 7793 Mukim Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.
5	Projek Perumahan 13 Unit Rumah 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569, 13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar , Daerah Klang	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd.

6	Projek Perumahan 14 Unit Rumah Teres Setingkat, 7 unit Banglo Setingkat, 1 Pencawang Elektrik Fasa 2 di atas Lot 44782, Jalan Tarmizi, Rantau Panjang, Mukim Kapar, Klang (Taman Hijrah 2)	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.
7	Projek Pembinaan Fasa 2 Apartment 1 Blok 9 Tingkat (109 Unit) dan Lain-lain Kemudahan di atas Lot PT 5124 dan 5125 (Taman Mutiara) , Pulau Indah, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan di atas Lot 5128, Pulau Indah, Daerah Klang (Pangsapuri Yamin Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
9	Projek Perumahan di atas Lot 5740 dan 5741, Pulau Indah, Daerah Klang (Indah Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
10	Projek Perumahan Rumah Teres Dua Tingkat dikenali sebagai Desa Bukit Delima , di bawah Hakmilik G.M. No. 2142, Lot No. 5450, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)
11	Projek Perumahan 54 Unit, Jalan Dusun Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.
12	Projek Perumahan Taman Desa Sri Nilam , di atas Lot 5255, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Projek Perumahan di Taman Desa Sri Siantan , H.S.(M) 30600, GM 4519, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
14	Projek Perumahan Desa Sri Damai 3, Di atas Hakmilik No GM 2484, No Lot 3057, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
15	Projek Perumahan Rumah Teres 1 Tingkat di Tanah No. Lot EMR 8665, Lot 3834, EMR 7309, Lot 560, Telok Gadong, Klang (Sungai Pinang)	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.
16	Projek Perumahan Andaman 2 , di atas Lot PT 17561, Kampung Nelayan, Telok Gong, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.
17	Taman Cahaya , Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)

18	Projek Perumahan Taman Sri Kencana , GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)
19	Projek Perumahan Taman Meru 1 , 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Di atas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)
20	Projek Perumahan Bagi Pembinaan 38 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Meru Ria 2 , Di Atas GM 3928 Lot 3750, Jalan Belimbing, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)
21	Projek Taman Desa Kencana , Mukim Kapar, Daerah Klang	Suasana Ehsan Sdn. Bhd.
22	Cadangan Pembangunan 15 Tingkat Pangsapuri yang Mengandungi 154 Unit Kediaman, 10 Unit Ruang Perniagaan dan Tempat Letak Kenderaan Bertingkat untuk 165 petak di atas Lot 6684, Mukim Klang, Klang	Tetuan Bakti Suci Properties Sdn. Bhd.
23	Cadangan 2 Blok Pangsapuri Anggerik (150 Unit) dengan surau, dewan serbaguna di atas lot PT85358, 5 unit kedai di atas Lot PT85353-PT85357 di atas Lot PT85359 (lot Asal 1730) Jalan Sungai Udang KS 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.
24	Cadangan Skim Perumahan Jenis Pangsapuri di atas Lot 10906-10932, 10926-10932, 10945-10955, 10957-10970 dan Sebahagian Lot 10956, Lengkungan Kampung Nelayan, Taman Sri Nelayan , Mukim Klang	Tetuan Sheikh Mah Development Sdn. Bhd.

(vi) MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Taman Serosa Kajang , 413 (Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana dan pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah) di atas Lot 4454 & 1297, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya), 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)

3	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur , 52 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Batu 12, Jalan Cheras, 43000 Kajang	Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd. (Digulung)
4	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat di atas sebahagian Lot 613, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.
5	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Lot 1621, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan Taman Titiwangsa (Pembesaran Kg.) Yang Mengandungi 80 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat dan 8 Unit Kedai 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.
7	Projek Perumahan 407 Unit Rumah Kos Rendah, Sederhana dan Rumah Kedai di Taman Sri Raya , Batu 9, PT14689 - 14722 dan PT 10224-10228 Cheras, Daerah Hulu Langat	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli , HS (D) 40113, PT 5520, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.
9	Projek Perumahan Evergreen Homes Di atas HS (M) 6672, PT 9307, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd (Digulung)
10	Projek Perumahan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt, 600 Unit Kediaman, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Villaraya Management Sdn Bhd (Digulung)
11	Cadangan Perumahan Kos Rendah Pangsa 6 Tingkat 500 Unit, Kampung Sungai Tangkas Kajang (Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd. (Digulung)

(vii) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa 10 Tingkat, 222 Unit Seluas 1.737 Ekar, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Pembinaan Taman Selayang Mutiara (Rancangan Semula Kawasan Setinggalan Bukit Botak) Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Pembesaran Kampung Baru Kundang , 109 Unit Di Atas PT 20902 Plot 9092, Mukim Kundang, Gombak	Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.
4	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah (Taman Bayu) Di bawah Geran No.29858, Lot No.2980, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.
5	Pembesaran Kampung Kiai Hj Arshad , Batu 291/2, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjantai, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Aramin Sdn. Bhd. (Digulung)
6	Projek Astana Square Service Apartment di atas HS(D) 21817 PT 1985, Bandar Selayang, Gombak	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan Taman Jasa Murni , GM622, 623 dan 624, Lot 2146, 2148 & 2150, Sungai Tua, Mukim Batu, Gombak	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd.
8	Projek Perumahan Taman Pusu , Rumah Teres 1 Tingkat P.M 338 Lot No. 4935, Mukim Setapak, Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd
9	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Mukim Rawang, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd
10	Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves , 105 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, 19 Unit Rumah Teres (RTM), 72 Unit Rumah Teres Kos Sederhana Seluas 4.99 Ekar Di atas Lot 1014, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.
11	Pembangunan Kampung Tengah , 246 Unit (Apartment Kos Sederhana), Di atas Lot 1874, Mukim Setapak, Gombak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.

(viii) MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Seri Setia Height , Plot No.13, Lot 921, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development
2	Projek Perumahan Taman Desa Sinar Salak , Membina 26 Unit Rumah Berkembar Dan 4 Unit Banglo Di P.M. 3000, Lot 1635, Mukim Labu, Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.
3	Projek Perumahan Rumah Sesebuah, Taman Desa Meranti , Di Atas GM 142 (EMR 6225), Lot 4406, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.
4	Cadangan Pembangunan Bercampur, Taman Kenanga , Bandar Baru Salak tinggi, 1904 Unit Kediaman & 46 Unit Komersial Di atas Lot-Lot 3121,3123 & 3467, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. (Digulung)
5	Cadangan Membina 527 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 7 Tingkat, Seluas 5 ekar, Taman Topaz , Dengkil	Tetuan Peransang Tin Consolidated Sdn. Bhd. (Digulung)
6	Projek Perumahan Putra Perdana (La Cottage), 187 Unit Rumah Teres Dua Tingkat, HS(D) 2487 PT 6250, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Intel Vest Sdn. Bhd.(Digulung)
7	Taman Lestari Permai, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Cadangan Membina 404 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Bandar Pinggiran Cyber, Cyberjaya) Di atas Sebahagian Lot 3219 HS(D) 1187, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Perspektif Perkasa Sdn. Bhd.
9	Pembangunan Perumahan Yang Mengandungi 1 Blok 210 Unit Pangsapuri 8-10 Tingkat & 30 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Rendah 8-9 Tingkat, 1 Blok 60 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat (Putra Intan Kondominium) Di atas No. HS(M) 11427, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Lembah Kerjaya Sdn. Bhd. (Digulung)

(ix) MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Pembangunan Bercampur (Fasa 1 Alam Mutiara), 924 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 2 (RRHP II), Cherakah, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pemilik Tanah: Mujur Zaman Sdn Bhd.
2	Projek Perumahan Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah , Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor (499 unit RKR)	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.
3	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), 46 Unit Rumah Teres Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
4	Projek Perumahan Taman Seri Wangi Di Atas Lot 103, Jln Sungai Tenggi Kiri, Bandar Tanjong Karang Mukim Tanjong Karang	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn.Bhd. (Baru).
5	Projek Perumahan 154 Unit Rumah Teres Kos Rendah Di Taman Damai (Taman Damai II), Tanjong Karang (Fasa 1), Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.
6	Projek Pembesaran Kampung melibatkan 1282 Unit, Kampung Bukit Kerayong , Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.
7	Projek Pemberimilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Di atas Lot P.T. 1175, Kampung Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan Taman Delima Merah , Jalan Lintang, Kampung Tengah, Daerah Kuala Selangor	Syahira Development Sdn. Bhd (Digulung)
9	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), 46 Unit (RS 1 Tingkat 20 Unit-Lot 373 & RS 2 Tingkat 26 Unit-Lot 378) Seluas 4.17 Ekar Di atas Lot 373 dan 378, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
10	Projek Perumahan Bandar Alam Perdana (Fasa 1), 3819 Unit Di Bandar Puncak Alam, Di atas Lot PT.2909-2919 & PT.2934-2945 (3861), Mukim	Tetuan LBCN Development Sdn. Bhd.

	Ijok, Daerah Kuala Selangor	
11	Cadangan Memajukan Perumahan Mengandungi 24 Unit Rumah Teres Satu Tingkat & 127 Unit Kos Rendah Di atas Lot 349 & 350, Mukim Batang Berjantai, Daerah Kuala Selangor (Taman Cahaya 2)	Tetuan Rui Development Sdn. Bhd.
12	Taman Setia Budi Mengandungi 13 Unit R/Teres 2 Tkt & 13 Unit R/Kedai 2 Tkt & 38 Unit R/Teres 1 Tkt Diatas Lot Asal 1222, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd.

(x) MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Desa Beruntung , RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Projek Perumahan Taman Lembah Beringin , PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 16A, Bukit Sentosa 3 , Di Atas Sebahagian Lot 353 Dan 1729, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.
4	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin , Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.
5	Projek Pemberimilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, 109 Unit Rumah Banglo, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Digulung)
6	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang (Fasa 2 - 461 unit), HS(M) 2199, PT 1310, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd.(Nama Lama) & ARK Development Sdn.Bhd (Nama Baru)
7	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)

8	Projek Pembesaran Kampung Koskan , 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd. (Digulung)
9	Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.
10	Projek Erina Heights , Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd
11	Projek Perumahan Taman Impiana , 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Di Atas H.S.(M) 358, PT 671, Kampung Bharu Sejangtung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Ulu Selangor	Oridua Construction Sdn. Bhd.
12	Cadangan Membina 131 Unit Rumah Teres Kos Sederhana dan 16 Unit Rumah Teres Kos Rendah di atas Lot 484 & 487 (Taman Malim Mas), Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JK-NBA Ventures Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria , JKKK Sg Masin Genting Malek Di Atas Lot 2268, 711 & 713, Mukim Btg Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Gerak Utusan Corp. Sdn Bhd.

(xi) MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 Dan 12163, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.
2	Projek Perumahan Teres Satu Tingkat, Lot 2204, Tempat Batu 14 Tanjung Dua Belas, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd. (Digulung)
3	Projek Perumahan 25 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Taman Visi Nusa) di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, Taman Sijangkang Perdana Di Atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.(Digulung)
5	Cadangan Membina Rumah Teres 1 Tingkat di atas Lot 5341, Jalan Banting, Olak Lempit-Dengkil, Mukim Tanjung 12, Bukit Changgang, Daerah Kuala	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd. (Digulung)

	Langat	
6	Projek Perumahan 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, (Taman Desa Sri Jentayu 1) di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan Di Bandar Saujana Putra , Di atas Lot PT.17325, Fasa 5A, 5B dan 5C Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.
8	Cadangan Membina Rumah Teres 1 Tingkat & 2 Tingkat (Fasa 1B, 3B, 1C, 3A, 3B) Di Bandar Saujana Putra di atas Sebahagian Lot PT 8594, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.

(xii) MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek perumahan Desa Indrapura , Mukim Sabak Bernam, Daerah Sabak Bernam	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)

- b) Punca utama yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai terus berlaku adalah disebabkan beberapa faktor utama seperti berikut :

i) Viabiliti Projek

Projek yang tidak '*viable*' mengakibatkan sesebuah projek terbengkalai. Keadaan ini berlaku disebabkan di mana sesetengah pemaaju tidak menjalankan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) yang menyeluruh atau kesilapan terhadap kajian kemungkinan yang dijalankan terhadap suatu projek sebelum pelaburan dibuat. Kesan akibat kesilapan kajian kemungkinan menyebabkan kos infrastruktur meningkat tinggi dan seterusnya peningkatan kos pembinaan yang mendadak sehingga menjejaskan kewangan kontraktor terbabit

Lokasi projek juga merupakan salah satu pertimbangan utama pembeli dalam membeli rumah. Lokasi tidak bersesuaian menyebabkan pasaran terjejas. Ini berpunca daripada kurangnya kajian pasaran dibuat sebelum projek perumahan dimulakan. Keadaan ini akan menjejaskan kedudukan kewangan atau modal pemaaju dalam memajukan projek tersebut. Akhirnya, pemaaju berkenaan melepaskan tangan kerana ketidakmampuan dalam meneruskan projek di samping bebanan kewangan yang ditanggung.

ii) Kurang Pengalaman dan Kedudukan Kewangan yang Tidak Kukuh.

Berdasarkan kepada kes-kes projek terbengkalai di Negeri Selangor terdapat banyak projek terbengkalai dimiliki oleh pemaju yang kurang berpengalaman dan sumber kewangan yang tidak kukuh. Kedudukan kewangan yang lemah menyebabkan pemaju tidak mampu untuk meneruskan projek sekiranya berlaku pertambahan kos dalam masa projek dijalankan.

iii) Pengurusan

Pengurusan yang lemah terutamanya pengurusan kewangan turut menyumbang kepada faktor terbengkalainya sesebuah projek perumahan. Kesilapan dalam pengiraan kos projek akan membebankan dan merugikan pihak pemaju. Contohnya, kos sebenar projek berlipat ganda daripada anggarkan sebelum pelaksanaan projek. Selain itu, harga jualan unit rumah yang tidak sesuai atau terlalu tinggi akan menyebabkan unit-unit rumah tidak terjual kerana jurang kuasa beli pembeli yang besar.

Selain itu, strategi pemasaran yang lemah juga antara faktor projek perumahan terbengkalai. Keadaan ini disebabkan sumber kewangan yang diperolehi terhad daripada sejumlah kecil pembeli rumah dan '*bridging loan*' yang membebankan pemaju. Bagi sesetengah projek perumahan, kesilapan pemilihan kontraktor yang dijalankan secara tender akan menyebabkan projek tersebut terbengkalai dan mengalami kesulitan untuk diteruskan semula.

iv) Agensi Kewangan

Kos pembelian tanah yang tinggi serta faedah '*bridging loan*' yang meningkat mengikut keadaan ekonomi semasa turut membebankan pemaju-pemaju yang tidak berpengalaman dan tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Tambahan pula, pemaju yang mengalami masalah '*bridging loan*' lazimnya akan menampung kos projek melalui '*progress payment*' yang diperolehi dari bank. Sekiranya berlaku masalah ke atas projek yang dibangunkan, pembiayaan akan terhenti dan ini akan mengganggu aliran tunai pemaju.

- c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan hak para pembeli rumah terpelihara adalah seperti berikut :

- 1) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- 2) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 3) LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- 4) LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 6) **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek

boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pembeli

- 7) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat **penilaian semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- 8) Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.
- 9) **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- 10) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "**breach of contract**" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MASALAH INFRA DI TERATAI

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor memberi peruntukan kepada JKR supaya membina jejantas di Jalan Melati, Taman Seraya?
- b) Adakah Kerajaan menyediakan peruntukan untuk membaiki padang-padang yang rosak dengan tanah mendap di Jalan 19 Taman Putra, Jalan Bunga Melur 6 Taman Muda dan Jalan Bunga Tanjung 4 Taman Muda?

JAWAPAN:

JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

- a) JKR tidak menerima peruntukan untuk pembinaan jejantas di Jalan Melati, Taman Seraya.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

- b) Peruntukan pembangunan sedia ada telah disediakan oleh pihak MPAJ. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut adalah terhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : LESEN JUAL BARANGAN BESI BURUK DAERAH KUALA LANGAT

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan butir-butir nama syarikat perniagaan, lokasi berniaga yang memperolehi lesen menjual barangan besi buruk di Daerah Kuala Langat.
- b) Sila menyatakan berapakah jumlah permohonan lesen lulus dan ditolak sejak tahun 2013, 2014 hingga bulan Oktober 2015.
- c) Berapakah jumlah operasi menyita dan penguatkuasaan sejak Tahun 2013,2014 hingga bulan Oktober 2015.

JAWAPAN:

- a) Maklumat berkaitan butir-butir nama syarikat dan lokasi perniagaan tidak dapat disertakan memandangkan ia adalah maklumat sulit. Walau bagaimanapun, jumlah bagi pelesen perniagaan barang-barang lusuh/terpakai (besi buruk) di daerah Kuala Langat adalah sebanyak 26 orang.
- b) Jumlah permohonan lesen barang-barang lusuh/terpakai (besi buruk) yang diluluskan dan ditolak mulai tahun 2013 sehingga Oktober 2015:-

2013		2014		Sehingga Oktober 2015		Jumlah
Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	Lulus	Tidak Lulus	
2	-	1	5	1	-	5

- c) Laporan statistik pemeriksaan/penguatkuasaan ke atas premis barang-barang lusuh/terpakai (besi buruk) yang dijalankan oleh Ketua Polis Balai di bawah pentadbiran IPD Kuala Langat mulai tahun 2013 sehingga Oktober 2015:-

Balai	Tahun 2013 Januari - Disember		Tahun 2014 Januari - Disember		Tahun 2015 Januari - Oktober		Jumlah
	Jumlah Pemeriksaan	Tindakan Saman	Jumlah Pemeriksaan	Tindakan Saman	Jumlah Pemeriksaan	Tindakan Saman	
Balai Polis Banting	2	0	0	0	0	0	2
Balai Polis T/P Garang	15	15	2	2	6	6	46

Balai Polis Tg. Sepat	1	0	0	0	0	0	1
Balai Polis Sg. Jarum	5	1	0	0	0	0	6
Jumlah	23	16	2	2	6	6	55

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI
SELANGOR**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status pinjaman yang belum dibayar balik oleh setiap PBT kepada Kerajaan Negeri sehingga tahun 2014.
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah memansuhkan kadar faedah 4% terhadap pinjaman kepada PBT? Jika ya, adakah pinjaman sebelum ini juga dikecualikan kadar faedah 4%?
- c) Adakah PBT dibenarkan membuat pinjaman daripada pihak lain selain daripada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Status pinjaman yang belum dibayar balik oleh setiap PBT yang telah diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga 2014 adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Pinjaman Yang Belum Dibayar Balik			Tunggakan (RM)
		Pokok(RM)	Faedah(RM)	Jumlah(RM)	
1	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2,879,762.27	-	2,879,762.27	-
2	Majlis Perbandaran Kajang	9,095,486.70	-	9,095,486.70	-
3	Majlis Perbandaran Selayang	12,904,384.15	-	12,904,384.15	-
4	Majlis Daerah Sabak Bernam	8,806,800.00	721,360.00	9,528,160.00	2,543,060.00
5	Majlis Bandaraya Shah Alam	6,602,922.50	139,078.00	6,742,000.50	1,372,738.75
6	Majlis Daerah Kuala Selangor	14,100,000.00	244,000.00	14,344,000.00	3,370,232.27
7	Majlis Perbandaran	1,800,200.00	-	1,800,200.00	-

Bil	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Pinjaman Yang Belum Dibayar Balik			Tunggakan (RM)
		Pokok(RM)	Faedah(RM)	Jumlah(RM)	
	Subang Jaya				
	JUMLAH (RM)	56,189,555.62	1,104,438.00	57,293,993.62	7,286,031.02

- b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum memansuhkan dasar kadar caj pembiayaan 4% terhadap pinjaman kepada PBT. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri daripada semasa ke semasa memberi pertimbangan pengecualian caj pembiayaan tersebut sekiranya pinjaman yang dibuat oleh PBT adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian (*service delivery*) di PBT dan bukannya untuk aktiviti bertujuan komersial.
- c) Selain daripada pinjaman daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dibenarkan mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan, berdasarkan kepada Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Bahagian V Peruntukan Kewangan:-

Seksyen 41. Kuasa pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan pinjaman.

(1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, melalui ketetapan dan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa mendapatkan melalui pinjaman apa-apa amaun dengan apa-apa syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana daripada maksud yang berikut:

a) untuk membayar perbelanjaan yang dilakukan atau yang akan dilakukan bagi mana-mana daripada yang berikut:

- (i) pengambilan tanah yang pihak berkuasa tempatan itu diberi kuasa mengambilnya;
- (ii) mendirikan sesuatu bangunan yang pihak berkuasa tempatan itu ada kuasa mendirikannya;
- (iii) menjalankan sesuatu kerja tetap, mengadakan atau membaharui sesuatu loji atau mengadakan atau mengganti kereta; dan

b) untuk menjelaskan pinjaman yang sedia ada:

Dengan syarat bahawa pinjaman itu tidak boleh menjadikan hutang Pihak Berkuasa Tempatan itu berjumlah lebih daripada lima kali

tahunan sebagaimana yang terdapat dalam Senarai Nilai semasa Pihak Berkuasa Tempatan itu dan juga syarat bahawa tempoh pembayaran balik pinjaman itu tidak boleh lebih daripada enam puluh tahun.

- (2) Sebelum sesuatu ketetapan itu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu suatu anggaran lengkap hendaklah dibuat mengenai kos projek yang dicadangkan itu dan yang atasnya wang yang dipinjam itu hendak dibelanjakan, kos tahunan untuk menyenggara projek itu, hasil tahunan yang akan didapati daripadanya, lamanya tempoh projek itu, dan cara pembayaran balik yang dicadangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *core business Standco* ini?
- b) Gariskan KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014.
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Bidang tugas *Standco* ini adalah seperti berikut;-
 - i. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap IKS sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi menentukan program-program;
 - ii. Menetapkan dasar dan polisi baru bagi meningkatkan perdagangan dalam dan luar negara; dan
 - iii. Memantau dan menilai program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun;
 - iv. Lain-lain tugas yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- b) KPI *Standco* ini bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut;-

Perkara	KPI 2013		KPI 2014	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Perlaksanaan Program	31	29	82	78
Bilangan Mesyuarat	3	3	3	3

- c) KPI yang gagal memenuhi sasarannya adalah dari segi pelaksanaan program di mana terdapat beberapa program tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan masa dan ketidaksesuaian program pada masa tersebut. Antara program-program yang tidak dapat dilaksanakan seperti berikut;-

Program-program yang tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2013 dan 2014

Bil.	Program	Objektif	Status
Tahun 2013			
1.	<i>Special Hi-Tea With Group Of Investors</i> <ul style="list-style-type: none"> • Singapore • Australia • United Kingdom • Taiwan 	Menjadi landasan bagi industri menyampaikan isu / permasalahan yang dihadapi.	Tunda
2.	<i>Cocktail Hi-Tea With Existing MNC Expand in 2012</i>	Majlis penghargaan kepada pelabur yang menambah pelaburan di Negeri Selangor	Tunda
Tahun 2014			
1.	Misi Penggalakan Pelaburan Ke Luar Negara: <ol style="list-style-type: none"> 1. Eropah <ul style="list-style-type: none"> ○ Switzerland & Italy ○ Germany & Netherland ○ Belgium & Germany 2. United State of America 3. Asia Tenggara <ul style="list-style-type: none"> ○ Philippines ○ Thailand 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dalam misi penggalakan pelaburan anjuran MIDA. • Misi penggalakan pelaburan anjuran SSIC dan diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar / EXCO. • Menarik para pelabur dari negara-negara yang dilawati. • Mempromosi Selangor sebagai pusat perindustrian. • Mengeratkan jalinan kerjasama dan menambah <i>Networking</i> 	Tangguh

2.	Mesyuarat Selangor	PEMUDAH Membincangkan isu-isu keberkesanan sistem penyampaian (<i>delivery system</i>) dan polisi-polisi kerajaan berkaitan pembangunan perindustrian, perumahan dan perdagangan.	Tangguh
3.	<i>Annual Networking Meeting with FMM Selangor</i>	Menjalinkan hubungan bersama dan merangka program pada masa akan datang.	Tangguh
4.	<i>Luncheon With Foreign Embassies & Business Chamber Of Commerce</i>	Menjalinkan hubungan baik di antara pihak Kerajaan Negeri dengan dewan perniagaan.	Tangguh

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK MEMBANGUN BELIA ISLAM

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah mekanisme inklusif yang boleh melibatkan pimpinan setempat termasuk wakil rakyat untuk membentuk remaja Rabbani?

JAWAPAN:

- b) Bagi melibatkan golongan remaja, pemimpin masyarakat seperti JKMM Masjid boleh memanfaatkan kemudahan sedia ada seperti masjid, surau, tanah perkuburan bagi program yang dirancang. Golongan muda seperti mat motor telah melibatkan diri dengan program JAIS seperti di dataran pada 17 Oktober 2015. Program ini akan mendekatkan golongan muda dengan kepimpinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT REKREASI KELUARGA

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri bagi mempromosikan pusat rekreasi di Selangor?

JAWAPAN:

- b) Bagi mempromosikan pusat rekreasi keluarga di Selangor, pelbagai usaha telah dijalankan menggunakan pelbagai medium dan kaedah bagi menyampaikan informasi berkenaan tempat rekreasi yang menarik yang ada di Negeri Selangor. Bagi memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat tempatan mahupun antarabangsa terhadap pusat rekreasi keluarga ini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menggunakan pelbagai pendekatan sama ada media bercetak mahupun media elektronik. Antaranya :

BIL.	MEDIA/ MEDIUM	JENIS/ PELAKSANAAN PROMOSI
1.	Media Eletronik	i. Laman Sosial Rasmi Tourism Selangor (Facebook, twitter, dan Instagram) ii. Laman Web Rasmi Tourism Selangor iaitu www.tourismselangor.my iii. Aplikasi Telefon Pintar (Discover Selangor) yang boleh dimuat turun melalui aplikasi Google Play dan Apple App Store.
2.	Media Cetak	i. Risalah Selangor Breakaway (Direktori Pelancongan Negeri Selangor) ii. Risalah Selangor Leisure Travel iv. Slot iklan dan Editorial di Majalah dan Akhbar iii. Risalah Peta (Fun Map)

Selain itu, Tourism Selangor turut menganjurkan beberapa acara bersama media dan agensi pelancongan di tempat rekreasi keluarga yang ada di sekitar Negeri Selangor bagi memberikan publisiti meluas kepada masyarakat di Malaysia dan juga luar negara. Antaranya:

BIL.	ACARA/ PROGRAM	JENIS/ PELAKSANAAN PROMOSI
1.	Program Jelajah bersama Media	i. <i>Discover Selangor Eco-Photo Hunt 2015</i> ii. TSDayout yang dijalankan sebanyak 3 Siri (<i>White Water Rafting</i> di Hulu Selangor, Mendaki Bukit Kutu dan TSDayOut Edisi Istimewa)
2.	<i>Familiarisation Tour</i> bersama Media dan Agensi Pelancongan Antarabangsa	i. <i>Selangor Fruit Festival 2015</i> di Hutan Lipur Kanching ii. Mega FAM 2015 Trip daripada Tourism Malaysia iii. <i>Make it Malaysia-China 2015</i>

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor juga menyertai pelbagai siri pelancongan dalam dan luar negara yang bertujuan untuk membuat promosi terhadap produk , destinasi pelancongan yang berbentuk pusat rekreasi keluarga, serta acara-acara yang dijalankan sepanjang tahun 2015. Antaranya ialah :

- i. *Asean Tourism Forum 2015* , Myanmar
- ii. PATA Travel Mart 2015 , Bangalore India
- iii. ITB Berlin 2015 , German
- iv. ATM Dubai 2015 , U.A.E
- v. KOFTA 2015, Seoul Korea.
- vi. *Sales Mission to Batam Indonesia 2015* , Indonesia
- vii. *Guangzhou International Travel Fair 2015* , China

Selain promosi di peringkat antarabangsa, Tourism Selangor turut menjalankan siri promosi dalam negara dan negeri antaranya :

- i. *Johor Travel Fair 2015*, Johor Bahru
- ii. *MATTA Fair 2015*, PWTC Kuala Lumpur
- iii. *Kuala Lumpur Photography Festival 2015*, Mid Valley KL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

**TAJUK : KESESAKAN JALAN DI PERSIMPANGAN B25 JALAN KUANG DAN
B149 JALAN KUNDANG**

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak?

JAWAPAN:

- a) Projek menaiktaraf persimpangan B25 dan B149 telah dipohon untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERUSAHAAN TERNAKAN UDANG

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah kolam-kolam ternakan udang yang ada di Mukim Api-Api Kuala Selangor banyak terbiar?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengaktifkan semula kolam ternakan tersebut bagi menampung bekalan udang ternakan?

JAWAPAN:

- a) Sejak tahun 2011, ternakan udang laut mengalami masalah kematian akibat dari **Early Mortality Syndrome (EMS)**. Situasi ini bukan sahaja berlaku di Negeri Selangor malah seluruh dunia yang menjalankan aktiviti ternakan udang laut. EMS menyebabkan benih udang mati secara banyak dan dalam tempoh yang berpanjangan. Menurut kajian, ia bukanlah jangkitan virus atau bakteria. Bagi mengatasi masalah ini, pengurusan ladang perlu ditingkatkan. Kerugian akibat kematian dan peningkatan kos operasi melalui pengurusan menyebabkan banyak penternak kekurangan modal dan tidak dapat meneruskan aktiviti ternakan.

DAERAH	BILANGAN KOLAM UDANG
Kuala Langat	71
Kuala Selangor	27
Sabak Bernam	20
Sepang	1
Jumlah	119

- b) Sehingga kini, Jabatan hanya memberi maklumat kepada penternak untuk meningkatkan pengurusan kolam memandangkan tiada ubat-ubatan yang mampu mengatasi masalah ini. Jabatan juga menggalakkan penukaran spesies ternakan dari udang putih kepada udang harimau memandangkan kematian benih dapat dikurangkan dengan penukaran spesies ternakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : UNISEL

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini pelajar UNISEL?
- b) Apakah status kewangan UNISEL bagi tahun 2014 dan 2015?

JAWAPAN:

- a) Statistik terkini pelajar UNISEL berdasarkan Fakulti dan Program

BESTARI JAYA CAMPUS

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	CENTRE FOR FOUNDATION AND GENERAL STUDIES	FOUNDATION IN MANAGEMENT	63
2		FOUNDATION IN INFORMATION TECHNOLOGY	27
3		FOUNDATION IN SCIENCE	34
4		FOUNDATION FOR BACHELOR OF EDUCATION (TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE)	82
		TOTAL	206

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF COMPUTER SCIENCE AND INFORMATION TECHNOLOGY	BACHELOR IN COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE ENGINEERING) (HONS)	74
2		BACHELOR IN INFORMATION TECHNOLOGY (HONOURS)	67
3		BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE (HONOURS) (NETWORK SECURITY AND DIGITAL FORENSICS)	45
4		BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE (HONS)	43
5		BACHELOR OF INFORMATION TECHNOLOGY (KNOWLEDGE MANAGEMENT) (HONOURS)	21
6		BACHELOR OF MULTIMEDIA INDUSTRY (HONOURS)	60
7		BACHELOR OF SCIENCE IN INFORMATION TECHNOLOGY WITH SUPPLY CHAIN MANAGEMENT (HONS)	43
8		DIPLOMA COMPUTER APPLICATION IN BUSINESS	9
9		DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE (INDUSTRIAL COMPUTING)	47
10		DIPLOMA IN INFORMATION TECHNOLOGY	68
11		DIPLOMA IN INFORMATION TECHNOLOGY (MOBILE TECHNOLOGY)	13
12		DIPLOMA IN MULTIMEDIA INDUSTRY	39
		TOTAL	529

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	Faculty of Education and Social Sciences	BACHELOR OF EDUCATION (HONOURS) TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE	406
2		BACHELOR OF EDUCATION (HONS) (EARLY CHILDHOOD EDUCATION)	667
3		BACHELOR OF EDUCATION (HONS) (ISLAMIC STUDIES)	73
4		BACHELOR OF INDUSTRIAL PSYCHOLOGY (HONS)	148
5		BACHELOR OF LIBRARY SCIENCE (HONS)	50
6		DIPLOMA IN EDUCATION (ISLAMIC STUDIES)	118
7		DIPLOMA IN EDUCATION (PRESCHOOL STUDIES)	614
8		DIPLOMA IN LIBRARY SCIENCE	27
9		DIPLOMA IN TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE	248
		TOTAL	2,351

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF EDUCATION AND SOCIAL SCIENCES	BACHELOR OF EDUCATION (HONOURS) TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE	406
2		BACHELOR OF EDUCATION (HONS) (EARLY CHILDHOOD EDUCATION)	667
3		BACHELOR OF EDUCATION (HONS) (ISLAMIC STUDIES)	73
4		BACHELOR OF INDUSTRIAL PSYCHOLOGY (HONS)	148
5		BACHELOR OF LIBRARY SCIENCE (HONS)	50
6		DIPLOMA IN EDUCATION (ISLAMIC STUDIES)	118
7		DIPLOMA IN EDUCATION (PRESCHOOL STUDIES)	614
8		DIPLOMA IN LIBRARY SCIENCE	27
9		DIPLOMA IN TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE	248
		TOTAL	2,351

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF ENGINEERING	BACHELOR OF ENGINEERING (HONS) CIVIL	92
2		BACHELOR OF ENGINEERING (HONS) ELECTRICAL	58
3		BACHELOR OF ENGINEERING (HONS) ELECTRONICS	12
4		BACHELOR OF ENGINEERING (HONS) MECHANICAL	145
5		BACHELOR OF ENGINEERING (HONS) MECHATRONICS	7
6		DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING	26
7		DIPLOMA IN ELECTRICAL AND ELECTRONICS ENGINEERING	32
8		DIPLOMA IN MECHANICAL ENGINEERING	33
9		DIPLOMA IN MECHATRONICS ENGINEERING	6
		TOTAL	411

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF SCIENCE AND BIOTECHNOLOGY	BACHELOR OF BIOINFORMATICS (HONS)	14
2		BACHELOR OF BIOTECHNOLOGY INDUSTRY (HONS)	99
3		BACHELOR OF ENVIRONMENTAL SCIENCE (BIODIVERSITY & CONSERVATION) (HONS)	13
4		BACHELOR OF SCIENCE (HONOURS) INDUSTRIAL TECHNOLOGY	35
5		BACHELOR OF SCIENCE (HONOURS) MATHEMATICS WITH STATISTICS	53
6		DIPLOMA IN AQUACULTURE	28
7		DIPLOMA IN BIOTECHNOLOGY INDUSTRY	34
8		DIPLOMA IN INDUSTRIAL TECHNOLOGY	106
9		DIPLOMA IN QUANTITATIVE SCIENCE	8
		TOTAL	390

GRAND TOTAL	3,887
--------------------	--------------

SHAH ALAM CAMPUS

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF ART AND DESIGN	DIPLOMA IN DIGITAL GRAPHIC DESIGN	218
2		DIPLOMA IN PHOTOGRAPHY TECHNOLOGY	92
3		BACHELOR (HONS) IN DIGITAL GRAPHIC DESIGN	147
		TOTAL	457

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF BIOMEDICAL AND HEALTH SCIENCE	DIPLOMA IN MEDICAL LABORATORY TECHNOLOGY	112
2		DIPLOMA IN PHYSIOTHERAPY	97
3		DIPLOMA IN ENVIRONMENTAL HEALTH	67
4		DIPLOMA IN MEDICAL IMAGING	50
5		DIPLOMA IN NURSING	33
6		BACHELOR IN MEDICAL LABORATORY SCIENCE (HONOURS)	210
7		BACHELOR OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH (HONS)	30
		TOTAL	599

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF BUSINESS	DIPLOMA IN BUSINESS MANAGEMENT	584
2		DIPLOMA IN ACCOUNTANCY	211
3		DIPLOMA IN ADMINISTRATIVE MANAGEMENT	290
4		DIPLOMA IN SPORTS INDUSTRY MANAGEMENT	231
5		BACHELOR OF INDUSTRIAL MANAGEMENT (HONOURS)	179
6		BACHELOR OF ACCOUNTANCY (HONS)	498
7		BACHELOR OF FINANCE (HONOURS)	310
8		BACHELOR OF MARKETING (HONS)	73
9		BACHELOR OF BUSINESS MANAGEMENT (HONS)	528
10		BACHELOR OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (HONOURS)	934
		TOTAL	3,838

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	FACULTY OF COMMUNICATION AND MEDIA	DIPLOMA IN COMMUNICATION AND MEDIA	317
2		BACHELOR IN COMMUNICATION (JOURNALISM) (HONS)	81
3		BACHELOR OF COMMUNICATION (HONS) (CORPORATE COMMUNICATION)	259
		TOTAL	657

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	Centre for Graduate Studies	MASTER OF INFORMATION TECHNOLOGY	8
2		MASTER OF COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE ENGINEERING)	5
3		MASTER OF SCIENCE (COMPUTING)	2
4		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN COMPUTING	11
5		MASTER IN EDUCATION (CO-CURRICULUM AND SPORTS MANAGEMENT)	2
6		DOCTOR OF EDUCATION	93
7		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN SOCIAL SCIENCE	13
8		MASTER IN ENGINEERING (BY RESEARCH)	2
9		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN ENGINEERING (BY RESEARCH)	7
10		MASTER OF SCIENCE (BIOTECHNOLOGY)	5
11		DOCTOR OF PHILOSOPHY BIOTECHNOLOGY	4
12		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN SCIENCE	2
13		MASTER OF LIFE SCIENCE	1
14		MASTER OF MANAGEMENT (BY RESEARCH)	10
15		MASTER OF BUSINESS ADMINISTRATION	36
16		PhD IN MANAGEMENT	43
17		MASTER IN EDUCATION (DISCIPLINE MANAGEMENT)	29
18		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN EDUCATION	11
		TOTAL	284

GRAND TOTAL	5,835
--------------------	--------------

NO	FACULTY	PROGRAMME	TOTAL
1	CENTRE FOR GRADUATE STUDIES	MASTER OF INFORMATION TECHNOLOGY	8
2		MASTER OF COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE ENGINEERING)	5
3		MASTER OF SCIENCE (COMPUTING)	2
4		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN COMPUTING	11
5		MASTER IN EDUCATION (CO-CURRICULUM AND SPORTS MANAGEMENT)	2
6		DOCTOR OF EDUCATION	93
7		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN SOCIAL SCIENCE	13
8		MASTER IN ENGINEERING (BY RESEARCH)	2
9		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN ENGINEERING (BY RESEARCH)	7
10		MASTER OF SCIENCE (BIOTECHNOLOGY)	5
11		DOCTOR OF PHILOSOPHY BIOTECHNOLOGY	4
12		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN SCIENCE	2
13		MASTER OF LIFE SCIENCE	1
14		MASTER OF MANAGEMENT (BY RESEARCH)	10
15		MASTER OF BUSINESS ADMINISTRATION	36
16		PhD IN MANAGEMENT	43
17		MASTER IN EDUCATION (DISCIPLINE MANAGEMENT)	29
18		DOCTOR OF PHILOSOPHY IN EDUCATION	11
		TOTAL	284

GRAND TOTAL	5,835
--------------------	--------------

Jumlah pelajar yang aktif sehingga 15 Oktober 2015 adalah **9,722** untuk kedua dua kampus. Jika dicampurkan dengan pelajar yang menangguhkan pengajian dengan kebenaran adalah **1,105**, jumlah pelajar mendaftar ialah **10,827**.

Pelajar-pelajar UNISEL dibenarkan menangguhkan pengajian sekiranya tidak dapat membayar yuran. Kebenaran ini terhad hanya dua kali sahaja di sepanjang tempoh pengajian.

b) Status kewangan UNISEL bagi tahun 2014 dan 2015

	Terkumpul Sept. 2015 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan	67,180,700	92,737,529
<u>Tolak:</u>		
Kos Penggajian dan Operasi	66,631,267	85,270,839
Kos Susutnilai	8,240,117	18,050,082
Kerugian sebelum cukai	(7,690,684)	(10, 583,392)
Keuntungan / (kerugian) sebelum Cukai, Faedah, Susut Nilai. Pelunasan & Amortisasi (EBITDA)	549,433	7,466,690

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DI LEMBAH KLANG

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Lembah Klang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi mengatasi masalah kesesakan ini dalam bajet Selangor 2016?

JAWAPAN:

- a) Isu kesesakan lalu lintas telah menghantui rakyat Negeri Selangor terutama di kawasan bandar. Menyedari perkara ini, Kerajaan sentiasa komited bagi menyediakan perancangan infrastruktur yang perhubungan dan pengangkutan awam terbaik kepada rakyat. Ke arah usaha tersebut, Kerajaan telah melantik perunding yang berkelayakan untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor sebagai satu dokumen asas ke arah perancangan pengangkutan awam yang mencukupi, kebolehsampaian, ketepatan masa, *user friendly*, selamat, strategi dan komprehensif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor.

Apabila disiapkan kelak kajian ini akan dapat menentukan halatuju pengangkutan awam Negeri Selangor seperti berikut :

- i. Mencapai sasaran nisbah pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian adalah 60:40;
- ii. Menghasilkan Pelan Induk Pengangkutan Awam yang komprehensif meliputi pelan jaringan lebuh raya dan pengangkutan awam semasa dan masa hadapan untuk rujukan Kerajaan Negeri, Persekutuan, agensi terlibat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan penyelarasan pengurusan dan pelaksanaan yang lancar (*seamless*) di setiap peringkat;
- iii. Mencadangkan strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta agensi bertanggungjawab terutama bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam meliputi perkhidmatan LRT, MRT, BRT, *feeder bus*, perkhidmatan bas dan teksi);
- iv. Mencadangkan dan mengintegrasikan jalan raya dan lebuh raya sedia ada dengan pengangkutan awam sedia ada dan akan datang;

- v. Mencadangkan dan menggalakkan penggunaan kemudahan sokongan bagi lorong pejalan kaki, lorong berbasikal dan program *car free* di dalam kawasan bandar;
- vi. Mencapai keseimbangan antara pembinaan lebuh raya dan penyediaan sistem pengangkutan awam melalui kajian yang telus dan terperinci;
- vii. Menganalisis konsep *Transit Oriented Development (TOD)* bagi membolehkan pembangunan perumahan dan komersil di Lembah Klang diintegrasikan dengan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga komited bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di negeri Selangor dengan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam melalui penyediaan perkhidmatan bas secara percuma 'Bas Selangorku' kepada komuniti di MBSA, MPSJ dan MPK yang telah pun dilancarkan pada Julai 2015 yang lalu. Perkhidmatan ini juga akan diperluaskan lagi di kawasan MPAJ dan MPKj. Pelaksanaan ini telah dirangka dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

Setiap PBT juga sentiasa bersedia dalam menangani masalah kesesakan rangkaian jalanraya setempat kesan dari kepesatan pembangunan. Menyedari hal ini, PBT juga menyediakan Laporan Kajian Lalulintas secara menyeluruh bagi kawasan di bawah pentadbiran masing-masing. Sebagai contoh, pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menyediakan kajian dengan jangkamasa sehingga tahun 2030 dengan mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:

- i. Analisis Trafik
 - ii. Penilaian Kesan Trafik
 - iii. Impak Lalulintas Mikro
 - iv. Sirkulasi Trafik
- b) Seperti yang telah dinyatakan, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan perancangan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan awam terbaik kepada rakyat. Oleh yang demikian, sebarang pertimbangan yang lebih terperinci berkaitan pembangunan pengangkutan awam akan dibuat berdasarkan dapatan dan hasil kajian berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : SUMBER MINERAL DAN GALIAN NEGERI

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jenis-jenis sumber mineral dan galian yang terdapat di Selangor.
- b) Berapakah jumlah hasil perolehan dari sumber mineral dan galian di Selangor pada tahun 2014 dan 2015?

JAWAPAN:

- a) Jenis-jenis sumber mineral dan galian yang terdapat di Selangor (yang sedang diusahakan) adalah seperti berikut;
 - i) agregat batuan (granit)
 - ii) batu kapur (untuk perusahaan simen)
 - iii) lempung (tanah liat), bahan bertanah (tanah merah dan syal)
 - iv) pasir dan kelikir

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

- b) Hasil perolehan dari sumber mineral dan galian Negeri Selangor pada tahun 2015 adalah berjumlah **RM871,405.00** dan butirannya adalah seperti di **Lampiran A.**

Bagi tahun 2014, tiada hasil perolehan dari sumber mineral dan galian yang telah diterima kerana pada tahun tersebut, dasar Kerajaan Negeri yang tidak menggalakkan aktiviti perlombongan dalam Negeri Selangor.

**JUMLAH HASIL PEROLEHAN DARI SUMBER MINERAL & GALIAN
SELANGOR DARUL EHSAN PADA TAHUN 2015**

Bil	Tenem Mineral	Bayaran Fi Permohonan (RM)	Bayaran Fi Pengeluaran Lesen / Pajak (RM)	Sewa Tanah Tahunan (RM)	Sewa Tanah Tahunan (Tunggakan) (RM)	Royalti / Denda (RM)	Jumlah (RM)
1	Lesen Mendulang	1,260.00	4,000.00	-	-	-	5,260.00
2	Pajakan Melombong	800.00	1,500.00	138,145.00	274,700.00	-	415,145.00
3	Lesen Melombong Tuan Punya	1,400.00	-	-	-	-	1,400.00
4	Lain-Lain	-	-	-	-	449,600.00	449,600.00
JUMLAH BESAR		3,460.00	5,500.00	138,145.00	274,700.00	449,600.00	871,405.00

Sumber : Unit Mineral, Bahagian Pembangunan Dan Kemajuan Tanah, PTGS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : JENAYAH RENTAS SEMPADAN

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini jenayah rentas sempadan di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri terlibat dalam kerjasama membanteras jenayah rentas sempadan?

JAWAPAN:

- a) Statistik jenayah rentas sempadan (Antipenyeludupan Migran 2007) di Selangor bagi tempoh Januari hingga 18 Oktober 2015 adalah sebanyak **8** kes. Tangkapan lelaki dewasa seramai **101** orang, perempuan dewasa seramai **29** orang dan lelaki kanak-kanak seramai **3** orang. Berikut adalah statistik bagi Antipenyeludupan Migran 2007.

NEGERI	JUMLAH KES	TANGKAPAN MENGIKUT PECAHAN BANGSA	LELAKI DEWASA	PEREMPUAN DEWASA	LELAKI KANAK-KANAK
SELANGOR	8	CINA	1		
		MELAYU	2		
		ETHIOPIA	1	2	1
		SUDAN	1		
		MYANMAR	1		
		BANGLADESH	22		
		INDONESIA	62	25	1
		SRI LANKA	2	1	1
		NEPAL	2		
		SOMALIA	7	1	
		JUMLAH		101	29

- b) Siasatan Jenayah Rentas Sempadan tidak melibatkan Kerajaan Negeri. Tiada SOP yang ditetapkan bagi jenayah seumpama ini. Walau bagaimanapun, bagi menanganinya, kerjasama di antara negara yang bersempadanan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa terutama melibatkan perkongsian maklumat dan risikan. Pemerhatian penuh oleh PDRM sentiasa dibuat bagi menangani isu jenayah rentas sempadan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : IKLAN HARAM

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengekang pertambahan jumlah iklan haram di Selangor?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk membersihkan iklan haram?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui PBT dalam mengekang pertambahan jumlah iklan haram di Selangor adalah:-
 - i. PBT melaksanakan operasi iklan haram sebanyak dua (2) kali sehari iaitu mulai seawal pagi dan waktu petang di semua kawasan operasi PBT.
 - ii. Mengenakan kompaun dan tindakan sitaan ke atas iklan haram;
 - iii. PBT mengemukakan nombor telefon iklan kepada pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk permohonan penamatan perkhidmatan;
 - iv. Mengadakan operasi bersepadu iklan along dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan NGO dalam membanteras aktiviti along; dan
 - v. Membatalkan lesen perniagaan khususnya syarikat percetakan sekiranya didapati mengambil tempahan mencetak iklan-iklan along.
- b) Tiada peruntukkan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT bagi membersihkan iklan haram berikutan kerja-kerja tersebut adalah dilaksanakan oleh kakitangan PBT sendiri dan ada sesetengah PBT memasukkan kerja-kerja membersihkan iklan haram di dalam kontrak kerja Pembersihan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM GENERASI IDAMAN SELANGOR (GEMS)

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program yang dilaksanakan oleh GeMS?
- b) Nyatakan keberkesanan program tersebut kepada semua kaum di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun ini sehingga Ogos 2015, sebanyak 10 program yang telah dilaksanakan seperti berikut :

BIL	SENARAI PROGRAM	BULAN
1.	Kempen AMAN, Program Menangani Gejala Sosial 9 Daerah	Februari
2.	Program Pengupayaan Komuniti Setempat kawasan Fokus	Mac
3.	Program Jelajah GeMS Daerah Gombak	April
4.	Kempen Kebersihan Kawasan Fokus Program GeMS di Pangsapuri Desa Mentari & Seri Perantau	Mei
5.	Program Jelajah GeMS Daerah Daerah Sabak Bernam	Jun
6.	Program Sukan Santai GeMS di Pangsapuri Desa Mentari & Seri Perantau	Jun
7.	Program Semarak Ramadhan GeMS Kawasan Fokus Menangani Gejala Sosial di Pangsapuri Desa Mentari & Seri Perantau	Jun
8.	Program Sukan Santai GeMS di Pangsapuri Desa Mentari & Seri Perantau	Ogos
9.	Program Pengupayaan Komuniti Setempat kawasan Fokus Program GeMS Siri 2	Ogos
10.	Operasi Menangani Gejala Sosial Siri 2/2015 di 9 Daerah	Ogos

- b) Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) adalah satu langkah serius yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor. Antara keberkesanan program ini adalah seperti :

- I. penglibatan secara langsung pimpinan masyarakat dalam usaha merancang aktiviti-aktiviti menangani gejala sosial di kawasan yang berisiko tinggi dalam gejala sosial dan jenayah;
- II. persefahaman kaum berjaya diwujudkan dengan kejayaan penubuhan gabungan penduduk di kawasan fokus menangani gejala sosial yang melibatkan pelbagai kaum;
- III. dapat memantapkan ilmu-ilmu kemasyarakatan dalam kehidupan seharian;
- IV. berjaya menggabungkan pelbagai jabatan/agensi kerajaan dalam usaha menangani gejala sosial;
- V. dapat mewujudkan persekitaran selamat dan harmoni terutama di kawasan fokus menangani gejala sosial;
- VI. meningkat taraf hidup mereka yang terlibat dengan masalah gejala sosial;
- VII. dapat menikmati kemudahan-kemudahan bersosial seperti perpustakaan yang dibina di kawasan yang mempunyai masalah gejala sosial tinggi; dan
- VIII. pembangunan secara menyeluruh termasuk ekonomi dan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : ELAUN ATLET SUKSES

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan elaun yang dikeluarkan untuk atlet SUKSES?
- b) Bagaimanakah kaedah pengagihan elaun kepada atlet?
- c) Nyatakan jumlah elaun yang diterima mengikut kategori?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah menjadikan Sukan Selangor (SUKSES) sebagai sukan dwi tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 1995. Kejohanan SUKSES ini merupakan kejohanan sukan antara semua daerah di Negeri Selangor. Sebagai badan induk, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah memperuntukkan kepada Majlis Sukan Daerah (MSD) untuk menyediakan sebanyak RM 5,000 setiap sukan, RM 20,000 setiap daerah dan ianya disalurkan kepada pihak MSD masing-masing pada tahun 2015 ini dan lanya adalah tanggungjawab setiap kontinjen daerah untuk menguruskan pasukan daerah masing-masing. Pihak Majlis tiada peruntukan yang dikhaskan untuk diberi kepada setiap atlet daerah.
- b) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) tiada kaedah khas yang ditetapkan kepada pihak MSD. Kaedah pengagihan elaun ini adalah dipertanggungjawabkan kepada pihak MSD masing-masing untuk menguruskannya dengan peruntukkan seperti yang dinyatakan di atas.
- c) Pihak Majlis tiada menetapkan jumlah elaun yang diterima kerana ianya ditentukan oleh pihak pengurusan kontinjen masing-masing seperti yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LESEN OPERASI KILANG

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kilang yang telah diberi kebenaran semula untuk beroperasi selepas ditarik balik mengikut PBT?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kilang yang berulang kali melakukan kesalahan yang sama?
- c) Apakah usaha untuk memastikan setiap kilang mematuhi syarat operasi yang ditetapkan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang yang telah diberi kebenaran semula beroperasi adalah sebanyak **307 buah kilang**. Pecahan jumlah kilang mengikut PBT adalah seperti di bawah:

PBT	Jumlah kilang yang telah diberi kebenaran semula untuk beroperasi selepas ditarik balik
MBSA	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
MBPJ	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
MPK	Setakat ini tiada kilang yang ditarik balik lesen dan diberi kebenaran semula untuk beroperasi.
MPAJ	5 kilang
MPSJ	MPSJ pernah menarik dua (2) lesen premis kilang kerana masalah tambahan struktur secara haram dan tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Alam Sekitar. Sehingga kini kedua-dua kilang tersebut tidak dapat memenuhi syarat yang telah dikenakan untuk dilesenkan semula.
MPS	268 kilang dibenarkan beroperasi semula daripada 377 lesen ditarik
MPKj	MPKJ pernah menarik satu (1) lesen kilang iaitu WEI YEAN FURNITURE & RENOVATION No. 411, Batu 9, 43200 Cheras kerana aduan daripada penduduk setempat berikutan aktiviti yang dilakukan menimbulkan pencemaran dan kacau ganggu serta aktiviti tersebut tidak lagi sesuai untuk beroperasi di kawasan berkenaan

MPSp	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
MDKL	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
MDHS	34 kilang
MDKS	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
MDSB	Sehingga kini tiada kebenaran yang diberi semula untuk beroperasi selepas lesen ditarik semula.
JUMLAH	307 kilang

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- b) Tindakan Kerajaan Negeri melalui PBT terhadap kilang yang berulang kali melakukan kesalahan yang sama tanpa mempunyai alasan yang munasabah atau memberi sebab yang meragukan adalah seperti di bawah:-
- i. Tindakan penguatkuasaan seperti pengeluaran notis amaran atau peringatan;
 - ii. Mengenakan kompaun berdasarkan **Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian 2007**;
 - iii. Membekukan lesen;
 - iv. Menarik lesen; dan
 - v. Mengambil tindakan mahkamah.
- c) Usaha Kerajaan Negeri melalui PBT bagi memastikan setiap kilang mematuhi syarat operasi yang ditetapkan adalah seperti di bawah:-
- i. Sebelum kelulusan lesen diberikan, Jabatan-jabatan teknikal dalaman akan mengadakan lawatan tapak ke premis-premis kilang berkenaan bagi memastikan syarat-syarat teknikal PBT dipatuhi;
12	Farah A. Zabir & Partners	12	735	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
13	KAS Consultancy Sdn Bhd	13	735	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
14	Farah A. Zabir & Partners	14	735	1 Tahun	1.1.15	31-12-15
15	Farah A. Zabir & Partners	15	735	11 Bulan	01-02-15	31-12-15
16	Farah A. Zabir & Partners	16	701	1 Tahun 2 Bulan	01-11-14	31-12-15
18	Kosong	17	447	-	-	-
19	Hebat Abadi Sdn Bhd	18.1	811	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
20	Konsortium Air Selangor Sdn Bhd	18.2	2,137	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
21	Pengurusan Aset & Hartanah	19.1	2,804	-	-	-
22	Adnan Mat Aris	19.2	48	1 Tahun 2 Bulan	01-11-14	31-12-15
JUMLAH			27,025			

1- Jumlah Lot Keseluruhan

21

2- Jumlah Lot Yang Disewa

17

3- Jumlah Lot Kosong

7 (Lot 1, 2,3,5,7,8,11 & 17)

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD
JABATAN PENGURUSAN ASET HARTANAH
STATUS PENYEWA SEHINGGA OKTOBER 2015

C LEVEL 1B, BLOK PODIUM

Bil	Nama Penyewa	Lot	Keluasan Lantai (k.p.)	Tempoh Sewaan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1	Kosong	1	10,600			
2	Surau	2 & 3	1,790	-	-	-
3	Rusmah Arunan & Associates	4	895	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
4	Bib Qistina Collection	5	190	1 Tahun	01-01-15	31/12/2015
5	Laredz Resources	6	160	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
6	Porix Biotech Sdn Bhd	7	862	Monthly	-	-
7	Mohd Khairul Masni & Associates	8	642	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
9	Kosong	9	651	-	-	-
10	MHS Associates	10	612	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
11	Kosong	11	735	-	-	-
12	Kosong	12	735	-	-	-
13	Kosong	13	735	-	-	-
14	Kosong	14	735	-	-	-
15	Kosong	15	735	-	-	-
16	Kosong	16	701	-	-	-
17	Regatcorp Sdn Bhd	17	447	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
18	KPMG Corporation Service	18	2,300	1 Tahun	01-01-15	31-12-15
19	Kosong	19	2,200	-	-	-
	JUMLAH		25,725			

1- Jumlah Lot Keseluruhan

20

2- Jumlah Lot Yang Disewa

8

3- Jumlah Lot Kosong

9 (Lot 1, 9,11,12,13,14,15,16 & 19)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : MASJID NEGERI

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengecat semula Masjid Negeri?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Masjid Negeri sentiasa dalam keadaan sempurna dan diselenggara?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini pihak Kerajaan Negeri belum mempunyai peruntukan untuk mengecat semula Masjid.
- b) Kerajaan Negeri Sedang melaksanakan kerja-kerja baikpulih dan naik taraf secara berterusan mengikut peruntukan yang telah diperuntukkan pada setiap tahun bagi memastikan Masjid ini sentiasa dalam keadaan yang memuaskan. Buat masa ini, pihak JAIS dan JKR Selangor sedang melaksanakan kerja baikpulih dan naik taraf bagi sistem penghawa dingin, PA sistem, kubah utama, pembinaan blok pentadbiran, dan kerja-kerja pembaikan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MISKIN BANDAR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah golongan miskin bandar di Selangor sehingga sekarang mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membantu golongan miskin bandar di Selangor?
- c) Sila nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang diluluskan untuk membantu golongan tersebut mengikut kawasan PBT?

JAWAPAN:

SEKSYEN SEKTORAL (UPEN)

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang data dan statistik berhubung jumlah penduduk miskin bandar mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta tidak pernah menjalankan bancian kemiskinan khusus untuk negeri Selangor sejak tahun 2008. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telahpun mengambil inisiatif penting bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi. Untuk mencapai hasrat ini, satu kaedah pengukuran terhadap kadar kemiskinan perlu diwujudkan serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini perlu dimuktamadkan berikutan peningkatan taraf hidup dan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Sebagai makluman, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian bermula pada Mac 2015 hingga Mac 2016. Sehubungan dengan itu, perangkaan umum berhubung statistik kemiskinan Negeri Selangor mengikut daerah dan kaum dijangka akan diperolehi pada Mac 2016 melalui kajian tersebut.

- b) Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada

masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin di Negeri Selangor serta tidak memfokuskan golongan miskin bandar sahaja.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan bagi menangani masalah kemiskinan sehingga ke akar umbi. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan untuk Rakyat Miskin Bersempena *Back to School*.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) serta Jabatan/ Agensi turut menyokong/ mendokong matlamat utama Kerajaan Negeri untuk bersama-sama membasmi kemiskinan secara total dan efektif melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin membantu rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan pelbagai lagi. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, di mana ianya merupakan program mikrokredit yang dijangka berupaya meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor serta melebarkan golongan kelas menengah.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, ianya dilihat berupaya menghasilkan impak positif terhadap pendapatan golongan sasaran serta seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor.

- c) Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan adalah secara menyeluruh merangkumi semua daerah di Negeri Selangor dan tidak hanya memfokuskan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja. Bagi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, peruntukan Pembangunan yang diperuntukkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM13,368,000.00.

Oleh yang demikian, semua program pembasmian kemiskinan yang dirancang di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2015 adalah diharap berupaya memberi manfaat serta dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : AKTIVITI KEBUDAYAAN KAUM CINA DAN INDIA

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempromosikan aktiviti kebudayaan kaum Cina dan kaum India sebagai produk pelancongan?
- b) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap aktiviti kebudayaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor sememangnya mempromosikan aktiviti yang berunsurkan kebudayaan daripada kaum Cina dan India sebagai produk pelancongan yang menarik pelancong domestik serta antarabangsa. Antara usaha yang berterusan dalam mempromosikan aktiviti dan produk tersebut adalah seperti yang berikut:

1) Acara Pelancongan dan Acara Rasmi Kerajaan Negeri Selangor.

Antara acara yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor yang mempromosikan aktiviti kebudayaan kaum Cina dan India sebagai produk pelancongan adalah seperti yang berikut:

- i) Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor, Kaum Cina
- ii) Pesta Tanglung Peringkat Negeri Selangor, Kaum Cina
- iii) Sambutan Cap Goh Meh, Kaum Cina
- iv) Largest Gathering of Dancing Dragons, Kaum Cina
- v) Malaysia Lion Dance Championship, Kaum Cina
- vi) Sambutan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor, Kaum India
- vii) Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Selangor, Kaum India
- viii) Sambutan Hari Wesak Peringkat Negeri Selangor, Kaum India

2) Program Siri Promosi dalam negeri dan luar negara oleh Tourism Selangor.

Tourism Selangor juga menyertai pelbagai siri pelancongan dalam dan luar negara yang bertujuan untuk mengadakan promosi terhadap produk, destinasi pelancongan yang mempromosikan kebudayaan kaum Cina dan India. Antara produk pelancongan yang dipromosikan ialah Dong Zen Temple, Batu Caves, Sri Subramaniam Swamy Temple dan Tian Hock Temple. Selain itu, untuk pengisian di *booth* pameran, Tourism Selangor

mengadakan aktiviti yang berunsurkan kebudayaan seperti jemputan tarian kebudayaan, muzik tradisi, lukisan henna, jualan barangan perhiasan tradisi dan sebagainya.

- b) Bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor merancang pelbagai kaedah dalam mempromosikan aktiviti kebudayaan tersebut melalui kaedah yang berikut:

1) Kalendar Acara dan Direktori Pelancongan.

Informasi dan senarai acara yang mempromosikan kebudayaan kaum Cina dan India telah dimasukkan di dalam kalendar acara dan direktori pelancongan Negeri Selangor (*Selangor Breakaway*) dan diberikan kepada pelancong, pihak media, agensi pelancongan, penggiat industri pelancongan, dan orang awam semasa siri promosi dalam dan luar negara.

2) Pengiklanan Melalui Media Cetak.

Editorial dan artikel berkenaan dengan aktiviti dan acara tersebut akan diwar-warkan di majalah serta akhbar untuk memberikan informasi kepada pembaca mengikut sasaran pasaran.

3) Promosi Melalui Media Sosial dan Media Elektronik.

Media sosial dan laman web merupakan kaedah yang mudah untuk menyampaikan informasi berkenaan aktiviti kebudayaan kaum Cina dan India khususnya yang ada di Negeri Selangor.

4) Acara Bersama Media Dan FAM Trip Bersama Agensi Pelancongan Dalam Negara dan Luar Negara.

Tourism Selangor juga menganjurkan beberapa siri lawatan FAM Trip bersama pihak media dan agensi pelancongan dalam negara dan peringkat antarabangsa pada sepanjang tahun. Antara program lawatan yang disusun adalah melawat tempat-tempat yang menarik seperti Batu Caves dan Dong Zen Temple yang sememangnya mempromosikan budaya kaum Cina dan India.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI SINAR ALAM (S A 2) PUNCAK ALAM

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelakkan tragedi Ogos lalu berulang kembali di kawasan berkenaan?
- b) Apakah bentuk bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada mangsa banjir di Sinar Alam?
- c) Bagaimanakah perancangan pembangunan pesat Kerajaan Negeri pada masa ini di kawasan Puncak Alam bagi mengatasi permasalahan kawasan rendah seperti Sinar Alam?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah mengambil tindakan untuk jangka pendek seperti berikut:-
 - i. JPS, Daerah Kuala Selangor telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan mendalamkan serta melebarkan parit tanah sedia ada termasuk membuang 3 buah pembentung yang menghalang aliran air (*bottleneck*) di kawasan Jalan Meru Tambahan Puncak Alam.
 - ii. Pihak JPS juga dalam proses sebutharga bagi melantik kontraktor bagi kerja membersihkan dan mendalamkan kolam takungan di kawasan Puncak Alam Fasa 2.

Pihak Majlis telah mengambil tindakan untuk jangka pendek seperti berikut:-

- i. Pihak Majlis juga telah membuat pembersihan sampah sarap dan kelodak di kawasan saluran masuk (*inlet*) dan keluar (*outlet*) kolam takungan Fasa 2 Bandar Puncak Alam ke kolam takungan kawasan pembangunan Puncak Bestari, Bandar Puncak Alam.
- ii. Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor juga telah mengarahkan pemaju berhampiran kawasan ini untuk membuat pembersihan dan penyelenggaraan kolam takungan di kawasan pembangunan masing-masing yang melibatkan pemaju seperti:-
 - i. Shah Alam 2 Sdn. Bhd
 - ii. Worldwide Holdings Bhd

iii. Guppyunip Sdn. Bhd

Pada 17 Ogos 2015, pihak Majlis juga telah mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan berkenaan perancangan tindakan bagi pencegahan kejadian banjir di kawasan Bandar Puncak Alam bersama pihak JPS Daerah Kuala Selangor, JKR Daerah Kuala Selangor dan pihak pemaju yang terlibat di kawasan tersebut.

Pihak Majlis bersama penduduk di kawasan Lorong Lautan Samudera 9/5, 9/6 dan 9/7, Fasa 2 Bandar Puncak Alam telah mengadakan gotong-royong bagi membantu mangsa-mangsa terlibat membersihkan rumah dan barang-barang buangan serta saluran longkang di kawasan tersebut pada 12 Ogos 2015.

Pihak Majlis telah mengambil beberapa tindakan jangka panjang seperti berikut:

1. Kolam takungan di kawasan Fasa 2 Bandar Puncak Alam (bersebelahan Masjid Puncak Alam) dicadangkan untuk dinaiktaraf semula dari segi kebolehan dan kapasitinya untuk menampung air dari saluran longkang di kawasan tersebut dan kawasan pembangunan berhampiran dengan kerjasama pihak JPS Daerah Kuala Selangor.
 2. Cadangan membina '*spillway*' dari kolam takungan utama Fasa 2 Bandar Puncak Alam (bersebelahan Masjid Puncak Alam) ke kolam takungan Puncak Bestari dengan kerjasama pihak JPS Daerah Kuala Selangor.
 3. Cadangan untuk menaiktaraf paip pembedung (*cross culvert*) di laluan Persiaran Puncak Alam 6 (Laluan Antara Pusat Perniagaan Alam Jaya ke Fasa 3 Bandar Puncak Alam) agar dapat menampung aliran air dari kawasan Bandar Puncak Alam ke kawasan Taman Alam Jaya.
 4. Kajian semula keseluruhan jaringan saluran parit tanah yang tidak sempurna dari laluan Persiaran Puncak Alam 6 ke saluran perparitan kawasan Taman Alam Jaya. Jaringan sistem saluran perparitan yang tidak sempurna dan mempunyai banyak halangan bagi penyaluran air dari kolam takungan dari kawasan Bandar Puncak Alam ke kawasan Taman Alam Jaya dan seterusnya ke Sungai Buloh.
- b)
- i. Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah melakukan pembersihan di kawasan perumahan penduduk yang terlibat di bawah seliaan MDKS dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan badan bukan kerajaan (NGO).
 - ii. MDKS turut mengarahkan kontraktor pembersihan untuk membersihkan sampah yang tersangkut pada laluan keluar (*outlet*) utama kolam takungan Puncak Alam dan kawasan perumahan.

iii. Selain itu, pihak Tesco turut memberi sumbangan alatan cucian manakala Syabas menyediakan lori tangki untuk kerja-kerja pembersihan bagi meringankan beban mangsa.

iv. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penduduk turut memberi sumbangan kelengkapan seperti bantal, selimut dan tikar kepada mangsa banjir.

- c) Untuk pembangunan baru di kawasan Puncak Alam, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor bersama Jabatan Pengaliran Dan Saliran Daerah akan menentukan keperluan penyediaan kolam takungan/kolam tadahan bagi tujuan pengawalan banjir supaya tidak berlaku di kawasan pembangunan (MASMA REPORT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kenaikan kadar bayaran cukai pintu tahun 2008 sehingga 2015?
- b) Apakah keistimewaan yang diperolehi oleh pembayar cukai pintu?

JAWAPAN:

- a) Tiada kenaikan kadar cukai taksiran bagi tempoh 2008 hingga 2015. Kadar cukai yang dikenakan adalah sebelum tahun 2008 mengikut jenis pegangan seperti berikut:-

i. Kediaman sesebuah	7.00% - 10.00% daripada kadar nilai tahunan
ii. Kediaman kampung	4.50% - 5.00% daripada nilai tahunan
iii. Kediaman perumahan	8.50% - 11.75% daripada nilai tahunan
iv. Kediaman pangsapuri	11.75% daripada nilai tahunan
v. Perniagaan	7.00% - 12.00% daripada nilai tahunan
vi. Perindustrian	13.00% daripada nilai tahunan
vii. Pertanian	1.00% - 3.00% daripada nilai tahunan

- b) Keistimewaan yang diperolehi oleh pembayar taksiran adalah seperti berikut:-

- i. Perkhidmatan kutipan sampah
- ii. Perkhidmatan pemotongan rumput
- iii. Pembersihan longkang
- iv. Pengindahan bandar
- v. Perkhidmatan lampu jalan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SUKAN PERMOTORAN

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan prasarana sukan permotoran di Selangor?
- b) Apakah usaha bagi meningkatkan prasarana sukan permotoran di Selangor?
- c) Apakah perancangan bagi memastikan sukan ini terus diminati?

JAWAPAN:

- a) Prasarana sukan permotoran yang terdapat di daerah-daerah di Negeri Selangor yang sedia ada adalah Litar Lumba Sepang, Litar Go-Cart Stadium Shah Alam, Litar Go-Cart di MOFORS (bersebelahan Lebuhraya Elite), Trek Motocross di Sungai Tengi Hulu Selangor, Trek Drag di Ulu Yam, dan di persekitaran Stadium Kuala Selangor. Kesemua trek atau prasarana ini adalah di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b) Pihak Kerajaan Negeri Selangor (KNS) merancang untuk meningkatkan prasarana ini dengan memperbanyakkan lagi program dan aktiviti berkaitan sukan permotoran yang semakin diminati terutamanya golongan belia. KNS akan mempertimbangkan dan memperbanyakkan lagi program-program berkaitan sukan permotoran ini di prasarana yang sedia ada. Selain itu, pihak KNS juga akan mempertimbangkan untuk mengembangkan dan penambahan prasarana dari masa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan.
- c) Kerajaan Negeri Selangor amat menggalakkan mana-mana pihak jabatan atau agensi swasta untuk bersama-sama membantu Kerajaan Negeri dalam merencanakan lagi program atau aktiviti sukan permotoran ini sama ada dalam bentuk penganjuran atau pengembangan pusat-pusat latihan. Pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan seperti bengkel asas keselamatan dalam sukan permotoran, teknik asas dan banyak lagi aktiviti yang berkaitan boleh dijalankan bagi memastikan sukan permotoran ini terus diminati. Dengan adanya pelbagai program dan aktiviti yang terancang, ianya sekaligus dapat merencanakan lagi pembangunan sukan permotoran ini untuk ianya terus menarik minat semua golongan terutamanya golongan belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian EXCO portfolio Pemutihan Kilang Haram di tahun 2015?
- b) Adakah pencapaian ini telah menepati KPI yang ditetapkan?
- c) Nyatakan KPI dan perancangan EXCO portfolio ini untuk tahun 2016?

JAWAPAN:

- a) Portfolio Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah penempatan dan pembangunan kilang-kilang tanpa kebenaran dalam Negeri Selangor. Sehingga Ogos 2015, pencapaian Portfolio Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	LULUS
7	7

- b) Pencapaian sasaran KPI bagi Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran hanya akan dinilai apabila tempoh tahun 2015 berakhir.
- c) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran akan ditamatkan pada 31 Disember 2014. Justeru, fasa seterusnya adalah proses penguatkuasaan secara bersepadu oleh PTG Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap kilang-kilang tanpa kebenaran yang tidak mematuhi perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBINAAN LEBUHRAYA BERTOL

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini kesemua lima projek lebuhraya bertol di Selangor serta pendedahan umum laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik berkaitan terutama rasional EKVE diberi kelulusan tanpa mempedulikan impak ke atas kawasan hutan simpan dan tadahan hujan.

JAWAPAN:

- a) Di Negeri Selangor, terdapat perancangan untuk membina sebanyak lima (5) lebuhraya bertol yang antara lainnya termasuklah Lebuhraya DASH (Damansara – Shah Alam), Lebuhraya SUKE (Sungai Besi – Ulu Klang), Lebuhraya WCE (West Coast Expressway), Lebuhraya SKIP (Serdang – Kinrara – Putrajaya) dan Lebuhraya EKVE (East Klang Valley Expressway). Berikut adalah status terkini kesemua lima (5) lebuhraya berkenaan iaitu:-

i) Lebuhraya DASH

Kerajaan Negeri bersetuju bagi memasukkan jajaran Lebuhraya DASH ke dalam Pelan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melalui MMKN Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 15/2012 yang disahkan oleh MMKN Ke 16/2012 pada 2 Mei 2012.

Oleh yang demikian, jajaran di Shah Alam telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 2) 2020 pada 31 Julai 2014. Manakala di kawasan MBPJ, pendengaran awam telah diadakan pada 27 Julai 2015 sebelum jajaran dimasukkan ke dalam Rancangan Tempatan MBPJ. Selain itu, Pelan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diwartakan pada 23 Julai 2015 bagi Selangor manakala pada 9 Oktober 2015 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada masa sekarang, proses perbicaraan bagi pengambilan tanah sedang dilaksanakan oleh pihak JKPTG.

Selain itu, pihak DASH juga telah menjalankan beberapa siri *Public Engagement* iaitu :

- a) Pameran Awam dan Taklimat Awam MBSA telah diadakan

- masing-masing pada 8-22 Feb 2012 dan 15 Feb 2012; dan
- b) Pameran Awam dan Taklimat Awam MBPJ telah diadakan masing-masing pada 8-23 Feb 2012 dan 16 Feb 2012.

Jadual di bawah menunjukkan status laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik bagi projek Lebuhraya DASH:-

LAPORAN PENILAIAN		
EIA	TRAFIK	SOSIAL
<p>Kelulusan oleh JAS Selangor pada 21 November 2012.</p> <p>Kelulusan dilanjutkan sehingga 21 November 2016</p>	<p>LLM telah kemukakan ke JKR Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan pada 5 April 2013.</p>	<p>Kajian impak sosial telah disertakan bersama laporan EIA yang telah diluluskan pada 21 November 2012.</p>

ii) Lebuhraya SUKE

MMKN Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 16/2012 yang disahkan oleh MMKN Ke 17/2012 pada 9 Mei 2012 telah bersetuju dengan Projek Lebuhraya Bertingkat SUKE kerana ia membawa impak positif kepada pembangunan negeri.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kelulusan oleh Kerajaan Negeri ini, syarikat konsesi telah melaksanakan kerja-kerja awalan dengan status setiap pelaksanaan kerja adalah seperti berikut:-

Pewartaan Seksyen 4 (Akta Pengambilan Tanah 1960):

- Seksyen 4 Selangor (Pewartaan Pertama pada 12 Mac 2012)
- Seksyen 4 Selangor (Pewartaan Kedua pada 18 Julai 2013)
- Seksyen 4 Selangor (Pewartaan Ketiga pada 23 Mac 2015)
- Seksyen 4 Kuala Lumpur (Pewartaan Pertama pada 26 November 2013)

Selain itu, pihak SUKE juga telah menjalankan beberapa siri *Public Engagement* iaitu:

- Pendengaran Awam MPAJ & MPKj pada 8-23 Feb 2012.
- Pameran Awam DBKL pada 27 April 2012.

- c) Program Publisiti Dan Penyertaan Awam MPAJ pada 15 September – 14 Oktober 2014.

Bagi memastikan pandangan umum diambil kira, Public Opinion Survey (POS) telah dijalankan dan kelulusan pada 11 Jun 2014 daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diperolehi.

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Cadangan Pindaan Sebahagian Zoning Tanah Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 telah diadakan pada 24 Feb 2015 dan 10 Mac 2015. Di samping itu juga, pewartaan Seksyen 8 telah diperolehi dengan pewartaan seperti berikut:

- a) Seksyen 8 Selangor (Hulu Langat-Pewartaan pada 23 Julai 2015).
- b) Seksyen 8 Selangor (Gombak-Pewartaan pada 8 Oktober 2015).
- c) Seksyen 8 Kuala Lumpur (Pewartaan pada 9 Oktober 2015).

Jadual di bawah menunjukkan status laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik bagi projek Lebuhraya SUKE:-

LAPORAN PENILAIAN		
EIA	TRAFIK	SOSIAL
<p>Kelulusan EIA, TIA dan SIA telah diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 20 Mac 2013. Kelulusan lanjutan telah diperolehi selama 2 tahun bermula dari 21 Mac 2015 sehingga 20 Mac 2017.</p>		

Pihak SUKE telah memenuhi syarat duluan untuk kuat kuasa Perjanjian Konsesi pada 25 Dis 2014.

iii) Lebuhraya WCE

Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.30/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya WCE .

Secara umumnya, setakat bulan September 2015, peratus kemajuan pembangunan keseluruhan yang telah dicapai oleh projek lebuhraya WCE ini adalah 12.30% yang mana bagi Negeri Selangor peratus sebenar ditapak telah mencapai 12.50% manakala bagi Negeri Perak adalah

12.20%. Kerja-kerja fizikal di tapak yang sedang berjalan adalah melibatkan kerja pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan kerja-kerja rawatan tanah. Di samping itu juga, kerja-kerja pemasangan dan pengujian asas jenis cerucuk juga sedang berjalan di tapak.

Jadual di bawah menunjukkan status laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik bagi projek Lebuhraya WCE:-

LAPORAN PENILAIAN		
EIA	TRAFIK	SOSIAL
<p>Telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar:</p> <p>1) Selangor – 6/7/2012 2) Perak – 30/4/2013</p>	<p>Laporan <i>Independent Traffic Study</i> – November 2011</p>	<p>1) Laporan Awal Kaji Selidik Kualitatif dan Kuantitatif – April 2012.</p> <p>2) Laporan Kaji Selidik LPB (Laporan Penuh Feb. 2013) diluluskan oleh KKR pada Mac 2013.</p>

iv) Lebuhraya SKIP

Kerajaan Negeri secara dasarnya telah meluluskan Projek Penswastaan Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP) dan bersetuju dengan jajaran lebuhraya tersebut melalui MMKN Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 14/2012 yang disahkan oleh MMKN Ke 15/2012 pada 26 April 2012.

Pada masa ini, rundingan dengan wakil-wakil Jawatankuasa Awam Swasta (JKAS), Jabatan Perdana Menteri berkaitan Perjanjian Konsesi telah dimuktamadkan dan perjanjian berkenaan masih dalam semakan terakhir oleh Jabatan Peguam Negara.

Jadual di bawah menunjukkan status laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik bagi projek Lebuhraya SKIP:-

LAPORAN PENILAIAN		
EIA	TRAFIK	SOSIAL
<p>“Preliminary Environmental Assessment” (PEIA) telah dikemukakan dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor</p>	<p>Telah dikemukakan dan dibentangkan kepada Bahagian Perancangan Lembaga Lebuhraya Malaysia</p>	<p>Telah dikemukakan dan dibentangkan kepada Bahagian Perancangan Lembaga Lebuhraya Malaysia</p>

(Tempoh Sah Laku : 28 Nov 2016)		
------------------------------------	--	--

v) Lebuhraya EKVE

MMKN Ke 41/2010 yang bermesyuarat pada 24 November 2010 secara dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan pembinaan projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur yang melalui Permatang Kuartza. Walau bagaimanapun, terdapat *missing link* Lebuhraya KLORR dari Templer ke Sungai Long. Pihak LLM menjelaskan bahawa Lebuhraya EKVE adalah penyambung *missing link* tersebut.

Oleh yang demikian, MMKN Ke 45/2014 yang bermesyuarat pada 19 November 2014 secara dasarnya telah bersetuju dengan jajaran jalan Fasa I Projek EKVE dan diwartakan sebagai Rizab Jalan (lebuhraya) serta hasil rumusan mesyuarat penyelarasan antara agensi yang diselaraskan oleh pihak JPBD Selangor pada 22 September 2014 perlu dipatuhi dalam melaksanakan projek ini.

Jadual di bawah menunjukkan status laporan penilaian kesan alam sekitar, sosial dan trafik bagi projek Lebuhraya EKVE:-

LAPORAN PENILAIAN		
EIA	TRAFIK	SOSIAL
<p>Laporan Terperinci Penilaian Alam Sekitar (DEIA) untuk projek Lebuhraya EKVE telah diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar pada 25 April 2013. Antara skop kajian DEIA adalah seperti berikut:</p> <p>a) <i>Soil and erosion</i>;</p> <p>b) <i>Climate and meteorology</i>;</p> <p>c) <i>Water quality</i>;</p> <p>d) <i>Air quality</i>; dan</p> <p>e) <i>Noise and vibration</i>.</p>	<p>Dalam usaha untuk memastikan penyediaan sistem trafik yang baik, syarikat konsesi telah melantik Runding Trafik MZK Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian Penilaian Kesan Trafik (TIA) untuk lebuhraya. Kajian kesan impak di kawasan sekitarnya telah dijalankan pada 11 Februari 2012 dan telah dikemukakan kepada LLM pada 12 Jun 2012.</p> <p>Laporan TIA yang dikemukakan antara lain telah mengenal pasti penambahbaikan kepada jalan-jalan sedia ada yang dihubungkan oleh lebuhraya yang dicadangkan dan bukan</p>	<p>Tinjauan penduduk di kawasan tersebut bukanlah sebahagian daripada Laporan DEIA ini. Ianya dilaksanakan secara berasingan oleh juruperunding yang dilantik oleh syarikat konsesi tersebut iaitu Tamadun Research & Management Sdn Bhd. Dalam hal ini, sebanyak 86.8% responden telah bersetuju dengan cadangan jajaran lebuhraya ini.</p> <p>Satu kaji selidik untuk menyiasat pendapat bakal pengguna dan masyarakat terhadap cadangan pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) telah dijalankan bermula 23 Julai 2013 hingga 29 Julai 2013 di lokasi-lokasi yang disampel di empat (4)</p>

	<p>untuk menilai manfaat sepenuhnya daripada lebuhraya. Beberapa penambahbaikan jalan raya juga dapat dikenal pasti melalui analisis kesan lalu lintas yang telah dilaksanakan. Dengan adanya lebuhraya EKVE, dijangkakan kesesakan di sepanjang lebuhraya MRR11 dapat dikurangkan sebanyak 20% di mana kesesakan tersebut dapat dilencongkan ke EKVE berdasarkan unjuran trafik yang dilaksanakan oleh Juruperunding Trafik Halcrow Sdn Bhd.</p>	<p>zon kaji selidik; zon tadahan utara (north catchment zone); zon tadahan barat (west catchment zone); zon tadahan selatan (south catchment zone); dan zon persekitaran susur keluar dan jajaran (interchange and alignment neighborhood zone).</p> <p>Sejumlah 1,100 responden terbahagi kepada lima kumpulan sasaran, iaitu pemandu persendirian (82.5%), pemandu kenderaan awam (3.7%), pemandu kenderaan pengangkutan (2.6%), peniaga (6.3%) dan lain-lain iaitu yang terdiri dari pelajar, pelancong, dan individu bukan pemandu (4.9%). Jumlah ini adalah terdiri daripada 61.5% lelaki. Sebahagian besar responden adalah Melayu (70%). Selebihnya berbangsa Cina (19.8%), India (8.9%) dan lain-lain.</p> <p>Hasil kajiselidik menunjukkan bahawa hanya 16% atau 183 daripada 1,100 responden menyatakan bahawa mereka mengetahui akan cadangan Projek Lebuhraya EKVE manakala 86.2% telah menyatakan persetujuan kepada projek lebuhraya ini. Di kalangan 917 responden yang tidak mengetahui mengenai projek ini sebelum kaji selidik dijalankan, 86.8% telah bersetuju pembinaan lebuh raya dilaksanakan.</p>
--	---	---

Dalam memelihara kepentingan hutan serta alam sekitar, Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) telah dibuat dan dinilai oleh panel-panel pengulas yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar. Laporan ini merangkumi kesan terhadap flora, fauna, hakisan, kualiti air, udara, bunyi, getaran, hidrologi, geologi, ekonomi, sosial dan lain-lain semasa pembinaan dan operasi kelak. Hasil penemuan daripada kajian ini, segala langkah mitigasi yang perlu dilaksanakan telah dinilai oleh Agensi Kerajaan Negeri dan panel-panel pengulas (Jawatankuasa Penilai) yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BEKALAN AIR YANG MENCUKUPI

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persiapan Selangor bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga pembinaan Langat 2?
- b) Berapakah isipadu air bersih yang ada kini dan mampu membekalkan air sehingga bila?
- c) Bila akan dimulakan kempen Jimatkan Air secara menyeluruh dan agresif?

JAWAPAN:

- a)
 - 1) Kerajaan Negeri amat memandang serius isu ketidakcukupan air yang sering disensasikan oleh banyak pihak dalam melihat kelemahan Kerajaan Negeri di dalam menguruskan industri air. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif '*water demand planning*' yang berjangka panjang. Rizab bekalan air pada ketika ini berada pada tahap amat nipis sekali iaitu pada kadar 2.2%.
 - 2) Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa beberapa langkah memastikan bekalan air mentah dan air terawat akan terus diberikan keutamaan untuk menampung permintaan pengguna baik dari segi kualiti dan juga kuantiti, Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :
 - i. Pelaksanaan Projek Mitigasi 2 yang telah disiapkan secara berperingkat sejak Julai 2015. Pelaksanaan projek ini melibatkan sebanyak 8 projek. Empat (4) projek telah pun siap, manakala 4 projek lagi akan siap sepenuhnya pada Disember 2015. Pelaksanaan projek Mitigasi 2 ini akan memberikan tambahan air terawat sebanyak 300 JLH ke dalam sistem sedia ada. Selain itu, projek ini juga dapat menambah baik sistem *interconnectivity* sedia ada;
 - ii. Selepas Perjanjian Tambahan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimeterai pada 10 Julai 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah pun memberikan kelulusan ke

atas pembangunan Loji Langat 2. Kelulusan tersebut melibatkan kelulusan pengambilan balik 21 lot tanah, kebenaran merancang ke atas 12 pakej pembangunan loji Langat 2, Kelulusan Pelan Bangunan dan kelulusan Permit Kerja yang berkaitan seperti kerja tanah, pengalihan utiliti dan pelencongan sungai;

- iii. Melaksanakan projek membaik pulih loji rawatan air Sungai Langat bagi memastikan pengeluaran loji yang berkapasiti reka bentuk 386 JLH boleh mencapai 500 JLH dengan menyediakan sistem *standby* dan menukar pam yang berkapasiti lebih tinggi.;
- iv. Sebagai usaha untuk memastikan bekalan air mentah yang mencukupi di Sungai Langat, dengan persetujuan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) dan Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri telah mendapatkan bekalan air mentah dari Sungai Semantan yang disalurkan ke Sungai Langat. Pengepaman air mentah tersebut telah bermula semenjak 24 Ogos 2015. Jumlah air mentah yang boleh didapati dari Sg Semantan itu dianggarkan antara 300 JLH hingga 500JLH.;
- v. Kerajaan Negeri telah memberikan persetujuan kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kerajaan Negeri bagi menyalurkan bekalan air bersih dari Negeri Sembilan sebanyak 65 JLH. Kerja-kerja pemasangan paip dari Negeri Sembilan ke Negeri Selangor akan dilaksanakan oleh pihak KTTHA;
- vi. Kerajaan Negeri meneruskan kerja-kerja pengepaman kolam-kolam takungan di Bestari Jaya dan Kolam HORAS bagi mengawal pelepasan Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi; dan
- vii. Kerajaan Negeri Selangor juga telah melantik perunding untuk membuat kajian terperinci mengenai “*Water Resources, Supply, Demand And Distribution Study For Selangor*” untuk dijadikan sebagai *Master plan* atau *Blueprint* bekalan air. Melalui kajian ini kelak, Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan. Melalui kajian ini juga, Kerajaan Negeri akan dapat mengenal pasti semua sistem agihan yang sedia ada dan boleh merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan *inter connection* di mana melalui *inter connection* ini, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh

loji rawatan air yang lain dan Kerajaan Negeri boleh menyediakan *masterplan* bekalan air untuk tempoh 50 tahun akan datang.

- 3) Kerajaan Negeri juga mendapati bahawa perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada suku tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2019. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah meneroka sumber-sumber air tambahan bagi memitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan antara tempoh 2017 – 2019. Antara pembangunan sumber baru yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-
 - i. Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat yang dijangka boleh membekalkan air sebanyak 400 JLH ; dan
 - ii. Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir dengan kapasiti 100JLH.
- b)
 - 1) Pada ketika ini, jumlah kapasiti pengeluaran berdasarkan dari 34 loji rawatan air (LRA) mengambil kira kapasiti melebihi reka bentuk dari LRA Semenyih dan LRA Langat adalah sebanyak 4812 JLH. Jumlah penggunaan air sebenar (berdasarkan kepada bacaan meter setakat Ogos 2015) adalah sebanyak 3155JLH manakala kehilangan air tidak berhasil (NRW) pada kadar 33% adalah sebanyak 1551JLH
 - 2) Dengan siapnya Projek Mitigasi 2 sepenuhnya pada Disember 2015, terdapat peningkatan air terawat sebanyak 300 JLH. Namun demikian peningkatan dari Projek Mitigasi 2 ini hanya dapat bertahan sehingga tahun 2017. Projek penyaluran air dari Negeri Sembilan (Ngoi Ngoi) ke Selangor dapat membantu sebanyak 60 JLH air terawat.
 - 3) Sekiranya tiada sebarang usaha dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan bekalan air, maka pada tahun 2018, dijangkakan akan berlaku kekurangan bekalan air yang dianggarkan sebanyak 152 JLH.
 - 4) Justeru itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju meneroka sumber-sumber air tambahan bagi memitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan antara tempoh 2017 – 2019. Antara pembangunan sumber baru yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-
 - iii. Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat yang dijangka boleh membekalkan air sebanyak 400 JLH ; dan

- iv. Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir dengan kapasiti 100JLH.
-
- c)
 - 1. Kerajaan Negeri telah menganjurkan Program Jelajah Kepenggunaan Selangor bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap pelbagai isu kepenggunaan dalam satu masa.
 - 2. Salah satu program yang akan dilancarkan sempena Program Jelajah Kepenggunaan Selangor adalah Program Jom Jimat Air dengan kerjasama pihak Lembaga Urus Air Selangor. Program Jom Jimat Air ini akan diteruskan kempen pelaksanaannya di seluruh Negeri Selangor oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna dengan mengedarkan poster dan cenderahati Jimat Air di sekolah-sekolah bagi memastikan keberkesanan dari peringkat masyarakat.
 - 3. Pada ketika ini, pelaksanaan kempen jimat air ini sedang diselaraskan semula melibatkan semua agensi Kerajaan. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas dari agensi kaedah kempen yang lebih berkesan untuk menimbulkan kesedaran kepada pengguna. Pelancaran kempen akan diadakan pada bulan November akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : REFORMASI SISTEM KEBAJIKAN OKU TERLANTAR

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan terhadap OKU terlantar?
- b) Adakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk meluaskan lagi bantuan kebajikan untuk OKU terlantar?

JAWAPAN:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

- a) Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT). Tujuan diberikan bantuan adalah seperti berikut:
 - 1) Menggalakkan keluarga untuk menjaga ahli keluarga OKU terlantar/ pesakit OKU terlantar.
 - 2) Mengurangkan bebanan perbelanjaan penjagaan keluarga tersebut.
 - 3) Mengelak atau mengurangkan kemasukan ke institusi.

Kriteria kelayakan penerima bantuan BPT adalah seperti berikut:

- 1) Pemohon adalah penjaga sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU terlantar/ pesakit kronik terlantar;
- 2) OKU terlantar/pesakit kronik terlantar yang bergantung sepenuhnya kepada penjaga untuk kehidupan harian; dan
- 3) Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.

Statistik penerima bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) mengikut daerah bagi September 2015 adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	Perbelanjaan (RM)
Klang	342	1,403,700.00
Gombak	268	774,900.00
Petaling Jaya	482	1,655,700.00
Hulu Langat	326	985,250.00
Kuala Langat	148	611,400.00

Hulu Selangor	161	565,500.00
Selangor	102	366,900.00
Kuala Selangor	272	1,013,550.00
Sabak Bernam	200	674,400.00
Jumlah	2,261	8,024,300.00

Bagi OKU yang tiada penjaga, pilihan terakhir adalah kemasukan ke Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu atau Rumah Ehsan bagi tempoh penjagaan maksima 3 tahun namun bergantung kepada kekosongan.

- b) Tiada perancangan untuk meluaskan lagi bantuan kebajikan untuk OKU terlantar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PELIHARAAN ALAM SEKITAR

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah perlaksanaan pengharaman bekas makanan *polisterina* akan dikuatkuasa?
- b) Apakah persediaan semua PBT dalam penguatkuasaan ini?
- c) Bagaimanakah status pencapaian kempen minyak terpakai?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengharamkan bekas makanan *polisterina* di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Program-Program menggalakkan pengurangan penggunaan *polistrena* sentiasa dilaksanakan di peringkat semua Pihak Berkuasa Tempatan melalui Program Bazar Ramadhan dan Pasar Malam Mampan.

Merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT bil 2/2011 telah mencadangkan pelaksanaan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan *Polisterin* secara berperingkat seperti berikut :-

- i. Peringkat Pertama : Pengurangan penggunaan *polisterin* dan beg plastik pada setiap hari Jumaat.
- ii. Peringkat Kedua : Pengurangan penggunaan *polisterin* dan beg plastik pada setiap hari Isnin dan Jumaat
- iii. Penyediaan makanan dalam bentuk '*buffet*' atau menggunakan pembungkus mesra alam / bahan guna semula.

Salah satu PBT yang giat menjalankan Program tersebut adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di mana satu dasar larangan menggunakan *styrofoam* yang telah diluluskan di peringkat Majlis dan syarat larangan tersebut telah dimasukkan di dalam lesen penjaja bermula 1 Januari 2014.

Antara inisiatif lain yang akan diambil oleh pihak MBPJ termasuklah memasukkan syarat larangan penggunaan *styrofoam* ke dalam syarat lesen Establisymen Makanan yang melibatkan pemilik restoran bagi mencapai objektif sifar *polisterin*.

Bagi perancangan jangka panjang, beberapa zon akan dikenal pasti bagi Zon Sifar *Polisterin* (*Zero Polystyrene*) bermula kawasan pentadbiran MBPJ iaitu Ibu Pejabat MBPJ dan Menara MBPJ.

Pihak MPKJ membuat penjadualan semula pemeriksaan dengan meletakkan syarat kepada pemohon lesen perniagaan premis makanan dan penjaja makanan iaitu tidak membenarkan penggunaan *polisterina* untuk penyediaan, penyajian dan / atau pembungkusan makanan.

Manakala pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mensyaratkan tiada penggunaan *polisterin* di dalam kelulusan permohonan lesen dan memperbaharui lesen bagi semua jenis premis makanan pada tahun 2016.

Tindakan penguatkuasaan bagi pemegang lesen/permit yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen/permit.

Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor sentiasa bersedia dan memberi kerjasama yang sangat baik sekiranya Arahan pelaksanaan dikeluarkan oleh peringkat Negeri.

- c) Kempen Mengumpul Dan Mengitar Semula Minyak Masak Terpakai giat dilaksanakan sejak tahun 2014 oleh semua PBT di Negeri Selangor. Sehingga September 2015, sebanyak **91,002.85** kg minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan oleh PBT di Negeri Selangor dengan menggunakan kaedah masing-masing.

Jumlah kutipan mengikut minyak masak terpakai mengikut PBT sehingga September 2015 adalah seperti di **Lampiran 1**.

LAPORAN KUTIPAN MINYAK MASAK DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2015

LAMPIRAN 1

PBT	SYARIKAT USAHASAMA	JUMLAH KUTIPAN (KG)												
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
MBSA	Syarikat Uni10 Energy Sdn. Bhd.	946.2	2,541.2	5,342.2	7,274.3	9,206.4	7,955.8	5,217.33	6,415.17	3,890.15				48788.75
MBPJ	Syarikat Uni10 Energy Sdn. Bhd.	906	1148.3	1866	1788	2642	0	0	0	0				8350.3
MPK	Syarikat Uni10 Energy Sdn. Bhd.	400	0	108	806	550	666	666	0	550				3746
MPSJ	Syarikat FatHopes Energy Sdn. Bhd.	4,027.5	4,878.5	6,334.5	6.636.9	420	1601.0	1348.5	857.0	0				19467
	Syarikat CGV Industries Sdn. Bhd.	500.0	405.0	403.0										
MPAJ	Syarikat Uni10 Energy Sdn. Bhd.	0	0	45	160	24	0	0	0	0				229
	Syarikat Pembinaan Sri Gunung	0	0	0	150	140	294.7	0	0	666				1250.7
MPS	Syarikat Uni10 Energy Sdn. Bhd.	145	94	339	457	327	265	121	439.5	272.5				2460
MPKj	Syarikat Pembinaan Sri Gunung	0	0	0	0	193	110	501	787	900.9				2491.9
MPSp	Syarikat Pembinaan Sri Gunung	299	350	963.40	365	345.8	102	296	130	0				2851.2
MDKL	Dalam Proses	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0
MDKS	Syarikat Pembinaan Sri Gunung	0	0	0	0	60	0	0	0	0				0
MDHS	Dalam Proses	0	0	0	0	0	0	0	0	0				60
MDSB	Dalam Proses	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0
JUMLAH KESELURUHAN		7223.7	9417	15401.1	11000.3	13908.2	10994.5	8149.83	8628.67	6279.55				91,002.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : AHLI LEMBAGA PENGARAH

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi bagi semua Perbadanan dan Anak Syarikat di Negeri Selangor, termasuklah anak syarikat kepada syarikat milik kerajaan di semua peringkat.

- b) Sila juga beri tarikh lantikan tersebut bermula

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Badan Berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980).

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat/Agensi dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
6	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
7	Yayasan Selangor

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
8	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
9	Permodalan Negeri Selangor Berhad
10	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
11	Tourism Selangor Sdn Bhd
12	Communication Corporation Sdn Bhd
13	Rangkaian Mesra Sdn Bhd
14	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
15	MSNS Holdings Sdn Bhd
16	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
17	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
18	Invest Selangor Berhad
19	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
20	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor

a) dan b)

- a) Apakah status pembinaan *West Coast Expressway* yang terkini?
- b) Sila nyatakan jumlah lot unit tanah rizab Melayu yang diambil oleh Syarikat lebuhraya untuk membina WCE.
- c) Berapakah jumlah pampasan yang diberikan untuk pemilik tanah rizab Melayu?

JAWAPAN:

SEKSYEN MAKRO DAN PENSWASTAAN (UPEN)

- a) Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 30/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya *West Coast Expressway (WCE)*. Secara umumnya, setakat bulan September 2015, peratus kemajuan keseluruhan pembangunan projek Lebuhraya WCE adalah sebanyak 12.30% dengan peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Selangor adalah sebanyak 12.50% manakala peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di Negeri Perak adalah sebanyak 12.20%. Kerja-kerja fizikal di tapak yang sedang berjalan adalah melibatkan kerja pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan kerja-kerja rawatan tanah. Di samping itu, kerja-kerja pemasangan dan pengujian asas jenis cerucuk juga sedang berjalan di tapak.

PEJABAT TANAH DAN DAERAH KUALA LANGAT

- b) Lot Tanah Rizab Melayu yang terlibat dengan pengambilan untuk membina WCE adalah sebanyak 147 lot tanah hakmilik dengan keluasan keseluruhan adalah lebih kurang 201.0300 ekar.
- c) Jumlah pampasan yang akan diberikan kepada pemilik tanah Rizab Melayu akan ditentukan berdasarkan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan akan dimaklumkan kepada pemilik tanah melalui Borang G di bawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membantu kuil, tokong dan gereja yang lebih 100 tahun diwartakan sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada kuil, tokong dan gereja di daerah Hulu Selangor sejak 2008.
- c) Senaraikan tapak kuil, tokong dan gereja di daerah Hulu Selangor yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam sejak tahun 2008.

JAWAPAN:

- a) Merujuk Garis Panduan Berhubung Hal Ehwal Selain Islam Dan Peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor, setiap bangunan keagamaan selain Islam yang berusia lebih daripada seratus tahun yang dibina di atas tanah persendirian mahupun tanah kerajaan harus diiktiraf sebagai bangunan bersejarah bagi mengelakkan berlaku sebarang pencerobohan berpandukan Akta Antikuiti 1976.

Bersama ini disertakan senarai Bangunan keagamaan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang di dalam simpanan pihak PADAT seperti di lampiran 1.

- b) Jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada kuil, tokong dan gereja di daerah Hulu Selangor sejak 2008 adalah seperti di jadual:

TAHUN	PERUNTUKKAN (RM)				
	TOKONG	KUIL	GEREJA	LAIN-LAIN	JUMLAH
2008	-	-	-	-	-
2009	-	40,000	15,000	-	55,000
2010	-	150,000	-	-	150,000
2011	50,000	85,000	10,000	-	145,000
2012	70,000	40,000	-	-	110,000
2013	-	30,000	-	-	30,000
2014	133,500	70,000	30,000	-	233,500

2015	241,900	205,000	-	-	446,900
JUMLAH					1,170,400

- c) Jumlah tapak kuil, tokong dan gereja di daerah Hulu Selangor yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sejak tahun 2008 adalah sebanyak 14 tapak. Senarai tapak berkenaan adalah seperti di lampiran 2.

Butir-Butir Tapak Warisan Rumah Ibadat Selain Islam

No.	Tapak Warisan	Alamat	Tahun Di bina	No. lot	Klasifikasi	Sub-Klasifikasi	Hakmilik Tanah	Hakmilik Bangunan	No. /Tarikh Gazet
DAERAH KLANG									
1.	Gereja Kahtolik <i>Our Lady Of Lourdes</i>	Jalan Tengku Kelana, Klang	1928	114	Rumah Ibadat	Gereja	Gereja Kahtolik <i>Our Lady Of Lourdes</i>	Gereja Kahtolik <i>Our Lady Of Lourdes</i>	
2.	Tokong Kuan Yin <i>(Kuil Kwan Imm Ting)</i>	Jalan Raya Barat	1909	xxx	Rumah Ibadat	Tokong	Persatuan Imm Teng	Persatuan Imm Teng	
3.	Kuil Sri Nagara Thendayuthani <i>(Kuil Sri Mahamariamman, Padang Chetty)</i>	Jalan Bukit Jawa	xxxx	2	Rumah Ibadat	Kuil	Kerajaan Negeri	xxxxxxx xxxx xxxx	
4.	Kuil Sri Sundaraja Perumal Devasatnam	Persiaran Raja Muda Musa	xxxx	xxx	Rumah Ibadat	Kuil	Kerajaan Negeri	xxxxxxx xxxx xxxx	

DAERAH KUALA SELANGOR

1.	Kuil Sri Subramaniam	Bukit Malawati	xxxx	xxx	Rumah Ibadat	Kuil	Kerajaan Negeri	xxxxxxx	
----	----------------------	----------------	------	-----	--------------	------	-----------------	---------	--

DAERAH GOMBAK

1.	<i>Kuil Sri Subramaniam Swamy Devasthanam</i>	<i>Jalan Batu Caves</i>	<i>xxxx</i>	<i>xxx</i>	<i>Rumah Ibadat</i>	<i>Kuil</i>	<i>Kerajaan Negeri</i>	<i>xxxxxxx xxxx xxxx</i>	<i>6 Julai 2007</i>
----	---	-------------------------	-------------	------------	---------------------	-------------	------------------------	------------------------------	---------------------

	<i>(Gua Batu Kapur)</i>								
--	-------------------------	--	--	--	--	--	--	--	--

DAERAH PETALING

1.	Wat Buddhist Chetawan, Petaling Jaya	Petaling Jaya	xxxx	xxx	Rumah Ibadat	Kuil	Kerajaan Negeri	xxxxxxx xxxx xxxx	
----	---	---------------	------	-----	-----------------	------	--------------------	----------------------	--

DAERAH HULU LANGAT

1.	Kuil Sri Subramaniam	Kajang	xxxx	xxx	Rumah Ibadat	Kuil	Kerajaan Negeri	xxxxxxx xxxx xxxx	
----	----------------------	--------	------	-----	-----------------	------	--------------------	----------------------	--



Warisan Kebangsaan (telah di gazet)

Dibekalkan oleh : PADAT, Negeri Selangor

LAMPIRAN 2

SENARAI RUMAH IBADAT YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA HAL EHWAL SELAIN ISLAM
SEJAK 2008 - 2015 (OGOS)

BIL.	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN	JENIS
2009						
1	Bil. 1/2009	Pemegang Amanah Persatuan Penganut Agama Hindu Kuil Sri Mahamariamman Batang Kali	Taman Wawasan, Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	1411 meter persegi	KUIL
2	Bil. 1/2009	Pemegang Amanah Sri Selva Vinayagar Temple	Lot 41 Seksyen 12 Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	1439.00 meter persegi	KUIL
3	Bil. 2/2009	Sikh Temple Rasa	Lot 3631 Bandar Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	929 meter persegi	KUIL
4	Bil. 2/2009	Gurdwara Sahib Bukit Beruntung	Bukit Sentosa, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	4848 meter persegi.	KUIL
2010						
5	Bil. 1/2010	Kuil Arulmigu Sri Subramaniam	Mukim Kerling Daerah Hulu Selangor .	Hulu Selangor	0.1211 ekar (0.2994 hektar).	KUIL
6	Bil. 2/2010	Kovil Sri Sithi Vinayagar	Bandar Kuala Kubu Bharu Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	569.5 meter persegi	KUIL
7	Bil. 2/2010	Kuil Arulmigu Sri Thandayuthabani Rasa	Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	825.35 meter persegi	KUIL
8	Bil. 5/2010	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur	Lot 4229 Seluas 2180 mp Di Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	2180 meter persegi	GEREJA

LAMPIRAN 2

2011						
9	Bil. 2/2011	The Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur & Abundant Grace Assembly Of God	Bukit Beruntung, Bandar Serendah Daerah Hulu Selangor Untuk Tujuan Tapak Tapak Bangunan Gereja.	Hulu Selangor	2180 meter persegi	GEREJA
10	Bil. 2/2011	Persatuan Penganut Dewa Kuan Sheng Ti Batang Kali	Kg. Bukit Chandang, Mukim Hulu Yam Daerah Hulu Selangor.	Hulu Selangor	2912 meter persegi	TOKONG
2012						
11	Bil. 3/2012	Lim Swee Peng / Lim Kim Poh / Oh Geok Kim	Mukim Ulu Yam	Hulu Selangor	1768 meter persegi	TOKONG
2013						
13	Bil. 4/2013	Persatuan Penganut Dewa Nan Tian Kiong	Bandar Hulu Yam Bharu	Hulu Selangor	2148 meter persegi	TOKONG
2015						
14	Bil. 8/2015	Sri Thandayuthapani Temple	Lot 3387, Bandar Serendah	Hulu Selangor	5226 Meter Persegi	KUIL

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2008

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
	TIADA BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM PADA TAHUN 2008		

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2009

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PUTERA AMAN ASSEMBLY	GEREJA	5,000.00
2.	KUALA KUBU BARU METHODIST CHAPEL	GEREJA	10,000.00
3.	KUIL SRI SIVA SUBRAMANIAR	KUIL	5,000.00
4.	PERSATUAN AJARAN ARULMIGU SRI GURU DHKSINAMOORTHY SWAMIGAL	KUIL	5,000.00
5.	KUIL SRI SELVA VINAYAGAR SERENDAH	KUIL	30,000.00
JUMLAH			55,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2010

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PERSATUAN PENGURUSAN SAHIB & TANAH PERKUBURAN SIKH	KUIL	50,000.00
2.	P.P.A.H. KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	50,000.00
3.	SRI SITHI VINAYAGAR KOVIL BUILDING FUND	KUIL	50,000.00
	JUMLAH		150,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2011

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SZE WOO SIAN SHI RASA	TOKONG	10,000.00
2.	PERSATUAN PENGANUT DEWA THAM KOONG YEA ULU SELANGOR	TOKONG	10,000.00
3.	KUIL ARULMIGU SRI SUBRAMANIA	TOKONG	30,000.00
4.	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI THANDAYUTHABANI	KUIL	5,000.00
5.	SRI SITHI VINAYAGAR KOVIL BUILDING	KUIL	50,000.00
6.	KUIL SRI MAHA FELDA GEDANGSA	KUIL	5,000.00
7.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	15,000.00
8.	PERSATUAN AJARAN ARULMIGU SRIGURU DHAKSHINA MOORTHI	KUIL	10,000.00
9.	METHODIST CRURCH	GEREJA	10,000.00
	JUMLAH		145,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2012

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PBA AGAMA BUDDHA NENG REN ULU YAM BHARU	TOKONG	5,000.00
2.	PERSATUAN PENGANUT DEWA FOONG LAI DIANG	TOKONG	5,000.00
3.	PERSATUAN PENG DWA THAM KOONG YEA ULU SELANGOR	TOKONG	5,000.00
4.	PERSATUAN PENG DEWA THAM KOONG YEA ULU SELANGOR	TOKONG	5,000.00
5.	PPP AJARAN CONFUCIAN CHENG DE UYL, SEL	TOKONG	50,000.00
6.	KUIL SRI SIVA SUBRAMANIAN	KUIL	30,000.00
7.	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	10,000.00
	JUMLAH		110,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2013

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SERI MAHA MARIAMMAN	KUIL	10,000.00
2.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	5,000.00
3.	PERSATUAN PENGANUT AGAMA HINDU SRI MUNEEWARAR	KUIL	10,000.00
4.	P.P.A.H KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	5,000.00
	JUMLAH		30,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2014

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	PERSATUAN PERTUBUHAN PENGAJIAN AJARAN CONFUCIAN CHENG DE ULU YAM LAMA, SELANGOR	TOKONG	5,000.00
2.	PERSATUAN PENGANUT DEWA NAM TIAN KIONG HULU YAM BHARU	TOKONG	10,000.00
3.	PERSATUAN PENGANUT DEWI KUAN YIN TANG KERLING	TOKONG	2,500.00
4.	PERSATUAN PENGANUT YI XIANG GON RASA	TOKONG	5,000.00
5.	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA HONG PAO JI GONG	TOKONG	2,500.00
6.	PERSATUAN HOKKIEN HOAY KUAN SERENDAH	TOKONG	50,000.00
7.	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG SZE YAH KONG SERENDAH	TOKONG	50,000.00
8.	JAWATANKUASA PENGURUSAN PERSATUAN AGAMA BUDDHA TANTRAYANA CHEN FOH CHONG JING EN TANG KUALA KUBU BHARU	TOKONG	6,000.00
9.	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SHENG TI BATANG KALI SELANGOR	TOKONG	2,500.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
10.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA NOOKALAMMAN HULU SELANGOR	KUIL	20,000.00
11.	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	20,000.00
12.	KUIL SRI SELVA VINAYAGAR SERENDAH	KUIL	30,000.00
13.	KUALA KUBU BHARU CHINESE METHODIST CRURCH	GEREJA	20,000.00
14.	SERENDAH ASSEMBLY A/G	GEREJA	10,000.00
	JUMLAH		233,500.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

2015

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1.	KUIL ARULMIGU SRI SUBRAMANIAR	KUIL	10,000.00 /
2.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN TAMAN RAWANG	KUIL	10,000.00 /
3.	PERSATUAN PENGANUT DEWI KUAN YIN TANG, KERLING	TOKONG	30,000.00 /
4.	PERSATUAN PENGANUT DEWI KUAN YIN TANG, KERLING	TOKONG	3,000.00
5.	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI GANESAN TAMAN DESA KUNDANG	KUIL	30,000.00 /
6.	ARULMIGU SRI SUBRAMANIYA ALAYAM	KUIL	5,000.00 /
7.	PERSATUAN PENGANUT DEWA XING JUN MIAO	TOKONG	10,000.00 /
8.	PERSATUAN PENGANUT DEWA LOK YAM, BUKIT BERUNTUNG RAWANG	TOKONG	10,000.00 /
9.	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA HONG PAO JI GONG	TOKONG	10,000.00
10.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	10,000.00 /

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
11.	KUIL ARULMIGU SRI THANDAYUTHABANI	KUIL	10,000.00
12.	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SZE WOO SIAN SHI RASA, SELANGOR	TOKONG	18,000.00
13.	BADAN PENGURUSAN TOKONG DAN PERKUBURAN CINA	TOKONG	30,000.00
14.	GURDWARA SAHIB SERDANG	KUIL	10,000.00
15.	PERSATUAN PENGANUT ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN KAMPUNG SEJANTUNG, KALUMPANG	KUIL	20,000.00
16.	KOVIL SRI SITHI VINAYAGAR	KUIL	20,000.00
17.	PERSATUAN PERTUBUHAN PENGAJIAN AJARAN CONFUCIAN CHENG DE ULU YAM LAMA	TOKONG	16,400.00
18.	PERSATUAN PENGURUSAN GURDWAA SAHIB BUKIT BERUNTUNG	KUIL	10,000.00
19.	KUIL SRI SIVA SUBRAMANIAR	KUIL	10,000.00
20.	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	20,000.00
21.	PERTUBUHAN PENGURUSAN KUIL SUBRAMANIYAR ALAYAM	KUIL	20,000.00

**SENARAI KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2008 SEHINGGA OKTOBER 2015
BAGI DAERAH HULU SELANGOR**

BIL.	NAMA PERSATUAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
22.	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	KUIL	20,000.00 /
23.	PERSATUAN PENGANUT CHIN KONG KAU KOI NAM TAO THONG	TOKONG	21,000.00 /
24.	PERSATUAN PENGANUT DEWA KUAN SHENG TI BATANG KALI	TOKONG	8,500.00 /
25.	PERSATUAN PENGANUT DEWA KAM YIN TENG RAWANG SELANGOR	TOKONG	50,000.00 /
26.	PERATUAN PENGANUT DEWA SAN SUN FA JO KUALA LUMPUR & SELANGOR	TOKONG	5,000.00 /
27.	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG SZE YAH KONG SERENDAH, HULU SELANGOR	TOKONG	30,000.00 /
	JUMLAH		446,900.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN DAN SASARAN KPI TAHUNAN JAWATANKUASA TETAP
HAL-EHWAL PENGGUNA**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *core business STANDCO* ini?
- b) Gariskan KPI *STANDCO* ini bagi tahun 2013 dan 2014?
- c) Senaraikan KPI yang gagal memenuhi sasarannya dan nyatakan apakah tiga sebab utama kegagalan tersebut?

JAWAPAN:

a) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna bertanggungjawab untuk memastikan usaha berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran pengguna terhadap isu semasa melalui kempen-kempen kesedaran dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Program utama di bawah Jawatankuasa ini adalah Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai, Kempen Pengurangan Beg Plastik dan *Polistrene*, Program Bazar Ramadhan Mampan, Program Jelajah Kepenggunaan dan hebahan risalah berkaitan Kepenggunaan.

b) dan c)

KPI bagi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti yang di **Lampiran 1**.

**PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2013
(1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2013)**

Nama Bahagian /Seksyen : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna)

BIL	TERAS	KPI	PERANCANGAN		BATIL/ AD-HOC	PENCAPAIAN		ULASAN
			PROGRAM/ AKTIVITI	SASARAN		BIL	%	
1	Teras 5: Mengurus Pembanguna n Alam Sekitar Yang Mampan	Bilangan kempen	Kempen Kesedaran Pengguna Hari Tanpa Beg Plastik	1	-	2	100	<p>1. 22-24 Julai 2013 Kempen 'No Plastic Bag Everyday' Di Negeri Selangor (Fasa 1)</p> <p>2. 5-6 Ogos 2013 Kempen 'No Plastic Bag Everyday' Di Negeri Selangor (Fasa 2)</p>

**PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2013
(1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2013)**

Nama Bahagian /Seksyen : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna)

BIL	TERAS	KPI	PERANCANGAN		BATAL/ AD-HOC	PENCAPAIAN		ULASAN
			PROGRAM/ AKTIVITI	SASARAN		BIL	%	
2	Teras 2: Menangani Ketidaksama an Socioekonom i Yang Berterusan	Bilangan program	Program Kepenggunaan Barangan Organik	1	-	0	0	Program akan dilaksanakan pada 2014.
3	Teras 5: Mengurus Pembanguna n Alam Sekitar Yang Mampan	Bilangan Kempen	Kempen Jimat Air / Elektrik	1	-	0	0	Program akan dilaksanakan pada 2014

**PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2013
 AKTIVITI AD-HOC
 (1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2013)**

Nama Bahagian /Seksyen : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna)

BIL	TERAS	KPI	PERANCANGAN		BATIL/ AD-HOC	PENCAPAIAN		ULASAN
			PROGRAM/ AKTIVITI	SASARAN		BIL	%	
4	Teras 5: Mengurus Pembanguna n Alam Sekitar Yang Mampan	Bilangan kempen	Kempen Bazar Ramadhan Yang Mampan 2013	1	AD-HOC	1	100	Program dilaksanakan oleh semua PBT sepanjang bulan Ramadhan
5	Teras 2: Menangani Ketidaksama an Sosioekonom i Yang Berterusan	Bilangan taklimat	Siri Taklimat "Fahami GST" Selangorku	2	AD-HOC	2	100	Program akan dijalankan seperti butiran berikut : i) 11 Dis 2013 – Dewan Sivik MBPJ ii) 18 Dis 2013 – Auditorium MPAJ

**PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2013
(1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2013)**

Nama Bahagian /Seksyen : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna)

Keurusetiaan Mesyuarat

BIL	TERAS	KPI	PERANCANGAN		BATIL/ AD-HOC	PENCAPAIAN		ULASAN
			PROGRAM/ AKTIVITI	SASARAN		BIL	%	
1	Teras 4 – Menambah baik tadbir urus	Bilangan mesyuarat	Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna	2	-	1	50	1. Bil.1/2013 = 11 Nov 2013 di Bilik Mesyuarat Kekwa
2	Teras 4 – Menambah baik tadbir urus	Bilangan mesyuarat	Mesyuarat Bersama Pengusaha Pasaraya / Peruncit Di Selangor	1	-	0	0	Ditangguhkan sehingga kajian impak keberkesanan kempen selesai pada 2014

**PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2014
(1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2014)**

Nama Bahagian / Seksyen : SPBT (JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL PENGGUNA)

BIL	TERAS	PERANCANGAN			PENCAPAIAN		IMPAK PROJEK	ULASAN
		PROJEK / AKTIVITI	BIL	TEMPOH	BIL	%		
1	TERAS 2 – Menangani Ketidaksamaan Sosioekonomi Yang Berterusan	Mesyuarat STANCO Pengguna	2	Setahun	2	100	Pemakluman kepada semua PBT perancangan STANCO Pengguna	
		Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran Bazar Ramadhan	1	Februari	1	100	Pelaksanaan Bazar Ramadhan	
		Seminar Kesedaran GST	1	Setahun	2	100	Pendedahan berkaitan GST kepada Penjawat Awam dan PBT/Anak Syarikat Negeri	
		Kajian Keberkesanan Hari Tanpa Beg Plastik	1	Setahun	1	100	Mendapat maklumbalas pelaksanaan Program	

LAMPIRAN 1

		Program Kepenggunaan	1	Setahun	2	100	Jelajah Kepenggunaan dan Karnival Kepenggunaan	
		Pelancaran Program Kitar Semula Minyak Masak Peringkat PBT	1	Setahun	1	100	Pelaksanaan Program di Seluruh PBT	
		Peruntukan STANCO Pengguna	RM300, 000.00	Setahun	RM284, 604.20	94.87	Memberi kesedaran isu kepenggunaan kepada masyarakat	
		Penerbitan / Cetakan Kepenggunaan	2	Setahun	2	100	Poster Jom Jimat Air dan Kenali Logo Halal	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN SAR

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak menambahkan peruntukan SAR sedangkan jumlahnya lebih banyak dan mereka mempunyai pendapatan yang amat terhad dan tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak menafikan keperluan tambahan peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat. Namun begitu, perkara ini masih lagi di peringkat kajian dan analisis terperinci sebelum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : SELANGOR ENTREPRENEURSHIP MARKETING PLATFORM
(SEMP)**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program SEMP?
- b) Apakah matlamat dan golongan sasaran program tersebut?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk melaksanakan program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka terhadap perkembangan dunia teknologi keusahawanan. Dengan peredaran terkini dunia keusahawanan, maklumat di hujung jari, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah mempunyai aplikasi telefon pintar dan *tablet* Usahawan Selangor. Berpandukan aplikasi tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sedang memperincikan lagi "*features*" yang perlu diwujudkan di dalam aplikasi tersebut dan apabila kesemua faktor telah diambil kira, aplikasi tersebut akan dinaiktaraf kepada *Selangor Entrepreneurship Marketing Platform* (SMEP). Aplikasi yang dinyatakan ini telah boleh dimuat turun di "*google play store*" dan "*apple app store*" secara percuma. Bagi sesiapa yang memuat turun aplikasi ini, mereka akan menerima maklumat terkini daripada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan secara "*push notification*".

Secara dasarnya, platform tersebut telah diwujudkan dan akan ditambah baik dan dinaiktaraf sebagai platform pemasaran *virtue* bergantung kepada fungsi dan keperluan. Adalah wajar untuk Kerajaan Negeri Selangor mengenalpasti dahulu kapasiti keperluan seperti "*backend platform*", sokongan teknikal, platform trafik, sistem inventori, laman produk yang dinamik, panel kawalan interaktif dan ciri-ciri keselamatan (*risk and fraud*) sebelum ia dinaik taraf di dalam memastikan platform tersebut sentiasa beroperasi tanpa masalah ataupun gangguan teknikal. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor juga sedang giat mempromosikan aplikasi tersebut dan apabila jumlah usahawan yang memuat turun aplikasi tersebut telah mencecah satu jumlah yang ekonomi, maka aplikasi tersebut akan terus dinaiktaraf kepada *Selangor Entrepreneurship Marketing Platform* (SEP).

- b) Matlamat SEMP adalah untuk membolehkan semua usahawan di Negeri Selangor mempromosikan dan memperkenalkan produk mereka secara *online*. SEMP ini juga akan menjadi mini *website* kepada setiap usahawan yang berdaftar. Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa terdapat usahawan-usahawan terutamanya di luar bandar yang menjalankan perniagaan secara tradisional dan kurang pengetahuan di dalam bidang IT. Di samping kekurangan ilmu pengetahuan di dalam bidang IT, kos untuk membina dan menyelenggara laman web sendiri juga mungkin akan membebankan usahawan tersebut. *Domain* laman *web* perlu diperbaharui setiap tahun dan laman web ini perlu diselenggara dan dipantau untuk mengelakkan diceroboh (*hack*) dan tergendala (*server down*). Perlu dinyatakan di sini bahawa laman web dan aplikasi telefon pintar adalah dua benda yang berbeza. Maka, untuk usahawan membangunkan laman web mereka dan aplikasi telefon pintar, usahawan perlu mengeluarkan dua (2) kos. Sehubungan itu, dengan wujudnya SEMP, usahawan tidak perlu risau tentang keselamatan dan masalah teknikal laman web mini mereka kerana ianya akan diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Golongan sasar program ini adalah semua usahawan Negeri Selangor layak untuk berdaftar selagi perniagaan / perusahaan mereka tidak melanggar undang-undang berkaitan.
- c) Dianggarkan kos penyediaan platform ini kelak setelah ianya sempurna adalah sebanyak RM450 ribu dan kos penyelenggaraannya adalah sebanyak RM150 ribu setahun. Kos ini seakan-akan tinggi disebabkan kos penyelenggaraan 24 jam dan mempunyai ciri-ciri seperti yang dinyatakan terdahulu berbanding penggunaan "*cloud server*" yang boleh diperolehi secara murah tetapi sekiranya tergendala "*server down*", masa yang diambil untuk membaik pulih sambungan adalah tertakluk kepada penyedia perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

**TAJUK : JALAN MERU TAMBAHAN ANTARA UITM PUNCAK ALAM □
KAMPUNG FELDA BUKIT CHERAKAH PERLU PELEBARAN**

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jalan Meru Tambahan antara UITM Puncak Alam-Kampung Felda Bukit Cherakah yang berbukit sering menimbulkan masalah kepada kenderaan berat dan berbahaya kepada pengguna lain. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah berkenaan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri berkaitan Jalan Meru Tambahan ini khususnya di bahagian jalan di bawah daerah Kuala Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jalan ini adalah Jalan Persekutuan FT 1210. JKR akan memulakan kajian Audit Keselamatan pada bulan Disember 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KOMPLEKS PKNS,SHAH ALAM

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah sewa yang dikenakan kepada lot-lot kedai di bangunan tersebut?
- b) Berapakah jumlah penyewa Melayu,India dan Cina di bangunan tersebut?
- c) Syarikat manakah yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut?

JAWAPAN:

Maklumat untuk bangunan Kompleks PKNS, Shah Alam adalah seperti berikut:

- a) Sewa yang dikenakan kepada penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam adalah di antara RM0.50 skp hingga RM 55.00 skp mengikut lokasi.
- b) Sehingga 15hb Oktober 2015, jumlah penyewa di Kompleks PKNS Shah Alam adalah 471 penyewa mengikut bangsa seperti berikut :
 - i) Melayu : 420 penyewa
 - ii) Cina : 40 penyewa
 - iii) India : 11 penyewa
- c) Syarikat yang bertanggungjawab mentadbir dan menyelenggara Kompleks PKNS adalah PKNS Real Estate Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh PKNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KEJADIAN BANJIR DI SELANGOR

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi, jumlah mangsa dan tarikh kejadian banjir di Selangor dari Januari 2014 sehingga September 2015.
- b) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri kepada kawasan yang berulang kali menghadapi musibah ini.
- c) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk membantu mangsa banjir pada tahun 2013-2015.

JAWAPAN:

- a) Statistik lokasi banjir, jumlah mangsa banjir dan tarikh kejadian banjir dari Januari 2014 sehingga September 2015 adalah seperti berikut ;

TAHUN	LOKASI	JUMLAH MANGSA	TARIKH	CATATAN
2014	Bakau Country Homes, Rawang	-	4 Jan	Banjir Kilat
	Tol Sungai Rasau, Klang	-	15 Jan	Banjir Kilat
	Taman Serdang	-	21 Apr	Banjir Kilat
	Taman Kembang Sari	-	21 Apr	Banjir Kilat
	SK Seri Serdang	-	21 Apr	Banjir Kilat
	Taman Serdang Jaya	-	21 Apr	Banjir Kilat
	KTMB Serdang	-	21 Apr	Banjir Kilat
	Taman Mesra Shah Alam	-	24 Apr	Banjir Kilat
	USJ 1	-	7 Mei	Banjir Kilat
	Puchong	-	7 Mei	Banjir Kilat

	Grand Saga Hi-way	-	8 Mei	Banjir Kilat
	Sg. Rambai, Kuala Langat		10 Mei	Banjir kilat
2014	Kg. Kebun Baru	-	10 Mei	Banjir kilat
	Jalan Maxwell, Rawang	-	10 Mei	Banjir kilat
	Kg.Sg. Terentak, Rawang	-	10 Mei	Banjir kilat
	Kg. Sg. Masin, Hulu Selangor	-	28 Mei	Banjir kilat
	Kg. Sg. Pusu, Gombak	-	4 Jun	Banjir kilat
	Kg. Budiman/Jalan Paip, Klang	-	5 Jun	Banjir kilat
	Kg. Sri Aman, K. Selangor	-	5 Jun	Banjir kilat
	Kg. Sentosa, K. Selangor	-	5 Jun	Banjir kilat
	Kg. Bukit Cerakah	-	5 Jun	Banjir kilat
	Kg. Bukit Hijau	-	5 Jun	Banjir kilat
	Taman Sri Muda, Klang	-	19 Ogos	Banjir Kilat
	Taman Serdang Jaya	-	20 September	Banjir kilat
	Jalan maxwell Rawang	-	25 September	Banjir kilat
	Kg. Sungaio Bakau	-	25 September	Banjir kilat
	Kg Sungai Gong	-	25 September	Banjir kilat
	Taman Garing Rawang	-	25 September	Banjir kilat
	Kg. Melayu Subang	-	27 September	Banjir kilat
	Bandar Kajang	-	29 September	Banjir kilat
	Lebuhraya MMR2	-	1 Oktober	Banjir kilat
	Batu 30, Ulu Yam	-	2 Oktober	Banjir kilat
Kg. Sg. Serai, Hulu Langat	-	4 Oktober	Banjir kilat	

	Pekan Sabak Bernam	-	7 Oktober	Banjir kilat
	Kampung BNO	-	7 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Batu 38	-	7 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Sekendi	-	7 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Tebuk Pulai	-	7 Oktober	Banjir kilat
2014	Tol Sg. Rasau, Klang	-	12 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Sg. Serai Hulu Langat	-	12 Oktober	Banjir kilat
	Pekan Banting	-	17 Oktober	Banjir kilat
	Pekan Meru, Klang	6	19 Oktober	
	Menara Jam Subang	-	27 Oktober	Banjir kilat
	Tol Sg. Rasau, Klang	-	28 Oktober	Banji Kilat
	Kg. Laksamana, Gombak	-	7 November	Banjir kilat
	Taman Selayang Sejati	-	7 November	Banjir kilat
	Jalan Sg. Tua	-	7 November	Banjir kilat
	Bandar Kajang	-	12 November	Banjir kilat
	Kg. Sungai Kantan	-	12 November	Banjir kilat
	Jalan Maxwell Rawang	-	21 November	Banjir kilat
	Puchong	-	22 November	Banjir kilat
	Jenderam Hilir	-	23 November	Banjir kilat
	Taman Gemilang, Sepang	-	23 November	Banjir kilat
	Kg Salak Tinggi, Sepang		23 November	Banjir kilat
	Kg Labu Lanjut, Sepang	37	23 November	
	Puchong	-	24 November	Banjir kilat
	Genting Sanyen, Kuala	52	25 November	

Langat			
Kg. Bukit Tadam, Kuala Langat	140	26 November	
Kg. Bukit Serdang, Kuala Langat	140	26 November	
Pekan Meru, Klang	131	26 November	
Sg. Binjai, Meru	46	26 November	
Bukit Kapar	38	26 November	
Kg. Sri Aman Bistari, Puchong	-	28 November	Banjir kilat
Jenderam Hilir	-	28 November	Banjir kilat
Kg. Sri Aman Hilir, Puchong	-	28 November	Banjir kilat
Bandar Baru Kundang	-	29 November	Banjir kilat
Pekan Bangi Lama	-	29 November	Banjir kilat
Bangi Tambahan	-	29 November	Banjir kilat
Kg. Harmoni K. Selangor	-	30 November	Banjir kilat
Lembangan Sg Bernam, Hulu Selangor	70	1 Disember	
Ladang PKPS Sabak Bernam	-	4 Disember	Banjir kilat
Kg. Sungai Serai	-	6 Disember	Banjir kilat
Jalan Maxwell Rawang	-	9 Disember	Banjir kilat
Taman Sentosa	-	16 Disember	Banjir kilat
Kg. Johan Setia	-	16 Disember	Banjir kilat
Kg. Bukit Naga	-	16 Disember	Banjir kilat
Kg. Sri Gambut	-	16 Disember	Banjir kilat
Bukit Kemuning	-	16 Disember	Banjir kilat

2014	Bandar Kajang	-	20 Disember	Banjir kilat
	Taman Sentosa	-	25 Disember	Banjir kilat
	Bandar Sri Puteri	-	25 Disember	Banjir kilat
	Jalan Aur, Port Klang	-	25 Disember	Banjir kilat
	Jalan Raja Nong, Andalas	-	25 Disember	Banjir kilat
	Pekan Meru	-	26 Disember	Banjir kilat
	Jalan Kenangan	-	26 Disember	Banjir kilat
	Kg Budiman	-	26 Disember	Banjir kilat
	Kg. Sentosa K. Selangor	-	26 Disember	Banjir kilat
	Kg. Kebun Bunga Shah Alam	-	26 Disember	Banjir kilat
	Jalan Batu 3 @ CSR	-	26 Disember	Banjir kilat
	Kg. Baru HICOM	-	26 Disember	Banjir kilat
	2014	Taman Mesra Shah Alam	-	26 Disember
Kg. Selayang Baru		-	27 November	Banjir kilat
Selayang Centre Point		-	27 November	Banjir kilat
Jalan Masjid At-Taqwa		-	27 November	Banjir kilat
Kg. Chincang, Sepang		112	28 Disember	
Pekan Tanjung Karang		-	28 Disember	Banjir kilat
Bandar Baru Kundang		-	31 Disember	Banjir kilat
	Kg.Chincang, Sepang	254	8 Januari	
	Kg. Paya, Sepang	80	8 Januari	
	Kg.Air Kuning, Padang Jawa	28	31 Mac	
	Pekan Meru, Klang	51	1 April	
	Bandar Kajang	-	21 April	Banjir kilat

2015	Kg.Salak Tengah, Sepang	-	27 April	Banjir kilat
	Sg. Sikamat, Hulu Langat	-	27 April	Banjir Kilat
	Seksyen 13, Shah Alam	-	12 Mei	Banjir kilat
	Subang Jaya (Lebuhraya Persekutuan)	-	12 Mei	Banjir kilat
	Klang	-	18 Mei	Banjir kilat
	Bukit Kuarza	-	19 Mei	Banjir Kilat
	Kg. Bukit Bangkong, Sepang	29	13 Jun	
	Pekan Meru, Klang	-	14 Jun	Banjir kilat
	Kajang	-	11 Ogos	Banjir Kilat
	Kg. Melayu Subang, Petaling	-	11 Ogos	Banjir kilat
	Kg. India Settlement	-	13 Ogos	Banjir kilat
	Parit 11 Gambut, Sg.Besar	4	16 Ogos	
	Puncak Alam, Kuala Selangor	67	17 Ogos	
	Kg. Melayu Subang	-	16 Ogos	Banjir Kilat
2015	Pelabuhan Klang	-	28 September	Banjir kilat
	Kg. Padang Jawa	-	7 Oktober	Banjir kilat
	Taman Tun Teja, Rawang	-	9 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Selayang baru	-	11 Oktober	Banjir kilat
	Kg. Kerdas 2, Gombak	-	11 Oktober	Banjir kilat

- b) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir yang merangkumi 9 Daerah di Negeri Selangor. Untuk rekod 10 tahun (2004-2014), JPS telah mengenalpasti 388 *hotspot* banjir (1028 kes). Sebanyak 182 kawasan (42 peratus) daripada jumlah keseluruhan telah dilibatkan dengan Rancangan Tebatan Banjir ini dengan kos keseluruhan sebanyak RM 71.4 juta.

JPS juga telah menyenaraikan projek-projek tebatan banjir untuk Rancangan Malaysia Ke-11 bagi kawasan-kawasan Lembangan Sungai di kawasan seperti berikut ;

LEMBANGAN	KAWASAN	PERMOHONAN PERUNTUKAN RMK-11
Lembangan Sungai Klang	Gombak ; 49 hotspot banjir	RM 309 Juta
	Petaling ; 62 hotspot banjir	
	Klang ; 60 hotspot banjir	
Lembangan Sungai Langat	Hulu Langat ; 51 hotspot banjir	RM 180.8 Juta
	Sepang ; 54 hotspot banjir	
	Kuala Langat ; 34 hotspot banjir	
Lembangan Sungai Buloh	Gombak ; 49 hotspot banjir	RM 55.2 Juta
	Kuala Selangor ; 31 hotspot banjir	
	Petaling ; 62 hotspot banjir	
Lembangan Sungai Selangor	Hulu Selangor ; 36 hotspot banjir	RM 20 Juta
	Gombak ; 49 hotspot banjir	
	Kuala Selangor ; 31 hotspot banjir	
Lembangan Sungai Bernam	Hulu Selangor ; 36 hotspot banjir	RM 11 Juta
	Sabak Bernam ; 11 hotspot banjir	
Lembangan Sungai Sepang	Sepang ; 2 hotspot banjir	RM 9.4 Juta

- c) Jumlah perbelanjaan untuk membantu mangsa banjir pada tahun 2013 hingga 2015 bagi **Tabung Bencana Khas Negeri Selangor** adalah seperti berikut :-

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2013	732,155.70
2014	1,036,947.58
2015 sehingga bulan September	717,485.35

Manakala perbelanjaan untuk membantu mangsa banjir pada tahun 2013 hingga 2015 bagi **Jabatan Kebajikan Masyarakat** adalah seperti berikut :-

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2013	60,300.50
2014	109,976.62
2015 sehingga bulan September	41,430.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : WANITA LADANG (WALA)

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program Wanita Ladang (WALA)?
- b) Apakah alasan membawa kepada keputusan di atas?

JAWAPAN:

a) dan b)

Program Wanita Ladang (WALA) telah ditambahbaik dan dijenamakan semula kepada Program Hijrah Selangor. Peserta WALA hanya menerima elaun kerja dan bukan berbentuk pinjaman. Oleh kerana itu, program WALA tidak dapat diukur kejayaan dan keberkesanannya. Mana-mana peserta WALA yang mempunyai perniagaan dan berkemampuan bayar balik pinjaman akan ditawarkan modal tambahan HIJRAH SELANGOR.

HIJRAH SELANGOR juga sedang merangka modul latihan pada peserta-peserta WALA yang belum menjalankan perniagaan. Pinjaman akan ditawarkan selepas mereka tamat latihan dan mampu melaksanakan perniagaan yang dipilih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : STATISTIK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah (nombor dan nilai) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang ditubuhkan di Negeri Selangor untuk setiap tahun dari 2005 sehingga 2015. Sila juga bekalkan statistik untuk IKS yang digulung.
- b) Sila bandingkan statistik (a) Negeri Selangor dengan negeri-negeri lain.

JAWAPAN:

- a) Berpandukan daripada Laporan Tahunan PKS 2009/10 hingga 2014/15 oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (data berpandukan Bancian Ekonomi 2011, Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujukan 2010) dan Bancian Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan 2005 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia), hanya dua (2) bancian sahaja yang telah dijalankan berhubung IKS mulai dari tahun 2005 sehingga 2015. Bancian tersebut dibuat secara berkala iaitu setiap lima (5) tahun sekali. Sehubungan itu, jumlah pendaftaran IKS di Negeri Selangor bagi tahun bancian 2005 dan 2010 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Pendaftaran
2005	548,267
2010	645,136

Walau bagaimanapun, jumlah nilai dan bilangan IKS yang digulungkan tidak dinyatakan di dalam laporan tersebut. Ia adalah di bawah penyeliaan Jabatan Insolvensi Malaysia dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia.

- b) Perbandingan statistik (a) Negeri Selangor dengan negeri-negeri lain bagi tahun bancian 2005 dan 2010 adalah seperti berikut:-

Tahun 2005

Negeri	Jumlah PKS	%
Johor	68,874	10.7
Kedah	37,092	5.7
Kelantan	37,823	5.9

Melaka	21,675	3.4
Negeri Sembilan	24,542	3.8
Pahang	29,462	4.6
Perak	60,028	9.3
Perlis	5,053	0.8
Pulau Pinang	40,824	6.3
Sabah	40,884	6.3
Sarawak	43,830	6.8
Selangor	125,904	19.5
Terengganu	22,514	3.5
W.P. Kuala Lumpur	84,261	13.0
W.P. Labuan	1,952	0.3
W.P. Putrajaya	418	0.1
Jumlah PKS	645,136	100

Tahun 2010

Negeri	Jumlah PKS	%
Johor	68,874	10.7
Kedah	37,092	5.7
Kelantan	37,823	5.9
Melaka	21,675	3.4
Negeri Sembilan	24,542	3.8
Pahang	29,462	4.6
Perak	60,028	9.3
Perlis	5,053	0.8
Pulau Pinang	40,824	6.3
Sabah	40,884	6.3
Sarawak	43,830	6.8
Selangor	125,904	19.5
Terengganu	22,514	3.5
W.P. Kuala Lumpur	84,261	13.0
W.P. Labuan	1,952	0.3
W.P. Putrajaya	418	0.1
Jumlah PKS	645,136	100

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BERSEPADU PANTAI SUNGAI LABU

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembangunan tersebut?
- b) Apakah kekangan yang dihadapi oleh MDSB sehingga begitu sukar menyiapkan kertas kerja untuk diangkat ke MMKN?
- c) Apakah komitmen MDSB terhadap pembangunan tersebut yang bakal menjana kegiatan ekonomi khususnya dalam sektor eco-tourism?

JAWAPAN:

- a) Cadangan pembangunan tersebut masih lagi di dalam peringkat kelulusan oleh Kerajaan Negeri. Majlis Daerah Sabak Bernam dalam ulasan terbaru menyokong penuh cadangan pembangunan tersebut yang selaras dengan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025.
- b) Setakat ini tiada arahan supaya Majlis Daerah Sabak Bernam mengangkat kertas kerja cadangan pembangunan tersebut ke MMKN. Majlis Daerah Sabak Bernam dalam surat ulasan ke Pejabat Menteri Besar pada Julai 2015 menyatakan cadangan pemajuan ini perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dan seterusnya diangkat ke Majlis Perancangan Fizikal Negara untuk mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung penambakan laut dan pembangunan kawasan persisiran pantai dan penyediaan Laporan *Environment Impact Assessment* (EIA) bagi pembangunan di kawasan Sensitif Alam Sekitar
- c) Majlis Daerah Sabak Bernam amat komited terhadap mana-mana pembangunan yang boleh menjana pendapatan majlis selain daripada meningkatkan taraf hidup penduduk daerah. Sehubungan dengan itu Majlis Daerah Sabak Bernam menyokong penuh terhadap cadangan pembangunan yang dikemukakan pada masa yang sama perlu mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN SELANGOR

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Selangor akan membina Pusat Kebudayaan Selangor?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan 2015 dan bajet 2016 untuk program kebudayaan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pusat Kebudayaan Selangor yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang sedang dirancang di peringkat perbincangan serta penyediaan dasar oleh Kerajaan Negeri.

Perancangan asal adalah supaya pembangunan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan Negeri Selangor ini adalah selari dengan pengumuman pakej rangsangan pembangunan Sungai Klang yang akan menempatkan Pusat-pusat Kebudayaan Negeri Selangor ini di sepanjang Sungai Klang. Pembangunan Sungai Klang yang dijangka akan mengambil masa sekitar 30 tahun turut dijangka akan menelan belanja sebanyak RM70 bilion. Memandangkan kos pembangunan yang begitu besar, Kerajaan Negeri harus meneliti perkara-perkara teknikal supaya perancangan dan pemajuan ini dapat berjalan lancar dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan *stakeholders* yang berkenaan.

Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran yang baru walau bagaimanapun masih komited dan sedang meneliti semula pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pusat Kebudayaan Negeri untuk memastikan objektif dan hasrat mewujudkan pusat kebudayaan ini tercapai. Namun demikian, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak dapat menjangkakan tarikh pembinaan dan pembukaan Pusat Kebudayaan Negeri.

Pembinaan Pusat Kebudayaan ini akan dilaksanakan dengan kadar segera selepas satu (1) pelan tindakan pembangunan yang baru dihasilkan.

- b) Berikut adalah senarai perbelanjaan aktiviti kebudayaan Selangor pada tahun 2010 – 2015. **Rujuk Lampiran A.**

Lampiran A

**SENARAI PERBELANJAAN AKTIVITI KEBUDAYAAN TAHUN 2010
(PERUNTUKAN TAHUNAN : RM 500,000.00)**

BIL	KERJA	JUMLAH (RM)
1.	Karnival Mesra Berbudaya Bersama Rakyat (MBBR) pada 23.1.2010 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam	88,840.00
2.	Pementasan Teater "Menunggu Kata Dari Tuhan" di Universiti Kuala Lumpur, Gombak pada 19 & 20 Mac 2010	20,000.00
3.	Malam Puisi Selangor Usahasama MBSA dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 30.4.2010	10,000.00
4.	Persembahan Kebudayaan Bagi Program Pra Pelancaran Festival Jalan Daerah Negeri Selangor 2010 pada 17.4.2010 di Galeri Seni & Sastera Hulu Selangor	40,120.00
5.	Pementasan teater "Tiada Penyokong Kuasa Rebah" di Dewan Sivik MBPJ pada 20 & 21 Mei 2010.	35,000.00
6.	Program International Childrens of Folk Dance In Kazan, Republic Of Tatartan, Rusia pada 24.5.2010.	10,000.00
7.	Program Festival Jalan Daerah Sepang pada 19.6.2010 di Bagan Lalang.	15,000.00
8.	Program Festival Jalan Daerah Klang pada 3.7.2010 di Klang Parade.	15,000.00
9.	Pementasan teater 'Menunggu kata dari Tuhan' perasmian Surau Darus Salam Taman Nirwana Fasa 1, Ampang	5,000.00
10.	Program International Childrens of Folk Dance In Kazan, Republic Of Tatartan, Rusia pada 24.5.2010.	10,000.00
11	Program Festival Jalan Daerah Sepang pada 19.6.2010 di Bagan Lalang.	15,000.00

12	Program Festival Jalan Daerah Klang pada 3.7.2010 di Klang Parade.	15,000.00
13	Pementasan teater 'Menunggu kata dari Tuhan' perasmian Surau Darus Salam Taman Nirwana Fasa 1, Ampang	5,000.00
14	Program pertandingan dan pameran Seni Visual mekar Citra pada 23.8.2010-23.9.2010 di Galeri Shah Alam.	95,000.00
15	Program pertandingan dan pameran Seni Visual mekar Citra pada 23.8.2010-23.9.2010 di Galeri Shah Alam.	95,000.00
16.	Membekalkan Kad Raya dan Envelope sempena Hari Raya Aidilfitri 2010	4,000.00
17.	Persembahan kebudayaan sempena Ramadhan @ I-City	40,000.00
18.	Festival Jalan 4.12.2010	30,000.00
19	Festival Jalan Daerah pada Kuala Selangor 27.11.2010	15,000.00
20	Pertandingan Kompang Berirama Peringkat PBT	27,000.00
21	Pertandingan Sukan Rakyat pada 4.12.2010	5,000.00
22	Membekalkan barangan keperluan bagi program seminar kemahiran Sastera & ICT (PROKSI) 2010 pada 20 & 21 November 2010	15,500.00
23	Program Malam Kau Ku Sayangi sempena Program Selangor Ria pada 23.12.2010	12,900.00
24	Program pertandingan Akhir Kompang Berirama Sempena Selangor Ria 2010 di tapak letak kereta Stadium Melawati, Shah Alam pada 25.12.2010	27,140.00
25	Pementasan teater "Menunggu Kata Dari Tuhan" bertempat di Masjid Kamaruddin, Seksyen 51A Petaling Jaya.	5,000.00

**SENARAI PERBELANJAAN AKTIVITI KEBUDAYAAN TAHUN 2010
(PERUNTUKAN TAHUNAN : RM 1,000.000.00)**

BIL	KERJA	JUMLAH (RM)
1.	Anugerah Bakat Muda (SeYTA) 2011	40,000.00
2.	Program Forum Perdana dan Karnival Sukan Rakyat Putera Height pd 19.3.2011.	500.00
3.	Program Sukaneka serta Sambutan ke 100 tahun Hari Wanita sedunia pada 1 Mei 2011.	1,000.00
4.	Program Karnival Sukan Rakyat Dan Senam Tari Persatuan Komuniti Wanita Sepang 30.4.2011	1,500.00
5.	Program kemahiran sastera dan ICT (PROKSI 2011) pada 25-26 Jun 2011 dan 30-31 Julai 2011	20,000.00
6.	Program pelancaran dan promosi Senam Sihat Seni Selangor	20,000.00
7.	Program Pertandingan Tarian Rakyat Kanak-Kanak & Ekspresi Silang Budaya Klang 2011	15,000.00
8.	Hari keluarga pada 2-3.7.2011 di Agrotek Garden Chalet Resort, Hulu Langat	500.00
9	Program Festival Jalanan di setiap Daerah setiap daerah RM20,000.00 pada bulan Julai hingga Disember 2011	165,000.00
10.	Program Sayembara Puisi Tradisional Pantai Morib pada 11.6.2011	3,000.00
11.	Kolokuim Seni Budaya dan Santai Budaya pada 18.6.2011	11,150.00
12.	Membeli set muzik gamelan dan set kostum	37,600.00
13.	Program I-City Ramadhan 2010	40,000.00
14.	Program Diskusi Good Governance dan Kepedulian Masyarakat pada 13.8.2011 (Sabtu) di Auditorium Muzium Selangor Shah Alam	3,450.00

15.	Program Klinik Boling Padang (Lawn Bowls)	3,000.00
16.	Program Majlis Berbuka Puasa Sempena Semarak Ramadhan bersama YAB. Menteri Besar Selangor.	22,500.00
17.	Program Mesra Rakyat bersama YB. Di Seksyen 20 pada 18.9.2011	31,200.00
18.	Program kemahiran Sastera dan ICT pada 19-20 November 2011	30,000.00
19.	Bengkel Gasing pangkah di Klang pada 26-27 November 2011	2,000.00
20.	Program teater Perdana pada 20-26 November 2011 di Royal Theater.	30,000.00
21.	Festival Jalan Daerah Klang	5,000.00
22.	Majlis Perkahwinan Perdana 2011 pada 11.11.2011	1,500.00
23.	Seminar Kebudayaan India pada 25.9.2011 di Dewan Orang Ramai Dengkil, Sepang.	1,000.00
24.	Program larian Perpaduan Little India Klang 2011.	1,000.00
25.	Sasaran Art Festival 2011 pada 8 – 20.12.2011 di SRJK (Cina) Chung Wah, Sasaran Kuala Selangor.	2,000.00
26.	Program turun padang Exco Kebajikan ke Klang sempena Perayaan Deepavali pada 26.10.2011	63,000.00
